

# **RINGKASAN**

## **TEKS PERJANJIAN PERKONGSIAN TRANS-PASIFIK (TPPA)**

"Penafian:

Dokumen ini hanyalah ringkasan bagi teks asal *Trans-Pacific Partnership Agreement* ("Perjanjian tersebut") yang telah diterjemahkan kepada Bahasa Malaysia. Ringkasan terjemahan ini bukan merupakan tafsiran atau terjemahan rasmi undang-undang dan hanya bertujuan menjadi panduan kepada orang ramai mengenai peruntukan-peruntukan utama bagi setiap Bab Perjanjian tersebut dan tidak boleh diterima atau dianggap sebagai alternatif kepada teks asal. Sekiranya terdapat apa-apa perbezaan dalam ringkasan terjemahan Bahasa Malaysia dengan teks asal Perjanjian tersebut, teks asal Perjanjian tersebut hendaklah terpakai."

## ISI KANDUNGAN

<b>Bab</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Muka Surat</b>
	Mukadimah	5
1	Peruntukan Awal dan Definisi Am	8
2	Layanan Sama Rata dan Akses Pasaran bagi Barangan	9
3	Peraturan dan Prosedur Tempasal	13
4	Tekstil dan Pakaian	19
5	Pentadbiran Kastam dan Fasilitasi Perdagangan	24
6	Remedi Perdagangan	30
7	Sanitari dan Fitosanitari	33
8	Halangan Teknikal kepada Perdagangan	37
9	Pelaburan	41
10	Perkhidmatan	46
11	Perkhidmatan Kewangan	53
12	Kemasukan Sementara Pelabur Asing atau Pekerja Mahir Asing	58
13	Telekomunikasi	62
14	Perdagangan Elektronik	71
15	Perolehan Kerajaan	78
16	Dasar Persaingan	114

<b>Bab</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Muka Surat</b>
17	Syarikat Milik Kerajaan dan Monopoli yang Ditetapkan	120
18	Harta Intelekt	137
19	Buruh	190
20	Alam Sekitar	211
21	Kerjasama dan Bina Upaya	214
22	Persaingan dan Fasilitasi Perniagaan	218
23	Pembangunan	222
24	Perusahaan Kecil dan Sederhana	229
25	Kesepaduan Peraturan	233
26	Ketelusan dan Pencegahan Rasuah	241
27	Pentadbiran dan Peruntukan Institusi	245
28	Penyelesaian Pertikaian	247
29	Pengecualian	250
30	Peruntukan Akhir	253

## MUKADIMAH

Pihak-pihak dalam Perjanjian ini bersetuju untuk,

- 1) Mewujudkan satu perjanjian komprehensif yang bertujuan mempertingkatkan integrasi ekonomi melalui liberalisasi dagangan dan pelaburan. Ini adalah bagi membantu pertumbuhan ekonomi dan mencapai matlamat mewujudkan peluang baru bagi pekerja dan perniagaan, mempertingkatkan taraf kehidupan, memberi manfaat kepada pengguna, mengurangkan kemiskinan dan menggalakkan pertumbuhan ekonomi mampan.
- 2) Memperkukuhkan ikatan persahabatan dan kerjasama antara ahli dan penduduknya.
- 3) Mengiktiraf perbezaan tahap pembangunan dan kepelbagaian ekonomi Negara-negara ahli.
- 4) Memperkukuhkan daya saing perniagaan di peringkat pasaran global dan meningkatkan daya saing ekonomi melalui galakan peluang perniagaan, termasuklah menggalakkan dan memperkukuhkan pembangunan rantai bekalan serantau.
- 5) Menyokong pertumbuhan dan pembangunan industri mikro dan sederhana supaya industri dapat merebut peluang-peluang yang terhasil daripada perjanjian ini.
- 6) Mewujudkan mekanisme perundangan yang konsisten dan rangka kerja komersial bagi perdagangan dan pelaburan menerusi peraturan-peraturan yang menguntungkan semua pihak.

- 7) Menggalakkan dagangan serantau melalui pengurangan kos, dan memastikan keboleh-ramalan yang dicapai menerusi galakan kecekapan dan ketelusan prosedur kastam.
- 8) Mengiktiraf hak sedia ada dalam memperkenalkan, mengekalkan dan mengubah sistem kesihatan awam.
- 9) Mengesahkan peranan Syarikat-syarikat Hak Milik Kerajaan dalam pembangunan ekonomi negara dan dalam masa yang sama mengiktiraf bahawa peruntukan berhubung kelebihan yang tidak saksama diperoleh Syarikat Hak Milik Kerajaan akan melemahkan perdagangan dan pelaburan yang adil dan terbuka, melalui usaha mewujudkan peraturan bagi menggalakkan penyertaan sama rata dengan syarikat-syarikat perniagaan swasta, serta melalui amalan ketelusan dan perniagaan yang sihat.
- 10) Menggalakkan perlindungan alam sekitar menerusi penguatkuasaan undang-undang yang berkesan, bagi menjamin pembangunan mampan, termasuk melalui polisi serta amalan perdagangan dan alam sekitar yang disokong bersama.
- 11) Melindungi dan menguatkuasakan hak-hak buruh, memperbaiki kualiti tempat kerja dan kehidupan, memperkukuhkan kerjasama dan keupayaan parti dalam isu buruh.
- 12) Menggalakkan ketelusan, urus tadbir dan undang-undang yang baik, menghapuskan amalan rasuah dalam perdagangan dan pelaburan.
- 13) Mewujudkan sebuah perjanjian yang menangani cabaran perdagangan dan pelaburan masa hadapan.

- 14) Mengembangkan perkongsian dengan menggalakkan kemasukan negara-negara atau wilayah-wilayah yang belum menjadi ahli, dalam usaha mempertingkatkan integrasi serantau dan meletakkan asas kepada kawasan perdagangan bebas Asia-Pasifik.

## **BAB 1 PERUNTUKAN AWAL DAN DEFINISI AM**

### **PERUNTUKAN UTAMA**

1. Secara umum, Bab ini menggariskan asas undang-undang untuk mewujudkan kawasan perdagangan bebas antara Negara-Negara TPP dengan menggunakan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) sebagai asas, dan juga mengiktiraf obligasi antarabangsa lain yang sedia ada yang berkaitan dengan perdagangan.
2. Selanjutnya, Bab ini juga memperuntukkan bahagian berasingan bagi definisi am bagi istilah yang digunakan di bawah Perjanjian TPP, serta bahagian berasingan yang memperuntukkan definisi khusus untuk Negara-Negara bagi istilah tertentu.

### **IMPLIKASI KESELURUHAN**

3. Bab ini penting terutamanya dalam mentafsirkan skop obligasi di bawah Perjanjian TPP, kerana ia menyediakan definisi istilah yang digunakan di bawah Perjanjian TPP. Definisi ini akan memberikan pemahaman antara Negara-Negara TPP dalam pemakaian istilah tersebut.
4. Definisi khusus untuk negara-negara TPP juga bertindak sebagai pelindung kedaulatan Negara-Negara TPP dalam mematuhi obligasi Perjanjian TPP selaras dengan skop undang-undang dan peraturan-peraturan negara masing-masing.
5. Di samping itu, Bab ini memperuntukkan peruntukan nyata mengenai hubungan antara Perjanjian TPP dan obligasi antarabangsa di bawah perjanjian lain yang sedia ada, isu percanggahan obligasi antara Perjanjian TPP dengan mana-mana perjanjian lain yang dimasuki oleh Negara Anggota TPP dapat dielakkan.



## **BAB 2 LAYANAN SAMA RATA DAN AKSES PASARAN BAGI BARANGAN**

### **OBJEKTIF**

Peruntukan-peruntukan dalam Bab Layanan Sama Rata dan Akses Pasaran bagi Barangan bertujuan untuk:

1. menggalakkan perdagangan antara Negara Anggota TPP melalui penghapusan/ pengurangan duti import;
2. menangani halangan bukan tarif yang berkaitan dengan prosedur pengeksportan/ pengimportan serta isu-isu kastam; dan
3. mengurangkan birokrasi dan meningkatkan ketelusan bagi memfasilitasi perdagangan antara Negara TPP.

### **SKOP**

Terbahagi kepada **dua elemen utama**:

#### **Teks Perjanjian**

Meliputi peruntukan-peruntukan bagi menggalakkan perdagangan antara Negara TPP melalui keseragaman peraturan, ketelusan sistem dan pengurangan/penghapusan halangan bukan tarif bagi memfasilitasi akses pasaran bagi barangan perindustrian dan pertanian; dan

#### **Jadual Tarif Penghapusan Duti Import**

Jadual Tarif penghapusan duti import secara serta merta atau berperingkat yang ditawarkan oleh setiap Negara TPP bagi menggalakkan perdagangan antara Negara TPP. Tawaran penghapusan duti dibuat berdasarkan prinsip penghapusan import duti secara komprehensif. Barangan yang sensitif bagi Negara tertentu akan melalui proses penghapusan duti import dalam tempoh yang lebih panjang.

## **PERUNTUKAN UTAMA**

### **Layanan Sama Rata (*National Treatment*)**

Artikel ini memperuntukkan komitmen kesemua negara anggota TPP untuk memberi layanan sama rata kepada barangan masing-masing yang memasuki pasaran TPP. Pengecualian bagi barangan spesifik bagi Negara tertentu adalah sangat terhad dan perlu diberi justifikasi untuk dipersetujui oleh Negara anggota yang lain.

### **Penghapusan Duti Kastam**

Artikel ini menggariskan obligasi kesemua negara anggota berkenaan liberalisasi tarif termasuk peruntukan yang membolehkan proses penghapusan duti import dipercepatkan.

### **Sekatan Import dan Eksport**

Artikel ini mengandungi peruntukan-peruntukan yang memerlukan negara anggota menambah baik prosedur pelesenan import dan eksport agar lebih telus dan tidak digunakan sebagai halangan bukan tarif.

### **Barangan Dikilang Semula (*Remanufactured Goods*)**

Artikel ini mengandungi peruntukan berkaitan pergerakan barangan dikilang semula agar tidak ada sebarang halangan perdagangan yang tidak munasabah dilakukan oleh mana-mana Negara anggota.

### **Duti Eksport, Cukai, atau Caj-Caj Lain**

Artikel ini menggariskan peruntukan mengenai liberalisasi duti eksport, cukai atau caj- caj lain terhadap eksport barangan ke Negara-Negara Anggota TPP, kecuali jika duti, cukai atau caj tersebut diguna pakai atau dikekalkan bertujuan untuk kegunaan domestik.

Malaysia berjaya mendapat pengecualian khusus bagi peruntukan dalam artikel ini di mana Malaysia diberikan fleksibiliti untuk terus mengenakan duti eksport dan ses ke atas barangan yang disenaraikan di dalam lampiran pengecualian (*exception annex*).

### **Subsidi Eksport Pertanian**

Artikel ini menggariskan keperluan Negara TPP berkongsi matlamat untuk menghapuskan subsidi eksport bagi barangan pertanian, serta bekerjasama di WTO untuk menghapuskan dan tidak mengenakan semula subsidi tersebut dalam apa jua bentuk. Negara TPP tidak dibenarkan mengenakan eksport subsidi ke atas barangan pertanian yang akan dieksport ke Negara TPP yang lain.

### **Kredit Eksport, Jaminan Kredit Eksport atau Program Insurans**

Artikel ini menggariskan keperluan Negara TPP untuk bekerjasama di peringkat WTO bagi membangunkan disiplin untuk mengawal pemberian kredit eksport, jaminan kredit eksport dan program insurans, termasuk mendisiplinkan ketelusan, pembiayaan sendiri dan terma pembayaran balik.

### **Perusahaan Perdagangan Milik Kerajaan berkaitan Eksport Pertanian**

Artikel ini menggariskan keperluan Negara TPP untuk bekerjasama di peringkat WTO berkenaan Perusahaan Perdagangan Eksport Milik Kerajaan ke arah:

- (a) penghapusan sekatan perdagangan berkaitan kelulusan untuk mengeksport barangan pertanian.
- (b) penghapusan pembiayaan khas yang diberikan secara langsung atau tidak langsung kepada Perusahaan Perdagangan Milik Kerajaan yang mengeksport sebahagian besar daripada jumlah eksport barang pertanian; dan
- (c) ketelusan mengenai operasi Perusahaan Perdagangan Eksport Milik Kerajaan.

### **Sekatan Eksport – Jaminan Bekalan Makanan**

Artikel ini membenarkan Negara TPP untuk mengenakan sekatan atau larangan eksport secara sementara mengikut garis panduan WTO bagi mengelakkan kekurangan bekalan makanan bagi keadaan yang dinyatakan dalam Artikel 12.1,

Perjanjian Pertanian WTO. Negara TPP yang mengenakan sekatan atau halangan eksport secara sementara ini perlu mengemukakan notifikasi ke Negara TPP yang lain berkenaan tarikh kuat kuasa sekatan atau halangan tersebut.

### **Perdagangan Berkenaan Produk Bioteknologi Moden**

Artikel ini menggariskan keperluan Negara TPP untuk mempunyai sistem yang telus, bekerjasama dan bersedia bertukar maklumat berkaitan perdagangan produk bioteknologi moden. Artikel ini tidak boleh menghalang Negara TPP daripada melaksanakan hak dan tanggungjawab mereka di bawah Perjanjian WTO atau mana-mana peruntukan di bawah Perjanjian TPP ini. Artikel ini tidak mensyaratkan Negara TPP mewujudkan atau mengubah undang-undang, peraturan atau dasar berkaitan kawalan produk bioteknologi moden.

### **Pengurusan Produk Kadar Tarif Kuota (TRQ)**

Artikel ini bertujuan untuk meningkatkan ketelusan sistem pengurusan produk TRQ di kalangan Negara TPP agar selari dengan Artikel XIII GATT 1994, Perjanjian Lesen Import WTO dan Artikel BB.13 (Lesen Import). Ahli TPP perlu memastikan bahawa prosedur dan pengurusan produk TRQ dimaklumkan kepada awam, adil, dan diuruskan dalam tempoh yang sewajarnya.

## BAB 3 PERATURAN DAN PROSEDUR TEMPASAL

### OBJEKTIF

Peruntukan-peruntukan dalam Bab Peraturan dan Prosedur Tempasal bertujuan untuk:

- Menyediakan asas bagi pihak berkuasa Kastam melakukan pengesahan produk yang layak menerima layanan keutamaan tarif di bawah TPP, dengan status tempasal (*originating*).
- Meningkatkan ketelusan, kebolehjangkaan dan konsistensi dalam penyediaan dan pengaplikasian peraturan tempasal di rantau TPP.
- Menyediakan peraturan tempasal yang ringkas, mudah dan fleksibel bagi menggalakkan rantaian bekalan serantau serta memastikan manfaat perjanjian dinikmati oleh Negara Ahli TPP.

### STRUKTUR BAB

Bab ini terbahagi kepada dua seksyen utama iaitu:

- (i) **Seksyen A:** penerangan peraturan tempasal yang meliputi definisi, skop, penentuan produk tempasal, dan kaedah penentuan produk tempasal seperti kandungan nilai serantau.
- (ii) **Seksyen B:** penjelasan mengenai prosedur tempasal meliputi tuntutan layanan keutamaan, asas untuk pensijilan tempasal, keperluan merekodkan dan verifikasi tempasal.

Peraturan tempasal di bawah Seksyen A adalah:

- (i) penentuan dan pentakrifan produk sebagai produk tempasal melalui tiga cara iaitu:
  - **diperoleh sepenuhnya** atau dihasilkan di satu atau lebih Negara TPP;

- **dihasilkan sepenuhnya** di satu atau lebih Negara TPP dengan bahan tempasal; dan
- dihasilkan sepenuhnya di satu atau lebih Negara TPP **menggunakan bahan bukan tempasal** tetapi memenuhi keperluan seperti disyaratkan di Lampiran 3D–Jadual Produk Spesifik Peraturan Tempasal (PSR).

Hanya produk yang mendapat status tempasal yang layak menerima layanan keistimewaan tarif di bawah Bab Akses Pasaran.

- (ii) Peruntukan yang menyokong perkembangan sektor pembuatan semula (*remanufacturing*) di mana produk '*remanufactured*' boleh mendapat kelayakan tempasal jika memenuhi keperluan (i). Peruntukan ini menggalakkan lebih pengeluaran di dalam Negara dan Negara-negara TPP, yang secara langsung akan mengurangkan keperluan mengimport bahan dari luar rantau TPP.
- (iii) Bagi penentuan produk spesifik peraturan tempasal (PSR) yang akan menggariskan jumlah bahan bukan asal digunakan di dalam pengeluaran, terdapat dua kaedah digunakan iaitu:
  - (a) Kaedah “tariff-shift” atau perubahan klasifikasi kod tarif  
Bahan bukan tempasal yang digunakan dalam pengeluaran produk haruslah melalui perubahan tertentu di rantau TPP untuk layak mendapat status tempasal bagi Negara yang akan mengeksport produk siap tersebut. Bahan bukan tempasal itu haruslah di bawah klasifikasi kod kastam yang berlainan daripada produk siap.

**Misalnya:**

Peraturan tempasal: “Perubahan dari kepala 1902 hingga 1905 dari mana-mana bab.”

Produk: Roti, pastri, kek, biskut (HS 1905.90)

Bahan bukan Negara TPP: Tepung (klasifikasi HS bab 11), diimport dari China.

Penjelasan: Produk roti, pastri, kek dan biskut layak mendapat status tempasal walaupun menggunakan bahan tepung dari luar rantau TPP disebabkan tepung diklasifikasikan di luar Bab 19.

(b) Kaedah kandungan nilai serantau

Nilai kandungan serantau bermaksud peratusan bahan dan komponen serantau digunakan dalam pengeluaran produk yang akan menentukan status tempasal produk.

TPP memberikan 4 pilihan untuk mengira kandungan nilai serantau (RVC) produk, iaitu “build-down method”, “build-up method”, “focused value” dan “net cost”.

- *Build-down method*: Kaedah ini merupakan nilai maksimum bahan dari luar rantau TPP untuk menjadi produk tempasal. Digunakan di dalam kebanyakan FTA yang disertai Malaysia.
- *Build-up method*: Kaedah ini merupakan nilai minimum kandungan di dalam rantau TPP. Biasanya terdapat di dalam FTA Negara-negara membangun seperti NAFTA, Korea-Amerika Syarikat.
- *Focused value*: Kaedah ini adalah seperti “build-down method” di mana bahan bukan tempasal akan ditolak daripada nilai keseluruhan produk. Ia membenarkan pengimport mengira hanya bahan bukan tempasal dari Bab atau sub kepala tertentu sahaja daripada jumlah nilai. TPP merupakan perjanjian pertama Malaysia menggunakan kaedah ini.

- *Net cost*: Kaedah ini diguna pakai untuk pengiraan nilai kandungan serantau bagi auto dan komponennya. “Net cost” mengambil kira jumlah kos keseluruhan dengan menolak kos promosi, kos jualan, kos pemasaran dan kos selepas jualan. Net cost – peratusan maksimum bahan dari rantau TPP.

(iv) “Accumulation”

Produk biasanya dikeluarkan di pelbagai peringkat dan dikilangkan oleh satu atau lebih Negara. Konsep “accumulation” membenarkan pengeluaran barangan pada pelbagai peringkat di rantau TPP dipuratakan. Pengeluar di rantau TPP boleh mengurangkan nilai bahan bukan tempasal di dalam pengeluaran barangan dengan mengambil kira bahan atau input yang digunakan daripada Negara-negara TPP. Dengan “accumulation”, pengeluar boleh menggunakan bahan mentah di rantau TPP kerana bahan mentah itu akan dianggap sebagai bahan tempasal. Sebagai contoh pengeluar Malaysia boleh menggunakan bahan tempasal yang diimport dari Viet Nam dan ia dianggap seperti bahan tempasal Malaysia di dalam menentukan samada produk itu telah memenuhi Peraturan Tempasal.

Konsep “accumulation” ini memberi kelebihan kepada perusahaan Malaysia untuk memasuki rantaian bekalan serantau.

(v) De minimis

Peraturan de minimis hanya membenarkan penggunaan bahan di luar rantau TPP sehingga 10 peratus daripada nilai produk.



(vi) Transit dan *Transshipment*

Peruntukan mengenai pengekelan status tempasal jika barangan tersebut dipunggah melalui Negara bukan TPP jika terma-terma berikut dipatuhi:

- (a) Barangan tidak melalui proses lain selain pemungghahan, penyimpanan, pelabelan, pengasingan dari penghantaran yang besar; dan
- (b) Barangan berada dalam kawalan pihak Kastam.

Seksyen B meliputi Prosedur Tempasal yang mewujudkan sistem bagi pengesahan produk yang memenuhi peraturan tempasal, dan seterusnya memudahkan perdagangan dan mengurangkan beban pentadbiran dan regulatori. Prosedur tempasal ini meliputi:

(i) Tuntutan bagi layanan keistimewaan

TPP memperuntukkan proses persijilan sendiri oleh pengeksport, pengeluar atau pengimport bagi menuntut layanan keistimewaan tarif. Fleksibiliti diberikan bagi lima Negara TPP iaitu Brunei Darussalam, Malaysia, Mexico, Peru dan Viet Nam bagi melaksanakan tuntutan oleh pengimport tidak lebih dari lima tahun dari tarikh kuat kuasa perjanjian TPP.

**Ciri-ciri tuntutan:**

- (a) Kastam boleh memohon bukti daripada pengimport bagi membuktikan sijil tempasal itu merupakan atas transaksi yang sah.
- (b) Sijil tempasal tidak mempunyai format khusus tetapi harus mengandungi maklumat yang dikehendaki seperti di Lampiran.
- (c) Sijil tempasal boleh diguna pakai untuk satu atau lebih *consignment* dalam tempoh 12 bulan.
- (d) Sijil tempasal sah untuk satu tahun dari tarikh dikeluarkan atau tempoh lain yang dibenarkan di bawah undang-undang.

- (e) Jika pengeksport bukan pengeluar barangan, sijil tempasal itu boleh dilengkapkan oleh pengeksport dengan asas pengeksport mempunyai maklumat bahawa produk itu merupakan produk tempasal, atau dengan sebab-sebab munasabah mempercayai bahawa maklumat pengeluar bahawa produk merupakan produk tempasal.
- (f) Sijil tempasal boleh dilengkapkan oleh pengimport barangan jika pengimport mempunyai dokumentasi yang menyokong bahawa produk itu merupakan produk tempasal. Atau juga mempunyai dokumen daripada pengeluar dan pengeksport yang membuktikan produk itu merupakan produk tempasal.
- (g) Sijil tempasal tidak akan ditolak jika mengandungi kesilapan yang tidak ketara.

(ii) Penyimpanan Rekod

Bab ini memperuntukkan keperluan penyimpanan rekod dokumentasi berkaitan dengan pengeluaran/pengeksporan/pengimportan termasuk sijil tempasal tidak kurang dari lima tahun daripada tarikh sijil tersebut dikeluarkan. Pengeluar, pengeksport dan pengimport boleh menyimpan rekod tersebut secara elektronik, optikal, magnetik atau bentuk bertulis tertakluk kepada undang-undang Negara TPP.

(iii) Verifikasi Tempasal

Bab ini juga menggariskan proses verifikasi untuk mengesahkan barangan yang diimport daripada mana-mana Negara TPP layak menerima layanan keistimewaan seperti tuntutan memohon maklumat secara bertulis dan memohon lawatan ke kilang pengeluar dan pengeksport.

## **BAB 4      TEKSTIL DAN PAKAIAN**

### **PENGENALAN**

Bab khusus untuk tekstil dan pakaian dimasukkan dalam Perjanjian TPP disebabkan keperluan penentuan peraturan tempasal yang khusus, seperti peraturan produk spesifik (PSR) berasaskan konsep “yarn-forward” dan juga penyenaaraian benang dan kain yang tidak terdapat secara meluas di rantau TPP di dalam senarai “short-supply” (SSL).

Bagi Malaysia, Perjanjian TPP merupakan perjanjian perdagangan bebas pertama yang mengandungi Bab Tekstil dan Pakaian. Perjanjian-perjanjian bebas yang disertai sebelum ini tidak mengandungi bab khusus untuk tekstil dan pakaian.

### **OBJEKTIF**

Bab ini bertujuan mencapai matlamat-bermatlamat berikut bagi Negara-negara Ahli TPP:

- (i) Menggariskan peraturan tempasal yang jelas khusus untuk tekstil dan pakaian yang memberi manfaat pada pengusaha dan mengurangkan beban pentadbiran.
- (ii) Pengurangan dan penghapusan tarif pada eksport tekstil dan pakaian ke Negara-Negara TPP.
- (iii) Meningkatkan kerjasama Kastam dan komitmen pemantauan bagi membendung pengelakan pembayaran duti, penyeludupan dan penipuan.
- (iv) Meningkatkan daya saing pengeluar-pengeluar TPP di rantau Asia Pasifik.

## PERUNTUKAN-PERUNTUKAN UTAMA

### Peraturan Tempasal bagi Tekstil dan Pakaian

Peraturan tempasal bagi tekstil dan pakaian adalah bagi menentukan barangan itu layak mendapat status tempasal (*originating status*) yang akan membolehkan pengeluar mendapat layanan keistimewaan tarif daripada Negara Ahli. Peraturan-peraturan terlibat adalah seperti “de minimis”, peraturan khusus produk (*product specific rules* (PSR)), dan senarai bekalan produk yang kurang (*short supply list* (SSL)).

#### (a) De minimis

Peruntukan ini membenarkan penggunaan sejumlah kecil input (fiber, benang, butang, zip) dari luar rantau TPP dalam pengeluaran barangan tekstil dan pakaian yang tidak melalui pertukaran klasifikasi tarif seperti di Jadual PSR. Barangan akhir tekstil dan pakaian itu masih dianggap sebagai tempasal jika berat input tersebut tidak melebihi 10 peratus daripada jumlah keseluruhan berat produk.

#### (b) Peraturan khusus produk (PSR)

Lampiran A, Jadual PSR menyatakan penentuan peraturan tempasal bagi setiap produk tekstil dan pakaian yang akan menentukan kelayakan mendapat status tempasal dan juga kelayakan mendapat keutamaan tarif. Peraturan produk spesifik (PSR) ini adalah berasaskan konsep “*yarn-forward*”, yang bermaksud produk tekstil dan pakaian layak mendapat status tempasal dan kelayakan keutamaan tarif jika proses pengeluaran bermula pada peringkat benang ke proses pembuatan kain ke proses membuat pakaian berlaku di rantau TPP.

#### (c) Senarai bekalan produk yang tidak mencukupi

Mekanisme senarai bekalan produk yang tidak mencukupi (SSL) memberi fleksibiliti pada negara-negara TPP mendapatkan sumber bekalan benang dan kain yang tidak terdapat secara meluas di rantau TPP. Senarai ini

mengandungi 194 produk yang diberi kelonggaran untuk mendapatkan input dari luar rantau TPP. Senarai ini terbahagi kepada senarai kekal dan senarai sementara. Terdapat 8 produk disenaraikan sebagai produk yang akan dikeluarkan daripada SSL selepas tempoh 5 tahun. Baki 186 lagi merupakan senarai kekal.

**(d) Barangan Buatan Tangan dan *Folklore***

Bab ini memberi layanan keutamaan tarif bagi produk-produk buatan tangan dan *folklore* tertentu.

**Perlindungan (*Safeguard*)**

Bab ini memperuntukkan mekanisme perlindungan khusus bagi Negara ahli TPP sekiranya akibat pengurangan dan penghapusan duti tekstil dan pakaian menyebabkan kerugian teruk pada industri tempatan. Negara pengimport selepas melakukan siasatan boleh mengambil tindakan perlindungan sewajarnya seperti meningkatkan kadar duti tarif pada produk yang berkaitan. Negara Ahli mempunyai pilihan sama ada mengguna pakai peruntukan perlindungan di Bab Tekstil dan Pakaian atau di Bab Pemulihan Perdagangan.

**Kerjasama Kastam**

Peruntukan ini memberi penekanan pada kerjasama bagi tujuan penguatkuasaan langkah-langkah mengenai kesalahan kastam bagi produk tekstil dan pakaian di antara Negara TPP. Kerjasama ini haruslah selari dengan undang-undang dan peraturan masing-masing. Kerjasama berbentuk pertukaran maklumat dan tindakan-tindakan yang bersesuaian yang melibatkan pentadbiran, perundangan dan legislatif.

**Pengesahan**

Peruntukan ini membenarkan pihak pengimport memohon untuk membuat lawatan tapak bagi mengesahkan tuntutan tempasal dan keutamaan tarif produk. Perincian prosedur bagi pengesahan digariskan seperti tempoh permohonan, dan bilangan pengeksport dan pengeluar yang dilawati. Matlamat peruntukan ini adalah bagi

meningkatkan pematuhan di rantau TPP dan mengurangkan kegiatan yang melanggar peraturan kastam.

### **Pemantauan**

Peruntukan ini menggariskan program bagi perkongsian maklumat dan kerjasama penguatkuasaan bagi menangani kesalahan kastam untuk produk tekstil dan pakaian. Perkongsian maklumat ini adalah bagi tujuan pengurusan risiko oleh Negara TPP. Tambahan kepada peruntukan ini, Ahli-ahli TPP juga mempunyai perjanjian dua hala yang hanya terpakai kepada Negara-negara yang terlibat. Amerika Syarikat mempunyai perjanjian dua hala pemantauan dengan Brunei, Malaysia dan Viet Nam (sebagai Negara yang belum mempunyai FTA dengan Amerika Syarikat) yang menggariskan dua perkara utama iaitu pembentukan mekanisme pemantauan bagi pemeriksaan pengesahan produk tempasal tekstil oleh pihak berkuasa Amerika Syarikat dan pembentukan sistem pendaftaran bagi syarikat yang mengeluarkan dan mengeksport produk tekstil dan pakaian ke Amerika Syarikat. Pemantauan dua hala ini bertujuan meningkatkan pematuhan oleh pengeksport-pengeksporth ke Amerika Syarikat dan mengurangkan kesalahan kastam, iaitu mengelakkan pihak pengeksport dari luar TPP menggunakan keistimewaan tempasal dan akses melalui penghapusan duti yang diberi ke Malaysia.

### **AKSES PASARAN TEKSTIL DAN PAKAIAN**

TPP telah memberikan akses pasaran yang lebih baik kepada empat Negara yang tidak mempunyai FTA dua hala dengan Malaysia, iaitu Amerika Syarikat, Kanada, Peru dan Mexico seperti berikut:

#### **Amerika Syarikat**

- 72.9% barisan tarif tekstil yang mewakili 36.4% jumlah eksport ke Amerika Syarikat akan diberi penghapusan duti serta merta. Tanpa TPP, hanya 11% barisan tarif bersamaan 0.9% jumlah eksport menikmati bebas duti.

### **Kanada**

- 90.9% barisan tekstil bersamaan 89.55% jumlah eksport ke Kanada akan menikmati penghapusan duti serta merta. Tanpa TPP, hanya 40% barisan tarif 12.46% jumlah eksport menikmati bebas duti.

### **Mexico**

- 27.57% barisan tarif bersamaan 0.74% jumlah eksport ke Mexico akan menikmati penghapusan duti serta merta. Tanpa TPP, hanya 12.67% atau 0.02% jumlah eksport menikmati bebas duti.

### **Peru**

- 13.25% barisan tarif bersamaan 2.53% jumlah eksport ke Peru akan menikmati penghapusan duti serta merta. Tanpa TPP, hanya 6.52% barisan tarif mewakili 0.02% jumlah eksport menikmati bebas duti.

## **PROSIDUR KASTAM DAN FASILITASI PERDAGANGAN**

Semua ahli TPP perlu memastikan aplikasi prosedur kastam adalah konsisten, boleh dijangka dan telus.

### **KERJASAMA KASTAM**

1. Bagi tujuan pelaksanaan Perjanjian ini, setiap ahli TPP perlu;
  - (a) Menggalakkan kerjasama di antara ahli TPP berhubung dengan isu-isu penting berkaitan kastam yang melibatkan perdagangan barangan antara mereka; dan
  - (b) Berusaha mengemukakan maklumat awal kepada setiap pihak, berhubung dengan sebarang perubahan pentadbiran yang ketara, pengubahsuaian atau pindaan undang-undang atau peraturan, atau yang berkaitan kawalan pengimportan atau pengeksportan yang boleh menjejaskan pelaksanaan Perjanjian ini.
2. Setiap ahli TPP, bagi tujuan pematuhan dan selaras dengan perundangannya, hendaklah bekerjasama melalui perkongsian maklumat atau lain-lain aktiviti yang berkaitan berhubung dengan:-
  - a. pelaksanaan aktiviti pengimportan dan pengeksportan;
  - b. pelaksanaan *Customs Valuation Agreement* ;
  - c. sekatan atau larangan berkaitan pengimportan atau pengeksportan;
  - d. siasatan atau pencegahan ke atas kesalahan-kesalahan kastam termasuk pelarian cukai dan penyeludupan; dan
  - e. lain-lain keputusan mengenai Kastam yang dipersetujui bersama.



3. Sekiranya ahli TPP mempunyai syak yang munasabah berkaitan dengan aktiviti tidak sah berhubung dengan pengimportan barangan, ahli TPP tersebut boleh memohon kepada ahli TPP terlibat untuk mengemukakan maklumat tertentu berkaitan dengan pengimportan barangan tersebut.
4. Permohonan hendaklah dibuat secara bertulis, dengan memperincikan tujuan maklumat tersebut dan mengenal pasti maklumat yang diperlukan agar ahli TPP berkenaan dapat menyediakan maklum balas.
5. Ahli TPP berkenaan hendaklah menyediakan maklum balas ke atas permohonan tersebut tertakluk kepada undang-undang dan perjanjian antarabangsa berkaitan.
6. Syak yang munasabah berkaitan aktiviti tidak sah di para 3 di atas bermaksud syak berasaskan maklumat yang diperolehi dari pihak awam atau pihak swasta yang mengandungi antara lain bukti-bukti lampau (*historical evidence*) ketidakpatuhan undang-undang oleh pihak pengimport, pengeksport, pengilang, pengeluar atau orang lain ke atas pengimportan barangan, pergerakan barangan atau pergerakan barangan tertentu dari negara ahli TPP ke negara ahli TPP berkenaan.
7. Setiap ahli TPP hendaklah menyediakan kepada ahli TPP berkenaan maklumat yang boleh mengesahkan sama ada pengimportan atau pengeksportan adalah mengikut undang-undang atau peraturan ahli TPP berkenaan.
8. Ahli TPP yang menerima permohonan perlu memberi bantuan dan nasihat kepada ahli TPP berkenaan bagi memudahkan perdagangan antara mereka.
9. Saluran komunikasi antara ahli TPP perlu diadakan termasuklah mewujudkan *contact points* bagi memudahkan pertukaran maklumat.

## **KETETAPAN KASTAM**

1. Sebelum pengimportan barangan, setiap ahli TPP hendaklah mengeluarkan ketetapan kastam berikutan permohonan daripada pihak pengimport, pengeksport ataupun pengeluar berkaitan dengan klasifikasi tarif barangan, prinsip yang perlu diguna pakai bagi maksud penentuan nilai sesuatu barangan atau tempasal barangan.
2. Ahli TPP hendaklah mengeluarkan ketetapan kastam tidak lewat daripada 150 hari selepas menerima permohonan, dengan syarat semua maklumat yang diterima adalah lengkap, termasuk sampel jika diminta oleh Kastam. Pihak Kastam boleh menolak untuk mengeluarkan ketetapan jika fakta ketetapan merupakan subjek semakan semula pentadbiran atau kehakiman.
3. Ketetapan Kastam yang telah dikeluarkan boleh diubahsuai ataupun dibatalkan sekiranya terdapat perubahan ke atas undang-undang, fakta ataupun keadaan di mana suatu ketetapan telah dibuat, jika ketetapan tersebut dibuat berdasarkan kepada maklumat yang silap atau tidak tepat.
4. Pihak yang dikeluarkan ketetapan masih boleh membuat semakan semula sama ada secara pentadbiran atau semakan kehakiman atas ketetapan tersebut.
5. Tertakluk kepada peruntukan kerahsiaan undang-undang ahli TPP, ketetapan yang dibuat hendaklah disiar kepada pihak umum termasuk di laman sesawang

## **MAKLUM BALAS KE ATAS NASIHAT ATAU MAKLUMAT**

Sekiranya terdapat permintaan dari pihak pengimport, pengeksport ataupun pengeluar, ahli TPP berkenaan hendaklah memberi maklum balas atau nasihat yang dipohon berkaitan dengan fakta-fakta berkaitan seperti kriteria untuk kelayakan kuota tarif, pulang-balik atau penandaan negara tempasal, sekiranya ia adalah pra-syarat untuk pengimportan.

## **SEMAKAN SEMULA DAN RAYUAN**

Bagi mana-mana orang yang telah dikeluarkan ketetapan, orang-orang tersebut diberi peluang untuk semakan semula oleh pihak yang berkecuali dan juga semakan kehakiman ke atas ketetapan tersebut. Pihak yang membuat semakan semula hendaklah memaklumkan secara bertulis mengenai alasan-alasan ke atas keputusan yang dibuat.

## **AUTOMASI**

Ahli TPP hendaklah mengguna pakai piawaian antarabangsa di dalam prosedur berkaitan pelepasan barangan, menggunakan sistem elektronik yang boleh diakses kepada pengguna, menggunakan sistem bagi tujuan analisis risiko, melaksanakan piawaian berkaitan data import dan eksport di samping mengambil kira kaedah, model serta amalan yang disyorkan mengikut *World Customs Organization (WCO)* atau APEC.

## **PERKHIDMATAN PENGHANTARAN EKSPRES**

1. Ahli TPP perlu mengamalkan prosedur kastam yang efisien untuk perkhidmatan penghantaran ekspres tanpa menjejaskan kawalan kastam. Prosedur berkenaan termasuk penyediaan maklumat yang diperlukan bagi pelepasan barangan perkhidmatan ekspres sebelum dagangan tiba, membenarkan penghantaran maklumat secara bersekali bagi semua barangan dalam perkhidmatan penghantaran ekspres, memberi pelepasan barangan tertentu dengan dokumentasi yang minima, pelepasan barangan perkhidmatan penghantaran ekspres dalam masa enam (6) jam selepas penghantaran dokumen kastam dengan syarat dagangan telah tiba.

2. Dalam keadaan biasa, duti kastam tidak akan dikenakan ke atas barangan perkhidmatan penghantaran ekspres yang dinilai pada atau di bawah amaun yang telah ditetapkan di bawah undang-undang ahli TPP.

## **PENALTI**

1. Setiap ahli TPP hendaklah mengambil langkah-langkah yang membenarkan pengenaan penalti oleh pentadbiran kastam ahli TPP ke atas pelanggaran undang-undang kastam, peraturan ataupun prosedur termasuklah berkaitan dengan klasifikasi tarif, penilaian kastam, negara tempasal ataupun tuntutan tarif keutamaan di bawah Perjanjian ini.
2. Setiap ahli TPP hendaklah memastikan bahawa penalti hanya dikenakan kepada orang yang bertanggungjawab ke atas pelanggaran undang-undang tersebut

## **PENGURUSAN RISIKO**

Setiap ahli TPP hendaklah mengamalkan sistem pengurusan risiko bagi membolehkan pihak Kastam memberi tumpuan aktiviti pemeriksaan ke atas barangan yang berisiko tinggi dan memudahkan pelepasan bagi barangan berisiko rendah.

## **PELEPASAN DAGANGAN**

Ahli TPP hendaklah menetap dan mengekalkan prosedur kastam yang mudah untuk pelepasan barangan bagi tujuan fasilitasi perdagangan.

Prosedur tersebut termasuklah pelepasan barangan dalam tempoh masa tidak lebih dari yang ditetapkan, membenarkan penghantaran maklumat secara elektronik lebih awal sebelum ketibaan barangan bagi kemudahan pelepasan dan membenarkan barangan dilepaskan semasa ketibaan tanpa pemindahan ke gudang.

## **PENERBITAN**

1. Ahli TPP hendaklah menerbitkan maklumat berkaitan undang-undang, peraturan dan prosedur kastam untuk pengetahuan umum termasuklah di dalam laman sesawang dan seboleh-bolehnya di dalam Bahasa Inggeris.
2. Setiap ahli TPP juga perlu menetapkan atau mengekalkan satu atau lebih *focal point* bagi menjawab pertanyaan berhubung dengan perkara berkaitan kastam.
3. Setiap Pihak akan berusaha untuk menyiarkan terlebih dahulu sebarang cadangan pindaan ke atas perkara berhubung dengan prosedur dan perundangan kastam dan membenarkan orang yang berkepentingan untuk memberi pandangan sebelum pindaan tersebut dilaksanakan.

## **KERAHSIAAN**

1. Sekiranya ahli TPP telah memberi maklumat kepada ahli TPP lain, maklumat tersebut hendaklah dirahsiakan dan digunakan hanya untuk tujuan yang dinyatakan sahaja. Maklumat tersebut tidak boleh didedahkan kepada pihak lain tanpa kebenaran daripada ahli TPP yang memberi maklumat tersebut.
2. Ahli TPP berhak untuk tidak memberi apa-apa maklumat sekiranya pihak yang menerima gagal bertindak selaras dengan kehendak Para 1 di atas.
3. Setiap ahli TPP hendaklah mempunyai prosedur bagi tujuan melindungi maklumat sulit yang diterima daripada didedahkan selaras dengan peruntukan undang-undangnya termasuklah pendedahan maklumat yang boleh memprejudis kedudukan daya saing orang yang memberi maklumat tersebut.

## **BAB 6      REMEDI PERDAGANGAN**

Bab ini memperuntukkan remedi perdagangan bagi perdagangan barangan. Remedi perdagangan dibenarkan diambil oleh industri tempatan menerusi langkah pelindung (*safeguard measures*) dan tindakan anti-lambakan (*anti-dumping actions*) serta tindakan timbal balas (*countervailing actions*) sekiranya import menyebabkan kemudaratan kepada industri tempatan. Walau bagaimanapun, langkah-langkah remedi perdagangan ini adalah tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang dipersetujui dalam bab ini.

Bab ini mengandungi 2 seksyen iaitu seksyen A adalah bagi langkah pelindung dan seksyen B pula adalah mengenai anti-lambakan dan timbal balas. Seksyen A mengandungi 7 artikel dan seksyen B mengandungi 1 artikel. Bab ini juga mengandungi lampiran mengenai amalan terbaik aplikasi tindakan anti-lambakan dan timbal balas yang diambil oleh suatu Pihak apabila Perjanjian ini mula berkuat kuasa.

### **SEKSYEN A**

Seksyen A adalah mengenai langkah pelindung yang boleh dikenakan oleh suatu Pihak di bawah Perjanjian ini. Pihak-pihak dibenarkan mengambil tindakan pelindung global (Langkah Pelindung Global) atau langkah pelindung semasa tempoh peralihan (Langkah Pelindung Peralihan).

Bagi Langkah Pelindung Global, Pihak-pihak dalam perjanjian ini telah bersetuju bahawa hak-hak dan obligasi pihak-pihak di bawah Perjanjian-perjanjian remedi perdagangan di bawah WTO dikekalkan.

Manakala bagi Langkah Pelindung Peralihan pula ia boleh dikenakan oleh suatu Pihak semasa tempoh peralihan sekiranya hasil daripada pengurangan atau penghapusan duti kastam di bawah Perjanjian ini, barangan yang berasal daripada Pihak lain atau

Pihak-Pihak lain yang diimport ke dalam wilayah sesuatu Pihak semasa tempoh perlindungan peralihan bagi barangan itu dengan kuantiti yang meningkat, secara mutlak atau relatif kepada pengeluaran dalam negeri, dan dalam keadaan itu menyebabkan atau mengancam untuk menyebabkan kemudaratan yang serius terhadap industri tempatan yang mengeluarkan barangan serupa atau barangan yang bersaing secara langsung.

Tindakan remedi yang boleh diambil adalah seperti berikut:

- (i) Menanggihkan pengurangan seterusnya kadar duti kastam ke atas barangan berkenaan seperti yang diperuntukkan di bawah Perjanjian ini; atau
- (ii) Meningkatkan paras duti kastam kepada kadar tidak melebihi:
  - Kadar duti Layan Negara Teristimewa (MFN) yang diguna pakai pada tarikh tindakan langkah pelindung ini diambil; atau
  - Kadar duti MFN pada tarikh Perjanjian ini berkuat kuasa.

Pengenaan Langkah Pelindung Peralihan adalah bagi tempoh permulaannya tidak melebihi 2 tahun dan boleh dilanjutkan selama 1 tahun lagi. Walau bagaimanapun, Langkah Pelindung Peralihan ini hendaklah ditamatkan pada tamat tempoh Peralihan. Seterusnya, Pihak-pihak juga tidak dibenarkan untuk mengenakan Langkah Pelindung Peralihan lebih dari sekali bagi setiap produk.

## **SEKSYEN B**

Di bawah seksyen B iaitu bagi tindakan anti-lambakan dan timbal balas, Pihak-pihak dalam perjanjian ini telah bersetuju bahawa hak-hak dan obligasi pihak-pihak di bawah Perjanjian-perjanjian remedi perdagangan di bawah WTO dikekalkan.

Seterusnya, lampiran di bawah Bab ini menyatakan mengenai amalan terbaik yang boleh diikuti oleh pihak-pihak bagi prosedur penyiasatan anti-lambakan dan timbal

balas. Walau bagaimanapun, perkara-perkara di bawah lampiran ini tidak mengikat pihak-pihak di bawah Perjanjian ini. Amalan terbaik yang dinyatakan di bawah lampiran ini adalah lebih kepada elemen ketelusan pihak-pihak yang ingin mengambil langkah anti-lambakan dan timbal balas terhadap pihak yang lain.



## **BAB 7      SANITARI DAN FITOSANITARI**

Bab ini adalah berkaitan disiplin ke Negara TPP dalam melaksanakan peraturan dan syarat pengawalan Sanitari dan Fitosanitari (SPS - perlindungan kesihatan manusia, haiwan dan tumbuhan).

### **OBJEKTIF**

Objektif bab ini adalah supaya Negara-Negara TPP melindungi kesihatan manusia, haiwan dan tumbuhan di negara masing-masing dan pada masa yang sama membantu melancarkan perdagangan dan menghapuskan halangan tanpa justifikasi kepada perdagangan, menggalakkan kerjasama, meningkatkan ketelusan dan perkongsian maklumat, serta menggalakkan pemakaian standard antarabangsa.

### **STRUKTUR DAN OBLIGASI**

Bab ini terbahagi kepada 18 Artikel dan antara obligasi utama dalam artikel-artikel tersebut adalah seperti berikut:

- i) Negara TPP dibenarkan untuk memperkenalkan atau mengekalkan keperluan syarat-syarat halal untuk pengimportan produk makanan sebagaimana yang ditetapkan dalam Undang-undang Islam.
- ii) Negara TPP akan mewujudkan Jawatankuasa SPS yang dianggotai oleh wakil Kerajaan setiap Negara TPP. Jawatankuasa ini akan membincangkan perkara berkaitan pelaksanaan, kerjasama, dan pertukaran maklumat berkaitan SPS.

- iii) Negara TPP bersetuju agar penentuan kawasan yang mempunyai penyakit dan serangga perosak akan diadakan secara setempat bagi membolehkan produk yang dihasilkan di kawasan yang bebas penyakit dan serangga perosak boleh terus diperdagangkan seperti biasa tanpa halangan SPS. Penentuan ini perlu dilaksanakan dengan segera, telus dan teratur.
- iv) Negara TPP mengakui bahawa syarat SPS yang diamalkan di sesebuah Negara TPP adalah setaraf dengan Negara TPP yang lain sekiranya ia berdasarkan standard antarabangsa dan boleh memberikan tahap perlindungan yang sama ke atas kesihatan manusia, haiwan dan tumbuhan. Proses ini perlulah dilaksanakan dengan segera, telus dan teratur.
- v) Syarat SPS serta analisis sains dan risiko yang dilaksanakan oleh Negara TPP mestilah berdasarkan prinsip saintifik, mematuhi standard antarabangsa, tidak mendiskriminasikan, direkodkan dengan baik, memberi peluang untuk komen daripada pihak berkepentingan, dan tidak menghalang perdagangan. Analisis sains dan risiko ini perlulah dijalankan dengan segera, telus dan teratur.
- vi) Negara TPP berhak untuk mengaudit pihak berkuasa dan sistem pemeriksaan di Negara Pengeksport bagi memastikan kemampuan mereka mematuhi syarat SPS yang ditetapkan. Audit ini perlulah berdasarkan standard antarabangsa, berdasarkan dokumen (tanpa memerlukan pemeriksaan fizikal) dan kos berkaitan audit mestilah ditanggung oleh pihak yang mengaudit. Perbincangan terperinci perlu dibuat antara pihak terlibat sebelum audit dimulakan, dan pihak yang diaudit perlu diberi peluang untuk memberi komen ke atas hasil audit sebelum keputusan audit itu dibuat.
- vii) Negara TPP perlu memastikan pemeriksaan import yang dibuat di pintu masuk atau sempadan negara dilaksanakan dengan segera dan berdasarkan maklumat risiko yang bersesuaian. Negara yang menjalankan pemeriksaan import juga perlulah memberi maklumat yang jelas mengenai kaedah yang

digunakan untuk menganalisis sesuatu barangan, menggunakan fasiliti yang konsisten dengan standard makmal antarabangsa, dan menyimpan secara teratur rekod berkaitan ujian, pengangkutan dan penyimpanan sampel yang digunakan. Sekiranya sesuatu barangan itu disekat kemasukannya kerana gagal dalam pemeriksaan import, notifikasi perlu diberikan kepada pihak berkepentingan. Dalam situasi ini, pihak berkepentingan tersebut perlulah diberi peluang untuk memberikan maklumat sokongan supaya sekatan tersebut dipertimbangkan semula.

- viii) Keperluan persijilan dalam perdagangan barangan boleh diminumkan dan melibatkan maklumat yang perlu sahaja, dengan mengambil kira amalan dan standard antarabangsa. Penggunaan sijil elektronik adalah digalakkan bagi membantu perdagangan.
- ix) Perkongsian maklumat mengenai Syarat SPS adalah penting, dengan memberi notifikasi kepada negara TPP lain dan membolehkan mereka memberi pandangan ke atas sebarang cadangan Syarat SPS baru yang ingin diperkenalkan. Notifikasi ini perlulah dikemukakan 60 hari sebelum syarat tersebut dilaksanakan dan dihebahkan secara elektronik. Perbincangan perlu diadakan bersama Negara TPP lain yang terjejas secara langsung dengan syarat SPS baru tersebut. Perkongsian maklumat juga perlu melibatkan risiko dan status kesihatan manusia, haiwan dan tumbuhan dalam kawasannya yang berkaitan dengan perdagangan.
- x) Sekiranya Negara TPP mengambil langkah kecemasan dan mengenakan sekatan bagi melindungi kesihatan, manusia, haiwan dan tumbuhan, ia perlulah dimaklumkan kepada semua negara TPP lain. Langkah ini perlulah disemak semula dalam tempoh enam bulan selepas dilaksanakan dan dimaklumkan statusnya kepada negara TPP lain.

- xi) Negara TPP perlu bekerjasama dan berkongsi maklumat berkaitan isu bersama dalam SPS, termasuk inisiatif bagi memudahkan perdagangan dan berkongsi bantuan teknikal.
- xii) Sesebuah negara TPP boleh memohon maklumat daripada negara TPP yang lain mengenai perkara-perkara berkaitan Bab ini. Negara TPP yang menerima permohonan tersebut perlu berusaha untuk memberikan maklumat yang ada kepada negara tersebut secara elektronik seberapa segera.
- xiii) Negara TPP bersetuju mewujudkan Kerjasama Konsultasi Teknikal (KKT) iaitu platform perbincangan di peringkat kumpulan teknikal SPS negara-negara TPP untuk membincang dan menyelesaikan isu SPS. KKT adalah proses wajib di mana negara TPP perlu berusaha untuk menyelesaikan isu tersebut di secara dua hala atau melalui KKT sebelum mengangkatnya ke platform Penyelesaian Pertikaian. Sekiranya sebuah negara TPP menerima permohonan untuk membincangkan isu melalui KKT, ia perlulah menjawab dalam tempoh 7 hari, berbincang dalam tempoh 30 hari dengan matlamat untuk menyelesaikan isu tersebut dalam tempoh 180 hari daripada tarikh permohonan tersebut dibuat.
- xiv) Sebarang isu yang tidak dapat diselesaikan melalui KKT boleh dibawa ke Penyelesaian Pertikaian, tertakluk kepada tempoh transisi 1 tahun bagi Artikel 8 (Kesetarafan), Artikel 10 (Audit) dan Artikel 11 (Pemeriksaan Import), dan 2 tahun bagi Artikel 9 (Analisis Sains dan Risiko) daripada tarikh berkuat kuasanya Perjanjian TPPA.

## **BAB 8 HALANGAN TEKNIKAL KEPADA PERDAGANGAN**

### **OBJEKTIF**

Peruntukan-peruntukan dalam Bab ini bertujuan untuk:

- i) memudah cara perdagangan dengan menghapuskan halangan yang tidak perlu bagi isu-isu berkaitan peraturan teknikal, standard dan prosedur pematuhan penilaian;
- ii) meningkatkan ketelusan (*transparency*) dalam pembangunan dan pelaksanaan peraturan teknikal dan aktiviti penilaian pematuhan;
- iii) meningkatkan kerjasama di dalam bidang penguatkuasaan; dan
- iv) meningkatkan pelaksanaan *Good Regulatory Practice* di kalangan negara anggota.

Bab TBT ini turut merangkumi lampiran yang berkaitan dengan peraturan bagi sektor spesifik/tertentu untuk menyeragamkan proses kawal selia produk tersebut. Sektor-sektor tersebut termasuk bagi produk kosmetik, peralatan perubatan, farmaseutikal, teknologi komunikasi maklumat, produk minuman beralkohol (wine), hak eksklusif bagi formula produk makanan dan bahan tambahan makanan serta produk pertanian organik.

### **STRUKTUR BAB**

#### **Pemakaian Peraturan-peraturan Tertentu Perjanjian WTO TBT**

Peraturan-peraturan tertentu yang telah dipersetujui negara anggota di dalam Perjanjian WTO TBT turut terpakai bagi Bab ini.

#### **Pemakaian Standard dan Peraturan Antarabangsa**

Peruntukan ini merujuk kepada peraturan bagi pemakaian Standard dan Peraturan Antarabangsa yang seragam oleh negara anggota bagi memastikan tiada Standard

atau Peraturan Antarabangsa yang diguna pakai yang boleh menyebabkan sesuatu produk sukar atau tidak dapat diimport dan dieksport ke pasaran TPP.

### **Prosedur Penilaian Pematuhan**

Peruntukan ini merujuk kepada peraturan bagi langkah-langkah yang diambil atau prosedur yang digunakan di dalam memastikan sesuatu produk yang akan dipasarkan memenuhi spesifikasi dan kualiti yang ditetapkan. Peraturan yang ditetapkan oleh pihak penguat kuasa negara anggota bagi aktiviti ini tidak seharusnya menyebabkan peningkatan kos sesuatu produk yang ingin dipasarkan dengan menambah keperluan yang tidak perlu seperti mengulang uji produk yang ingin dipasarkan.

Peruntukan ini memberi hak sama rata kepada mana-mana badan penilaian pematuhan tidak kira di mana badan tersebut beroperasi. Jika negara anggota menetapkan hanya badan-badan tertentu sahaja yang boleh menjalankan aktiviti penilaian pematuhan yang disebabkan oleh beberapa kekangan yang tidak dapat dielakkan seperti maklumat mengenai keperluan-keperluan tertentu atau bagi melindungi kepentingan tertentu sesebuah negara anggota, bab-bab di bawah Perjanjian TBT adalah terpakai.

### **Transparency (Ketelusan) dalam Pembangunan Peraturan Teknikal**

Peruntukan ini merujuk kepada peraturan bagi penggubalan dan pelaksanaan peraturan baharu bagi meningkatkan ketelusan sesuatu peraturan baharu yang akan digubal. Peruntukan ini membuka peluang kepada pihak yang berkepentingan untuk terlibat dalam pembangunan peraturan teknikal, standard atau prosedur penilaian pematuhan. Pelbagai media bagi memudah cara penyampaian dokumen-dokumen tersebut secara telus perlu dipertimbangkan.

### **Tempoh Pematuhan bagi Peraturan Teknikal dan Prosedur Penilaian Pematuhan**

Peruntukan ini merujuk pada tempoh masa munasabah yang perlu ditetapkan oleh sesebuah negara sekiranya negara tersebut mengeluarkan sebarang peraturan mahupun prosedur baharu yang perlu dipatuhi bagi sesuatu produk. Ini bagi memastikan setiap negara mempunyai tempoh masa yang mencukupi serta bagi

memastikan produk yang ingin dipasarkan dapat dipasarkan mengikut tempoh masa yang ditetapkan. Tempoh minima adalah tidak kurang 6 bulan.

### **Meningkatkan Kerjasama dan Fasilitasi Perdagangan**

Peruntukan ini merujuk kepada kerjasama teknikal yang perlu ditingkatkan di antara negara anggota di dalam bidang penguatkuasaan, standard dan penilaian pematuhan bagi membangunkan kapasiti negara di dalam bidang-bidang tersebut dalam memastikan penembusan produk yang lebih mudah ke pasaran

Di antaranya dengan meningkatkan penerimaan dan pengiktirafan *Mutual Recognition Arrangement* (MRA) di kalangan badan-badan penguatkuasa negara-negara anggota dan meningkatkan usaha di dalam menggalakkan pelaksanaan *Good Regulatory Practice* (*Amalan Penguatkuasaan Baik*) di kalangan badan penguat kuasa.

### **Meningkatkan Perkongsian dan Pertukaran Maklumat**

Peruntukan ini merujuk kepada kerjasama yang perlu ditingkatkan di antara negara anggota di dalam perkongsian atau pertukaran maklumat dan perbincangan berkaitan yang perlu dibuat bagi apa-apa atau mana-mana peraturan baharu yang ditetapkan yang dirasakan boleh menjadi halangan/masalah bagi sesuatu produk dipasarkan.

### **Penubuhan Jawatankuasa TBT**

Peruntukan ini merujuk kepada keperluan setiap negara menganggotai Jawatankuasa TBT yang ditubuhkan bagi meningkatkan kerjasama di dalam bidang penguatkuasaan, standard dan penilaian pematuhan. Jawatankuasa ini boleh menubuhkan kumpulan kerja bagi menjalankan fungsi-fungsi khusus di bawah jawatankuasa ini. Seorang pemantau juga perlu dilantik bagi memudahkan komunikasi di kalangan negara anggota. Jawatankuasa ini akan bersidang dalam tempoh setahun selepas perjanjian ini dimeterai seterusnya pada sela masa yang dipersetujui di kalangan negara anggota. Sebarang keputusan perlulah dicapai secara konsensus.

Pada masa yang sama, jawatankuasa ini perlu mempertimbangkan aktiviti-aktiviti yang dijalankan di bawah forum-forum lain, bagi memastikan tiada sebarang duplikasi/pertindihan dalam menjalankan aktiviti tersebut.



## BAB 9 PELABURAN

### PENGENALAN

Kemasukan pelaburan langsung asing (FDI) adalah penting bagi tujuan menggalakkan pertumbuhan ekonomi negara yang seterusnya boleh mewujudkan pelbagai peluang pekerjaan. Ia juga merupakan antara faktor penyumbang utama yang berupaya untuk membawa negara mencapai status negara maju. Dalam suasana ekonomi global yang dinamik, persaingan untuk menarik FDI menjadi semakin sengit. Maka, adalah penting untuk Kerajaan memberi isyarat positif kepada para pelabur asing bahawa mereka akan menerima layanan yang sewajarnya selaras dengan undang-undang dan dasar semasa negara serta obligasi negara di bawah undang-undang antarabangsa yang terpakai.

Tumpuan Malaysia adalah untuk menarik pelaburan yang berintensifkan modal serta berteknologi tinggi. Pelaburan yang sedemikian dapat mewujudkan peluang-peluang pekerjaan yang memerlukan kemahiran yang tinggi. Di samping itu, terdapat ramai syarikat Malaysia yang kini telah mengembangkan perniagaan ke pasaran luar dan seterusnya membuat pelaburan di negara asing. Dalam hal ini, adalah menjadi hasrat pelabur-pelabur daripada Malaysia ini supaya negara di mana pelaburan itu dibuat mempunyai suatu kerangka undang-undang dan dasar yang telus dan saksama (*fair*) selaras dengan komitmen yang termaktub di bawah undang-undang antarabangsa yang terpakai.

Bab Pelaburan di bawah Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) bukanlah suatu perkara yang baru bagi Malaysia. Malaysia juga telah menandatangani FTA yang turut meliputi Bab Pelaburan. Berdasarkan prinsip *reciprocal treatment* untuk melindungi pelabur asing dan pelaburan, FTA memberikan perlindungan kepada pelabur-pelabur asing di Malaysia dan juga pelabur-pelabur daripada Malaysia yang membuat pelaburan di luar negara. Sehingga kini, Malaysia telah menandatangani 74 *Investment Guarantee*

*Agreements (IGAs)* dan 8 FTA yang mengandungi Bab Pelaburan serta mekanisme penyelesaian pertikaian antara pelabur asing dengan kerajaan (ISDS).

## **STRUKTUR BAB PELABURAN DI BAWAH PERJANJIAN TPP**

Terbahagi kepada **dua seksyen**:

- i. **Seksyen A:** Meliputi skop, definisi dan obligasi kerajaan berhubung kemasukan pelaburan asing di Malaysia; dan
- ii. **Seksyen B:** Menggariskan prosedur ISDS yang perlu dipatuhi oleh pelabur asing yang berhasrat untuk mengambil tindakan undang-undang dalam sesuatu pertikaian akibat pelanggaran perjanjian berhubung:
  - a. obligasi di bawah Seksyen A;
  - b. *investment authorisation* bagi negara yang mempunyai proses *screening* di bawah akta khas; dan
  - c. kontrak pelaburan ("*investment agreement*") yang ditandatangani di peringkat Kerajaan Persekutuan yang melibatkan i) sumber-sumber semula jadi (kecuali tanah, air dan spektrum radio); ii) konsesi penyediaan perkhidmatan untuk kegunaan awam (penjanaan serta pengagihan tenaga dan air serta telekomunikasi); dan iii) projek-projek infrastruktur.

**Obligasi Kerajaan** di bawah **Seksyen A** termasuk:

- i. memberi layanan tanpa diskriminasi kepada semua pelabur asing, sama ada sesama pelabur asing atau pelabur asing dengan pelabur tempatan. Walau bagaimanapun, diskriminasi adalah dibenarkan di mana ia disenaraikan dalam satu senarai yang akan turut menjadi sebahagian daripada Bab Pelaburan. Contoh pengecualian ini termasuklah kebenaran untuk mengenakan syarat

ekuiti asing dalam sektor-sektor sensitif seperti yang melibatkan agenda bumiputera, perolehan kerajaan dan sebagainya.

- ii. **memberi layanan minimum yang standard** (*minimum standard of treatment*) kepada pelabur asing - selaras dengan undang-undang antarabangsa yang terpakai iaitu *customary international law*:
  - layanan yang saksama dan adil, atau dikenali sebagai *fair and equitable treatment* (FET) yang memerlukan tahap layanan yang minimum dalam proses perundangan seperti *due process of law*; dan
  - **tahap keselamatan** dan perlindungan fizikal terhadap pelaburan yang mencukupi, atau dikenali sebagai *full protection and security*.
- iii. **Menetapkan kaedah pembayaran pampasan** apabila berlaku rampasan (***expropriation***) di mana antara lain pembayaran hendaklah dilaksanakan dengan kadar segera dengan nilai yang memadai (*prompt, adequate, and effective compensation*). Rampasan juga hendaklah dibuat berdasarkan tujuan awam (*public purpose*), *tanpa diskriminasi* dan selaras dengan *due process of law*.
- iv. **Syarat-syarat khusus** tidak boleh dikenakan terhadap pelabur asing berhubung dengan pelaburan mereka seperti mengenakan syarat eksport dan pemindahan teknologi. Namun, syarat sedemikian boleh dikenakan sekiranya kerajaan memberikan insentif atau bagi tujuan perolehan kerajaan.
- v. **Membenarkan pemindahan ke luar negara** semua dana, keuntungan, fi pengurusan atau sebarang hasil yang diperolehi daripada pelaburan. Namun, Malaysia masih mempunyai ruang dasar yang mencukupi untuk mengambil langkah-langkah yang sewajarnya bagi memastikan pergerakan aliran modal, terutamanya aliran modal yang tidak menentu, tidak akan menjejaskan kestabilan makroekonomi dan kewangan negara.

- vi. Kerajaan juga mempunyai hak untuk mengambil langkah-langkah kawal selia yang bertujuan untuk memelihara kebajikan awam seperti kesihatan awam, alam sekitar dan bagi tujuan menjaga kepentingan keselamatan.

**Seksyen B** pula menggariskan skop pertikaian serta prosedur untuk penyelesaian pertikaian antara pelabur asing dengan kerajaan menerusi mekanisme ISDS:

- a. Pelabur asing hendaklah berusaha untuk menyelesaikan pertikaian melalui proses konsultasi (*consultation*) atau *rundingan (negotiation)* terlebih dahulu dalam tempoh 6 bulan daripada tarikh sesuatu pertikaian itu timbul, sebelum sesuatu pertikaian itu dirujuk dan dibawa di hadapan tribunal timbang tara antarabangsa;
- b. Sekiranya pertikaian tersebut tidak dapat diselesaikan menerusi rundingan atau perantaraan, pelabur asing boleh selepas itu mengemukakan pertikaian untuk **timbang tara** di bawah salah satu daripada forum timbang tara yang dinyatakan di bawah:
  - i. Konvensyen mengenai Penyelesaian Pertikaian Pelaburan (ICSID) dan Peraturan ICSID berkaitan Prosedur untuk Prosiding Timbang Tara;
  - ii. *ICSID Additional Facility Rules*;
  - iii. *UNCITRAL Arbitration Rules*; atau
  - iv. Institusi timbang tara selainnya atau di bawah peraturan timbang tara selainnya.
- c. Tribunal timbang tara hendaklah terdiri daripada tiga orang ahli panel penimbang tara (*arbitrators*). Setiap pihak yang bertikai akan melantik penimbang tara pilihan masing-masing, manakala penimbang tara yang ketiga perlu dilantik secara persetujuan bersama oleh pihak-pihak yang bertikai.

**Perlindungan** (*safeguards*) kepada kerajaan dalam menghadapi sesuatu isu penyelesaian pertikaian dengan pelabur asing:

- a. Pelabur asing perlu membuktikan terdapat kerugian akibat tindakan kerajaan yang dirasakan telah melanggar obligasi yang digariskan di bawah Seksyen A;
- b. Pihak pelabur asing dikehendaki membayar fi peguam kerajaan sekiranya tuntutan yang dikemukakan di dapati tidak berasas (*frivolous claims*);
- c. Mewajibkan proses konsultasi (*consultation*) dan rundingan (*negotiation*) sebelum sesuatu tuntutan itu dibawa ke tribunal timbang tara antarabangsa; dan
- d. Menetapkan suatu tempoh tamat (*cut-off*), di mana pelabur asing tidak boleh membuat tuntutan sekiranya telah melepasi tempoh tiga tahun enam bulan sejak pelabur asing menyedari terdapatnya pelanggaran obligasi oleh kerajaan.

## BAB 10 PERKHIDMATAN

### PENGENALAN

Bab perkhidmatan memperincikan kaedah yang digunakan oleh setiap negara TPP dalam mengurus dan mengawal selia rejim sektor perkhidmatan negara masing-masing menerusi komitmen yang telah dipersetujui oleh semua Negara anggota TPP. Semua peruntukkan dalam Bab ini bertujuan untuk memberi kepastian kepada pelabur, pembekal perkhidmatan dan pengguna perkhidmatan dengan mewujudkan satu persekitaran perdagangan yang terancang dan tulus bagi sektor perkhidmatan. Semua peruntukkan kaedah ini dalam perjanjian ini bukanlah perkara baru malah merupakan peruntukkan yang telah ditetapkan dalam dokumen GATS yang diasaskan oleh Pertubuhan Perdagangan Dunia (*World Trade Organisation* - WTO) di mana Malaysia telah menjadi negara anggota sejak tahun 1995.

Bab ini juga menggariskan pengecualian tertentu bagi sebarang perkhidmatan sosial dan kebajikan yang dibekalkan oleh Kerajaan kepada rakyat di mana perkhidmatan tersebut tidak tertakluk kepada obligasi yang telah dipersetujui dalam perjanjian TPPA ini.

### KOMPONEN BAB PERKHIDMATAN DI BAWAH PERJANJIAN TPP

#### Skop dan Definisi Terma

Bab Perkhidmatan memperincikan skop yang merangkumi semua jenis aktiviti yang berkaitan dengan pembekalan dan penyediaan dalam sektor perkhidmatan **kecuali**:

- i. aktiviti pelaburan;
- ii. sektor kewangan;
- iii. perolehan kerajaan;
- iv. perkhidmatan yang disediakan oleh Kerajaan; dan

- v. sektor-sektor di mana warga asing tidak dibenarkan untuk membekal dan menyediakan perkhidmatan tersebut.

Terma-terma yang diguna pakai dalam Bab ini adalah berdasarkan definisi yang telah ditentukan dan dipersetujui di bawah WTO. Antara definisi terma-terma yang dinyatakan dalam Bab ini adalah:

- i. **'service supplied in the exercise of governmental authority'** membawa maksud perkhidmatan yang disediakan oleh pihak kerajaan adalah perkhidmatan sosial atau kebajikan ataupun tidak bersaing dengan mana-mana pembekal atau penyedia perkhidmatan yang menjalankan perkhidmatan secara komersial.
- ii. **'service supplier of a Party'** adalah penyedia atau pembekal perkhidmatan daripada negara TPP yang ingin menjalankan aktiviti perkhidmatan dalam mana-mana negara TPP.
- iii. **'cross-border trade in services or cross-border supply of services'** adalah skop perkhidmatan yang disediakan atau dibekalkan di dalam mana-mana negara TPP akan tertakluk kepada Bab ini kecuali aktiviti pelaburan yang jatuh di bawah Bab Pelaburan.
- iv. **'measures adopted or maintained by a Party'** merujuk kepada kaedah yang digunakan oleh setiap negara TPP dalam mengurus rejim sektor perkhidmatan negara masing-masing. Kaedah membawa maksud undang-undang, polisi semasa, garis panduan dan arahan pentadbiran yang dikeluarkan oleh kerajaan atau pihak berkuasa negara TPP masing-masing yang menggaris panduan syarat-syarat yang dikenakan ke atas warga asing yang ingin menyedia atau membekalkan sesuatu aktiviti perkhidmatan.

- v. '**enterprise of a Party**' membawa maksud syarikat, anak syarikat atau cawangan yang ditubuhkan mengikut syarat-syarat tempatan yang dikenakan oleh setiap negara TPP bagi tujuan menjalankan aktiviti pembekalan dan penyediaan perkhidmatan.

### **Obligasi Negara**

Bab Perkhidmatan ini seterusnya mempunyai beberapa artikel khusus yang memperincikan obligasi Malaysia seperti:

- i. Artikel berkenaan **National Treatment** mengkehendaki Malaysia memberi layanan sama rata kepada mana-mana pembekal atau penyedia sektor perkhidmatan daripada negara TPP yang lain seperti mana diberikan kepada pembekal atau penyedia sektor perkhidmatan tempatan.
- ii. Artikel berkenaan **Most-Favoured-Nation Treatment** menjelaskan tentang layanan negara keutamaan yang harus diberikan Malaysia kepada semua negara-negara TPP. Dalam situasi di mana ada negara TPP yang memberi layanan negara keutamaan yang lebih baik kepada mana-mana negara bukan TPP, negara-negara TPP berhak untuk mendapatkan layanan tersebut.
- iii. Artikel mengenai **Market Access** menerangkan obligasi Malaysia di bawah Bab untuk tidak mengenakan sekatan kepada pembekal atau penyedia perkhidmatan daripada mana-mana negara TPP yang lain;
- iv. Artikel mengenai **Local Presence** menjelaskan bahawa penubuhan syarikat tempatan tidak boleh dijadikan syarat utama sebelum kebenaran diberi kepada pembekal dan penyedia perkhidmatan warga asing untuk menjalankan aktiviti di mana-mana negara TPP.
- v. Artikel mengenai **Non-Conforming Measures** menggariskan sebarang sekatan yang diperuntukkan di bawah undang-undang Malaysia atau kaedah-



kaedah lain yang dikenakan ke atas warga asing oleh kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan tertakluk kepada Bab ini.

- vi. Artikel tentang ***Domestic Regulation*** merujuk kepada kaedah yang digunakan oleh setiap negara TPP dalam mengurus rejim sektor perkhidmatan negara masing-masing.
- vii. Artikel ***Recognition*** membolehkan mana-mana negara TPP untuk mengadakan perjanjian akreditasi bagi profesion yang dipersetujui dan menubuhkan kumpulan kerja bagi tujuan ini.
- viii. Artikel berkenaan ***Denial of Benefits*** menerangkan keadaan di mana terdapat pembekal atau penyedia perkhidmatan yang bukan berasal daripada mana-mana negara TPP, Malaysia dan anggota TPP yang lain mempunyai hak untuk mempertimbangkan sama ada untuk membenarkan atau menolak manfaat yang diperolehi di bawah Bab ini.
- ix. Artikel ***Transparency*** memastikan ketelusan dalam penyediaan maklumat termasuk penerbitan kesemua kaedah yang digunakan yang berpunca dari undang-undang, polisi semasa, garis panduan dan arahan pentadbiran yang dikeluarkan oleh Kerajaan atau pihak berkuasa Malaysia yang menggaris pandukan syarat-syarat yang dikenakan terhadap warga asing yang ingin menyedia atau membekalkan.
- x. Artikel ***Payment and Transfers*** memastikan tiada sekatan ke atas mata wang asing yang digunakan dalam semua transaksi merentas sempadan bagi tujuan pembayaran dan kiriman wang semua aktiviti penyediaan dan pembekalan perkhidmatan. Selain itu, kadar pertukaran mata wang haruslah mengikut harga pasaran semasa. Selain itu, artikel ini membenarkan negara-negara TPP untuk mengambil langkah sekatan dalam beberapa keadaan tertentu seperti

muflis, ketidakmampuan sekiranya ada salah laku atau kes jenayah atau lain-lain situasi berkenaan dengan pemindahan bayaran melibatkan mata wang asing.

### **Pengecualian (*Exceptions*)**

Semua komitmen dalam Bab ini mengekalkan hak semua negara anggota TPP untuk menguatkuasakan peraturan domestik dalam sektor perkhidmatan masing-masing. Akan tetapi, jika ada sebarang sekatan diperlukan bagi memenuhi dasar dan kepentingan negara TPP masing-masing, pengecualian (*exceptions*) tertentu dibenarkan.

Bentuk-bentuk pengecualian yang dibenarkan dalam Bab ini adalah seperti:

- i. Pengecualian Keselamatan dan Am - Membenarkan Kerajaan untuk mengawal selia sebarang pelaksanaan undang-undang dalam bidang keselamatan, kesihatan dan alam sekitar;
- ii. Pengecualian di dalam skop tertentu - sebagai contoh, sektor perkhidmatan pengangkutan udara dikecualikan daripada Bab Perkhidmatan dalam perjanjian ini;
- iii. Pengecualian berdasarkan bidang – contohnya layanan sama rata (*national treatment*) tidak terpakai bagi subsidi atau perolehan kerajaan; dan
- iv. Penyenaraian pengecualian – menyenaraikan pengecualian tertentu dalam Annex *Non Conforming Measure* (NCM) yang menentukan perkara-perkara yang terkecuali daripada obligasi tertentu yang ditetapkan.

### **Penyenaraian Pengecualian (*Non Conforming Measure (NCM)*)**

Pendekatan Bab Perkhidmatan dalam Perjanjian TPP ini adalah menerusi penyenaraian pengecualian ***negative listing*** berbanding FTA sebelum ini yang menggunakan *positive listing*. *Negative listing* ini bermakna, layanan sama rata akan dikenakan kepada warga asing **kecuali** bagi dalam sektor-sektor dan aktiviti-aktiviti yang disenaraikan dalam **Annex NCM**. Annex NCM ini akan mengandungi maklumat terperinci mengenai mana-mana sekatan atau kaedah diskriminasi yang dikenakan mengikut undang-undang atau kaedah-kaedah ke atas warga asing dalam aktiviti

membekal dan menyediakan perkhidmatan serta menyenaraikan aktiviti-aktiviti di mana warga asing tidak dibenarkan menyedia dan membekalkan perkhidmatan.

Senarai NCM terbahagi kepada **dua Annex**:

- i. **Annex I** - mengikat peraturan sedia ada yang akan memberi layanan yang berbeza kepada warga asing berbanding pelabur tempatan ; dan
- ii. **Annex II** – memberi ruang dasar (*policy space*) bagi peraturan sedia ada untuk memperuntukkan sebarang kaedah yang berbeza untuk warga asing pada masa akan datang.

Bagi kedua-dua Annex, beberapa jenis obligasi di bawah Bab Perkhidmatan dan Bab Pelaburan boleh diperuntukkan bagi menerangkan skop pengecualian yang dikenakan. Jenis-jenis obligasi tersebut adalah:

- i. Layanan Nasional (*National Treatment*);
- ii. Layanan Samarata bagi Pelabur Asing (*Most Favoured Nation Treatment*);
- iii. Penubuhan entiti (*Local Presence*);
- iv. Akses pasaran (*Market Access*);
- v. Pengurusan Tertinggi & Lembaga Pengarah (*Senior Management and Board of Directors*); dan
- vi. Pematuhan Prestasi (*Performance Requirement*).

Malaysia telah menetapkan sebanyak 20 pengecualian dalam pelbagai sektor dalam Annex I dan sebanyak 17 pengecualian dalam Annex II.

### **Tanggungjawab Undang-undang Tempatan (*Domestic Regulations*)**

Bab Perkhidmatan ini juga mempunyai peruntukan memastikan kaedah yang digunakan tidak akan menjejaskan kebolehan warga asing daripada menyediakan atau membekalkan sesuatu aktiviti perkhidmatan di Malaysia. Sekiranya sebarang lesen dan permit diperlukan untuk menjalankan sesuatu aktiviti perkhidmatan, maklumat serta

proses bagi permohonan lesen atau permit tersebut perlu telus dan diproses dengan kadar segera mengikut garis panduan yang telah ditetapkan.

Dalam pada itu, apabila terdapat sebarang kesilapan dalam borang permohonan, pihak berkuasa perlu memaklumkan pemohon tentang langkah-langkah pembetulan yang perlu diambil dengan kadar yang segera. Bayaran fi yang dikenakan juga haruslah setimpal dengan kerja-kerja pemprosesan permohonan.

Seterusnya, jika pengambilan ujian adalah salah satu syarat yang dikenakan untuk mendapatkan lesen atau permit, pihak yang mengenakan syarat tersebut haruslah memastikan kekerapan dan masa ujian tersebut adalah bersesuaian. Sekiranya penentuan kompetensi merupakan syarat dalam pertimbangan untuk meluluskan lesen atau permit, setiap negara TPP haruslah memastikan terdapatnya prosedur yang telus untuk menilai kompetensi pemohon tersebut.

### **Perkhidmatan Pos**

Bab Perkhidmatan ini juga mempunyai Bahagian khas yang meneliti dan mengiktiraf kepentingan perkhidmatan pos secara amnya. Bahagian ini seterusnya menetapkan bahawa perkhidmatan penghantaran pos laju yang dibekalkan oleh syarikat milikan kerajaan haruslah tidak menjejaskan perkhidmatan penghantaran pos laju yang dibekalkan oleh mana-mana syarikat komersil.

## **BAB 11 PERKHIDMATAN KEWANGAN**

### **PENGENALAN**

Bab Perkhidmatan Kewangan bertujuan untuk memudahkan peningkatan perdagangan dalam perkhidmatan perniagaan berasaskan konsep saling menguntungkan di samping mengiktiraf hak untuk mengawal selia.

Bab Perkhidmatan Kewangan (“Bab PK”) menerangkan obligasi dan komitmen terhadap perdagangan dan pelaburan dalam sektor perkhidmatan kewangan. Ini bertujuan untuk memberikan ketelusan dan kepastian yang lebih baik mengenai peluang akses pasaran dan peraturan domestik di negara anggota TPP.

Walaupun TPPA merupakan perjanjian perdagangan bebas pertama bagi Malaysia, yang mengandungi bab perkhidmatan kewangan tersendiri (*stand-alone*), kebanyakan obligasi adalah berdasarkan perjanjian perdagangan bebas yang mapan dan Malaysia merupakan salah satu pihak yang terlibat dengannya. Dalam perjanjian perdagangan terdahulu, obligasi yang berkaitan dengan sektor perkhidmatan kewangan dimasukkan di bawah dan dijadikan lampiran dalam bab perkhidmatan.

Bab PK ini juga memelihara hak untuk menerima pakai dan mengekalkan mana-mana langkah atas sebab-sebab kehematan dan juga bagi memastikan integriti dan kestabilan sistem kewangan.

Anggota TPPA juga secara eksplisit mengekalkan budi bicara mereka dalam memberikan terhadap layanan berbeza dalam bidang sektor perkhidmatan kewangan, yang dalam pandangan mereka mempunyai kepentingan negara dan pembangunan.

Terdapat mekanisme buat pelabur untuk mencari penyelesaian sekiranya timbul sesuatu pertikaian. Walau bagaimanapun, perlindungan yang mencukupi telah

dimasukkan dalam Bab PK untuk memastikan pelabur tidak mengambil kesempatan daripada mekanisme ini dengan membuat tuntutan yang tidak munasabah.

## **STRUKTUR BAB PERKHIDMATAN KEWANGAN**

Bab PK terpakai kepada pengawalseliaan insititusi-institusi kewangan, pelaburan dalam institusi kewangan dan penyedia perkhidmatan kewangan merentas sempadan.

Bab PK tidak terpakai berhubung dengan pemerolehan kerajaan bagi perkhidmatan kewangan, rancangan persaraan awam atau rancangan keselamatan sosial atau aktiviti yang menggunakan jaminan atau sumber kewangan kerajaan selagi mereka tidak bersaing dengan institusi kewangan lain.

Bab PK meliputi obligasi yang dikenakan terhadap Pihak TPP yang mengawal penyediaan perkhidmatan kewangan dalam wilayah masing-masing, dan juga pengecualian kepada komitmen akses pasaran melalui senarai langkah tidak patuh (*non-conforming measures*).

## **OBLIGASI PERKHIDMATAN KEWANGAN**

Obligasi ini menjelaskan prinsip-prinsip dalam mengawal penyedia kewangan TPP di Malaysia. Kebanyakan Obligasi ini adalah berdasarkan peraturan yang dipersetujui seperti ditetapkan oleh Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO) di bawah Perjanjian Am Mengenai Perdagangan dan Perkhidmatan (GATS). Walau bagaimanapun, Bab PK dalam TPP termasuk obligasi baharu yang merupakan tambahan kepada peraturan tradisional yang terkandung dalam *GATS Annex on Financial Services*.

Obligasi teras ialah:

- i) **Layanan Negara (*National Treatment*):** Pihak-pihak dalam perjanjian hendaklah tidak mendiskriminasikan antara penyedia perkhidmatan kewangan TPP dengan penyedia perkhidmatan kewangan milik tempatan.

- ii) **Layanan Negara Yang Diutamakan (*Most-Favoured Nation Treatment*):** Pihak-pihak dalam perjanjian hendaklah tidak mendiskriminasikan antara penyedia perkhidmatan kewangan TPP dengan mana-mana penyedia perkhidmatan kewangan asing yang lain.
- iii) **Akses Pasaran kepada Institusi Kewangan (*Market Access for Financial Institutions*):** Pihak-pihak dalam perjanjian hendaklah tidak mengenakan had kepada pelabur TPP yang ingin menubuhkan institusi kewangan dengan berasaskan kuota, nilai atau melalui keperluan ekonomi.
- iv) **Perdagangan Merentas Sempadan (*Cross-Border Trade*):** Pihak-pihak dalam perjanjian hendaklah membenarkan penyediaan perkhidmatan kewangan daripada penyedia perkhidmatan kewangan TPP dalam wilayah TPP yang lain.

Obligasi tambahan utama ialah:

- i) **Standard layanan yang minimum (*Minimum Standard of Treatment*):** Pihak-pihak dalam perjanjian perlu memberikan layanan yang adil dan saksama serta perlindungan dan keselamatan sepenuhnya selaras dengan kelaziman undang-undang antarabangsa.
- ii) **Perkhidmatan Kewangan Baharu (*New Financial Services*):** Pihak-pihak dalam perjanjian perlu membenarkan penyediaan perkhidmatan kewangan yang belum terdapat dalam wilayahnya. Walau bagaimanapun, peruntukan perkhidmatan tersebut hendaklah memenuhi keperluan kehematan yang ditetapkan oleh Pihak tuan rumah.
- iii) **Pengecualian (*Exceptions*):** Pihak-pihak dalam perjanjian dibenarkan untuk melaksanakan dan mengekalkan langkah-langkah bukan diskriminasi, secara jujur:

- atas sebab-sebab kehematan atau untuk memastikan integriti dan kestabilan sistem kewangan,
- untuk melaksanakan dasar monetari dan kredit yang berkaitan atau dasar kadar pertukaran,
- untuk memastikan keselamatan, keutuhan, integriti atau tanggungjawab kewangan institusi kewangan atau penyedia perkhidmatan merentas sempadan; dan
- untuk memastikan pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan negara.

iv) **Langkah-langkah tidak patuh (*Non-Conforming Measures*):** Satu bentuk pengisytiharan oleh Pihak-pihak dalam perjanjian mengenai langkah-langkah yang tidak mematuhi obligasi dalam Bab PK. Terdapat dua seksyen.

- Seksyen A menyenaraikan langkah-langkah yang tidak boleh ditarik balik iaitu yang tidak boleh lebih ketat. Liberalisasi langkah-langkah selanjutnya yang disenaraikan dalam Seksyen A akan secara automatik dijamin dan tertakluk kepada obligasi Bab PK.
- Seksyen B menyenaraikan langkah-langkah yang mungkin ditarik balik iaitu yang boleh lebih ketat.

v) **Penyelesaian Pertikaian Negara- Pelabur (*Investor-State Dispute Settlement (ISDS)*):** Hanya terpakai kepada obligasi terpilih. Memperincikan prosedur khusus yang harus dipatuhi, terutamanya dalam memilih panel penimbang tara.

- jika Malaysia menggunakan artikel Pengecualian sebagai pembelaan, terdapat proses tambahan diperkenalkan sebelum panel ISDS boleh memutuskan sama ada Pengecualian sebagai pembelaan yang sah.
  - o pengawal selia perkhidmatan kewangan bagi pihak yang membuat pembelaan menentukan terlebih dahulu sama ada pembelaan Pengecualian itu adalah sah. Jika tiada keputusan dibuat, panel pakar



perkhidmatan kewangan akan ditubuhkan untuk menentukan sama ada artikel Pengecualian ialah pembelaan yang sah.

- keputusan yang dibuat dalam mana-mana peringkat ini adalah terikat bagi panel ISDS.
- jika keputusan tidak dibuat, panel ISDS akan menyambung semula dan akan meneruskan untuk memutuskan sama ada Pengecualian ialah pembelaan yang sah.

vi) **Perkhidmatan Kad Pembayaran Elektronik (*Electronic Payment Card Services*)**: Untuk membolehkan penyediaan perkhidmatan kad pembayaran elektronik merentas sempadan. Pihak-pihak juga mengekalkan hak untuk meminta sumbangan daripada penyedia tersebut untuk membangunkan infrastruktur sistem pembayaran domestik, pengawalseliaan semua yuran yang berkaitan dengan penyediaan perkhidmatan tersebut dan juga memerlukan pemeriksaan di tapak penyedia perkhidmatan tersebut.

## **BAB 12      KEMASUKAN SEMENTARA PELABUR ASING ATAU PEKERJA MAHIR ASING (*TEMPORARY ENTRY*)**

Bab ini adalah berkaitan disiplin kepada Negara TPP dalam melaksanakan peraturan dan syarat kemasukan sementara pelabur asing atau pekerja mahir asing seperti tempoh menetap dan kategori pakar.

### **DEFINISI**

Artikel ini menjelaskan definisi bagi terma-terma yang diguna pakai dalam Bab ini seperti yang berikut:

- **“pelawat bagi tujuan perniagaan”** merujuk kepada pelabur asing yang membekalkan perkhidmatan, membuat pelaburan atau menjalankan aktiviti berkaitan dengan perniagaan.
- **“pihak berkuasa”** merujuk kepada pihak yang memproses pasport atau dokumen perjalanan.
- **“keperluan imigresen”** merujuk kepada dokumen perjalanan seperti visa, permit, pas masuk, atau dokumen lain, termasuklah dalam bentuk elektronik yang diiktiraf dan sah untuk masuk ke mana-mana negara TPP.
- **“peraturan imigresen”** merujuk kepada sebarang syarat-syarat kelayakan untuk perjalanan masuk dan kebenaran tinggal bagi pelawat daripada negara-negara TPP’
- **“kemasukan sementara”** merujuk kepada oleh kemasukan sementara pekerja mahir asing bagi tujuan perniagaan atau membekalkan perkhidmatan ke dalam negara-negara TPP tanpa hasrat untuk bermastautin.

## **SKOP**

Skop Bab ini terhad kepada kemasukan sementara pekerja mahir asing untuk bagi tujuan perniagaan atau membekalkan perkhidmatan di negara-negara TPP.

Setiap negara TPP perlu memastikan syarat-syarat kelayakan yang dikenakan untuk perjalanan masuk dan kebenaran menetap sementara bagi pekerja mahir asing daripada negara-negara TPP adalah konsisten dengan obligasi di bawah Bab ini.

Namun demikian, negara-negara TPP masih mempunyai hak untuk menggubal dan melaksana peruntukkan ke atas kemasukan pekerja mahir asing bagi tujuan keselamatan sempadan.

Peruntukkan yang berkaitan dengan kewarganegaraan, permastautinan, pekerjaan tetap juga adalah di luar skop Bab ini.

## **PROSEDUR PERMOHONAN**

Di bawah Bab ini, setiap negara TPP perlu memproses permohonan dan dokumen-dokumen perjalanan yang sah dan memaklumkan status permohonan dengan kadar segera.

Sekiranya terdapat sebarang kesilapan dalam borang permohonan pihak berkuasa perlu memaklumkan pemohon tentang langkah-langkah pembetulan yang perlu diambil dengan kadar yang segera.

Fi yang dikenakan haruslah setimpal dengan kerja-kerja pemprosesan permohonan.

## **PEMBERIAN KEMASUKAN SEMENTARA**

Negara-negara TPP akan menyenaraikan komitmen masing-masing dalam Annex 12 – A. Komitmen ini tertakluk kepada undang-undang domestik negara-negara TPP bagi pelabur asing atau pekerja mahir asing yang menyediakan dan membekalkan perkhidmatan, membuat pelaburan atau menjalankan aktiviti berkaitan dengan perniagaan, mengikut kelayakan dan tempoh menetap yang ditetapkan.

Syarat-syarat kelayakan yang dikenakan untuk perjalanan masuk dan kebenaran tinggal bagi pelabur asing atau pekerja mahir asing daripada negara-negara TPP dianggap konsisten dengan obligasi di bawah Bab ini.

Pihak berkuasa mana-mana negara TPP mempunyai hak untuk menolak sebarang permohonan sekiranya terdapat sebarang kes perbalahan mengenai tenaga kerja atau isu pengambilan kerja yang berbangkit dari permohonan tersebut. Apabila permohonan ditolak berdasarkan alasan di atas, perkara ini perlu dimaklumkan kepada pemohon yang berkaitan dengan kadar segera.

## **PERJALANAN PERNIAGAAN**

Bab ini memastikan setiap negara TPP menyediakan akses untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan kemasukan dan penetapan sementara warganegara TPP, memaklumkan jangka masa yang diperlukan untuk memproses permohonan, dan adanya saluran pertanyaan atau bantuan bagi tujuan ini.

## **PERKONGSIAN MAKLUMAT**

Bab ini memastikan setiap negara TPP menyediakan akses untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan kemasukan dan penetapan sementara pelabur asing atau pekerja mahir asing TPP, memaklumkan jangka masa yang diperlukan untuk memproses permohonan dan adanya saluran pertanyaan atau bantuan bagi tujuan ini.

## **JAWATANKUASA KEMASUKAN SEMENTARA BAGI PEKERJA MAHIR ASING**

Penubuhan Jawatankuasa yang dianggotai oleh wakil daripada setiap negara TPP yang akan menyelia dan memantau pelaksanaan Bab ini. Jawatankuasa ini juga akan membincangkan hal-hal mengenai perjalanan masuk dan kebenaran tinggal bagi pelabur asing atau pekerja mahir asing daripada negara-negara TPP dan mengadakan program usaha sama bagi perkara ini.

## **KERJASAMA**

Artikel ini memberi peluang kepada negara-negara TPP untuk mengadakan program pembangunan dan usaha sama yang akan membincangkan isu seperti keselamatan sempadan, sistem kemasukan warga asing, teknologi yang berkaitan dengan keselamatan biometrik dan mengurangkan beban pemprosesan permohonan.

## **PERKAITAN DENGAN BAB LAIN**

Syarat-syarat kelayakan yang dikenakan untuk perjalanan masuk dan kebenaran tinggal bagi pelabur asing atau pekerja mahir asing daripada negara-negara TPP dianggap konsisten dengan obligasi di bawah Bab ini.

## **PENYELESAIAN PERTIKAIAN**

Tindakan undang-undang tidak boleh diambil oleh mana-mana negara TPP kecuali dalam situasi di mana permohonan yang sama kerap kali ditolak tanpa alasan yang munasabah dan jika permohonan tersebut telah mengambil semua langkah-langkah penyelesaian secara pentadbiran akan tetapi permohonannya masih ditolak.

## **BAB 13 TELEKOMUNIKASI**

### **OBJEKTIF DAN SKOP**

Objektif Bab ini adalah untuk menggalakkan persaingan dengan mematuhi piawaian dan amalan pengawalseliaan antarabangsa bagi sektor perkhidmatan telekomunikasi yang boleh menggalakkan pelaburan

Bab ini akan terpakai kepada langkah-langkah berkaitan dengan pencapaian kepada dan penggunaan perkhidmatan telekomunikasi awam. Ia juga terpakai kepada obligasi terhadap pembekal perkhidmatan telekomunikasi awam serta langkah-langkah lain yang berkaitan dengan perkhidmatan telekomunikasi

Bab ini tidak membincangkan mengenai akses pasaran secara khusus tetapi disiplin menjalankan perdagangan perkhidmatan telekomunikasi. Sekiranya ada rujukan kepada akses pasaran ia adalah merujuk kepada apa juga komitmen yang telah dipersetujui oleh Pihak-Pihak TPP.

Bab ini tidak terpakai kepada:

- Perkhidmatan penyiaran; dan
- Edaran program radio dan televisyen menerusi kabel.

### **OBLIGASI UTAMA DALAM SEKTOR PERKHIDMATAN TELEKOMUNIKASI**

Antara obligasi utama dalam Bab ini adalah seperti berikut:

#### **Pendekatan Kawal Seliaan**

Sesuai Pihak dibenarkan untuk mengenal pasti kaedah dan pendekatan yang terbaik dalam melaksanakan keperluan kawal seliaan dan boleh memilih antara pendekatan berikut:

- pendekatan kawal sedia secara terus; atau
- bergantung kepada pasaran; atau
- lain-lain kaedah yang sesuai.

Dalam masa diperlukan, sesebuah Pihak dibenarkan tidak melaksanakan pengawalseliaan (*forebear*) seperti yang diperuntukkan dalam perundangan domestik masing-masing.

### **Pencapaian dan Penggunaan Perkhidmatan Telekomunikasi Awam**

Sesuatu Pihak hendaklah memastikan bahawa pencapaian dan penggunaan bagi sebarang perkhidmatan telekomunikasi awam, yang ada ditawarkan di pasaran, diberikan kepada perusahaan kepunyaan Pihak lain.

Sesuatu Pihak juga akan membenarkan pembekal perkhidmatan Pihak lain untuk membeli, menyewa, menghubungkan dan melekatkan peralatan antara muka dengan rangkaian perkhidmatan telekomunikasi awam. Dalam artikel ini, syarat-syarat pencapaian dan penggunaan adalah tertakluk kepada keperluan pelesenan mengikut undang-undang dan peraturan domestik.

### **Obligasi Berkaitan Dengan Pembekal Perkhidmatan Telekomunikasi**

Sesuatu Pihak akan memastikan untuk membenarkan sambungtara antara pembekal tempatan dengan pembekal Pihak lain, dan juga memastikan nombor boleh alih dilaksanakan di samping pencapaian kepada nombor-nombor telekomunikasi yang dikeluarkan.

Bagi Malaysia, nombor boleh alih hanya terpakai bagi perkhidmatan mobil komersial sahaja, dan bagi perkhidmatan tetap, hanya apabila Malaysia sendiri bersedia dengan mengenal pasti bahawa ia adalah berdaya maju secara ekonomik.

### **Perayauan Mudah Alih Antarabangsa (IMR)**

Sesuatu Pihak akan memastikan bahawa maklumat berkaitan kadar runcit bagi IMR boleh didapati dengan mudah, dan pelawat boleh mencapai kepada perkhidmatan telekomunikasi dengan menggunakan peranti pilihan mereka.

Sesuatu Pihak boleh memilih untuk mengawal selia IMR secara unilateral atau dengan bekerjasama dengan lain-lain negara. Seseuatu Pihak ketiga perlu mengikat mekanisme tertentu bagi memperoleh kadar kawalan istimewa yang ditawarkan oleh Pihak-pihak lain.

### **Penjualan Semula**

Sesebuah Pihak akan dibenarkan dan tidak boleh menghalang penjualan semula perkhidmatan telekomunikasi awam antara pembekal-pembekal perkhidmatan.

### **Layanan oleh Pembekal Utama Perkhidmatan Telekomunikasi Awam**

Sesuatu Pihak akan memastikan bahawa pembekal utama memberikan kepada pembekal perkhidmatan telekomunikasi awam satu Pihak lagi dengan layanan yang tidak kurang berbanding dengan yang diberikan kepada pihak-pihak lain dalam keadaan yang sama.

### **Perlindungan Persaingan**

Sesuatu Pihak akan mengekalkan langkah-langkah yang sesuai bagi tujuan menghalang pembekal utama perkhidmatan telekomunikasi awam daripada mengerjakan amalan anti persaingan.

### **Perungkaian Elemen Rangkaian oleh Pembekal Utama**

Sesuatu Pihak akan memberikan kuasa kepada Pengawal selia untuk memerlukan pembekal utama perkhidmatan telekomunikasi awam menawarkan kepada pembekal perkhidmatan telekomunikasi awam lain akses kepada elemen rangkaian berasaskan terungkuai dan tanpa diskriminasi. Sesuatu Pihak boleh mengenal pasti dan menetapkan



elemen rangkaian yang perlu ditawarkan dan pihak-pihak yang boleh akses kepada elemen rangkaian tersebut.

### **Sambungtara dengan Pembekal Utama**

Sesuatu Pihak akan memastikan bahawa pembekal utama menyediakan kepada pembekal telekomunikasi awam Pihak satu lagi:

- i. sambungtara kepada kemudahan dan peralatan;
- ii. peluang untuk sambungtara kepada kemudahan dan peralatan menerusi 3 cara iaitu:
  - (a) tawaran sambungtara rujukan\_atau tawaran sambungtara yang standard (mengandungi kadar, terma dan syarat-syarat); atau
  - (b) terma dan syarat-syarat dalam perjanjian sambungtara yang sedang berkuat kuasa,; atau
  - (c) menerusi rundingan bagi satu perjanjian sambungtara yang baru.

Sesuatu Pihak akan membuatkan prosedur permohonan bagi rundingan sambungtara dengan pembekal utama dalam wilayahnya tersedia kepada awam.

### **Memperuntukkan dan Ketetapan Harga bagi Sirkuit Sewaan oleh Pembekal Utama**

Sesuatu Pihak akan memastikan bahawa pembekal utama menyediakan kepada pembekal perkhidmatan Pihak satu lagi dengan perkhidmatan sirkit sewaan dalam tempoh masa yang munasabah, atas terma dan syarat yang munasabah dan tanpa diskriminasi berdasarkan tawaran sedia ada secara umum, pada kadar kapasiti dan harga berdasarkan kos.

### **Lokasi Bersama oleh Pembekal Utama**

Sesuatu Pihak akan memastikan bahawa pembekal utama menyediakan kepada pembekal perkhidmatan telekomunikasi awam Pihak satu lagi lokasi bersama secara fizikal bagi sambungtara atau capaian kepada elemen rangkaian terungkuai berdasarkan tawaran umum. Di mana lokasi bersama secara fizikal tidak dapat ditawarkan,

pembekal utama perlu menyediakan penyelesaian alternatif seperti memudahkan lokasi bersama secara maya. Sesuatu Pihak akan memastikan mengikut undang-undang dan peraturan domestik mana-mana premis yang dipunyai atau dikawal oleh pembekal utama adalah tertakluk kepada lokasi bersama fizikal atau maya.

### **Akses kepada Tiang, Saluran, Konduit, dan Hak Laluan Dimiliki atau di bawah Kawalan Pembekal Utama**

Sesuatu Pihak akan memastikan bahawa pembekal utama memberikan akses kepada tiang, saluran, konduit, hak laluan atau sebarang struktur sepertimana ditetapkan oleh Pengawalselia, yang dimiliki atau dikawal oleh pembekal utama kepada pembekal perkhidmatan telekomunikasi Pihak lain mengikut terma dan syarat yang munasabah, tanpa diskriminasi, dan telus tertakluk kepada dayamaju teknikal.

Sesuatu Pihak boleh mengenal pasti, mengikut undang-undang dan peraturan domestiknya, mana-mana tiang, saluran, konduit, hak laluan dan struktur lain di mana ia memerlukan pembekal utama untuk menyediakan akses.

### **Sistem Kabel Dasar Laut Antarabangsa**

Sesuatu Pihak akan memastikan bahawa mana-mana pembekal utama yang mengawal stesen pendaratan kabel dasar laut antarabangsa dalam wilayahnya menyediakan akses kepada stesen pendaratan dasar laut tersebut selaras dengan peruntukan sambungtara, memperuntukkan dan ketetapan harga bagi sirkit pajakan, dan lokasi bersama, kepada pembekal perkhidmatan Pihak lain.

### **Badan Pengawal Selia Bebas dan Pemilikan Kerajaan**

Sesuatu Pihak akan memastikan bahawa badan pengawal selianya adalah:

- i. berasingan daripada, dan tidak bertanggungjawab kepada, mana-mana pembekal perkhidmatan telekomunikasi awam
- ii. tidak memegang kepentingan kewangan atau mengekalkan peranan operasi atau pengurusan kepada mana-mana pembekal.

- iii. keputusan dan prosedur yang ditetapkan oleh badan pengawal seliaan atau badan kompeten lain adalah berkecuali terhadap mana-mana peserta pasaran.

Sesuatu Pihak tidak akan memberikan sebarang layanan istimewa kepada pembekal dalam wilayah yang dimiliki oleh kerajaan berbanding dengan apa yang diberikan kepada pembekal Pihak lain.

### **Perkhidmatan Sejangat**

Sesuatu Pihak mempunyai hak untuk menentukan bentuk obligasi perkhidmatan sejangat yang ingin dikekalkan. Pihak-pihak juga akan menguruskan sebarang perkhidmatan sejangat yang dikekalkan secara telus, tanpa diskriminasi dan bersifat berkecuali dalam persaingan.

### **Proses Pelesenan**

Sesuatu Pihak akan memastikan ketersediaan awam mengenai:

- i. kriteria dan prosedur pelesenan;
- ii. tempoh yang biasa diperlukan untuk mencapai keputusan terhadap sesuatu permohonan lesen; dan
- iii. terma dan syarat-syarat lesen yang berkuat kuasa.

Sesuatu Pihak akan memastikan bahawa, atas permintaan, pemohon akan memperoleh sebab-sebab bagi:

- i. Keengganan pemberian lesen;
- ii. Syarat-syarat khusus yang dikenakan terhadap sesuatu lesen;
- iii. Pembatalan sesuatu lesen; atau
- iv. Keengganan memperbaharui lesen .

## **Pengagihan dan Penggunaan Sumber Terhad**

Dalam pengagihan dan penggunaan sumber terhad, sesuatu Pihak:

- i. mempunyai hak untuk mengurus tadbir prosedur bagi pengagihan dan penggunaan sumber telekomunikasi terhad, termasuk frekuensi, nombor, dan hak laluan, secara objektif, telus, dan tanpa diskriminasi.
- ii. akan membuat ketersediaan awam mengenai status terkini band frekuensi yang diagihkan dan diperuntukkan kepada pembekal khusus tetapi mengekalkan hak untuk tidak membekalkan secara terperinci akan pengagihan identiti frekuensi-frekuensi bagi tujuan penggunaan kerajaan.
- iii. akan mengekalkan hak untuk menggubal dasar-dasar pengurusan spektrum dan frekuensi yang mungkin akan mempunyai kesan mengehendkan bilangan pembekal perkhidmatan telekomunikasi awam. dan
- iv. mempunyai kuasa untuk menggunakan mekanisme seperti lelongan, di mana sesuai, untuk pengagihan seperti bagi kegunaan komersial.

## **Penguatkuasaan**

Sesuatu Pihak akan membekalkan Badan Pengawal Selianya dengan kuasa bagi menguatkuasakan langkah-langkah berkaitan dengan obligasi yang tertera dalam Bab Telekomunikasi, seperti keupayaan mengenai sekatan yang efektif, termasuk mengenakan penalti kewangan, injunksi kelegaan (secara sementara atau muktamad) atau pindaan, penggantungan, atau pembatalan lesen-lesen.

Di samping itu, Badan Pengawalseliaan juga diberikan kuasa untuk mengenal pasti dan menentukan syarat-syarat akses atau pencapaian, jenis jualan semula, sambungtara, lokasi bersama, pencapaian kepada infrastruktur telekomunikasi dan hak laluan pembekal utama dan lain-lain pembekal perkhidmatan telekomunikasi, dan mengikut undang-undang dan peraturan domestik.

## **Penyelesaian Pertikaian Telekomunikasi**

Sesuatu Pihak akan memastikan bahawa perusahaan akan diberikan peluang penyelesaian dengan merujuk kepada Badan Pengawal selia atau badan lain.

Sekiranya Badan Pengawal selia enggan mulakan sebarang tindakan, ia akan, atas permintaan, memberikan penjelasan bertulis akan keputusannya dalam tempoh masa yang munasabah;

Mana-mana perusahaan yang kepentingan perlindungan perundangannya terjejas oleh keputusan Badan Pengawal selia boleh mendapatkan semakan semula, kemudian rayuan atau *petition* Pengawal selia atau badan lain yang berkaitan untuk mempertimbangkan semula keputusan yang dibuat. Setelah mengharungi semua proses tersebut, akhir sekali pihak yang masih tidak berpuas hati boleh membuat permohonan mendapatkan semakan kehakiman.

### **Ketelusan**

Sekiranya Badan Pengawalseliaan ingin mendapatkan input bagi cadangan membuat peraturan, ia semestinya:

- i. membuat cadangan tersebut tersedia kepada umum atau tersedia kepada orang-orang yang berminat;
- ii. menyediakan keterangan dan penjelasan tujuan cadangan;
- iii. menyediakan tempoh notis yang wajar bagi orang awam memberikan komen;
- iv. Membuat komen yang difailkan dengan Badan tersebut tersedia kepada umum, di mana terpakai dan sesuai; dan
- v. menjawab semua isu yang penting dan berkaitan.

Sesuatu Pihak akan membuat langkah-langkah berkaitan dengan perkhidmatan telekomunikasi awam tersedia kepada awam, termasuk:

- i. kadar tarif dan terma serta syarat perkhidmatan;
- ii. spesifikasi teknikal antara muka;
- iii. syarat-syarat melekatkan terminal atau lain-lain peralatan kepada rangkaian telekomunikasi awam;
- iv. keperluan perlesenan;
- v. prosedur umum yang berkaitan dengan penyelesaian pertikaian dan

- vi. mana-mana langkah di mana kerajaan menurunkan kuasa kepada badan lain untuk penetapan dan pemakaian standard.

### **Fleksibiliti dalam Pemilihan Teknologi**

Sesuai Pihak semestinya membenarkan pembekal telekomunikasi awam memilih teknologi yang disukai bagi membekalkan perkhidmatan tertakluk kepada keperluan sewajarnya bagi memenuhi kepentingan dasar awam yang sah

Sekiranya Kerajaan yang membiayai pembangunan rangkaian termaju, seperti Broadband, Kerajaan boleh syarat pembiayaan untuk kegunaan teknologi bagi memenuhi sesuatu kepentingan dasar awam.

### **MAKLUMAT LAIN YANG BERKAITAN**

Malaysia tidak perlu membuat sebarang pindaan kepada mana-mana undang-undang dan peraturan bagi melaksanakan obligasi dalam Bab Telekomunikasi.

Kuasa Menteri untuk membuat keputusan terhadap syarat-syarat lesen, kelulusan lesen dan selainnya sepertimana yang diperuntukkan dalam AKM 1998 tetap kekal.

## **BAB 14      PERDAGANGAN ELEKTRONIK**

Bab Perdagangan Elektronik TPP menetapkan kaedah-kaedah yang akan membentuk pembangunan ekonomi digital untuk tahun-tahun yang mendatang. Bab ini menetapkan peraturan dan prosedur untuk perdagangan barangan dan perkhidmatan yang dilaksanakan menerusi Internet dan lain-lain cara elektronik, dan menyentuh pelbagai isu termasuk duti kastam ke atas transmisi elektronik, layanan terhadap produk digital, perdagangan kurang kertas dan peraturan tandatangan elektronik serta perlindungan data dan pemindaan maklumat merentas sempadan.

### **SKOP**

Secara umumnya Bab ini hendaklah diguna pakai kepada langkah-langkah yang disenggarakan oleh sesuatu Pihak yang akan mempengaruhi perdagangan secara elektronik.

Bab ini menjelaskan bahawa:

- perdagangan perkhidmatan menerusi elektronik adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan perkhidmatan yang dinyatakan dalam Bab 9 hingga 11 (pelaburan, perdagangan, dan perkhidmatan kewangan), dan adalah juga tertakluk kepada sebarang pengecualian yang terpakai atau langkah-langkah tidak menepati komitmen (NCM) yang dinyatakan dalam perjanjian perkongsian Trans-Pasifik secara umum.
- obligasi yang berkaitan dengan layanan tanpa diskriminasi produk digital, pemindahan maklumat merentas sempadan, penempatan kemudahan pengkomputeran, dan kod perisian sumber adalah juga tertakluk kepada pengecualian dan langkah-langkah tidak menepati komitmen (NCM) di bawah Bab 9 hingga 11 dan harus dibaca bersama-sama dengan mana-mana

peruntukan lain yang berkaitan dalam perjanjian perkongsian Trans-Pasifik secara umum, dan

- bab ini tidak terpakai bagi perolehan kerajaan dan juga bagi maklumat yang dipegang atau diproses oleh atau bagi pihak Kerajaan atau langkah-langkah yang berkaitan dengan apa-apa maklumat dan koleksi, misalnya data kesihatan yang dikumpulkan oleh Kerajaan.

Beberapa peruntukan yang utama adalah seperti berikut:

### **Pemindahan Maklumat Merentas Sempadan Secara Elektronik (Artikel 14,11)**

Perenggan pertama artikel ini mengiktiraf bahawa setiap Pihak mempunyai keperluan undang-undang tersendiri mengenai pemindahan maklumat. Walau bagaimanapun, ini harus tidak ditafsirkan sebagai pengecualian yang boleh mengatasi tanggungjawab substantif artikel ini.

Obligasi substantif termaktub dalam perenggan 2 di mana ia menyatakan bahawa setiap Pihak akan membenarkan pemindahan data (termasuk maklumat peribadi) merentas sempadan sesebuah negara atau wilayah dalam menjalankan perniagaan pembekal perkhidmatan atau pelabur tersebut. Perenggan ini juga bermaksud bahawa negara TPP tidak menjalankan sekatan terhadap Internet tertakluk kepada pengecualian-pengecualian dalam Bab Umum Perjanjian ini, seperti atas kepentingan keselamatan negara, pornografi kanak-kanak, perjudian, penipuan dan pembohongan dan seumpamanya.

Perenggan 3 Bab ini menekankan lagi pengecualian yang membenarkan Pihak-pihak untuk menerima pakai atau mengekalkan langkah-langkah yang tidak konsisten dengan obligasi pemindahan maklumat merentas sempadan bagi memenuhi objektif dasar awam yang sah tertakluk kepada syarat-syarat yang diterima pakai dalam Artikel XIV perjanjian am ke atas perdagangan dalam Perkhidmatan (GATS).<sup>4</sup> Dalam hal ini beban



untuk membuktikan bahawa langkah-langkah yang diambil oleh negara TPP tidak memenuhi syarat-syarat ini terletak di bahu pihak yang mempertikaikannya.

### **Penempatan Kemudahan Pengkomputeran (Artikel 14.13)**

Peruntukan ini melarang Negara TPP mengenakan syarat-syarat pelaburan agar perlu membangunkan kemudahan pengkomputeran seperti pusat simpanan data di negara destinasi pelaburan atau menggunakan kemudahan pengkomputeran tempatan. Ini bermakna bahawa sesebuah Negara TPP tidak dapat mengawal data sekiranya tempat simpanan tersebut adalah di luar wilayah sesebuah negara TPP, namun perkhidmatan yang berkaitan dengan perkhidmatan kewangan diberikan pengecualian.

Namun begitu, seperti mana yang dibenarkan bagi peruntukan pemindahan maklumat merentas sempadan, peruntukan artikel ini juga membenarkan Pihak-pihak untuk menerima pakai atau mengekalkan langkah-langkah yang tidak konsisten dengan obligasi pemindahan maklumat merentas sempadan bagi memenuhi objektif dasar awam yang sah tertakluk kepada syarat-syarat yang diterima pakai dalam Artikel XIV perjanjian am ke atas perdagangan dalam Perkhidmatan (GATS). Dalam hal ini beban untuk menunjukkan bahawa langkah-langkah yang diambil oleh negara TPP tidak memenuhi syarat-syarat ini terletak di bahu pihak yang mempertikaikannya.

### **Perlindungan Data Peribadi (Artikel 14.8)**

Peruntukan ini adalah selaras dengan perjanjian perdagangan bebas serantau lain dalam mewajibkan Pihak-pihak untuk menerima pakai atau mengekalkan undang-undang domestik untuk melindungi maklumat peribadi yang seharusnya mengikuti prinsip-prinsip dan garis panduan badan-badan antarabangsa yang berkenaan.

Peruntukan dalam Artikel ini menghendaki bahawa Pihak-pihak berusaha untuk menerima pakai amalan tanpa diskriminasi dalam melindungi pengguna dalam perdagangan elektronik dari pelanggaran perlindungan maklumat peribadi yang berlaku dalam lingkungan bidang kuasanya

### **Prinsip-prinsip Akses kepada Penggunaan Internet bagi Perdagangan Elektronik (Artikel 14.10)**

Obligasi dalam Artikel ini adalah untuk membenarkan pengguna dengan keupayaan untuk mengakses mana-mana perkhidmatan dan menggunakan mana-mana aplikasi di Internet tertakluk kepada dasar, undang-undang dan peraturan negara TPP masing-masing. Pengguna juga dibenarkan menyambung apa-apa peranti yang mereka suka, dengan syarat bahawa berbuat sedemikian tidak membahayakan rangkaian, di samping mendapatkan maklumat mengenai amalan-amalan pengurusan rangkaian yang membekalkan mereka akses kepada Internet.

Perenggan ini juga boleh bermaksud bahawa negara TPP tidak menjalankan sekatan terhadap Internet tertakluk kepada pengecualian-pengecualian dalam Bab Umum Perjanjian ini, seperti atas kepentingan keselamatan negara, pornografi kanak-kanak, perjudian, penipuan dan pembohongan dan seumpamanya.

### **Duti Kastam (Article 14.3)**

Obligasi dalam Artikel 14.3 adalah bagi setiap Negara TPP tidak mengenakan duti kastam ke atas mana-mana transaksi atau perkhidmatan (misalnya, e-buku, perisian, permainan, muzik, dan video) yang disalurkan secara penghantaran elektronik. Duti Kastam adalah duti yang dikenakan semasa memasuki atau menyeberangi sempadan di mana buat masa ini sememangnya tiada duti kastam dikenakan terhadap transmisi elektronik. Justeru itu tidak ada kehilangan *revenue* daripada perolehan *revenue* duti kastam ke atas penghantaran menerusi transmisi elektronik disebabkan tiada teknologi yang boleh mengesan secara realistiknya apa yang disalurkan menerusi elektronik.

Namun demikian Negara TPP tidak dihalang mengenakan cukai dalaman negara atau lain-lain caj dalaman bagi penghantaran yang dihantar secara elektronik (dan juga bukan elektronik) dengan syarat bahawa apa-apa cukai atau bayaran yang dikenakan dalam cara yang konsisten dengan Perjanjian ini.

### **Layanan Tanpa Diskriminasi Terhadap Produk Digital (Artikel 14.4)**

Artikel 14.4 memberi jaminan bahawa layanan yang sama diberikan untuk produk digital yang dihasilkan dari wilayahnya sendiri atau penyedia perkhidmatan merupakan rakyatnya yang berada di luar negara, daripada produk-produk digital yang setanding dari wilayah-wilayah Pihak-pihak lain.

Namun demikian, obligasi ini diberikan pengecualian tertentu seperti hak dan kewajipan dalam Bab harta intelek atau subsidi dan geran yang diberikan oleh Kerajaan adalah terkecuali daripada obligasi ini. Peruntukan ini juga tidak diguna pakai untuk perkhidmatan penyiaran di samping hendaklah dibaca bersama-sama dengan jadual NCM setiap Pihak.

### **Pengesahan Elektronik dan Tandatangan Digital (Artikel 14.6)**

Peruntukan ini bertujuan untuk mengurangkan sekatan ke atas penggunaan tandatangan elektronik. Sehubungan dengan itu, Negara-negara TPP tidak boleh menafikan kesahihan tandatangan hanya kerana ianya dalam bentuk elektronik. Walau bagaimanapun, undang-undang domestik terpakai di mana hanya tandatangan asal sahaja diterima pakai dalam kes-kes tertentu seperti penulisan wasiat dan seumpamanya.

Perenggan 2 kepada Artikel 14.6 menetapkan obligasi kepada Negara TPP untuk tidak memperkenalkan peraturan yang akan menghalang pihak-pihak daripada memilih kaedah mereka sendiri untuk pengesahan. Negara TPP juga tidak boleh menetapkan memerlukan mekanisme pengesahan yang mencegah pihak-pihak kepada sesuatu urusan niaga elektronik daripada membuktikan kepada badan kehakiman atau pentadbiran bahawa urusan niaga mereka mematuhi undang-undang berkaitan dengan pengesahan.

Kerajaan negara TPP juga digalakkan untuk menggunakan *interoperable* pengesahan elektronik, tetapi tiada keperluan untuk berbuat demikian.

Akhir sekali, berkenaan dengan transaksi elektronik, Artikel 14.5 mewajibkan negara-negara TPP untuk mengekalkan rangka kerja bagi urus niaga elektronik yang konsisten dengan mana-mana undang-undang Model UNCITRAL 1996 berkaitan Perdagangan Elektronik atau Konvensyen PBB Mengenai Penggunaan Komunikasi Elektronik dalam Kontrak Antarabangsa tahun 2005.

### **Mesej Elektronik Komersial Tanpa Dipohon (Artikel 14.14)**

Artikel 14.14 memerlukan pihak-pihak untuk mengambil langkah-langkah mengawal komunikasi elektronik komersial yang tidak dipohon. Sub-perenggan (a) memperuntukkan penerima boleh memilih untuk berhenti penerimaan mesej secara berterusan. Sub-perenggan (b) memperuntukkan bahawa komunikasi komersial yang tidak dipohon memerlukan kebenaran pengguna untuk memilih menerima mesej elektronik atau sebaliknya. Manakala, sub-perenggan (c) mencadangkan penggunaan langkah-langkah lain, bagi meminimumkan penerimaan mesej komersial yang tidak dipohon.

Ketiga-tiga langkah ini dibentangkan sebagai pilihan alternatif kepada Pihak TPP bagaimana mereka memilih untuk mengawal mesej elektronik komersial tanpa dipohon.

### **Kod Perisian Sumber (Artikel 14.17)**

Artikel 14.17 menghalang Negara-negara TPP daripada memerlukan pendedahan kod perisian sumber sebagai syarat mengimport, pengedaran, penjualan atau penggunaan perisian atau produk-produk yang mengandungi perisian. Larangan ini hanya berkaitan dengan perisian atau produk "pasaran massa" atau dan tidak termasuk perisian yang digunakan untuk "infrastruktur kritikal".

Artikel ini juga tidak terpakai kepada keperluan untuk pengubahsuaian tertentu dibuat kepada kod sumber bagi memastikan kemasukan perisian mematuhi keperluan undang-undang. Selain itu, artikel ini juga tidak terpakai dalam kontrak-kontrak yang dirundingkan secara komersial atau permohonan paten. Ia juga membenarkan Mahkamah untuk perintah pendedahan kod sumber dalam pertikaian paten selagi

pelindung yang mencukupi diberikan untuk mengelakkan pendedahan yang tidak dibenarkan daripada kod sumber tersebut.

## BAB 15 PEROLEHAN KERAJAAN

### PENGENALAN

Perolehan kerajaan didefinisikan sebagai proses di mana Kerajaan memperoleh bekalan atau perkhidmatan untuk kegunaan Kerajaan dan bukan bagi tujuan berkaitan komersial. Perkhidmatan merangkumi perkhidmatan perunding dan kerja.

Bab Perolehan Kerajaan terdiri daripada 2 komponen utama iaitu teks dan tawaran akses pasaran. Kandungan bagi 2 komponen ini adalah seperti **Ilustrasi 1** di bawah.

Secara umumnya obligasi di bawah Bab Perolehan Kerajaan menetapkan peraturan dan tatacara untuk agensi kerajaan melaksanakan perolehan kerajaan yang tertakluk di bawah skop Bab ini, yang berasaskan standard antarabangsa serta amalan dan tadbir urus baik.

Peraturan dan tatacara perolehan kerajaan tidak terpakai secara automatik kepada semua aktiviti perolehan setiap negara TPP. Hanya komitmen yang dinyatakan dalam tawaran akses pasaran negara masing-masing yang perlu dilaksanakan mengikut peraturan dan tatacara dalam Bab Perolehan Kerajaan. Sehubungan itu, setiap negara TPP dikehendaki untuk menawarkan akses pasaran perolehan kerajaan yang komprehensif meliputi agensi, barangan, perkhidmatan dan kerja serta had nilai perolehan untuk penyertaan syarikat dari negara-negara TPP.

## KOMPONEN UTAMA BAB PEROLEHAN KERAJAAN

1	TEKS PEROLEHAN KERAJAAN	2	TAWARAN AKSES PASARAN (Jadual kepada Lampiran 15-A)
	<b>24 Artikel</b>		<b>10 Seksyen</b>
	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Definisi</li><li>2. Skop</li><li>3. Pengecualian</li><li>4. Prinsip Umum</li><li>5. Langkah-langkah Peralihan</li><li>6. Penyiaran Maklumat Perolehan</li><li>7. Iklan Tender</li><li>8. Syarat-Syarat Penyertaan</li><li>9. Kelayakan Pembekal</li><li>10. Rundingan Terus</li><li>11. Rundingan</li><li>12. Spesifikasi Teknikal</li><li>13. Dokumen Tender</li><li>14. Tempoh Masa</li><li>15. Layanan Ke Atas Tender Dan Pemberian Kontrak</li><li>16. Maklumat Selepas Pemberian Kontrak</li><li>17. Penyataan Maklumat</li><li>18. Integriti Dalam Pelaksanaan Perolehan</li><li>19. Semakan Domestik</li><li>20. Pindaan Dan Pembetulan Kepada Lampiran</li><li>21. Memudahkan Penyertaan Perusahaan Kecil Dan Sederhana</li><li>22. Kerjasama</li><li>23. Jawatankuasa Perolehan Kerajaan</li><li>24. Rundingan Lanjut</li></ol>		<ol style="list-style-type: none"><li>1. Seksyen A: Agensi Kerajaan Persekutuan</li><li>2. Seksyen B: Agensi Kerajaan Negeri</li><li>3. Seksyen C: Agensi-agensi Lain (Badan Berkanun Dan Syarikat Kerajaan)</li><li>4. Seksyen D: Bekalan</li><li>5. Seksyen E: Perkhidmatan</li><li>6. Seksyen F: Kerja</li><li>7. Seksyen G: Pengecualian Tetap</li><li>8. Seksyen H: Formula Pelarasan Had Nilai Perolehan</li><li>9. Seksyen I: Penyiaran Maklumat Perolehan</li><li>10. Seksyen J: Langkah-langkah Peralihan</li></ol> <p><i>Seksyen A, B dan C turut mengandungi had nilai perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja.</i></p>

Ilustrasi 1: Komponen Utama Bab Perolehan Kerajaan

### TEKS PEROLEHAN KERAJAAN

Teks Perolehan Kerajaan menggariskan prinsip umum dan peraturan terperinci yang perlu dipatuhi oleh negara-negara TPP termasuk proses bagi penyelesaian pertikaian oleh syarikat. Peraturan yang telus dan jelas akan memudahkan syarikat untuk mengetahui peluang perolehan dan seterusnya meningkatkan keyakinan syarikat ke atas pelaksanaan perolehan di agensi. Sekiranya berlaku ketidakpatuhan oleh agensi, syarikat boleh membawa pertikaian terhadap agensi melalui mekanisme pertikaian.

Teks Perolehan Kerajaan mengandungi 24 artikel yang menggariskan peraturan dan tatacara perolehan yang dirumuskan seperti berikut:

Artikel	Penerangan mengenai obligasi
<p><b>Artikel 1:</b> <b>Definisi</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Terdapat 15 terma perolehan kerajaan yang diberikan definisi. Antaranya adalah <i>offsets</i>, tender terhad dan rundingan terus.</li> </ul>
<p><b>Artikel 2:</b> <b>Skop</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Obligasi di bawah Bab Perolehan Kerajaan terpakai ke atas perolehan: <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Agensi iaitu Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri (termasuk pihak berkuasa tempatan) serta agensi-agensi lain (badan berkanun dan syarikat kerajaan).</li> <li>ii) Bekalan, perkhidmatan dan kerja termasuk kontrak Kerjasama Awam Swasta (PPP).</li> <li>iii) Melebihi had nilai perolehan yang ditetapkan.</li> </ul> </li> </ul> <p>Perolehan di atas disebut sebagai perolehan yang tertakluk di bawah Bab ini (<i>covered procurement</i>).</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Untuk tujuan tersebut, negara TPP dikehendaki menyediakan senarai akses pasaran negara masing-masing yang meliputi senarai agensi, bekalan, perkhidmatan, kerja dan had nilai perolehan masing-masing untuk penyertaan syarikat dari negara TPP. Maklumat tersebut dinyatakan di dalam Jadual kepada Lampiran 15-A (<i>Schedule to Annex 15-A</i>) di bawah Bab Perolehan Kerajaan yang diperincikan melalui 10 Seksyen seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>i) <b>Seksyen A</b> - agensi Kerajaan Persekutuan serta had nilai perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja;</li> <li>ii) <b>Seksyen B</b> - agensi kerajaan negeri (termasuk pihak berkuasa tempatan) serta had nilai</li> </ul> </li> </ul>



Artikel	Penerangan mengenai obligasi
	<p>perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja;</p> <p>iii) <b>Seksyen C</b> - agensi-agensi lain (badan berkanun dan syarikat kerajaan) serta had nilai perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja;</p> <p>iv) <b>Seksyen D</b> - bekalan;</p> <p>v) <b>Seksyen E</b> - perkhidmatan;</p> <p>vi) <b>Seksyen F</b> - kerja;</p> <p>vii) <b>Seksyen G</b> - pengecualian tetap;</p> <p>viii) <b>Seksyen H</b> - formula pelarasan had nilai perolehan;</p> <p>ix) <b>Seksyen I</b> - siaran maklumat perolehan; dan</p> <p>x) <b>Seksyen J</b> - langkah-langkah peralihan.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Walau bagaimanapun, terdapat aktiviti yang <u>tidak tertakluk</u> di bawah Bab Perolehan Kerajaan, seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>i) pengambilan/sewaan tanah, bangunan atau aset tak alih yang lain;</li> <li>ii) perjanjian tanpa kontrak atau bantuan dalam bentuk perjanjian kerjasama, geran, pinjaman, cagaran, subsidi dan tajaan;</li> <li>iii) perolehan agensi fiskal atau perkhidmatan depositori; perkhidmatan pembubaran dan pengurusan untuk institusi kewangan yang dikawal selia; atau perkhidmatan yang berkaitan dengan penjualan, penebusan dan pengagihan hutang awam, termasuk pinjaman dan bon kerajaan, nota dan lain-lain sekuriti;</li> <li>iv) kontrak pengambilan pekerjaan bagi penjawat awam;</li> </ul> </li> </ul>

Artikel	Penerangan mengenai obligasi
	<p>v) perolehan dilaksanakan dalam menyediakan bantuan di peringkat antarabangsa termasuk bantuan pembangunan;</p> <p>vi) perolehan dibiayai oleh organisasi antarabangsa atau geran, pinjaman atau bantuan daripada pihak antarabangsa/asing, hanya sekiranya organisasi atau penderma mengehendkan penyertaan syarikat daripada negara TPP;</p> <p>vii) perolehan dilaksanakan di bawah perjanjian antarabangsa berkaitan penempatan pasukan pengaman atau tentera atau pelaksanaan projek secara bersama oleh negara terlibat; dan</p> <p>viii) perolehan dilaksanakan di luar negara untuk pejabat perwakilan Malaysia.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Semasa agensi membuat anggaran nilai perolehan untuk menentukan sama ada sesuatu perolehan itu adalah tertakluk di bawah Bab ini atau tidak, agensi hendaklah memasukkan anggaran maksimum jumlah keseluruhan nilai perolehan bagi seluruh tempoh pelaksanaan, dengan mengambil kira perkara berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>i) semua jenis ganjaran, termasuk premium, yuran, komisyen, faedah atau lain-lain pendapatan yang diperuntukkan di bawah kontrak;</li> <li>ii) nilai opsyen, sekiranya ada; dan</li> <li>iii) kontrak diberi kepada satu atau beberapa syarikat di bawah perolehan yang sama, tanpa mengira tempoh kontrak diberi.</li> </ul> </li> <li>• Sekiranya agensi tidak mengetahui jumlah nilai</li> </ul>

Artikel	Penerangan mengenai obligasi
	<p>anggaran keseluruhan perolehan bagi seluruh tempoh pelaksanaan, perolehan tersebut dianggap perolehan yang tertakluk di bawah Bab ini.</p>
<p><b>Artikel 3: Pengecualian</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bab ini tidak tertakluk ke atas langkah-langkah kerajaan bagi tujuan berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>i) untuk melindungi moral, ketenteraman dan keselamatan awam;</li> <li>ii) keperluan melindungi kehidupan manusia, haiwan atau tumbuhan, atau kesihatan, termasuk langkah-langkah berkaitan alam sekitar;</li> <li>iii) keperluan melindungi harta intelek; atau</li> <li>iv) berkaitan bekalan atau perkhidmatan yang ditawarkan oleh individu kelainan upaya atau banduan, atau sumbangan oleh dermawan atau organisasi bukan berasaskan keuntungan.</li> </ul> </li> </ul>
<p><b>Artikel 4: Prinsip Umum</b></p>	<p><b>Layanan sama rata dan tanpa diskriminasi</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Setiap negara TPP perlu memberi layanan sama rata ke atas bekalan, perkhidmatan dan syarikat dari negara TPP yang lain setara dengan layanan yang diberikan ke atas bekalan, perkhidmatan dan syarikat tempatan.</li> <li>• Setiap negara TPP juga perlu memastikan tiada diskriminasi ke atas bekalan, perkhidmatan dan syarikat dari negara TPP yang lain.</li> <li>• Setiap negara TPP perlu memastikan agar agensi tidak mendiskriminasi syarikat tempatan atas sebab</li> </ul>

Artikel	Penerangan mengenai obligasi
	<p>ekuiti pemilikan asing dan sumber produk yang dikeluarkan oleh negara TPP yang lain.</p> <p><b>Kaedah perolehan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Agensi hendaklah melaksanakan perolehan secara tender terbuka. Namun, agensi dibenarkan melaksana perolehan secara tender terhad (<i>selective tendering</i>), <i>multi-use list</i> atau rundingan terus (<i>limited tendering</i>), tertakluk kepada peraturan yang ditetapkan.</li> </ul> <p><b>Peraturan tempasal (<i>rules of origin</i>)</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bagi perolehan bekalan, peraturan tempasal bagi barangan yang kebiasaannya digunakan dalam urusan dagangan, adalah terpakai.</li> </ul> <p><b>Offsets</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Negara TPP dilarang mengenakan syarat <i>offsets</i> kepada syarikat.</li> <li>• <i>Offsets</i> bermaksud penetapan syarat yang melibatkan penggunaan kandungan tempatan, syarikat tempatan, perlesenan teknologi, pemindahan teknologi, pelaburan, timbal balas atau tindakan yang serupa untuk menggalakkan pembangunan tempatan atau meningkatkan akaun imbalan pembayaran negara.</li> </ul> <p><b>Peraturan dan tatacara bukan khusus kepada perolehan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Layanan sama rata dan tanpa diskriminasi tidak terpakai kepada peraturan dan tatacara berkaitan perkastaman dan pengimportan seperti duti kastam,</li> </ul>

Artikel	Penerangan mengenai obligasi
	<p>caj berkaitan import serta peraturan melibatkan perdagangan dalam perkhidmatan selain berkaitan perolehan kerajaan.</p> <p><b>Penggunaan kaedah elektronik</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Negara TPP hendaklah seboleh-bolehnya menggunakan kaedah elektronik bagi perolehan yang dilaksanakan termasuk bagi tujuan penyiaran maklumat perolehan, iklan tender dan dokumen tender serta penerimaan tender.</li> <li>• Agensi hendaklah memastikan perolehan dilaksanakan menggunakan sistem dan perisian teknologi maklumat yang saling boleh operasi dan mempunyai ciri-ciri keselamatan. Di samping itu, agensi hendaklah memastikan integriti maklumat adalah terjamin melalui mekanisme yang bersesuaian.</li> </ul>
<p><b>Artikel 5: Langkah-Langkah Peralihan</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Negara TPP berstatus negara sedang membangun dibenarkan melaksana langkah-langkah peralihan bagi tempoh tertentu. Langkah-langkah ini memberi ruang kepada negara sedang membangun untuk melewati pelaksanaan obligasi dengan serta merta iaitu apabila perjanjian berkuat kuasa.</li> <li>• Antara langkah-langkah peralihan yang boleh dilaksanakan adalah: <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Program keutamaan harga;</li> <li>ii) <i>Offsets</i>;</li> <li>iii) Tambahan agensi atau sektor yang akan tertakluk</li> </ul> </li> </ul>

Artikel	Penerangan mengenai obligasi
	<p>di bawah Bab ini; dan</p> <p>iv) Had nilai perolehan yang lebih tinggi pada awal pelaksanaan perjanjian ini dan diturunkan secara berperingkat kepada had nilai tetap.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Negara yang dibenarkan mempunyai langkah-langkah peralihan perlu memperincikannya di bawah <b>Seksyen J</b> negara masing-masing.</li> </ul>
<p><b>Artikel 6:</b> <b>Penyiaran Maklumat Perolehan</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Setiap negara TPP hendaklah dengan kadar segera menyiarkan peraturan dan tatacara berkaitan perolehan yang tertakluk di bawah Bab ini, termasuk perubahan atau tambahan kepada maklumat tersebut, melalui akhbar atau secara elektronik.</li> <li>• Maklumat tambahan yang perlu disiarkan adalah iklan bagi tender terbuka, tender terhad dan <i>multi-use list</i> serta keputusan tender/perolehan.</li> <li>• Akhbar atau medium elektronik yang digunakan hendaklah disenaraikan di bawah <b>Seksyen I</b> negara masing-masing.</li> </ul>
<p><b>Artikel 7:</b> <b>Iklan Tender</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Agensi hendaklah mengiklankan pelawaan tender (<i>notice of intended procurement</i>) yang mengandungi maklumat penting berkaitan perolehan tersebut melalui akhbar atau secara elektronik.</li> </ul>

Artikel	Penerangan mengenai obligasi
	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Antara maklumat yang perlu dinyatakan dalam iklan tender adalah nama dan alamat agensi, harga dokumen tender, perihal perolehan, tarikh tutup tender, alamat untuk mengemukakan tawaran tender dan bahasa yang digunakan.</li> <li>• Bagi iklan tender, penggunaan Bahasa Inggeris adalah digalakkan.</li> </ul> <p><b>Perancangan Perolehan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Agensi digalakkan pada awal tahun untuk menyiarkan perancangan perolehan yang mengandungi perihal perolehan dan jangkaan tarikh iklan tender.</li> </ul>
<p><b>Artikel 8: Syarat-Syarat Penyertaan</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Setiap negara TPP boleh menghadkan syarat penyertaan di dalam perolehan yang tertakluk di bawah Bab ini bagi memastikan syarikat mempunyai keupayaan dari segi undang-undang, kewangan, komersial dan teknikal supaya membolehkan syarikat memenuhi syarat perolehan.</li> <li>• Agensi tidak dibenarkan menetapkan syarat bahawa syarikat pernah mempunyai pengalaman melaksanakan kontrak di agensi berkenaan atau di dalam negara tersebut. Namun, Agensi boleh menetapkan syarat bahawa syarikat mempunyai pengalaman yang berkaitan untuk melaksanakan perolehan tersebut.</li> </ul>

Artikel	Penerangan mengenai obligasi
	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Syarikat boleh disingkirkan sekiranya terdapat dokumen sokongan atas alasan muflis, pemalsuan akuan, prestasi lemah secara berterusan berdasarkan kontrak lepas dan kegagalan membayar cukai.</li> </ul>
<p><b>Artikel 9: Kelayakan Pembekal</b></p>	<p><b>Sistem Pendaftaran dan Tatacara Kelayakan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Negara TPP boleh mengekalkan sistem pendaftaran syarikat yang mana syarikat yang berminat untuk menyertai perolehan dikehendaki berdaftar.</li> <li>• Negara TPP hendaklah memastikan sistem pendaftaran atau tatacara kelayakan yang digunakan tidak bertujuan untuk menghalang atau melambatkan penyertaan syarikat dari negara TPP yang lain di dalam perolehan.</li> </ul> <p><b>Tender Terhad (<i>selective tendering</i>)</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Tender terhad merupakan kaedah perolehan yang mana agensi mempelawa hanya syarikat yang berkelayakan untuk mengemukakan tender.</li> <li>• Tender terhad hendaklah dilaksanakan dalam 2 peringkat iaitu: <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Peringkat pertama <ul style="list-style-type: none"> <li>- Agensi hendaklah mengiklankan pelawaan untuk syarikat menyertai tender terhad.</li> <li>- Antara maklumat yang perlu dinyatakan dalam iklan pelawaan tersebut adalah nama dan</li> </ul> </li> </ul> </li> </ul>



Artikel	Penerangan mengenai obligasi
	<p>alamat agensi, perihal perolehan, tarikh tutup pelawaan tender terhad, alamat untuk mengemukakan tawaran, syarat penyertaan dan bilangan syarikat yang mungkin dihadkan untuk peringkat kedua.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Syarikat akan dinilai dari segi kelayakan asas berdasarkan syarat penyertaan. Seterusnya, syarikat yang layak akan dipelawa untuk mengemukakan tawaran tender pada peringkat kedua.</li> </ul> <p>ii) Peringkat kedua</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Dokumen tender akan diberikan kepada syarikat yang layak pada peringkat ini.</li> <li>- Syarikat akan mengemukakan tawaran tender dan akan melalui proses perolehan yang sama seperti tender terbuka.</li> </ul> <p><b>Multi-Use List</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Multi-use list</i> merupakan senarai syarikat yang telah memenuhi syarat penyertaan yang ditetapkan oleh agensi untuk membekalkan barangan/perkhidmatan. Agensi akan menggunakan senarai tersebut lebih daripada sekali untuk melaksanakan perolehan dengan syarikat yang disenaraikan.</li> <li>• Negara TPP boleh menggunakan <i>multi-use list</i> dengan syarat iklan hendaklah dibuat secara tahunan atau berterusan secara elektronik, bagi mempelawa syarikat yang berminat untuk dimasukkan ke dalam senarai.</li> </ul>

Artikel	Penerangan mengenai obligasi
	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Antara maklumat yang perlu dinyatakan dalam iklan tersebut adalah perihal perolehan, syarat penyertaan, nama dan alamat agensi, tempoh sah senarai dan kaedah untuk pembaharuan atau penamatannya, dan tarikh akhir permohonan perlu dikemukakan oleh syarikat.</li> <li>• Agensi hendaklah dengan segera memaklumkan keputusan kepada semua syarikat yang telah memohon untuk dimasukkan ke dalam senarai, sama ada syarikat tersebut berjaya atau tidak.</li> <li>• Selain itu, agensi juga perlu memaklumkan kepada syarikat dan sekiranya diminta, hendaklah memberi justifikasi secara bertulis ke atas keputusan berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Syarikat ditolak permohonannya untuk disenaraikan dalam <i>multi-use list</i>,</li> <li>ii) Syarikat tidak lagi diiktiraf sebagai syarikat yang layak untuk kekal dalam <i>multi-use list</i>, dan</li> <li>iii) Syarikat dikeluarkan daripada <i>multi-use list</i>.</li> </ul> </li> </ul>
<p><b>Artikel 10: Rundingan Terus</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Rundingan terus (<i>limited tendering</i>) merupakan kaedah perolehan yang membenarkan agensi melantik terus syarikat tertentu untuk melaksanakan perolehan, tertakluk kepada keadaan berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>i) tiada tender dikemukakan oleh mana-mana syarikat selepas tamat tempoh pelawaan tender;</li> <li>ii) tiada tender yang memenuhi syarat penting/wajib yang dinyatakan di dalam dokumen tender;</li> <li>iii) tiada syarikat yang memenuhi syarat penyertaan tender;</li> </ul> </li> </ul>

Artikel	Penerangan mengenai obligasi
	<ul style="list-style-type: none"> <li data-bbox="639 254 1422 338">iv) didapati berlaku pakatan harga dalam tender yang dikemukakan;</li> <li data-bbox="639 359 1422 611">v) hanya satu syarikat yang dapat melaksanakan perolehan yang melibatkan karya seni, perlindungan paten, hak cipta terpelihara atau hak eksklusif yang lain, atau ketiadaan persaingan disebabkan aspek teknikal;</li> <li data-bbox="639 632 1422 1052">vi) bekalan tambahan yang tidak terdapat dalam kontrak asal tetapi masih perlu dibekalkan oleh syarikat yang telah diikat kontrak tersebut, memandangkan tempoh jaminan masih berjalan, atau syarikat lain tidak dapat menepati kriteria perolehan disebabkan aspek teknikal, atau akan menyebabkan kesukaran yang ketara atau pertindihan kos yang tinggi kepada agensi;</li> <li data-bbox="639 1073 1422 1157">vii) bekalan yang diperolehi daripada pasaran atau bursa komoditi;</li> <li data-bbox="639 1178 1422 1535">viii) prototaip yang dibuat terhad untuk satu tempoh percubaan atau berdasarkan permintaan oleh agensi khususnya untuk kontrak berkaitan penyelidikan, uji kaji, kajian atau pembangunan barangan tersebut. Namun, perolehan bekalan atau perkhidmatan yang seterusnya tidak lagi boleh dilaksanakan secara rundingan terus;</li> <li data-bbox="639 1556 1422 1703">ix) arahan perubahan kerja atau tambahan skop kerja bagi kontrak yang sedang berjalan dihadkan tidak melebihi 50% daripada nilai kontrak asal;</li> <li data-bbox="639 1724 1422 1871">x) perolehan dalam keadaan yang sangat menguntungkan Kerajaan dan wujud hanya bagi satu tempoh yang singkat contohnya daripada</li> </ul>

Artikel	Penerangan mengenai obligasi
	<p>pelupusan luar biasa, likuidasi, bankrap atau penerimaan;</p> <p>xi) pemenang pertandingan reka bentuk; atau</p> <p>xii) darurat.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Agensi hendaklah menyediakan laporan atau menyelenggara rekod bagi perolehan yang dilaksanakan secara rundingan terus termasuk justifikasi penggunaan kaedah perolehan ini.</li> </ul>
<p><b>Artikel 11: Rundingan</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Negara TPP boleh melaksanakan rundingan dengan petender, sekiranya: <ul style="list-style-type: none"> <li>i) agensi telah menyatakan hasrat tersebut di dalam iklan tender; atau</li> <li>ii) hasil penilaian tender mendapati tiada tawaran tender yang paling menguntungkan dari segi kriteria penilaian seperti mana yang dinyatakan dalam iklan tender atau dokumen tender.</li> </ul> </li> <li>• Apabila agensi telah selesai melaksanakan rundingan dengan syarikat, tarikh tutup yang sama hendaklah terpakai untuk semua syarikat yang terlibat dalam rundingan untuk mengemukakan semula tawaran tender.</li> </ul>
<p><b>Artikel 12: Spesifikasi Teknikal</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Spesifikasi teknikal hendaklah dibuat, jika bersesuaian, berasaskan keperluan prestasi dan fungsi, berbanding reka bentuk atau ciri-ciri barang/perkhidmatan. Selain itu, spesifikasi teknikal</li> </ul>

Artikel	Penerangan mengenai obligasi
	<p>hendaklah berasaskan standard antarabangsa. Sekiranya tiada standard antarabangsa, peraturan teknikal tempatan, standard tempatan yang diiktiraf atau kod bangunan boleh digunakan.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Spesifikasi teknikal yang disediakan hendaklah tidak menjurus kepada sesuatu jenama, paten, hak cipta, reka bentuk, jenis, buatan, pengeluar atau pembekal. Sekiranya tidak dapat dielakkan, ungkapan 'atau persamaan' hendaklah digunakan.</li> <li>• Agensi dilarang untuk memohon atau menerima khidmat nasihat daripada individu yang mungkin mempunyai minat komersial ke atas tender yang akan dipelawa sekiranya ia boleh menghalang persaingan.</li> <li>• Agensi dibolehkan menyediakan spesifikasi untuk menggalakkan pemuliharaan sumber asli atau perlindungan alam sekitar.</li> <li>• Negara TPP dibenarkan untuk menyedia spesifikasi bagi melindungi maklumat Kerajaan yang sensitif termasuk spesifikasi yang boleh menjejaskan atau menghadkan penyimpanan, pengehosan dan pemprosesan maklumat daripada dilaksanakan di luar negara TPP tersebut.</li> </ul>

Artikel	Penerangan mengenai obligasi
<p><b>Article 13:</b> <b>Dokumen Tender</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Dokumen tender hendaklah disediakan dengan mengandungi semua maklumat penting bagi memudahkan syarikat untuk mengemukakan tender yang lengkap.</li> <li>• Antara maklumat yang perlu dinyatakan dalam dokumen tender adalah perihal perolehan, syarat penyertaan, kriteria penilaian tender dan tarikh untuk penghantaran bekalan atau perkhidmatan.</li> <li>• Agensi hendaklah mengemukakan maklum balas ke atas permohonan maklumat tambahan oleh syarikat, selagi syarikat tersebut tidak mendapat kelebihan berbanding syarikat lain.</li> <li>• Sekiranya terdapat keperluan untuk agensi meminda maklumat di dalam iklan tender atau dokumen tender, agensi hendaklah memaklumkan pindaan tersebut kepada semua syarikat yang menyertai tender berkenaan dan seterusnya memberikan tempoh masa yang mencukupi kepada syarikat untuk meminda dan mengemukakan semula tawaran tender masing-masing.</li> </ul>
<p><b>Artikel 14:</b> <b>Tempoh Masa</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Agensi hendaklah memberi tempoh yang mencukupi bagi syarikat mendapatkan dokumen tender dan menyediakan tawaran tender. Tempoh tersebut hendaklah mengambil kira jenis dan tahap kerumitan perolehan tersebut.</li> </ul>

Artikel	Penerangan mengenai obligasi
	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tempoh masa pelawaan adalah seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>i) bagi tender terbuka, tempoh pelawaan tender hendaklah sekurang-kurangnya 40 hari.</li> <li>ii) bagi tender terhad, tempoh pelawaan peringkat pertama adalah sekurang-kurangnya 25 hari manakala peringkat kedua adalah sekurang-kurangnya 40 hari.</li> </ul> </li>   <li>• Tempoh masa pelawaan boleh dikurangkan sebanyak 5 hari bagi setiap satu keadaan berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>i) iklan tender disiarkan secara elektronik;</li> <li>ii) dokumen tender boleh diakses secara elektronik dari tarikh iklan tender; dan</li> <li>iii) tawaran tender dikemukakan secara elektronik.</li> </ul> </li>   <li>• Agensi juga dibolehkan untuk mengurangkan tempoh pelawaan daripada 40 hari kepada sekurang-kurangnya 10 hari sekiranya: <ul style="list-style-type: none"> <li>i) perancangan perolehan disiarkan sekurang-kurangnya 40 hari dan tidak awal daripada 12 bulan dari tarikh iklan tender. Perancangan perolehan tersebut hendaklah mengandungi perihal perolehan, jangkaan tarikh iklan tender, alamat untuk mendapatkan dokumen tender dan maklumat yang terkandung dalam iklan tender;</li> <li>ii) keadaan mendesak sekiranya agensi mendapati tempoh pelawaan 40 hari adalah tidak praktikal; atau</li> <li>iii) agensi memperoleh bekalan atau perkhidmatan</li> </ul> </li> </ul>

Artikel	Penerangan mengenai obligasi
	<p>yang kebiasaannya boleh didapati di pasaran komersial.</p>
<p><b>Artikel 15: Layanan Ke Atas Tender Dan Pemberian Kontrak</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Agensi hendaklah menguruskan semua tawaran tender mengikut tatacara perolehan yang ditetapkan bagi menjamin kerahsiaan tender dan pelaksanaan perolehan secara adil dan saksama.</li> <li>• Agensi boleh membenarkan syarikat untuk meminda kesilapan yang tidak disengajakan di dalam borang tender iaitu antara tarikh pembukaan tender dan tarikh pemberian kontrak, dengan syarat peluang yang sama diberikan kepada semua syarikat yang menyertai tender tersebut.</li> <li>• Agensi hendaklah memastikan keputusan tender dibuat hanya berdasarkan kriteria penilaian yang dinyatakan dalam iklan tender dan dokumen tender, iaitu tawaran tender yang paling menguntungkan atau tawaran tender yang paling murah sekiranya harga adalah satu-satunya kriteria penilaian.</li> <li>• Agensi tidak dibenarkan untuk menggunakan opsyen, membatalkan perolehan atau mengubah/menamatkan kontrak dengan tujuan untuk mengelak daripada obligasi Bab ini.</li> </ul>



Artikel	Penerangan mengenai obligasi
<p><b>Artikel 16:</b> <b>Maklumat Selepas Pemberian Kontrak</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Agensi hendaklah dengan segera memaklumkan keputusan tender kepada semua syarikat yang telah mengemukakan tender, sama ada secara bertulis atau notis makluman.</li> <li>• Agensi juga hendaklah, apabila diminta, mengemukakan penjelasan mengenai kegagalan syarikat dalam tawaran tendernya.</li> <li>• Keputusan tender hendaklah disiarkan dengan kadar segera berdasarkan maklumat berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>i) perihal perolehan;</li> <li>ii) nama dan alamat agensi;</li> <li>iii) nama dan alamat syarikat yang berjaya;</li> <li>iv) nilai tawaran tender;</li> <li>v) tarikh keputusan tender; dan</li> <li>vi) kaedah perolehan dan justifikasi bagi perolehan yang dilaksanakan secara rundingan terus.</li> </ul> </li> <li>• Dokumen, rekod dan laporan berkaitan kaedah perolehan yang dilaksanakan dan pemberian kontrak hendaklah disimpan sekurang-kurangnya 3 tahun daripada tarikh pemberian kontrak atau Surat Setuju Terima.</li> </ul>
<p><b>Artikel 17:</b> <b>Penyataan Maklumat</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Negara TPP hendaklah menyediakan maklumat apabila diminta oleh negara TPP yang lain. Maklumat yang diterima tidak boleh dikongsi dengan syarikat tanpa persetujuan negara pemberi terlebih dahulu.</li> </ul>

Artikel	Penerangan mengenai obligasi
	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Setiap negara TPP berhak untuk tidak berkongsi maklumat sekiranya pernyataan maklumat tersebut:               <ol style="list-style-type: none"> <li>i) menghalang penguatkuasaan undang-undang;</li> <li>ii) menjejaskan persaingan yang adil antara syarikat;</li> <li>iii) menjejaskan kepentingan komersial yang sah bagi individu/syarikat tertentu termasuk perlindungan harta intelek; dan</li> <li>iv) bertentangan dengan kepentingan awam.</li> </ol> </li> </ul>
<p><b>Artikel 18:</b>  <b>Integriti Dalam Pelaksanaan Perolehan</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Negara TPP hendaklah memastikan bahawa terdapat langkah-langkah pentadbiran atau pencegahan jenayah untuk menangani rasuah dalam perolehan kerajaan.</li> <li>• Negara TPP juga hendaklah mewujudkan dasar dan tatacara untuk sebaik mungkin menghapuskan atau menguruskan kemungkinan berlakunya percanggahan kepentingan dalam kalangan pihak yang terlibat dalam urusan perolehan atau mempunyai kuasa/pengaruh ke atas sesuatu perolehan.</li> </ul>
<p><b>Artikel 19:</b>  <b>Semakan Domestik</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Syarikat boleh membawa aduan/pertikaian yang berkaitan dengan ketidakpatuhan agensi ke atas obligasi Bab Perolehan Kerajaan melalui mekanisme semakan domestik (<i>domestic review</i>). Bagi tujuan ini, negara TPP perlu menubuhkan sekurang-kurangnya satu pihak berkuasa semakan (<i>review authority</i>) yang berkecuali, sama ada secara pentadbiran atau kehakiman, untuk mempertimbangkan</li> </ul>

Artikel	Penerangan mengenai obligasi
	<p>aduan/pertikaian tersebut.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Sekiranya pihak berkuasa semakan adalah bukan pihak mahkamah, syarikat dibenarkan untuk mengemukakan aduan/pertikaian dalam tempoh sekurang-kurangnya 10 hari dari tarikh yang mana asas aduan/pertikaian diketahui oleh syarikat. Dalam proses aduan/pertikaian ini, agensi akan memberi maklum balas kepada aduan syarikat dan mengemukakan semua dokumen berkaitan kepada pihak berkuasa semakan. Syarikat kemudiannya akan turut diberi peluang untuk menjawab maklum balas daripada agensi, sebelum pihak berkuasa semakan membuat keputusan.</li> <li>• Negara TPP hendaklah menyediakan tatacara berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>i) mewujudkan langkah-langkah interim dengan kadar segera sementara menunggu penyelesaian aduan/pertikaian. Ini bertujuan untuk memelihara peluang syarikat menyertai perolehan berkenaan dan memastikan agensi mematuhi segala komitmen di bawah Bab ini; dan</li> <li>ii) mengambil tindakan pembetulan yang boleh melibatkan bayaran pampasan.</li> </ul> </li> <li>• Tindakan sama ada untuk melaksanakan tatacara bagi langkah-langkah interim atau tindakan pembetulan boleh mengambil kira kesan negatif ke atas kepentingan tertentu termasuk kepentingan awam. Sekiranya tatacara tersebut tidak dilaksanakan atas</li> </ul>

Artikel	Penerangan mengenai obligasi
	<p>sebab kepentingan tertentu, justifikasi hendaklah diberikan secara bertulis.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Sekiranya pihak berkuasa semakan memutuskan bahawa terdapat ketidakpatuhan agensi ke atas obligasi Bab Perolehan Kerajaan, bayaran pampasan boleh dihadkan kepada kerugian atau kerosakan yang ditanggung, sama ada kos munasabah yang terlibat: <ul style="list-style-type: none"> <li>i) bagi penyediaan tawaran tender;</li> <li>ii) dalam proses membawa aduan/pertikaian; atau</li> <li>iii) kedua-dua di atas.</li> </ul> </li> </ul>
<p><b>Artikel 20: Pindaan Dan Pembetulan Kepada Lampiran</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Setiap negara TPP hendaklah memaklumkan mengenai cadangan pindaan atau pembetulan bagi tawaran akses pasaran negara masing-masing.</li> <li>• Sekiranya perlu, negara TPP berkenaan perlu menawarkan pelarasan pampasan (<i>compensatory adjustments</i>) disebabkan pengurangan liputan akses pasarnya untuk mengekalkan tahap liputan akses pasaran yang setara dengan liputan sedia ada. Pelarasan pampasan antaranya melibatkan tawaran tambahan agensi ataupun perolehan bekalan, perkhidmatan atau kerja.</li> <li>• Negara TPP tidak perlu menyediakan pelarasan pampasan dalam keadaan berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>i) penghapusan sepenuhnya kawalan atau pengaruh ke atas perolehan kerajaan sesuatu agensi; atau</li> <li>ii) melibatkan pindaan kecil seperti pindaan nama</li> </ul> </li> </ul>

Artikel	Penerangan mengenai obligasi
	<p>agensi, penggabungan satu atau lebih agensi, pengasingan satu agensi kepada beberapa agensi dan perubahan kepada rujukan laman web.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Negara TPP yang mungkin terjejas haknya disebabkan pindaan/pembetulan tersebut boleh memaklumkan bantahan dalam tempoh 45 hari dari tarikh makluman dibuat.</li> </ul>
<p><b>Artikel 21:</b> <b>Memudahkan Penyertaan Perusahaan Kecil Dan Sederhana (PKS)</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Negara TPP hendaklah memastikan dasar dan tatacara berkaitan keutamaan kepada PKS termasuk kriteria kelayakan, adalah telus.</li> <li>• Bagi memudahkan penyertaan PKS dalam perolehan kerajaan, negara TPP hendaklah seboleh mungkin dan sekiranya bersesuaian: <ul style="list-style-type: none"> <li>i) menyediakan maklumat perolehan yang komprehensif merangkumi definisi PKS dalam satu portal elektronik;</li> <li>ii) berusaha untuk menyediakan dokumen tender tanpa sebarang caj;</li> <li>iii) melaksanakan perolehan secara elektronik; dan</li> <li>iv) mempertimbangkan pemberian kerja sub-kontrak kepada PKS berdasarkan saiz, reka bentuk dan struktur perolehan.</li> </ul> </li> </ul>
<p><b>Artikel 22:</b> <b>Kerjasama</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Negara TPP perlu bekerjasama dalam perkara-perkara seperti mempertingkatkan pemahaman mengenai perolehan kerajaan dan memperbaiki akses</li> </ul>

Artikel	Penerangan mengenai obligasi
	<p>pasaran di negara masing-masing.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kerjasama boleh dilaksanakan dalam perkara yang melibatkan kemudahan penyertaan syarikat khususnya PKS dalam perolehan kerajaan, pertukaran pengalaman dan maklumat, pembangunan dan peluasan pelaksanaan perolehan secara elektronik, bina upaya pegawai perolehan, memperkukuhkan institusi dalam mematuhi obligasi Bab ini dan meningkatkan penyediaan akses kepada penyertaan perolehan dalam pelbagai bahasa.</li> </ul>
<p><b>Artikel 23:</b> <b>Jawatankuasa Perolehan Kerajaan</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Satu Jawatankuasa Perolehan Kerajaan yang dianggotai oleh wakil daripada setiap Negara TPP akan ditubuhkan untuk menangani perkara-perkara berkaitan pelaksanaan dan pengoperasian Bab ini.</li> <li>• Antara perkara-perkara yang akan dibincangkan adalah berkaitan kerjasama di antara negara-negara TPP, kemudahan penyertaan PKS, pelaksanaan langkah-langkah peralihan serta pertimbangan untuk rundingan lanjut.</li> </ul>
<p><b>Artikel 24:</b> <b>Rundingan Lanjut</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Jawatankuasa Perolehan Kerajaan akan menyemak semula Bab ini dan boleh membuat keputusan untuk mengadakan rundingan lanjut bagi tujuan: <ul style="list-style-type: none"> <li>i) memperbaiki liputan akses pasaran melalui penambahan senarai agensi dan pengurangan pengecualian;</li> </ul> </li> </ul>

Artikel	Penerangan mengenai obligasi
	<ul style="list-style-type: none"> <li>ii) menyemak semula had nilai perolehan;</li> <li>iii) menyemak semula formula pelarasan had nilai perolehan di <b>Seksyen H</b> negara masing-masing; dan</li> <li>iv) mengurangkan atau menghapuskan peraturan atau tatacara yang mempunyai unsur diskriminasi.</li> </ul> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Negara TPP dikehendaki memulakan rundingan lanjut untuk memperbaiki liputan akses pasaran termasuk liputan bagi agensi di bawah kerajaan negeri, dalam tempoh tidak melebihi 3 tahun dari tarikh Perjanjian TPP berkuat kuasa.</li> </ul>

## TAWARAN AKSES PASARAN PEROLEHAN KERAJAAN

Tawaran akses pasaran memperincikan komitmen pembukaan perolehan Kerajaan setiap negara TPP yang meliputi senarai agensi, bekalan, perkhidmatan, kerja dan had nilai perolehan masing-masing untuk penyertaan syarikat dari negara TPP. Selain itu, tawaran akses pasaran turut mengandungi senarai pengecualian setiap negara TPP, langkah-langkah peralihan bagi negara TPP sedang membangun, akses kepada maklumat perolehan dan formula pelarasan had nilai perolehan.

Tawaran akses pasaran diperincikan dalam Jadual kepada **Lampiran 15-A** (*Schedule to Annex 15-A*) negara TPP masing-masing yang mengandungi 10 Seksyen dan boleh dirumuskan seperti berikut:

Seksyen	Penerangan mengenai tawaran akses pasaran																			
<p><b>Seksyen A:</b> <b>Agensi Kerajaan Persekutuan</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Seksyen ini mengandungi senarai agensi kerajaan persekutuan serta had nilai perolehan bagi bekalan, perkhidmatan dan kerja.</li> <li>• Pelaksanaan perolehan melebihi had nilai yang ditetapkan dan dilaksanakan oleh agensi yang disenaraikan, perlu dibuka untuk penyertaan syarikat dari negara TPP.</li> <li>• Had nilai perolehan dinyatakan dalam mata wang <i>Special Drawing Rights</i> (SDR) yang ditetapkan oleh <i>International Monetary Fund</i> (IMF).</li> </ul> <p><b>Tawaran akses pasaran Malaysia</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Malaysia menyenaraikan kesemua 25 Kementerian dan beberapa agensi di bawah Kementerian. Namun, terdapat beberapa pengecualian yang telah diambil khusus untuk agensi tertentu dan ia dinyatakan dalam nota bagi agensi berkenaan.</li> <li>• Malaysia telah mendapat langkah-langkah peralihan bagi had nilai perolehan yang akan bermula dengan had nilai lebih tinggi dan dikurangkan kepada had nilai kekal secara berperingkat untuk tempoh tertentu, seperti berikut:</li> </ul> <table border="1" data-bbox="529 1360 1409 1852"> <thead> <tr> <th></th> <th>Tahun</th> <th>Had Nilai Perolehan*</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td rowspan="3">Bekalan</td> <td>1 - 4</td> <td>SDR 1.5 juta (RM 7.5 juta)</td> </tr> <tr> <td>5 - 7</td> <td>SDR 800,000 (RM 4 juta)</td> </tr> <tr> <td>8 dan ke atas</td> <td>SDR 130,000 (RM 650,000)</td> </tr> <tr> <td rowspan="4">Perkhidmatan</td> <td>1 - 4</td> <td>SDR 2 juta (RM 10 juta)</td> </tr> <tr> <td>5 - 7</td> <td>SDR 1 juta (RM 5 juta)</td> </tr> <tr> <td>8 - 9</td> <td>SDR 500,000 (RM 2.5 juta)</td> </tr> <tr> <td>10 dan ke</td> <td>SDR 130,000 (RM 650,000)</td> </tr> </tbody> </table>		Tahun	Had Nilai Perolehan*	Bekalan	1 - 4	SDR 1.5 juta (RM 7.5 juta)	5 - 7	SDR 800,000 (RM 4 juta)	8 dan ke atas	SDR 130,000 (RM 650,000)	Perkhidmatan	1 - 4	SDR 2 juta (RM 10 juta)	5 - 7	SDR 1 juta (RM 5 juta)	8 - 9	SDR 500,000 (RM 2.5 juta)	10 dan ke	SDR 130,000 (RM 650,000)
	Tahun	Had Nilai Perolehan*																		
Bekalan	1 - 4	SDR 1.5 juta (RM 7.5 juta)																		
	5 - 7	SDR 800,000 (RM 4 juta)																		
	8 dan ke atas	SDR 130,000 (RM 650,000)																		
Perkhidmatan	1 - 4	SDR 2 juta (RM 10 juta)																		
	5 - 7	SDR 1 juta (RM 5 juta)																		
	8 - 9	SDR 500,000 (RM 2.5 juta)																		
	10 dan ke	SDR 130,000 (RM 650,000)																		



Seksyen	Penerangan mengenai tawaran akses pasaran		
		atas	
	Kerja	1 - 5 6 - 10 11 - 15 16 - 20 21 dan ke atas	SDR 63 juta (RM 315 juta) SDR 50 juta (RM 250 juta) SDR 40 juta (RM 200 juta) SDR 30 juta (RM 150 juta) SDR 14 juta (RM 70 juta)
	<p><b>Nota:</b> *Had nilai perolehan bagi negara TPP dinyatakan dalam SDR. Nilai di dalam Ringgit Malaysia (SDR1 = RM5) adalah untuk tujuan perbandingan dan tertakluk kepada kadar tukaran asing berdasarkan formula yang ditetapkan di bawah Seksyen H.</p>		
<b>Seksyen B:</b> <b>Agensi Kerajaan Negeri</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Seksyen ini mengandungi senarai agensi kerajaan negeri (termasuk pihak berkuasa tempatan) serta had nilai perolehan bagi bekalan, perkhidmatan dan kerja.</li> <li>• Pelaksanaan perolehan melebihi had nilai yang ditetapkan dan dilaksanakan oleh agensi yang disenaraikan, perlu dibuka untuk penyertaan syarikat dari negara TPP.</li> <li>• Had nilai perolehan dinyatakan dalam mata wang SDR yang ditetapkan oleh IMF.</li> </ul> <p><b>Tawaran akses pasaran Malaysia</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Malaysia tidak menawarkan apa-apa agensi di bawah Seksyen ini.</li> </ul>		
<b>Seksyen C:</b> <b>Agensi-agensi Lain</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Seksyen ini mengandungi senarai agensi-agensi lain (badan berkanun dan syarikat kerajaan) serta had nilai perolehan bagi bekalan, perkhidmatan dan kerja.</li> <li>• Pelaksanaan perolehan melebihi had nilai yang ditetapkan dan dilaksanakan oleh agensi yang disenaraikan, perlu</li> </ul>		

Seksyen	Penerangan mengenai tawaran akses pasaran																															
	<p>dibuka untuk penyertaan syarikat dari negara TPP.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Had nilai perolehan dinyatakan dalam mata wang SDR yang ditetapkan oleh IMF.</li> </ul> <p><b>Tawaran akses pasaran Malaysia</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Malaysia menyenaraikan 4 badan berkanun di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.</li> <li>• Malaysia juga telah mendapat langkah-langkah peralihan bagi had nilai perolehan. Sehubungan itu, had nilai perolehan bagi Malaysia adalah seperti berikut:</li> </ul> <table border="1" data-bbox="529 808 1393 1690"> <thead> <tr> <th></th> <th>Tahun</th> <th>Had Nilai Perolehan*</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td rowspan="3">Bekalan</td> <td>1 - 4</td> <td>SDR 2 juta (RM 10 juta)</td> </tr> <tr> <td>5 - 7</td> <td>SDR 1 juta (RM 5 juta)</td> </tr> <tr> <td>8 dan ke atas</td> <td>SDR 150,000 (RM 750,000)</td> </tr> <tr> <td rowspan="4">Perkhidmatan</td> <td>1 - 4</td> <td>SDR 2 juta (RM 10 juta)</td> </tr> <tr> <td>5 - 7</td> <td>SDR 1 juta (RM 5 juta)</td> </tr> <tr> <td>8 - 9</td> <td>SDR 500,000 (RM 2.5 juta)</td> </tr> <tr> <td>10 dan ke atas</td> <td>SDR 150,000 (RM 750,000)</td> </tr> <tr> <td rowspan="5">Kerja</td> <td>1 - 5</td> <td>SDR 63 juta (RM 315 juta)</td> </tr> <tr> <td>6 - 10</td> <td>SDR 50 juta (RM 250 juta)</td> </tr> <tr> <td>11 - 15</td> <td>SDR 40 juta (RM 200 juta)</td> </tr> <tr> <td>16 - 20</td> <td>SDR 30 juta (RM 150 juta)</td> </tr> <tr> <td>21 dan ke atas</td> <td>SDR 14 juta (RM 70 juta)</td> </tr> </tbody> </table> <p><b>Nota:</b> *Had nilai perolehan bagi negara TPP dinyatakan dalam SDR. Nilai di dalam Ringgit Malaysia (SDR1 = RM5) adalah untuk tujuan perbandingan dan tertakluk kepada kadar tukaran</p>			Tahun	Had Nilai Perolehan*	Bekalan	1 - 4	SDR 2 juta (RM 10 juta)	5 - 7	SDR 1 juta (RM 5 juta)	8 dan ke atas	SDR 150,000 (RM 750,000)	Perkhidmatan	1 - 4	SDR 2 juta (RM 10 juta)	5 - 7	SDR 1 juta (RM 5 juta)	8 - 9	SDR 500,000 (RM 2.5 juta)	10 dan ke atas	SDR 150,000 (RM 750,000)	Kerja	1 - 5	SDR 63 juta (RM 315 juta)	6 - 10	SDR 50 juta (RM 250 juta)	11 - 15	SDR 40 juta (RM 200 juta)	16 - 20	SDR 30 juta (RM 150 juta)	21 dan ke atas	SDR 14 juta (RM 70 juta)
	Tahun	Had Nilai Perolehan*																														
Bekalan	1 - 4	SDR 2 juta (RM 10 juta)																														
	5 - 7	SDR 1 juta (RM 5 juta)																														
	8 dan ke atas	SDR 150,000 (RM 750,000)																														
Perkhidmatan	1 - 4	SDR 2 juta (RM 10 juta)																														
	5 - 7	SDR 1 juta (RM 5 juta)																														
	8 - 9	SDR 500,000 (RM 2.5 juta)																														
	10 dan ke atas	SDR 150,000 (RM 750,000)																														
Kerja	1 - 5	SDR 63 juta (RM 315 juta)																														
	6 - 10	SDR 50 juta (RM 250 juta)																														
	11 - 15	SDR 40 juta (RM 200 juta)																														
	16 - 20	SDR 30 juta (RM 150 juta)																														
	21 dan ke atas	SDR 14 juta (RM 70 juta)																														

Seksyen	Penerangan mengenai tawaran akses pasaran
	<p><i>asing berdasarkan formula yang ditetapkan di bawah Seksyen H.</i></p>
<p><b>Seksyen D: Bekalan</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Seksyen ini mengandungi senarai bekalan yang perlu dibuka untuk penyertaan syarikat dari negara TPP.</li> <li>• Perolehan bekalan yang ditawarkan melebihi had nilai yang ditetapkan dan dilaksanakan oleh agensi yang disenaraikan di <b>Seksyen A, B dan C</b>, perlu dibuka untuk penyertaan syarikat dari negara TPP.</li> </ul> <p><b>Tawaran akses pasaran Malaysia</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Malaysia menggunakan pendekatan penyenaian negatif (<i>negative listing</i>) untuk tawaran bekalan di bawah Seksyen ini. Ini bermaksud, Malaysia hanya menyenaraikan jenis bekalan yang tidak ditawarkan kepada negara TPP.</li> <li>• Jenis bekalan yang tidak ditawarkan kepada syarikat dari negara TPP adalah berkaitan dengan beras, tenaga elektrik dan air semula jadi.</li> </ul>
<p><b>Seksyen E: Perkhidmatan</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Seksyen ini mengandungi senarai perkhidmatan yang perlu dibuka untuk penyertaan syarikat dari negara TPP.</li> <li>• Perolehan perkhidmatan yang ditawarkan melebihi had nilai yang ditetapkan dan dilaksanakan oleh agensi yang disenaraikan di <b>Seksyen A, B dan C</b>, perlu dibuka untuk penyertaan syarikat dari negara TPP.</li> </ul> <p><b>Tawaran akses pasaran Malaysia</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Malaysia menggunakan pendekatan penyenaian positif (<i>positive listing</i>) untuk tawaran perkhidmatan di bawah</li> </ul>

Seksyen	Penerangan mengenai tawaran akses pasaran
	<p>Seksyen ini. Ini bermaksud, Malaysia hanya menyenaraikan jenis bekalan yang ditawarkan kepada negara TPP.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Antara jenis perkhidmatan yang ditawarkan kepada syarikat dari negara TPP adalah berkaitan dengan perkhidmatan profesional, ICT, pendidikan, kesihatan dan sosial, kutipan dan pelupusan sisa pepejal serta pembersihan alam sekitar.</li> <li>• Antara jenis perkhidmatan yang tidak ditawarkan pula adalah berkaitan dengan perkhidmatan kewangan, undang-undang, pembentungan, pos, perhotelan, katering makanan serta penyelidikan dan pembangunan.</li> </ul>
<p><b>Seksyen F: Kerja</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Seksyen ini mengandungi senarai kerja yang perlu dibuka untuk penyertaan syarikat dari negara TPP.</li> <li>• Perolehan kerja yang ditawarkan melebihi had nilai yang ditetapkan dan dilaksanakan oleh agensi yang disenaraikan di <b>Seksyen A, B dan C</b>, perlu dibuka untuk penyertaan syarikat dari negara TPP.</li> </ul> <p><b>Tawaran akses pasaran Malaysia</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Malaysia menggunakan pendekatan penyenaian negatif (<i>negative listing</i>) untuk tawaran kerja di bawah Seksyen ini. Ini bermaksud, Malaysia hanya menyenaraikan jenis kerja yang tidak ditawarkan kepada negara TPP.</li> <li>• Jenis kerja yang tidak ditawarkan kepada syarikat dari negara TPP adalah kerja berkaitan dengan pengerukan dan cerun.</li> </ul>

Seksyen	Penerangan mengenai tawaran akses pasaran
<p><b>Seksyen G: Pengecualian Tetap</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Seksyen ini menyenaraikan pengecualian tetap ke atas dasar, program dan aktiviti berkaitan perolehan daripada obligasi di bawah Bab ini.</li> <li>• Sekiranya agensi mendapati bahawa sesuatu perolehan itu menepati pengecualian yang disenaraikan di bawah Seksyen ini, meskipun perolehan tersebut melebihi had nilai yang ditetapkan dan dilaksanakan oleh agensi yang disenaraikan di <b>Seksyen A, B dan C</b>, perolehan tersebut tidak perlu dibuka untuk penyertaan syarikat dari negara TPP.</li> </ul> <p><b>Tawaran akses pasaran Malaysia</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Malaysia telah menyenaraikan 7 jenis program atau aktiviti perolehan yang tidak akan dibuka untuk penyertaan syarikat dari negara TPP seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>i) perolehan berkaitan Istana Negara;</li> <li>ii) perolehan berkaitan program pembangunan luar bandar dan program pembasmian kemiskinan;</li> <li>iii) kontrak Kerjasama Awam Swasta (PPP);</li> <li>iv) perolehan berkaitan hasil seni tempatan serta khazanah dan warisan negara;</li> <li>v) perolehan untuk tujuan keagamaan;</li> <li>vi) perolehan berkaitan penyelidikan dan pembangunan (R&amp;D); dan</li> <li>vii) perolehan berkaitan majlis sambutan kebangsaan kecuali berkaitan kerja.</li> </ul> </li> <li>• Malaysia juga dibenarkan untuk meneruskan pelaksanaan dasar Bumiputera bagi perolehan yang tertakluk di bawah</li> </ul>

Seksyen	Penerangan mengenai tawaran akses pasaran
	<p>Bab ini, seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) hak untuk memberi taraf Bumiputera kepada syarikat yang berkeelayakan;</li> <li>ii) peruntukan sebanyak 30% daripada nilai tahunan perolehan kerja untuk syarikat Bumiputera;</li> <li>iii) keutamaan harga kepada syarikat Bumiputera yang menawarkan bekalan dan perkhidmatan dari Malaysia atau negara TPP (<b>Kategori 1</b>);</li> <li>iv) keutamaan harga kepada syarikat Bumiputera yang menawarkan bekalan dan perkhidmatan dari negara selain negara TPP (<b>Kategori 2</b>);</li> <li>v) keutamaan harga kepada pembuat Bumiputera (<b>Kategori 3</b>); dan</li> <li>vi) 6 item di bawah Kontrak Pusat dikhaskan untuk syarikat Bumiputera.</li> </ul> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Di samping itu, Malaysia juga akan memberi keutamaan harga seperti di <b>Kategori 2</b> kepada syarikat bukan Bumiputera dan syarikat dari negara TPP dengan syarat bekalan dan perkhidmatan yang ditawarkan adalah dari Malaysia atau negara TPP. Keutamaan ini hanya untuk perolehan yang tertakluk di bawah Bab ini.</li> <li>• Pelaksanaan Kontrak Panel dan dasar keutamaan kepada PKS adalah dibenarkan dan hendaklah mengikut tatacara perolehan kerajaan yang ditetapkan di bawah Bab ini.</li> </ul>
<p><b>Seksyen H:</b>  <b>Formula</b>  <b>Pelarasan Had</b>  <b>Nilai Perolehan</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Seksyen ini menetapkan formula bagi tujuan pelarasan had nilai perolehan daripada mata wang SDR kepada mata wang tempatan negara TPP masing-masing.</li> <li>• Pelarasan ini dibuat setiap 2 tahun sekali.</li> </ul>

Seksyen	Penerangan mengenai tawaran akses pasaran
<p><b>Seksyen I:</b>  <b>Penyiaran</b>  <b>Maklumat</b>  <b>Perolehan</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Seksyen ini menyenaraikan laman web yang memaparkan semua maklumat berkaitan dasar dan peraturan perolehan kerajaan yang tertakluk di bawah Bab ini untuk rujukan negara TPP dan syarikat. Antara maklumat yang boleh didapati adalah seperti dasar berkaitan perolehan kerajaan, iklan tender dan keputusan tender.</li> </ul>
<p><b>Seksyen J:</b>  <b>Langkah-</b>  <b>langkah</b>  <b>Peralihan</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Seksyen ini menyenaraikan langkah-langkah peralihan yang boleh dilaksanakan oleh negara TPP berstatus negara sedang membangun untuk tempoh tertentu sebelum tertakluk sepenuhnya kepada obligasi di bawah Bab ini.</li> <li>• Semasa tempoh peralihan, negara TPP tersebut dibenarkan untuk melewatkan pelaksanaan obligasi yang tertentu dengan melaksanakannya secara berperingkat apabila Perjanjian TPP berkuat kuasa.</li> </ul> <p><b>Tawaran akses pasaran Malaysia</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Malaysia mendapat 5 langkah peralihan berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Had nilai perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja <ul style="list-style-type: none"> <li>- Had nilai perolehan dikurangkan secara berperingkat, seperti di <b>Seksyen A</b> dan <b>C</b>.</li> </ul> </li> <li>ii) Pakej rangsangan ekonomi (PRE) <ul style="list-style-type: none"> <li>- Malaysia masih boleh menggunakan perolehan kerajaan sebagai salah satu langkah di bawah PRE untuk tempoh 25 tahun. Dalam tempoh ini, perolehan berkenaan boleh dikhaskan hanya untuk syarikat</li> </ul> </li> </ul> </li> </ul>

Seksyen	Penerangan mengenai tawaran akses pasaran
	<p>Malaysia.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Sesuatu perolehan itu hendaklah dibiayai daripada peruntukan PRE yang menggunakan peruntukan tambahan sebagai tindak balas kepada krisis ekonomi yang melanda negara.</li> <li>- Selepas tempoh peralihan tersebut tamat, Malaysia masih boleh menggunakan perolehan kerajaan sebagai salah satu langkah di bawah PRE tetapi perolehan berkenaan hendaklah dibuka untuk penyertaan syarikat dari negara TPP juga.</li> </ul> <p>iii) Semakan domestik (<i>domestic review</i>)</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Malaysia dibenarkan untuk melewatkan pelaksanaan obligasi semakan domestik di bawah Artikel 15 bagi tempoh 3 tahun.</li> <li>- Dalam tempoh ini, aduan/pertikaian oleh syarikat Malaysia atau negara TPP hendaklah dikemukakan kepada Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan untuk diambil tindakan sewajarnya.</li> </ul> <p>iv) Mekanisme penyelesaian pertikaian (<i>dispute settlement mechanism</i>)</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Perolehan kerajaan adalah tertakluk kepada obligasi di bawah Bab Penyelesaian Pertikaian yang membolehkan negara-negara TPP untuk menguatkuasakan hak mereka apabila mana-mana negara TPP melanggar Perjanjian ini, termasuk Bab Perolehan Kerajaan.</li> <li>- Namun, Malaysia dibenarkan untuk melewatkan pelaksanaan obligasi Bab Perolehan Kerajaan</li> </ul>



Seksyen	Penerangan mengenai tawaran akses pasaran
	<p>daripada tertakluk kepada Bab Penyelesaian Pertikaian bagi tempoh 5 tahun.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Dalam tempoh ini, Malaysia akan mengadakan konsultasi dengan mana-mana pihak yang terlibat dalam pertikaian berhubung pelaksanaan Bab Perolehan Kerajaan.</li> </ul> <p>v) <i>Offsets</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Negara TPP adalah dilarang untuk mengenakan syarat <i>offsets</i> kepada syarikat.</li> <li>- Namun, Malaysia dibenarkan untuk mengenakan syarat <i>offsets</i> kepada syarikat untuk tempoh 12 tahun dengan mengurangkan nilai kredit <i>offsets</i> secara berperingkat.</li> <li>- Dalam tempoh ini, hanya 17 Kementerian yang disenaraikan boleh mengenakan syarat <i>offsets</i> bagi perolehan yang bernilai melebihi RM50 juta.</li> </ul>

## **BAB 16 DASAR PERSAINGAN**

### **PENGENALAN**

Bab ini bertujuan untuk memastikan terdapat satu kerangka amalan persaingan yang adil di kesemua negara TPP dengan pelaksanaan obligasi-obligasi yang berkaitan dengan undang-undang persaingan yang melarang amalan anti persaingan dan undang-undang perlindungan pengguna yang mengawal selia amalan penipuan dan memperdaya yang menjejaskan kepentingan pengguna secara umum.

### **OBLIGASI BAB DASAR PERSAINGAN**

#### **Undang-Undang Persaingan, Badan Penguatkuasaan dan Amalan Anti Persaingan**

Negara anggota TPP bersetuju untuk memastikan penggubalan atau pengekalan undang-undang yang mengawal selia amalan anti persaingan di negara masing-masing yang mempunyai objektif untuk menggalakkan kecekapan ekonomi dan kepentingan pengguna selaras dengan Prinsip APEC Bagi Meningkatkan Persaingan dan Pembaharuan Peraturan 1999.

Bagi memastikan undang-undang persaingan dikuatkuasakan secara efektif, bab ini menyenaraikan obligasi bagi menubuh dan mengekalkan badan berkuasa bagi menguatkuasakan undang-undang persaingan. Obligasi bab ini turut memerlukan undang-undang persaingan dilaksanakan ke atas semua aktiviti komersial di negara tanpa sebarang diskriminasi berdasarkan kewarganegaraan. Bab ini tidak menghalang badan berkuasa persaingan untuk memberi sebarang bentuk pengecualian dalam pelaksanaan undang-undang persaingan dengan syarat pengecualian tersebut telus dan berdasarkan kepentingan dasar dan masyarakat secara umum.

## **Prosedur Adil (Procedural Fairness) dalam Penguatkuasaan Undang-Undang Persaingan**

Bab ini juga memberi penekanan ke atas pelaksanaan prosedur secara adil apabila suatu kes disiasat dan diputuskan oleh pihak berkuasa persaingan. Antara perkara yang di beri fokus ialah penyaluran maklumat kepada pihak yang disiasat mengenai kebimbangan persaingan oleh berkuasa persaingan, peluang yang munasabah untuk diwakili oleh peguam; dan pihak yang disiasat perlu di beri peluang untuk memberi representasi dan keterangan di dalam pembelaannya, kecuali apabila pihak yang disiasat di beri peluang untuk memberi representasi dan mengemukakan bukti selepas remedi interim dikenakan.

Kesemua negara perlu mengekalkan prosedur bertulis yang digunakan bagi tujuan penyiasatan dan menjalankan sebarang siasatan dalam tempoh masa yang munasabah. Kesemua negara juga perlu mengekalkan peraturan prosedur berkaitan dengan prosiding penguatkuasaan dan penentuan keputusan atau remedi termasuk tatacara bagi memperkenalkan bukti dan seharusnya terpakai sama rata kepada semua pihak dalam prosiding. Pihak yang terbabit juga perlu di beri peluang untuk mengemukakan rayuan di mahkamah atau tribunal bebas.

Pihak berkuasa persaingan juga perlu di beri kuasa untuk menyelesaikan sebarang dakwaan pelanggaran secara resolusi sukarela dengan persetujuan pihak berkuasa persaingan dan pihak yang dikenakan tindakan penguatkuasaan dengan opsyen untuk keputusan itu tertakluk kepada kelulusan tribunal bebas atau kehakiman sebelum keputusan tersebut dimuktamadkan.

Bab ini juga mengandungi obligasi yang mewajibkan pihak berkuasa persaingan kebangsaan sesebuah negara yang mengeluarkan notis awam yang mendedahkan kewujudan penyiasatan yang belum selesai atau yang sedang berlangsung untuk mengelak membayangkan pihak yang disiasat telah menyalahi undang-undang persaingan. Pihak berkuasa persaingan negara juga mempunyai tanggungjawab untuk

membuktikan asas undang-undang dan fakta bagi pelanggaran yang didakwa itu dalam prosiding penguatkuasaan.

Dalam proses penguatkuasaan undang-undang persaingan, sebarang maklumat perniagaan yang sulit perlu dilindungi. Jika pihak berkuasa persaingan kebangsaan sesebuah negara menggunakan atau bercadang untuk menggunakan maklumat dalam prosiding penguatkuasaan, prosedur perlu disediakan untuk membolehkan pihak yang disiasat akses terhadap maklumat yang perlu untuk menyediakan pembelaan. Pihak berkuasa persaingan kebangsaan juga perlu memberi peluang yang munasabah kepada pihak yang disiasat untuk mengadakan konsultasi mengenai isu undang-undang, fakta atau prosedur yang timbul semasa siasatan.

### **Hak Mengambil Tindakan Persendirian**

Hak tindakan persendirian adalah di mana seseorang boleh mengambil tindakan, termasuk injunksi, kewangan atau remedi lain dari mahkamah atau tribunal bebas lain bagi kerugian ke atas perniagaan atau harta yang disebabkan oleh pelanggaran undang-undang persaingan negara, sama ada secara bebas atau selaras dengan keputusan pihak berkuasa persaingan negara.

Bab ini memerlukan semua negara untuk mengambil atau mengekalkan undang-undang atau langkah-langkah lain yang memberikan hak untuk mengambil tindakan persendirian. Jika mana-mana negara tidak mengekalkan undang-undang atau langkah-langkah lain yang memberikan hak ini, negara tersebut seharusnya membenarkan pihak terbabit untuk meminta pihak berkuasa persaingan negara memulakan siasatan terhadap dakwaan pelanggaran undang-undang persaingan negara; dan membenarkan pihak terbabit untuk mendapatkan pembelaan dari mahkamah atau tribunal bebas berdasarkan keputusan pelanggaran undang-undang persaingan yang dibuat oleh pihak berkuasa persaingan negara. Hak tindakan persendirian ini perlu terpakai sama rata tanpa diskriminasi kewarganegaraan.

## **Kerjasama**

Bab ini mengandungi obligasi bagi kerjasama dan penyelarasan antara pihak berkuasa persaingan negara masing-masing bagi memastikan penguatkuasaan undang-undang persaingan secara efektif. Antara kerjasama yang di persetujui adalah pertukaran maklumat mengenai perkembangan dasar persaingan dan bekerjasama dalam isu-isu penguatkuasaan undang-undang persaingan, termasuk melalui notifikasi, perundingan dan pertukaran maklumat. Bab ini juga memfasilitasi perjanjian kerjasama di antara mana-mana pihak berkuasa persaingan negara TPP.

## **Kerjasama Teknikal**

Dengan kerjasama dan perkongsian maklumat mengenai undang-undang dan dasar persaingan, undang-undang persaingan akan dapat dilaksanakan secara berkesan. Bagi tujuan ini, kesemua negara anggota TPP bersetuju untuk mengadakan kerjasama teknikal dalam bentuk nasihat atau latihan termasuk pertukaran pegawai di antara agensi berkuasa persaingan, pertukaran maklumat dan pengalaman mengenai advokasi persaingan dan membantu dalam pelaksanaan undang-undang persaingan.

## **Perlindungan Pengguna**

Memandangkan perlindungan pengguna merupakan aspek yang penting bagi mewujudkan pasaran yang cekap dan berdaya saing serta meningkatkan kebajikan pengguna, kesemua negara anggota TPP telah bersetuju dengan obligasi yang berkaitan dengan perlindungan hak pengguna.

Obligasi bab ini memerlukan negara untuk mengekalkan undang-undang perlindungan pengguna, undang-undang berkaitan atau peraturan-peraturan yang mengawal selia aktiviti aktiviti komersial berunsur penipuan dan memperdaya.

Antara aktiviti yang perlu dikawal selia adalah amalan memberi representasi yang salah mengenai fakta, termasuk representasi fakta tersirat yang salah, yang menyebabkan kemudaratannya yang besar kepada kepentingan pengguna; amalan gagal menghantar produk atau menyediakan perkhidmatan kepada pengguna selepas di caj bayaran; atau

amalan caj atau mendebitkan akaun bank, telefon pengguna atau akaun lain tanpa kebenaran.

Obligasi bab ini juga menggalakkan, mengikut kesesuaian, kerjasama dan penyelarasan mengenai perkara-perkara yang mempunyai kepentingan bersama yang berkaitan dengan aktiviti-aktiviti komersial berunsur penipuan dan memperdaya termasuk dalam penguatkuasaan undang-undang perlindungan pengguna. Kerjasama yang tersebut akan dijalin melalui pihak berkuasa yang bertanggungjawab ke atas isu-isu perlindungan pengguna selaras dengan undang-undang domestik dan sumber yang ada.

### **Ketelusan**

Kesemua negara anggota TPP memberi penekanan ke atas ketelusan dasar penguatkuasaan persaingan. Menyedari kepentingan Pangkalan Data APEC Mengenai Undang-undang dan Dasar Persaingan dalam meningkatkan ketelusan undang-undang persaingan, dasar dan aktiviti penguatkuasaan, bab ini mengandungi obligasi bagi semua pihak untuk mengemas kini maklumat pada pangkalan data tersebut.

Atas permintaan satu pihak yang lain, pihak terbabit perlu menyediakan maklumat awam mengenai dasar dan amalan penguatkuasaan undang-undang persaingan; dan pengecualian dan imuniti yang diberikan melalui undang-undang persaingan negara.

Bab ini juga mengandungi obligasi yang mewajibkan semua keputusan pelanggaran undang-undang persaingan direkodkan secara bertulis dengan justifikasi perundangan dan analisis ekonomi, jika berkenaan. Sebarang keputusan yang tersebut di atas juga perlu diterbitkan atau disediakan bagi semakan umum, tanpa mendedahkan maklumat sulit.

**Konsultasi**

Bagi meningkatkan persefahaman di antara negara anggota TPP atau menangani perkara-perkara tertentu yang timbul di bawah bab ini, atas permintaan negara lain, konsultasi perlu diadakan jika negara yang memohon dapat menerangkan jika berkaitan, bagaimana perkara itu memberi kesan kepada perdagangan atau pelaburan antara pihak terbabit. Negara yang menerima permintaan untuk konsultasi perlu memberi pertimbangan yang sewajarnya kepada permintaan tersebut.

**Penyelesaian Pertikaian**

Mekanisme Penyelesaian Pertikaian tidak terpakai pada bab ini.

## **BAB 17 SYARIKAT MILIK KERAJAAN DAN MONOPOLI YANG DITETAPKAN**

### **PENGENALAN**

Bab ini bertujuan untuk memastikan syarikat swasta dan syarikat milik Kerajaan (*State Owned Enterprise* - SOE) dapat bersaing secara adil. Bab ini bertujuan mewujudkan disiplin ke atas SOE supaya Kerajaan memastikan:

- pertimbangan SOE dalam pembelian dan penjualan barangan dan perkhidmatan tanpa amalan diskriminasi dan berdasarkan faktor komersial;
- bantuan yang diberi kepada Syarikat Kerajaan tidak menyebabkan kesan keterlaluan kepada kepentingan syarikat negara TPP lain, dan
- ketelusan dalam operasi SOE.

### **OBLIGASI BAB SOE**

Kerajaan hendaklah memastikan perkara-perkara berikut:

- i. SOE bertindak selaras dengan pertimbangan komersial dalam urusan jual beli barangan dan perkhidmatannya seperti elemen harga, kualiti, ketersediaan, kebolehpasaran, pengangkutan atau faktor lain yang diambil kira oleh syarikat swasta dalam industri yang sama. Pengecualian hanya diberikan sekiranya bertujuan memenuhi mandat penyediaan perkhidmatan kepada orang awam, dengan syarat hendaklah memberi layanan sama rata dalam urusan jualan barangan/perkhidmatan kepada pelabur dari negara TPP atau bukan TPP yang telah diberikan status pelaburan yang dilindungi (*covered investment*)
- ii. SOE memberi layanan sama rata kepada pelabur dari negara TPP sepertimana yang diberikan kepada syarikat tempatan atau syarikat dari mana-mana negara luar termasuk negara bukan negara TPP dalam urusan jual beli barangan dan perkhidmatannya.



- iii. SOE tidak menerima bantuan bukan komersial daripada Kerajaan atau mana-mana SOE lain yang boleh menyebabkan kesan keterlaluan (*adverse effects*) kepada kepentingan negara TPP lain. Kerajaan perlu memastikan bantuan bukan komersial yang diberi kepada SOE tidak menyebabkan kesan keterlaluan kepada kepentingan negara TPP lain dalam aktiviti-aktiviti seperti berikut:
- Pengeluaran atau jualan barang;
  - Pembekalan perkhidmatan dari Malaysia ke negara-negara TPP; dan
  - Pembekalan perkhidmatan dari atau dalam negara-negara TPP secara kewujudan komersial di negara TPP.
- iv. SOE yang merupakan pelaburan yang dilindungi (*covered investment*) tidak menerima bantuan bukan komersial daripada Kerajaan atau mana-mana SOE lain yang boleh menyebabkan kesan kerugian (*injury*) industri domestik di negara TPP lain dalam konteks berikut:-
- Pengeluaran atau jualan barang oleh SOE di negara TPP lain;
  - Barangan yang sama (*like good*) dikeluarkan dan dijual di negara TPP lain oleh industri domestik di negara TPP tersebut.
- v. Ketelusan dalam menyediakan maklumat yang diperlukan dalam tempoh yang ditetapkan seperti berikut:
- Menyenaraikan SOE selepas enam (6) bulan daripada tarikh Perjanjian TPP berkuat kuasa dan mengemaskinikan senarai setiap tahun;
  - Memaparkan di laman web rasmi, pemberian status monopoli kepada syarikat tertentu, atau peluasan skop monopoli kepada syarikat sedia ada dan syarat-syarat pemberian status tersebut;
  - Maklumat perlu dikemukakan jika terdapat permintaan bertulis meminta maklumat daripada negara TPP dengan syarat permintaan tersebut disertakan penjelasan bagaimana aktiviti-aktiviti SOE dan DM itu boleh

memberi kesan kepada perdagangan atau pelaburan antara negara TPP yang lain;

- Memberikan secara bertulis maklumat mengenai apa-apa dasar atau program yang dilaksanakan atau dikekalkan yang melibatkan pemberian bantuan bukan komersial kepada mana-mana syarikat, dengan syarat bahawa permintaan itu termasuk penjelasan bagaimana polisi atau program tersebut boleh menjejaskan atau telah menjejaskan perdagangan atau pelaburan antara negara-negara TPP; dan
  - Mengemukakan maklumat yang spesifik yang membantu kefahaman operasi dan penilaian dasar atau program bantuan bukan komersial serta kesannya atau potensi implikasinya ke atas perdagangan atau pelaburan antara negara-negara TPP.
- vi. Semua SOE, DM dan Syarikat Kerajaan yang menjalankan kuasa perundangan, pentadbiran atau lain-lain kuasa Kerajaan, sama ada melalui penurunan kuasa atau arahan, bertindak selaras dengan obligasi keseluruhan perjanjian TPP.
- vii. Mahkamah perlu menyediakan bidang kuasa bagi sebarang tuntutan sivil yang dibuat ke atas syarikat milik negara asing. Selain itu, badan yang mengawal selia ke atas semua syarikat dalam pasaran termasuk aktiviti SOE perlu menjalankan kuasa pengawalseliaannya secara tidak berat sebelah.

### **Kaedah Pengukuran Kesan Keterlaluan Apabila SOE Menerima Bantuan Bukan Komersial**

Kesan Keterlaluan (*Adverse Effect*) berlaku apabila bantuan bukan komersial yang diberikan memberi kesan seperti berikut:

- i. menggantikan atau menghalang aktiviti berikut:
  - a. dari pasaran dalam negara, import barangan yang sama dari negara TPP lain atau jualan barangan yang sama yang dihasilkan oleh syarikat asing negara TPP yang berada di wilayahnya;
  - b. dari pasaran negara TPP, jualan barangan sama yang dihasilkan oleh syarikat asing negara TPP lain yang berada di wilayah negara TPP berkenaan atau import barangan yang sama dari negara TPP lain;
  - c. dari pasaran bukan negara TPP, import barangan yang sama dari negara TPP; atau
  - d. dari pasaran negara TPP lain, perkhidmatan yang sama oleh pembekal perkhidmatan dari negara TPP tersebut atau negara TPP lain.
  
- ii. Pengurangan harga yang signifikan terhadap barangan yang dihasilkan dalam negara oleh SOE yang menerima bantuan bukan komersial di mana perbandingan harga akan dibuat dengan harga barangan dan perkhidmatan yang sama, pada tahap dagangan yang sama dan tempoh masa yang munasabah:
  - a. di pasaran negara TPP berbanding dengan harga di pasaran yang sama untuk barangan yang sama di negara TPP yang lain atau barangan sama yang dihasilkan oleh syarikat asing yang berada dalam wilayah negara TPP berkenaan atau pencegahan atau penekanan harga yang signifikan atau kehilangan jualan di pasaran yang sama; atau
  - b. di pasaran bukan negara TPP berbanding harga di pasaran yang sama import barangan yang sama dari negara TPP lain atau pencegahan atau

penekanan harga yang signifikan atau kehilangan jualan di pasaran yang sama.

- iii. Pengukuran terhadap tahap penggantian atau halangan aktiviti jualan barangan dan perkhidmatan pula dianggap mencapai tahap kesan keterlaluan apabila terdapat perubahan ketara dalam penguasaan pasaran, sekurang-kurangnya dalam tempoh setahun, apabila berlaku situasi termasuk seperti berikut:
  - a. peningkatan ketara dalam penguasaan pasaran barangan atau perkhidmatan berkenaan oleh SOE;
  - b. penguasaan pasaran oleh SOE tidak berubah di mana tanpa bantuan penguasaan pasaran sepatutnya telah berkurangan dengan ketara; atau
  - c. Penguasaan pasaran oleh SOE berkurangan tetapi pada kadar yang lebih perlahan berbanding tanpa bantuan.

### **Kaedah Pengukuran Kerugian Apabila SOE Menerima Bantuan Bukan Komersial**

Kerugian merujuk kepada kerugian material dan ancaman kerugian material kepada industri tempatan atau kesan material kepada perencatan pertumbuhan industri berkenaan akibat dari bantuan bukan komersial.

Penentuan kerugian material akan dibuat berdasarkan bukti yang positif dan melibatkan penilaian objektif ke atas beberapa faktor relevan termasuk perkara-perkara seperti berikut:

- kuantiti pengeluaran SOE yang menerima bantuan bukan komersial;

- kesan pengeluaran tersebut kepada harga barangan oleh pengeluar lain dalam industri tempatan; dan
- kesan pengeluaran tersebut kepada industri tempatan yang mengeluarkan barangan yang sama.

Bagi penilaian kuantiti, pertimbangan akan dilihat ke atas pertambahan kuantiti pengeluaran yang ketara sama ada dalam bentuk mutlak atau relatif kepada pengeluaran dan penggunaan dalam wilayah negara TPP di mana kerugian dianggap berlaku.

Bagi penilaian harga, pertimbangan akan dibuat ke atas perkara berikut:

- Pengurangan harga yang signifikan oleh SOE yang menerima bantuan bukan komersial berbanding dengan harga pengeluar lain dalam industri tempatan; atau
- Pengeluaran barangan oleh SOE telah memaksa penurunan harga yang signifikan atau menghalang peningkatan harga.

Penilaian ke atas impak pengeluaran barangan oleh SOE yang menerima bantuan bukan komersial ke atas industri tempatan akan melibatkan penilaian ke atas faktor-faktor ekonomi dan indeks yang relevan dengan sesuatu industri tersebut, antaranya:

- Pengurangan sebenar dan potensi pengurangan hasil, jualan, pegangan pasaran, keuntungan, produktiviti, pulangan pelaburan, atau penggunaan kapasiti;
- Faktor-faktor yang mempengaruhi harga pasaran tempatan;

- Kesan negatif sebenar atau potensi kesan negatif ke atas aliran tunai, inventori, pekerjaan, gaji, pertumbuhan dan keupayaan untuk mengumpul modal dan pelaburan dan bagi sektor pertanian sama ada berlakunya pertambahan program bantuan bukan komersial Kerajaan.

Pembuktian perlu menunjukkan bahawa kerugian ini disebabkan penerimaan bantuan bukan komersial oleh SOE bagi pengeluaran barangannya.

Hubungan sebab dan akibat antara barangan SOE dan kerugian kepada industri tempatan perlu dikaji berdasarkan bukti yang relevan.

Faktor-faktor lain yang mungkin mengakibatkan kerugian kepada industri tempatan juga perlu dikaji antaranya, ialah:

- kuantiti dan harga barangan serupa di pasaran;
- pengurangan permintaan;
- perubahan polar penggunaan;
- perkembangan teknologi;
- peningkatan prestasi eksport; dan
- produktiviti industri tempatan.

Ancaman bahawa kerugian material akan berlaku perlu ditentukan berdasarkan fakta dan bukan sekadar dakwaan, jangkaan atau kemungkinan yang tidak jelas. Situasi di mana bantuan bukan komersial akan menyebabkan kerugian perlu dapat dijangka dengan jelas dan ternyata akan berlaku.

Penentuan juga harus dibuat sama ada jika pengeluaran barangan oleh SOE ini dibiarkan berterusan dan sekiranya tiada sebarang langkah pengawalan diambil, kerugian material akan berlaku.

**DEFINISI****1. Definisi Syarikat Milik Kerajaan (SOE)**

- a. SOE adalah sebuah entiti di mana:
  - i. aktiviti komersial merupakan aktiviti utamanya; dan
- b. di mana Kerajaan Malaysia:
  - i. memegang secara langsung 50 peratus atau lebih saham biasa;
  - ii. mengawal 50 peratus atau lebih hak mengundi; atau
  - iii. memiliki kuasa untuk melantik majoriti ahli lembaga pengarah atau badan pengurusan yang setara dengannya.

**2. Definisi Aktiviti Komersial**

- Aktiviti komersial merujuk kepada entiti yang menjalankan aktiviti berorientasikan keuntungan di mana pengeluaran barangan dan perkhidmatan untuk dijual kepada pengguna. SOE bebas menentukan jumlah pengeluaran dan harga barangan dan perkhidmatan untuk ditawarkan kepada pengguna. Entiti yang menjalankan aktiviti yang tidak berorientasikan keuntungan atau berasaskan kos sebenar (*cost-recovery*) tidak termasuk dalam kategori ini.

**3. Definisi Monopoli yang ditetapkan (Designated Monopolies - DM)**

- Entiti termasuk sebuah konsortium atau agensi Kerajaan yang telah dikenal pasti sebagai pembeli atau pembekal tunggal barangan atau perkhidmatan, samada dimiliki atau dikawal oleh Kerajaan atau oleh pihak swasta. Namun demikian, hanya monopoli milik persendirian yang dikenal pasti selepas tarikh kuat kuasa TPP dan monopoli milik Kerajaan yang dirujuk sebagai Monopoli yang di tetapkan di bawah ini.

#### **4. Definisi Dana Pencen Bebas (*Independent Pension Fund*)**

- Entiti yang dimiliki dan dikuasai oleh Kerajaan yang memenuhi kriteria berikut:
  - (a) terlibat secara eksklusif dalam urusan pentadbiran dan penyediaan pelan pencen, persaraan, perlindungan sosial, kecacatan, kematian atau kebajikan pekerja khusus untuk kepentingan pencarum dan waris atau urusan pelaburan aset pelan berkenaan;
  - (b) mempunyai kewajipan fidusiari terhadap pencarum dan waris; dan
  - (c) bebas daripada arahan pelaburan oleh Kerajaan
  
- Entiti yang dimiliki atau dikuasai oleh IPF kecuali apabila bantuan Kerajaan diberikan kepada entiti tersebut sama ada secara langsung atau tidak langsung atau bantuan secara tidak langsung melalui entiti yang dimiliki atau dikuasai oleh IPF.

#### **5. Definisi Bantuan Bukan Komersial.**

- Bantuan bukan komersial adalah bantuan yang diberikan kepada SOE dengan mengambil kira pegangan atau kawalan Kerajaan ke atas SOE tersebut. Ianya terdiri dari elemen berikut:-
  
- Pemindahan dana secara langsung atau potensi pemindahan dana dan liabiliti seperti:
  - ❖ Geran atau hapus kira pinjaman;
  - ❖ Pinjaman, jaminan pinjaman atau apa-apa pembiayaan pada terma dan syarat yang lebih baik daripada pasaran; atau
  - ❖ Suntikan ekuiti pada terma yang tidak konsisten dengan amalan swasta; atau



- Penyediaan barangan dan perkhidmatan selain infrastruktur umum pada terma yang lebih baik daripada pasaran.

**PENGECUALIAN-PENGECUALIAN DALAM BAB SOE**

Bab SOE ini tidak terpakai kepada:

- SOE yang terlibat dalam aktiviti seperti di bawah:
  - i. kawal selia atau pengendalian dasar kewangan dan polisi kredit serta kadar pertukaran wang oleh sebuah bank pusat atau pihak berkuasa kewangan;
  - ii. kawal selia oleh badan kawal selia kewangan termasuk badan bukan kerajaan, seperti sekuriti atau bursa atau pasaran, *clearing agency*, atau organisasi atau persatuan lain, yang menjalankan kawal selia atau pengawasan terhadap perkhidmatan kewangan
- Dana Kekayaan Negara [*Sovereign Wealth Fund (SWF)*] kecuali bagi obligasi berkaitan pemberian bantuan bukan komersial oleh Kerajaan kepada SOE melalui SWF atau apabila SWF memberikan bantuan kepada SOE.
- Dana Pencen Bebas (*Independent pension fund*) (IPF) kecuali jika Kerajaan memberi bantuan bukan komersial kepada syarikat milik IPF dan dimana Kerajaan memberi bantuan bukan komersial kepada SOE melalui syarikat milik IPF.
- Perolehan Kerajaan.

Manakala, pengecualian daripada beberapa obligasi diberikan seperti berikut:

BIL	PENGECUALIAN OBLIGASI	PERKARA
1.	Pertimbangan Komersial/Layanan Sama Rata, Bantuan Bukan Komersial, Ketelusan, dan Jawatankuasa	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Semua SOE yang mempunyai pendapatan tahunan sebanyak SDR 200 juta dikecualikan dari obligasi–obligasi seperti pertimbangan komersial/layanan sama rata dan bantuan bukan komersial, ketelusan dan jawatankuasa.</li> </ul>
2.	Pertimbangan Komersial/Layanan Sama Rata, Bantuan Bukan Komersial	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Polisi dan program sementara bagi menangani krisis ekonomi negara dan global; dan</li> <li>ii. Polisi dan program yang dikuatkuasakan ke atas SOE dalam tempoh krisis bagi menangani krisis ekonomi negara dan global</li> </ul>
3.	Bantuan bukan komersial oleh Kerajaan atau SOE lain	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Bantuan bukan komersial bagi menyediakan perkhidmatan dalam negara</li> <li>ii. Bantuan bukan komersial yang diberikan Kerajaan sebelum tarikh perjanjian TPPA ditandatangani</li> <li>iii. Bantuan bukan komersial yang diberikan dalam tempoh tiga tahun selepas perjanjian TPPA ditandatangani berdasarkan undang-undang yang digubal atau obligasi perjanjian yang ditandatangani sebelum perjanjian TPPA ditandatangani dan</li> <li>iv. Bantuan bukan komersial kepada SOE yang membuat pengambilan alih sementara ke atas institusi kewangan yang terlibat dalam pembiayaan aktiviti eksport dan import berdasarkan pelan penstrukturan dan pembubaran yang akhirnya melibatkan pelupusan ekuiti oleh SOE dalam entiti berkenaan.</li> </ul>

BIL	PENGECUALIAN OBLIGASI	PERKARA
4.	<p>Bantuan bukan komersial bagi penyediaan perkhidmatan kewangan berdasarkan mandat Kerajaan oleh SOE:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. dalam negara ke kawasan negara TPP lain; atau</li> <li>ii. dalam kawasan negara TPP melalui syarikat yang merupakan pelaburan yang dilindungi di negara TPP berkenaan atau negara TPP lain</li> </ul>	<p>Penyediaan perkhidmatan kewangan menyokong eksport dan import; dan pelaburan swasta di luar negara dengan syarat:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. tidak bertujuan untuk menggantikan pembiayaan swasta;</li> <li>ii. terma dan syarat yang lebih baik daripada pasaran; atau</li> <li>iii. ditawarkan dengan terma yang konsisten dengan peraturan yang digunapakai di bawah <i>Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD)</i></li> </ul>
6.	<p>Bantuan bukan komersial bagi penyediaan perkhidmatan oleh SOE dalam negara ke kawasan negara TPP lain.</p>	<p>Bantuan bukan komersial yang diberikan kepada SOE yang mana aktiviti utamanya adalah untuk menyediakan perkhidmatan dalam negara dalam bentuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. suntikan ekuiti kali pertama; atau</li> <li>ii. pengambilan alih ekuiti yang memberikan kawalan.</li> </ul>

Bagi Malaysia, pengecualian tambahan dirundingkan seperti berikut:

Bil.	Entiti/ Inisiatif Kerajaan	Perkara
1.	Dasar Bumiputera, Industri kecil dan Sederhana	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengecualian bagi SOE dalam pembelian barangan dan perkhidmatan daripada syarikat Bumiputera, syarikat Sabah dan Sarawak dan syarikat kecil dan sederhana (SME) tertakluk kepada syarat kumulatif 40 peratus dari jumlah bajet tahunan bagi pembelian barangan dan perkhidmatan.</li> <li>• Bantuan bukan komersial juga boleh diberikan oleh kepada syarikat Bumiputera bagi operasi dalam negara selaras dengan pelaksanaan dasar Bumiputera</li> </ul>
2.	SOE dan DM	<ul style="list-style-type: none"> <li>• SOE dan DM yang mencatatkan pendapatan komersial tahunan kurang daripada SDR 500 juta diberikan pengecualian dari obligasi utama iaitu iaitu pertimbangan komersial/layanan sama rata dan bantuan bukan komersial untuk tempoh 5 tahun dari tarikh penguatkuasaan TPP.</li> </ul>
3.	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Majlis Amanah Raya (MARA);</li> <li>ii. Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) dan</li> <li>iii. Ekuiti Nasional Berhad (EKUINAS)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Institusi ini dikecualikan daripada mematuhi syarat kumulatif pembelian barangan dan perkhidmatan sebanyak 40%.</li> </ul>

4.	PETRONAS dan subsidiarinya	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengecualian pertimbangan komersial bagi semua pembelian barangan dan perkhidmatan dalam Malaysia kecuali 12 aktiviti yang ditawarkan. Pengecualian ini adalah bagi aktiviti hulu dan adalah sehingga 70 peratus dari jumlah bajet tahunan bagi pembelian barangan dan perkhidmatan dan akan dikurangkan secara berperingkat ke 40 peratus dalam jangka masa 5 tahun dari tarikh tandatangan perjanjian TPP.</li>   <li>• Pengecualian pertimbangan komersial bagi penjualan bagi tujuan berikut:- <ul style="list-style-type: none"> <li>i. gas dan produk sampingan (<i>byproduct</i>) di bawah harga pasaran kepada sektor tenaga dan bukan tenaga bagi memastikan bekalan yang mencukupi pada harga yang berpatutan; atau</li> <li>ii. kegunaan kenderaan gas asli (NGV) bagi kegunaan masyarakat secara umum.</li> </ul> </li>   <li>• Pengecualian bagi obligasi bantuan bukan komersial bagi pengeluaran dan penjualan barangan yang bersaing dengan barangan sama yang dikeluarkan dan dijual oleh pelaburan yang dilindungi (<i>covered investment</i>) dalam Malaysia bagi tujuan berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>i. menerima pampasan untuk menjalankan mandat Kerajaan: <ul style="list-style-type: none"> <li>a. di luar sektor minyak dan gas bagi objektif pembangunan ekonomi dan sosial; dan</li> <li>b. pampasan bagi penjualan gas dan produk sampingan (<i>byproduct</i>) di bawah harga pasaran kepada pengguna dalam dan di luar sektor tenaga di</li> </ul> </li> </ul> </li> </ul>
----	----------------------------	---

		<p>Malaysia untuk memastikan bekalan hidrokarbon yang mencukupi dan harga berpatutan bagi masyarakat umum atau kegunaan kenderaan gas asli (NGV) bagi kegunaan masyarakat secara umum dengan syarat projek yang dimandatkan oleh Kerajaan itu tidak memberikan sebarang kelebihan kepada SOE dalam aktiviti komersial.</p>
4.	Felda Global Ventures Berhad	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengecualian bagi pertimbangan komersial dalam pembelian barangan daripada peneroka FELDA bagi tujuan penjualan semula.</li> </ul>
5.	Institusi Kewangan Pembangunan (DFI)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengecualian obligasi bagi pertimbangan komersial dengan syarat tidak bertujuan menggantikan atau menghalang perkhidmatan kewangan yang dibekalkan oleh syarikat swasta bagi tujuan mempromosikan pembangunan dalam sektor kewangan, perindustrian, pertanian, komersial atau sektor ekonomi.</li> </ul>
6.	Syarikat Milik Khazanah Nasional Berhad (Khazanah)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Syarikat yang dimiliki atau dikuasai oleh Khazanah akan dikecualikan daripada mekanisme penyelesaian pertikaian bagi tempoh 2 tahun dari tarikh perjanjian berkuat kuasa mengambil kira perkembangan perundangan berkaitan SOE.</li> </ul>
7.	Dana Pencen Bebas	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Entiti yang boleh dikategorikan sebagai IPF adalah seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Kumpulan Wang Persaraan (KWAP);</li> <li>ii. Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP); dan</li> <li>iii. Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT).</li> </ul> </li> </ul>

		<ul style="list-style-type: none"><li>• Malaysia juga telah mendapatkan pengecualian kepada Permodalan Nasional Berhad (PNB) dan Lembaga Tabung Haji (LTH) dengan menggunakan asas dan skop pengecualian kepada IPF dengan pindaan kecil kepada kriteria (a) definisi IPF).komersial</li></ul>
--	--	--



## BAB 18 HARTA INTELEK

### Seksyen A: Peruntukan Am

#### Artikel 18.1: Definisi

Bagi maksud Bab ini:

**Berne Convention** bermaksud *Berne Convention for the Protection of Literary and Artistic Works*, seperti yang dikemaskini pada 24 Julai 1971;

**Budapest Treaty** bermaksud *Budapest Treaty on the International Recognition of the Deposit of Microorganisms for the Purposes of Patent Procedure (1977)* seperti dipinda pada 26 September 1980;

**Declaration on TRIPS and Public Health** bermaksud *Declaration on the TRIPS Agreement and Public Health (WT/MIN(01)/DEC/2)*, diterima pakai pada 14 November 2001;

**Petunjuk geografi** bermaksud suatu petunjuk yang mengenal pasti apa-apa barang sebagai berasal dari sesuatu negara atau wilayah, atau sesuatu kawasan atau tempat dalam negara atau wilayah itu, jika suatu kualiti, reputasi atau ciri lain tertentu barang itu adalah pada dasarnya boleh dianggap berpunca dari tempat asal geografinya;

**Harta intelek** merujuk kepada semua kategori harta intelek yang tertakluk kepada Seksyen 1 sehingga 7 dalam Bahagian II *TRIPS Agreement*;

**Madrid Protocol** bermaksud *Protocol Relating to the Madrid Agreement concerning the International Registration of Marks*, dibuat pada 27 Jun 1989;

**Paris Convention** bermaksud *Paris Convention for the Protection of Industrial Property*, seperti yang dikemaskini pada 14 Julai 1967;

**Persembahan** bermaksud persembahan yang direkod di dalam fonogram (rakaman bunyi) melainkan dinyatakan sebaliknya;

merujuk kepada hak cipta dan hak-hak berkaitan, hak eksklusif bermaksud “hak untuk membenarkan atau menghalang”;

**Singapore Treaty** bermaksud *Singapore Treaty on the Law of Trademarks* dibuat pada 27 Mac 2006;

**UPOV 1991** bermaksud *International Convention for the Protection of New Varieties of Plants* seperti yang dikemaskini pada 19 Mac 1991;

**WCT** bermaksud *WIPO Copyright Treaty* dibuat pada 20 Disember 1996;

**WIPO** bermaksud *World Intellectual Property Organization*;

Karya (*work*) adalah termasuk karya filem, karya fotografi dan program komputer; dan

**WPPT** bermaksud *WIPO Performances and Phonograms Treaty* dibuat pada 20 Disember 1996.

1. Bagi tujuan Artikel 18.8 (Layanan Sama Rata), Artikel 18.31 (a) prosedur pentadbiran bagi perlindungan Petunjuk Geografi dan Artikel 18.62.1 (Hak berkaitan):

**Warganegara** bermaksud seseorang daripada negara-negara TPP yang memenuhi kriteria kelayakan untuk perlindungan seperti mana diperuntukkan di bawah Artikel 18.7 atau perjanjian TRIPS.

### **Artikel18.2: Objektif**

Perlindungan dan penguatkuasaan hak harta intelek hendaklah menyumbang kepada pembangunan teknologi berinovasi, pemindahan dan penyebaran teknologi, bagi manfaat bersama antara pengeluar dan pengguna teknologi di dalam keadaan yang kondusif kepada kebajikan sosial dan ekonomi, serta keseimbangan hak dan obligasi.

### **Artikel 18.3: Prinsip**

Negara-negara TPP di dalam menggubal atau meminda undang-undang dan peraturan boleh mengambil langkah-langkah yang perlu untuk melindungi kesihatan awam, dan mengutamakan kepentingan awam dalam sektor yang penting kepada sosio-ekonomi dan pembangunan teknologi mereka, dengan syarat bahawa langkah-langkah tersebut adalah selaras dengan peruntukan-peruntukan di bawah Bab ini.

Langkah-langkah yang sesuai, dengan syarat bahawa ia adalah selaras dengan peruntukan Bab ini, diperlukan untuk mencegah penyalahgunaan hak harta intelek oleh pemegang hak atau menggunakan cara yang tidak munasabah dalam menyekat perdagangan atau menjejaskan pemindahan teknologi antarabangsa.

### **Artikel18.4: Persefahaman berkenaan dengan Bab ini**

Dengan mengambil kira objektif dasar awam negara masing-masing, negara-negara TPP mengiktiraf bahawa terdapat keperluan untuk:

- (a) menggalakkan inovasi dan kreativiti;
- (b) memudahkan cara penyebaran maklumat, pengetahuan, teknologi, budaya dan kesenian; dan
- (c) menggalakkan persaingan dan pasaran yang terbuka serta efisien;

melalui sistem harta intelek negara masing-masing, pada masa yang sama menghormati prinsip-prinsip ketelusan dan proses perundangan serta mengambil kira

kepentingan *stakeholders*, pemegang hak harta intelek, pembekal perkhidmatan, pengguna dan orang awam.

#### **Artikel 18.5: Skop Obligasi**

Setiap negara TPP hendaklah menguatkuasakan peruntukan-peruntukan di dalam Bab ini. Negara-negara TPP boleh memberi perlindungan dan penguatkuasaan hak harta intelek yang lebih ekstensif berbanding yang diperuntukkan di bawah Bab ini, dengan syarat ianya selari dengan Bab ini. Setiap negara TPP adalah bebas untuk menentukan kaedah yang sesuai untuk melaksanakan peruntukan di bawah Bab ini mengikut sistem perundangan dan amalan masing-masing.

#### **Artikel 18.6: Persefahaman Mengenai Kesihatan Awam**

Negara-negara TPP memberikan komitmen mereka di bawah *Declaration on TRIPS and Public Health*. Secara khususnya, mereka telah mencapai persefahaman berikut mengenai Bab ini:

- (a) Obligasi Bab ini tidak sepatutnya menghalang negara-negara TPP daripada mengambil langkah-langkah untuk melindungi kesihatan awam. Negara-negara TPP mengesahkan bahawa Bab ini boleh ditafsir dan digunakan untuk menyokong hak setiap negara dalam melindungi kesihatan awam bagi menggalakkan akses kepada ubat-ubatan. Setiap negara mempunyai hak untuk menentukan keadaan darurat atau keadaan lain yang mendesak, yang membawa kepada krisis kesihatan awam, seperti penyakit HIV/AIDS, tibi, wabak malaria dan lain-lain.
  
- (b) Dalam mengiktiraf komitmen bagi akses kepada ubat-ubatan seperti yang diputuskan di bawah *Decision of the General Council* pada 30 Ogos 2003 mengenai *Implementation of Paragraph Six of the Doha Declaration on the TRIPS Agreement and Public Health* dan kenyataan *WTO General Council Chairman* dengan *Decision*, serta *Decision on the Amendment of the TRIPS Agreement*, yang diterima pakai oleh *General Council* pada 6 Disember 2005 dan kenyataan

*WTO General Council Chairperson* dengan *Decision* (secara kolektif, *TRIPS/health solution*), Bab ini tidak sepatutnya menghalang penggunaan efektif *TRIPS/health solution*.

- (c) Sekiranya terdapat sebarang pengecualian atau pindaan kepada perjanjian TRIPS pada masa akan datang yang akan bertentangan dengan Bab ini, negara-negara TPP perlu berunding segera supaya penyelarasan perjanjian ini dapat dibuat.

Sekiranya negara-negara TPP masih belum melaksanakan penerimaan *Protocol amending the TRIPS Agreement*, mereka perlu mengambil tindakan untuk memaklumkan WTO mengenai penerimaan tersebut.

#### **Artikel 18.7: Perjanjian Antarabangsa**

Setiap negara TPP mengesahkan bahawa mereka telah meratifikasi perjanjian-perjanjian berikut:

- (a) *Patent Cooperation Treaty (1979)*;
- (b) *Paris Convention*; dan
- (c) *Berne Convention*.

Setiap negara TPP perlu meratifikasi perjanjian-perjanjian berikut:

- (a) *Madrid Protocol*;
- (b) *Budapest Treaty*;
- (c) *Singapore Treaty*;
- (d) *UPOV 1991*;
- (e) *WCT*; dan
- (f) *WPPT*.

### **Artikel 18.8: Layanan Sama Rata**

Setiap negara TPP hendaklah memberikan layanan sama rata kepada warga negara TPP yang lain seperti mana layanan yang diberikan kepada warga negara sendiri berkaitan perlindungan hak harta intelek tersebut.

Berkenaan dengan penggunaan fonogram secara tidak langsung melalui komunikasi analog dan penyiaran bebas serta komunikasi bukan interaktif lain kepada orang awam, negara TPP boleh menghadkan hak kepada pelaku dan pencipta warga negara TPP lain seperti mana hak yang diberikan oleh negara tersebut.

Negara TPP boleh mengecualikan obligasi seperti di Perenggan 1 berhubung dengan prosedur-prosedur kehakiman dan pentadbiran, termasuk memerlukan warga negara tersebut untuk menetapkan alamat atau melantik ejen dengan syarat pengecualian tersebut:

- (a) adalah diperlukan untuk memastikan pematuhan kepada undang-undang dan peraturan-peraturan yang tidak konsisten dengan Bab ini; dan
- (b) tidak digunakan untuk menyebabkan sekatan perdagangan.

Perenggan 1 tidak terpakai kepada prosedur yang diperuntukkan di bawah perjanjian pelbagai hala mengenai pengambilalihan atau penyelenggaraan hak harta intelek yang ditadbir oleh WIPO.

### **Artikel 18.9: Ketelusan**

Setiap negara TPP hendaklah berusaha untuk menyediakan undang-undang, peraturan dan prosedur mengenai permohonan berkaitan perlindungan dan penguatkuasaan hak harta intelek secara atas talian.

Setiap negara TPP perlu berusaha untuk menyediakan maklumat secara atas talian mengenai permohonan cap dagangan, petunjuk geografi, reka bentuk, paten dan variasi tumbuhan.

Setiap negara TPP perlu menyediakan maklumat secara atas talian mengenai cap dagangan, petunjuk geografi, reka bentuk, paten dan variasi tumbuhan yang telah didaftarkan.

#### **Artikel 18.10: Pemakaian Perjanjian ke atas Perkara Sedia Ada dan Perkara Terdahulu**

Bab ini akan terpakai kepada harta intelek yang masih dilindungi semasa tarikh kuatkuasa perjanjian TPP.

Sekiranya semasa tarikh kuatkuasa perjanjian TPP, harta intelek telah berada di domain awam, negara-negara TPP tidak mempunyai obligasi untuk melindungi semula harta intelek tersebut.

Bab ini tidak mewujudkan obligasi berkaitan dengan perkara-perkara terdahulu yang telah berlaku sebelum tarikh kuat kuasa perjanjian ini.

#### **Artikel 18.11: Pelepasan Hak Harta Intelek**

Perjanjian ini tidak menghalang mana-mana negara TPP daripada menetapkan syarat pelepasan hak harta intelek di dalam undang-undang mereka.

### **Bahagian B: Kerjasama**

#### **Artikel 18.12: Pusat Perhubungan**

Setiap negara TPP boleh menetapkan satu atau lebih daripada satu pusat perhubungan bagi maksud kerjasama di bawah seksyen ini.

#### **Artikel 18.13: Inisiatif dan Aktiviti Kerjasama**

Setiap negara TPP hendaklah berusaha untuk bekerjasama dalam perkara-perkara yang diliputi di bawah Bab ini, seperti melalui penyelarasan yang sesuai, latihan dan pertukaran maklumat di antara pejabat harta intelek, atau institusi-institusi lain. Kerjasama boleh merangkumi bidang-bidang seperti berikut:

- (i) pembangunan dalam dasar harta intelek tempatan dan antarabangsa;
- (ii) sistem pentadbiran dan pendaftaran harta intelek;
- (iii) pendidikan dan kesedaran berkaitan dengan harta intelek;
- (iv) isu-isu harta intelek yang relevan dengan:
  - perusahaan kecil dan sederhana;
  - aktiviti sains, teknologi dan inovasi; dan
  - penghasilan, pemindahan dan penyebaran teknologi.
- (v) dasar yang melibatkan penggunaan harta intelek dalam penyelidikan, inovasi dan pertumbuhan ekonomi;
- (vi) pelaksanaan perjanjian harta intelek pelbagai hala, seperti yang dimeterai atau ditadbirkan di bawah naungan WIPO; dan
- (vii) bantuan teknikal kepada negara-negara membangun.

#### **Artikel 18.14: Kerjasama Paten dan Perkongsian Kerja**

Setiap negara TPP mengiktiraf kepentingan untuk meningkatkan kualiti dan efisiensi sistem pendaftaran paten mereka serta memperkemas prosedur pejabat harta intelek untuk manfaat kepada semua pengguna sistem dan orang awam secara keseluruhannya.

Setiap negara TPP juga hendaklah berusaha untuk bekerjasama dengan pejabat-pejabat harta intelek untuk memudah cara perkongsian hasil carian dan pemeriksaan paten. Kerjasama ini boleh merangkumi perkara-perkara berikut:

- (a) membuka keputusan carian dan pemeriksaan paten; dan
- (b) pertukaran maklumat dalam sistem jaminan kualiti dan standard berkaitan dengan pemeriksaan paten.

Bagi mengurangkan kerumitan dan kos untuk pendaftaran paten, negara-negara TPP hendaklah berusaha untuk bekerjasama mengurangkan perbezaan prosedur dan proses di antara pejabat harta intelek.



Setiap negara TPP juga memahami kepentingan untuk memberi pertimbangan yang wajar dalam menyertai *Patent Law Treaty*; atau mengguna pakai standard prosedur yang konsisten dengan *Patent Law Treaty*.

#### **Artikel 18.15: Domain Awam**

Setiap negara TPP mengiktiraf kepentingan domain awam yang komprehensif dan terbuka.

Setiap negara TPP juga mengiktiraf kepentingan maklumat-maklumat melalui pangkalan data harta intelek yang boleh diakses oleh orang awam dalam membantu dan mengenal pasti perkara yang telah berada dalam domain awam.

#### **Artikel 18.16: Kerjasama dalam Bidang Pengetahuan Tradisional**

Setiap negara TPP mengiktiraf bahawa terdapat situasi di mana harta intelek adalah relevan dengan pengetahuan tradisional berkaitan sumber genetik.

Setiap negara TPP hendaklah berusaha untuk bekerjasama untuk meningkatkan pemahaman mengenai isu-isu berkaitan pengetahuan tradisional dan sumber genetik.

Setiap negara TPP hendaklah berusaha untuk meningkatkan kualiti pemeriksaan paten, seperti:

- (a) dalam menentukan sama ada paten tersebut adalah baru, pemeriksaan paten boleh mengambil kira maklumat mengenai pengetahuan tradisional dan sumber genetik;
- (b) memberi peluang kepada sesiapa untuk memberikan maklum balas kepada pihak berkuasa yang membuat pemeriksaan paten mengenai pengetahuan tradisional dan sumber genetik;
- (c) menggunakan pangkalan data atau perpustakaan digital yang mengandungi pengetahuan tradisional dan sumber genetik; dan

(d) kerjasama dalam melatih pemeriksa paten dalam bidang berkaitan pengetahuan tradisional dan sumber genetik.

#### **Artikel 18.17: Permintaan Untuk Bekerjasama**

Inisiatif dan aktiviti kerjasama yang dilaksanakan di bawah Bab ini hendaklah tertakluk kepada sumber sedia ada dan sekiranya terdapat permintaan untuk bekerjasama, ia adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang dipersetujui di antara negara-negara TPP terlibat.

### **Bahagian C: Cap Dagangan**

#### **Artikel 18.18: Jenis-jenis Cap Dagangan Yang Boleh Didaftarkan**

Negara-negara TPP tidak boleh meletakkan syarat pendaftaran bahawa cap dagangan itu perlu boleh dilihat dengan jelas. Bunyi juga boleh didaftarkan sebagai cap dagangan oleh negara-negara TPP. Selain itu, negara-negara TPP hendaklah berusaha untuk membenarkan pendaftaran bau sebagai cap dagangan. Negara TPP juga boleh menghendaki penerangan yang jelas, atau dinyatakan secara grafik, atau kedua-duanya bagi cap dagangan tersebut.

#### **Artikel 18.19: Cap Dagangan Kolektif dan Cap Dagangan Perakuan**

Setiap negara TPP perlu memperuntukkan bahawa cap dagangan hendaklah termasuk cap dagangan kolektif dan cap dagangan perakuan. Negara TPP tidak diwajibkan untuk meletakkan cap dagangan perakuan sebagai kategori yang berasingan di bawah undang-undang mereka, dengan syarat bahawa cap dagangan perakuan diberi perlindungan. Setiap negara TPP juga perlu memperuntukkan bahawa petunjuk geografi mungkin boleh didaftarkan sebagai cap dagangan.

### **Artikel 18.20: Penggunaan Cap Dagangan yang Serupa atau Sama**

Setiap negara TPP hendaklah memperuntukkan bahawa pemilik cap dagangan berdaftar mempunyai hak eksklusif untuk menghalang pihak ketiga yang tidak mempunyai keizinan pemilik untuk menggunakan cap dagangan yang serupa atau sama dalam perdagangan, termasuk petunjuk geografi, bagi barangan atau perkhidmatan yang berkaitan dengan barangan atau perkhidmatan yang mempunyai cap dagangan berdaftar, di mana penggunaan sedemikian akan menyebabkan kekeliruan. Kekeliruan dianggap terjadi sekiranya terdapat penggunaan cap dagangan yang serupa bagi barangan atau perkhidmatan yang sama.

### **Artikel 18.21: Pengecualian**

Setiap negara TPP boleh memberi pengecualian yang terhad kepada hak-hak yang diberikan kepada cap dagangan, seperti *fair use* bagi istilah deskriptif, dengan syarat bahawa pengecualian tersebut telah mengambil kira kepentingan pemilik cap dagangan yang sah dan pihak ketiga.

### **Artikel 18.22: Cap Dagangan Terkenal**

Di dalam menentukan sesuatu cap dagangan itu adalah terkenal, negara-negara TPP tidak boleh meletakkan syarat bahawa cap dagangan tersebut perlu didaftarkan di negara lain terlebih dahulu, atau pun disenaraikan sebagai cap dagangan terkenal atau telah diberi pengiktirafan.

Artikel 6bis *Paris Convention* adalah terpakai, *mutatis mutandis*, kepada barangan atau perkhidmatan yang tidak serupa atau tidak sama dengan cap dagangan terkenal, sama ada ia berdaftar atau tidak, dengan syarat bahawa penggunaan cap dagangan tersebut menunjukkan hubungan antara barangan atau perkhidmatan dan pemilik cap dagangan tersebut, dan juga dengan syarat bahawa kepentingan pemilik cap dagangan tersebut akan terjejas dengan penggunaan cap dagangan itu.

Setiap negara TPP mengiktiraf kepentingan *Joint Recommendation Concerning Provisions on the Protection of Well-Known Marks* seperti yang diterima pakai oleh

*Assembly of the Paris Union for the Protection of Industrial Property dan General Assembly of WIPO.*

Bagi barangan atau perkhidmatan yang serupa atau sama, setiap negara TPP hendaklah memperuntukkan langkah-langkah untuk menolak permohonan atau membatalkan pendaftaran dan melarang penggunaan cap dagangan yang serupa atau sama dengan cap dagangan terkenal sekiranya penggunaan cap dagangan tersebut menyebabkan kekeliruan.

### **Artikel 18.23: Prosedur Pemeriksaan, Bangkangan dan Pembatalan**

Dalam prosedur pemeriksaan dan pendaftaran cap dagangan, setiap negara TPP perlu memperuntukkan, antara lain:

- (a) memberikan alasan secara bertulis kepada pemohon sekiranya sesuatu cap dagangan itu ditolak;
- (b) memberi peluang kepada pemohon untuk memberi maklum balas ke atas penolakan awal dan peluang untuk membuat rayuan di mahkamah sekiranya pendaftaran cap dagangan tersebut masih ditolak;
- (c) memberi peluang untuk membangkang dan memohon pembatalan pendaftaran sesuatu cap dagangan; dan
- (d) memastikan keputusan bagi prosiding bangkangan dan pembatalan dapat dikemukakan bersama alasan bertulis.

### **Artikel 18.24: Sistem Cap Dagangan Elektronik**

Setiap negara TPP hendaklah menyediakan:

- (a) sistem aplikasi elektronik untuk permohonan dan penyelenggaraan cap dagangan; dan
- (b) suatu sistem maklumat elektronik mengenai permohonan cap dagangan dan maklumat mengenai cap dagangan yang telah didaftarkan yang boleh diakses oleh orang ramai.

### **Artikel 18.25: Klasifikasi Barangan dan Perkhidmatan**

Setiap negara TPP hendaklah menggunakan sistem klasifikasi cap dagangan yang selari dengan *Nice Agreement Concerning the International Classification of Goods and Services for the Purposes of the Registration of Marks* dibuat pada 15 Jun 1957. Setiap negara TPP juga hendaklah memperuntukkan bahawa:

- (a) pendaftaran dan pewartaan permohonan dikelaskan berdasarkan kumpulan barangan dan perkhidmatan seperti *Nice Classification*; dan
- (b) barang atau perkhidmatan tidak boleh dianggap sebagai sama antara satu sama lain atas alasan ia didaftarkan dalam kelas yang sama mengikut *Nice Classification*. Selanjutnya, barang atau perkhidmatan tersebut juga tidak boleh dianggap sebagai tidak serupa antara satu sama lain atas alasan bahawa ianya didaftarkan dalam kelas yang berlainan mengikut *Nice Classification*.

### **Artikel 18.26: Tempoh Perlindungan Cap Dagangan**

Setiap negara TPP hendaklah memperuntukkan bahawa tempoh perlindungan cap dagangan adalah tidak kurang daripada 10 tahun setiap kali ianya diperbaharui.

### **Artikel 18.27: Perlesenan yang tidak direkodkan**

Setiap negara TPP tidak boleh menetapkan syarat pelesenan cap dagangan perlu direkodkan:

- (a) bagi tujuan kesahihan lesen tersebut; atau
- (b) sebelum pemegang lesen cap dagangan boleh menggunakan lesen bagi tujuan prosiding berhubung pengambilan, penyelenggaraan dan penguatkuasaan cap dagangan.

### **Artikel 18.28: Nama Domain**

Berhubung dengan sistem pengurusan nama domain atas talian, setiap negara TPP perlu menyediakan:

- (a) prosedur penyelesaian pertikaian berdasarkan garis panduan dan prinsip di bawah *Uniform Domain-Name Dispute Resolution Policy* sebagaimana yang

dibangunkan oleh *Internet Corporation for Assigned Names and Numbers* (ICANN); atau prosedur penyelesaian pertikaian:

- (i) yang dirangka untuk menyelesaikan pertikaian dengan segera dan pada kos yang rendah;
  - (ii) yang adil dan saksama;
  - (iii) tidak terlalu membebankan; dan
  - (iv) tidak menghalang mana-mana pihak untuk memulakan prosiding kehakiman; dan
- (b) mewujudkan pangkalan data yang mengandungi maklumat yang lengkap dan tepat mengenai pendaftaran nama domain atas talian dan boleh diakses oleh orang awam;

berdasarkan undang-undang setiap negara dan polisi pentadbiran berkaitan dengan perlindungan privasi dan data peribadi.

Setiap negara TPP hendaklah memperuntukkan remedi sekurang-kurangnya bagi keadaan di mana seseorang itu mendaftar atau memiliki nama domain yang sama atau serupa dengan cap dagangan bagi tujuan untuk membuat keuntungan.

#### **Seksyen D: Nama negara**

##### **Artikel 18.29: Nama negara**

Setiap negara TPP hendaklah memperuntukkan peluang bagi pihak berkepentingan untuk menghalang penggunaan nama negara TPP ke atas barangan yang boleh mengelirukan pengguna mengenai tempat asal barang tersebut.

#### **Seksyen E: Petunjuk Geografi**

##### **Artikel 18.30: Pengiktirafan Petunjuk Geografi**

Setiap negara TPP mengiktiraf bahawa petunjuk geografi boleh dilindungi sama ada melalui sistem cap dagangan, *sui generis* atau kaedah perundangan lain.

### **Artikel 18.31: Prosedur Pentadbiran bagi Perlindungan atau Pengiktirafan Petunjuk Geografi**

Jika terdapat prosedur pentadbiran bagi perlindungan petunjuk geografi sama ada melalui sistem cap dagangan atau *sui generis*, negara-negara TPP hendaklah:

- (a) menerima permohonan atau petisyen tanpa sebarang perantaraan oleh negara TPP bagi pihak warganegara mereka;
- (b) memproses permohonan atau petisyen tanpa mengenakan syarat pemeriksaan formaliti yang membebankan;
- (c) memastikan bahawa undang-undang dan prosedur permohonan adalah jelas dan boleh diakses oleh orang awam;
- (d) menyediakan maklumat yang mencukupi untuk membolehkan orang ramai mendapatkan panduan mengenai prosedur untuk memfailkan permohonan atau petisyen; dan membenarkan pemohon atau wakil-wakil mereka untuk menyemak status permohonan;
- (e) memastikan bahawa permohonan atau petisyen diterbitkan untuk membolehkan bantahan dibuat dan menyediakan prosedur yang jelas untuk proses bantahan; dan
- (f) mengadakan peruntukan bagi pembatalan sesuatu petunjuk geografi yang telah didaftarkan.

### **Artikel 18.32 Alasan Bantahan dan Pembatalan**

Sekiranya terdapat mekanisme perlindungan petunjuk geografi melalui prosedur seperti di dalam Artikel 18.31, setiap negara TPP hendaklah menyediakan prosedur yang membolehkan orang berkepentingan untuk membantah pendaftaran petunjuk geografi tersebut di atas alasan-alasan berikut:

- (a) petunjuk geografi mungkin menyebabkan kekeliruan dengan cap dagangan yang di dalam proses pendaftaran;
- (b) petunjuk geografi mungkin menyebabkan kekeliruan dengan cap dagangan sedia ada yang telah didaftarkan; dan

- (c) petunjuk geografi tersebut merupakan istilah dalam bahasa yang sama dan merupakan nama biasa bagi barang-barangan berkaitan.

Jika sesuatu negara TPP mengiktiraf petunjuk geografi melalui prosedur seperti di Artikel 18.31, negara tersebut perlu menyediakan prosedur untuk membatalkan petunjuk geografi berasaskan alasan-alasan seperti di perenggan 1.

Negara-negara TPP tidak boleh menolak kemungkinan bahawa sesuatu petunjuk geografi yang telah dilindungi boleh terhenti kerana petunjuk geografi tersebut telah tidak memenuhi syarat asal ianya diberikan perlindungan.

Sekiranya negara TPP mempunyai satu sistem *sui generis* untuk melindungi petunjuk geografi yang tidak berdaftar melalui prosedur kehakiman, negara tersebut hendaklah turut memeruntukkan bahawa pihak mahkamah mempunyai kuasa untuk menafikan perlindungan petunjuk geografi dalam keadaan seperti perenggan 1(c).

Jika negara TPP menyediakan perlindungan ke atas terjemahan atau transliterasi petunjuk geografi yang selaras dengan prosedur seperti di Artikel 18.31, negara berkenaan hendaklah menyediakan prosedur yang setara dan menerima alasan yang sama seperti yang dinyatakan di perenggan 1 dan 2.

### **Artikel 18.33: Garis Panduan Untuk Menentukan Sama Ada Terma Petunjuk Geografi Adalah Istilah Umum**

Bagi prosedur seperti di dalam Artikel 18.31 dan 18.32, dalam menentukan sama ada terma petunjuk geografi adalah istilah umum dan biasa digunakan bagi barang-barang yang berkaitan di dalam sesuatu negara, negara tersebut hendaklah mempunyai kuasa untuk mengambil kira bagaimana pengguna memahami istilah tersebut. Faktor yang relevan adalah termasuk:

- (a) sama ada istilah tersebut digunakan untuk merujuk kepada jenis barangan berkenaan, seperti yang dinyatakan di dalam kamus, surat khabar dan laman web berkaitan; dan



- (b) bagaimana terma barangan tersebut digunakan di dalam perdagangan di dalam negara tersebut.

#### **Artikel 18.34: Terma Komponen Pelbagai**

Bagi prosedur di bawah Artikel 18.31 dan 18.32, komponen individu daripada terma komponen pelbagai yang dilindungi sebagai petunjuk geografi tidak perlu dilindungi sekiranya komponen individu tersebut adalah istilah umum.

#### **Artikel 18.35: Tarikh Perlindungan Petunjuk Geografi**

Jika perlindungan diberikan ke atas petunjuk geografi melalui prosedur di bawah Artikel 18.31, perlindungan tersebut akan berkuatkuasa bermula daripada tarikh pemfailan.

#### **Artikel 18.36: Perjanjian Antarabangsa**

Jika sesebuah negara TPP melindungi atau mengiktiraf petunjuk geografi melalui perjanjian antarabangsa dengan mana-mana negara, dan petunjuk geografi tersebut tidak dilindungi mengikut prosedur di bawah Artikel 18.31 dan 18.32.4, maka negara tersebut perlu mengguna pakai prosedur dan alasan yang setara dengan Artikel 18.31(e) dan 18.32.1. Negara tersebut juga perlu melaksanakan perkara-perkara berikut:

- (a) menyediakan maklumat yang mencukupi sebagai panduan untuk orang awam berkenaan prosedur bagi melindungi atau mengiktiraf petunjuk geografi tersebut. Prosedur tersebut juga perlu membenarkan orang awam untuk mengenal pasti status permohonan itu;
- (b) menyediakan maklumat terperinci mengenai petunjuk geografi yang ingin dilindungi atau ingin diberi pengiktirafan seperti maklumat berkenaan terjemahan, transliterasi dan terma komponen pelbagai secara atas talian;
- (c) memberikan tempoh masa yang munasabah semasa prosedur bantahan kepada mana-mana pihak berdasarkan maklumat seperti di perenggan (b).

Tempoh tersebut perlu memberi peluang yang sewajarnya bagi mana-mana pihak untuk mengambil bahagian dalam proses bantahan tersebut; dan

- (d) memaklumkan negara TPP lain mengenai peluang untuk membuat bantahan sebelum proses bantahan dimulakan.

Berkenaan dengan perjanjian antarabangsa di bawah perenggan 6, setiap negara TPP hendaklah:

- (a) menggunakan prosedur seperti di perenggan 1(b);
- (b) memberi peluang serta tempoh masa yang munasabah kepada mana-mana pihak untuk memberikan maklum balas mengenai petunjuk geografi yang ingin dilindungi atau diberi pengiktirafan; dan
- (c) memaklumkan negara TPP lain mengenai peluang untuk memberikan maklum balas sebelum proses ini dimulakan.

Bagi maksud Artikel ini, negara-negara TPP tidak boleh menolak kemungkinan bahawa sesuatu petunjuk geografi yang telah dilindungi boleh terhenti.

Bagi maksud Artikel ini, negara-negara TPP tidak perlu untuk menggunakan pakai Artikel 18.32, atau obligasi setaraf dengan Artikel 18.32, bagi petunjuk geografi yang terdiri daripada wain dan spirit.

Tarikh perlindungan seperti di perenggan 1 hendaklah bermula selepas perjanjian antarabangsa itu berkuat kuasa, atau pada tarikh kemudian sekiranya perlindungan diberikan selepas tarikh kuat kuasa perjanjian antarabangsa.

Negara-negara TPP tidak perlu menggunakan pakai Artikel ini sekiranya perjanjian antarabangsa tersebut:

- (a) telah dimuktamadkan, atau dipersetujui secara prinsip sebelum perjanjian TPP dimuktamadkan;
- (b) telah diratifikasi sebelum tarikh ratifikasi perjanjian TPP; atau
- (c) telah berkuat kuasa sebelum tarikh kuat kuasa perjanjian TPP.

## **Seksyen F: Paten dan *Undisclosed Test***

### **Subseksyen A: Paten**

#### **Artikel 18.37: Perkara yang boleh dipatenkan**

Tertakluk kepada perenggan 3 dan 4, negara-negara TPP hendaklah memastikan bahawa sebarang ciptaan dalam apa-apa bidang teknologi, sama ada produk atau proses, boleh dipatenkan, dengan syarat ciptaan tersebut mestilah baru, melibatkan langkah reka cipta dan boleh diguna pakai dalam industri.

Tertakluk kepada perenggan 3 dan 4, dan juga selaras dengan perenggan 1, setiap negara TPP hendaklah memastikan bahawa sekurang-kurangnya salah satu ciptaan berikut boleh dipatenkan: kegunaan baru produk sedia ada, kaedah baru menggunakan produk sedia ada atau proses baru menggunakan produk sedia ada. Negara-negara TPP boleh mengehendkan proses tersebut sekiranya proses tersebut tidak digunakan.

Negara-negara TPP boleh mengecualikan reka cipta daripada dipatenkan bagi memelihara ketenteraman awam dan prinsip moral, melindungi manusia, haiwan, tumbuh-tumbuhan, kesihatan, alam sekitar, dengan syarat pengecualian tersebut tidak dibuat semata-mata melalui eksploitasi undang-undang. Negara-negara TPP juga boleh mengecualikan reka cipta berikut daripada dipatenkan:

- (a) kaedah diagnostik, terapeutik, dan pembedahan untuk merawat manusia atau haiwan;

- (b) haiwan selain daripada mikroorganisma, dan proses biologi bagi pengeluaran tumbuhan atau haiwan, selain daripada proses bukan biologi dan mikrobiologi.

Setiap negara TPP juga boleh mengecualikan tumbuh-tumbuhan selain daripada mikroorganisma daripada dipatenkan. Walau bagaimanapun, selaras dengan perenggan 1 dan tertakluk kepada perenggan 3, setiap negara TPP hendaklah memastikan bahawa sekurang-kurangnya ciptaan yang berasal dari tumbuh-tumbuhan boleh dipatenkan.

#### **Artikel 18.38: Tempoh Pertanggunghan**

Dalam menentukan sama ada sesuatu ciptaan adalah baru, setiap negara TPP perlu memberikan tempoh pertanggunghan selama 12 bulan sekiranya maklumat yang dizahirkan kepada orang awam telah dibuat oleh pemohon paten atau oleh seseorang yang mendapat maklumat secara langsung atau tidak langsung daripada pemohon paten.

#### **Artikel 18.39: Pembatalan Paten**

Setiap negara TPP hendaklah memperuntukkan bahawa paten boleh dibatalkan di atas alasan yang munasabah. Setiap negara TPP juga boleh memperuntukkan bahawa kelakuan seperti penipuan dan maklumat palsu boleh menjadi asas untuk pembatalan paten.

Setiap negara TPP juga boleh membatalkan paten sekiranya ia tidak konsisten dengan Artikel 5A *Paris Convention* dan Perjanjian TRIPS.

#### **Artikel 18.40: Pengecualian**

Setiap negara TPP boleh memberikan pengecualian terhadap kepada hak eksklusif paten dengan syarat pengecualian itu tidak mempunyai konflik dengan eksploitasi biasa paten dan tidak memudaratkan kepentingan sah pemilik paten dengan mengambil kira kepentingan sah pihak ketiga.

**Artikel 18.41: Kegunaan lain tanpa kebenaran daripada pemegang hak paten**

Negara-negara TPP mengiktiraf bahawa Bab ini tidak menyekat hak dan tanggungjawab sesebuah negara seperti yang diperuntukkan di bawah Artikel 31 Perjanjian TRIPS.

**Artikel 18.42: Pemfailan Paten**

Setiap negara TPP hendaklah memperuntukkan bahawa jika ciptaan dibuat oleh lebih daripada seorang pereka cipta dan setiap pereka cipta membuat permohonan paten berasingan, maka paten hendaklah diberi kepada pemohon terawal.

**Artikel 18.43: Pindaan, pembetulan dan pemerhatian**

Setiap negara TPP hendaklah memberikan sekurang-kurangnya satu peluang kepada pemohon paten untuk membuat pindaan, pembetulan, dan pemerhatian berkaitan permohonan mereka.

**Artikel 18.44: Penerbitan Permohonan Paten**

Setiap negara TPP hendaklah berusaha untuk menerbitkan permohonan paten sebaik selepas tamat tempoh 18 bulan dari tarikh pemfailan atau dari tarikh prioriti.

Sekiranya permohonan paten masih belum diterbitkan seperti di perenggan 1, setiap negara hendaklah menerbitkan permohonan tersebut dengan kadar segera.

Setiap negara TPP hendaklah memperuntukkan bahawa pemohon paten boleh meminta penerbitan awal sebelum tempoh 18 bulan seperti di perenggan 1.

**Artikel 18.45: Maklumat berkaitan permohonan paten dan paten yang telah diberikan**

Bagi paten yang sedang dipohon dan paten yang telah diberikan, setiap negara TPP perlu memastikan maklumat-maklumat berikut boleh diakses oleh orang awam:

- (a) keputusan carian dan pemeriksaan paten;

- (b) komunikasi bersama pemohon paten; dan
- (c) petikan maklumat tambahan berkaitan permohonan paten oleh mana-mana pihak.

#### **Artikel 18.46: Pelarasan Tempoh Paten Disebabkan Kelewatan Pejabat Paten**

Setiap negara TPP hendaklah berusaha untuk memproses permohonan paten dengan efisien dan dalam tempoh masa yang munasabah bagi mengelakkan kelewatan.

Negara-negara TPP boleh menyediakan prosedur untuk mempercepatkan permohonan paten.

Berkaitan permohonan pemohon paten, jika terdapat kelewatan yang tidak munasabah dalam pemberian paten, negara-negara TPP hendaklah menyediakan peruntukan untuk membuat pelarasan tempoh perlindungan paten.

Bagi maksud Artikel ini, kelewatan yang tidak munasabah adalah kelewatan dalam pemberian paten yang melebihi 5 tahun dari tarikh pemfailan, atau 3 tahun selepas permohonan untuk pemeriksaan paten. Negara-negara TPP boleh mengecualikan daripada pengiraan kelewatan masa yang tidak berkaitan dengan tempoh pemrosesan paten.

### **Subseksyen B: Perlindungan Data bagi Produk Kimia Pertanian**

#### **Artikel 18.47 Produk Kimia Pertanian**

Data produk kimia atau data kajian berkenaan keberkesanan dan keselamatan produk kimia pertanian baru, yang telah dikemukakan oleh syarikat pemilik harta intelek (*innovator*) bagi tujuan pendaftaran, maklumat tersebut tidak boleh didedah atau dirujuk oleh badan regulatori bagi tujuan mendaftarkan produk yang sama atau produk generik untuk tempoh sekurang-kurangnya sepuluh (10) tahun dari tarikh produk kimia pertanian tersebut didaftarkan di dalam negara TPP tersebut.

Sekiranya badan regulatori di negara TPP mendaftarkan produk kimia pertanian baru oleh syarikat *innovator* berdasarkan kelulusan pendaftaran produk tersebut di negara lain, badan regulatori negara TPP tidak boleh menggunakan maklumat kelulusan pendaftaran produk di negara lain tersebut, yang telah diserahkan oleh syarikat *innovator*, bagi tujuan mendaftarkan produk generik, untuk tempoh sekurang-kurangnya sepuluh (10) tahun dari tarikh produk farmaseutikal baru tersebut didaftarkan dalam negara TPP tersebut.

Bagi maksud Artikel ini, produk kimia pertanian baharu itu adalah satu produk yang mengandungi entiti kimia yang tidak pernah diluluskan oleh negara TPP tersebut.

### **Subseksyen C: Langkah-langkah Berkaitan Produk Farmaseutikal**

#### **Artikel 18.48: Pelarasan Tempoh Paten Atas Sebab Kelewatan Kelulusan Pemasaran**

Setiap negara TPP perlu berusaha untuk memproses permohonan bagi mendapatkan kelulusan pemasaran dengan efisien dan dalam tempoh masa yang munasabah bagi mengelakkan kelewatan.

Bagi produk farmaseutikal yang mempunyai perlindungan paten, setiap negara TPP hendaklah membuat pelarasan tempoh paten sekiranya terdapat kelewatan dalam proses penilaian dan pendaftaran produk farmaseutikal tersebut.

Dalam melaksanakan obligasi Artikel ini, setiap negara TPP boleh menetapkan syarat dan had jika negara-negara tersebut terus menguatkuasakan Artikel ini.

Bagi mengelakkan pengurangan tempoh paten yang efektif, negara TPP boleh menyediakan prosedur untuk mempercepatkan proses permohonan pendaftaran produk farmaseutikal.

### **Artikel 18.49: Pengecualian**

Setiap negara TPP hendaklah memperuntukkan pengecualian untuk produk farmaseutikal melalui proses kelulusan oleh agensi kesihatan.

### **Artikel 18.50: Perlindungan Data Farmaseutikal**

1. (a) Data farmaseutikal atau data kajian berkenaan keberkesanan dan keselamatan produk farmaseutikal baru yang telah dikemukakan oleh syarikat pemilik harta intelek (*innovator*) bagi tujuan pendaftaran, maklumat tersebut tidak boleh didedah atau dirujuk oleh badan regulatori bagi tujuan mendaftarkan produk yang sama atau produk generik untuk tempoh sekurang-kurangnya lima (5) tahun dari tarikh produk farmaseutikal baru tersebut didaftarkan di dalam negara TPP tersebut.

(b) Sekiranya badan regulatori di negara TPP mendaftar produk farmaseutikal baru oleh syarikat *innovator* berdasarkan kelulusan pendaftaran produk tersebut di negara lain, badan regulatori negara TPP tidak boleh menggunakan maklumat kelulusan pendaftaran produk di negara lain tersebut, yang telah diserahkan oleh syarikat *innovator*, bagi tujuan mendaftarkan produk generik untuk tempoh sekurang-kurangnya lima (5) tahun dari tarikh produk farmaseutikal baru tersebut didaftarkan di dalam negara TPP tersebut.

2. Setiap negara TPP harus:

(a) menggunakan perenggan 1 untuk melindungi data kajian klinikal baru yang diperlukan bagi menyokong permohonan kelulusan indikasi baru, formulasi baru atau kaedah baru administrasi bagi produk farmaseutikal yang telah didaftarkan sebelum ini untuk tempoh sekurang-kurangnya tiga (3) tahun.

(b) menggunakan perenggan 1 untuk melindungi data farmaseutikal produk farmaseutikal baru yang mengandungi entiti kimia baru yang belum didaftarkan sebelum ini di sesuatu negara TPP untuk jangka masa sekurang-kurangnya lima (5) tahun.



3. Setiap negara TPP boleh mengambil langkah-langkah untuk melindungi kepentingan kesihatan awam berdasarkan:

- (a) Deklarasi ke atas Perjanjian TRIPS dan Kesihatan Awam;
- (b) sebarang pengecualian kepada mana-mana peruntukan dalam perjanjian TRIPS yang diberikan kepada ahli-ahli WTO berdasarkan Perjanjian WTO untuk melaksanakan Deklarasi tersebut; atau
- (c) sebarang pindaan kepada Perjanjian TRIPS untuk melaksanakan apa-apa Deklarasi yang berkuat kuasa.

#### **Artikel 18.51: Langkah-langkah Berkaitan Pemasaran Produk Farmaseutikal**

1. Setiap negara TPP perlu memperuntukkan langkah-langkah berikut:

- (a) satu sistem untuk memaklumkan pemegang paten atau membolehkan pemegang paten diberi notifikasi sebelum produk generik tersebut didaftarkan, bahawa terdapat syarikat yang ingin mendaftarkan produk generik semasa tempoh paten produk inovator tersebut masih sah;
- (b) tempoh yang mencukupi bagi pemegang paten untuk mengambil tindakan (mahkamah atau pentadbiran) jika permohonan tersebut didapati melanggar mana-mana paten sedia ada;
- (c) prosedur mahkamah atau pentadbiran yang boleh memberi penyelesaian kepada sebarang pertikaian paten, termasuk kesahihan dakwaan pelanggaran paten produk farmaseutikal atau kaedah penggunaan yang diluluskan.

2. Sebagai alternatif kepada langkah-langkah seperti di perenggan 1, negara-negara TPP boleh memperuntukkan bahawa produk generik tidak dibenarkan untuk memasarkan produk farmaseutikal mereka sekiranya produk *innovator* yang sama masih dilindungi oleh paten.

## **Artikel 18.52: Biologik**

1. Bagi produk biologik baru, negara-negara TPP perlu memperuntukkan perkara-perkara berikut:

- (a) mengguna pakai Artikel 18.50.1 (Perlindungan Data Farmaseutikal ) dan Artikel 18.50.3 untuk tempoh sekurang-kurangnya lapan (8) tahun dari tarikh produk biologik inovator tersebut didaftarkan di dalam negara TPP tersebut; atau sebagai alternatif
- (b) memberikan perlindungan pasaran untuk produk biologik dengan:
  - (i) mengguna pakai Artikel 18.50.1 (Perlindungan Data Farmaseutikal ) dan Artikel 18.50.2 untuk tempoh sekurang-kurangnya lima (5) tahun dari tarikh produk biologik *innovator* tersebut didaftarkan dalam negara TPP tersebut,
  - (ii) melalui langkah-langkah lain, dan
  - (iii) mengiktiraf bahawa keadaan persekitaran pasaran juga menyumbang kepada perlindungan efektif pasaran bagi mencapai hasil yang setanding di dalam pasaran.

2. Bagi tujuan Seksyen ini, artikel ini adalah terpakai kepada produk biologik yang mengandungi protein dan dihasilkan melalui proses bioteknologi untuk digunakan ke atas manusia dengan tujuan pencegahan, rawatan atau pemulihan sesuatu penyakit.

3. Menyedari bahawa peraturan di peringkat antarabangsa atau domestik mengenai produk farmaseutikal biologik masih di peringkat awal dan keadaan persekitaran pasaran yang mungkin berubah, negara-negara TPP bersetuju untuk mengkaji semula tempoh eksklusiviti selepas sepuluh (10) tahun perjanjian TPP berkuat kuasa. Penilaian semula ini perlu dilihat selaras dengan pemberian insentif bagi pembangunan produk farmaseutikal biologik baru serta untuk memastikan akses kepada produk farmaseutikal *biosimilar*.

### **Artikel 18.53: Definisi Produk Farmaseutikal Baru**

Produk farmaseutikal baru di sesuatu negara TPP ialah produk farmaseutikal yang tidak mengandungi entiti kimia yang pernah didaftarkan di negara TPP tersebut.

## **Seksyen G: Reka Bentuk Perindustrian**

### **Artikel 18.55: Perlindungan**

1. Setiap negara TPP hendaklah memastikan perlindungan yang mencukupi dan efektif bagi reka bentuk perindustrian dan juga memastikan perlindungan diberikan kepada:

- (a) reka bentuk yang terkandung di dalam sesuatu artikel; atau sebagai alternatif;
- (b) reka bentuk yang menjadi sebahagian daripada satu artikel.

2. Artikel ini adalah tertakluk kepada Artikel 25 dan 26 TRIPS.

### **Artikel 18.56: Menambah Baik Sistem Reka Bentuk Industri**

Negara-negara TPP perlu memberi pertimbangan yang sewajarnya untuk menyertai perjanjian *Hague Agreement Concerning the International Registration of Industrial Designs* yang dibuat pada July 2, 1999.

## **Seksyen H: Hak Cipta dan Hak-hak Berkaitan**

### **Artikel 18.57: Definisi**

Bagi tujuan Artikel 18.58, 18.60 dan 18.70, definisi berikut adalah terpakai:

**Penyiaran** bermaksud pemancaran melalui wayarles untuk penerimaan orang awam terhadap bunyi atau imej dan bunyi atau representasi daripadanya; pemancaran tersebut melalui satelit adalah juga **penyiaran**; pemancaran isyarat penyulitan adalah **penyiaran** di mana cara untuk menyahsulitkan disediakan kepada orang awam oleh organisasi penyiaran atau dengan persetujuannya;

**penyampaian kepada orang awam** sesuatu persembahan atau fonogram bermaksud pemancaran kepada orang awam melalui apa-apa medium, selain daripada penyiaran, bunyi sesuatu persembahan atau bunyi atau perlambangan bunyi yang ditetapkan dalam fonogram;

**penetapan** bermaksud pergantungan bunyi, atau perlambangannya, di mana ia boleh didengar, dihasilkan semula, atau disampaikan melalui peranti;

**pelaku** bermaksud pelakon, penyanyi, pemuzik, penari, dan orang lain yang berlakon, menyanyi, menyampaikan, mendeklamasikan, bermain, melaksanakan, atau mempersembahkan karya sastera atau seni atau ungkapan daripada cerita rakyat;

**fonogram** bermaksud penetapan bunyi sesuatu persembahan atau bunyi lain, atau perlambangan bunyi, selain daripada bentuk penetapan yang digabungkan dalam sinematografi atau karya audiovisual lain-lain;

**pengeluar sesuatu fonogram** bermaksud seseorang, atau entiti undang-undang yang mana mengambil inisiatif dan mempunyai tanggungjawab kepada penetapan pertama bunyi persembahan atau bunyi lain, atau perlambangan bunyi; dan

**penerbitan** sesuatu persembahan atau fonogram bermaksud tawaran salinan persembahan atau fonogram kepada orang awam, dengan persetujuan pemegang hak, dan dengan syarat bahawa salinan-salinan yang ditawarkan kepada orang awam adalah dalam kuantiti yang berpatutan.

#### **Artikel 18.58: Hak Pengeluaran Semula**

Setiap negara TPP hendaklah memperuntukkan hak eksklusif kepada pencipta, pelaku, dan pengeluar fonogram mempunyai hak untuk pengeluaran semula karya-karya, persembahan-persembahan, dan fonogram-fonogram dalam apa-apa cara atau bentuk, termasuk dalam bentuk elektronik.

### **Artikel 18.59: Hak Komunikasi kepada Awam**

Tanpa prejudis terhadap Artikel 11 (1)(ii), 11*bis* (1)(i) dan (ii), 11*ter* (1)(ii), 14 (1)(ii), dan 14*bis* (1) *Berne Convention*, setiap negara TPP hendaklah memperuntukkan hak eksklusif kepada pencipta untuk penyampaian karya-karya mereka kepada orang awam, dengan cara wayar atau wayarles, termasuk menyediakan karya-karya mereka untuk orang ramai dalam apa-apa cara yang supaya orang awam boleh mengakses karya-karya tersebut dari suatu tempat dan pada masa yang dipilih secara individu oleh mereka.

### **Artikel 18.60: Hak Pengedaran**

Setiap negara TPP hendaklah memperuntukkan hak eksklusif kepada pencipta, pelaku, dan pengeluar fonogram untuk membenarkan atau melarang kepada orang awam berkenaan salinan karya asal dan salinan seterusnya, persembahan-persembahan, dan fonogram-fonogram melalui penjualan atau pemindahan hak keempunyaan.

### **Artikel 18.61: Tiada Hierarki**

Setiap negara TPP hendaklah memperuntukkan bahawa dalam keadaan-keadaan di mana kebenaran diperlukan daripada kedua-dua pencipta karya yang terkandung sebagai sebahagian daripada satu fonogram dan pelaku atau pengeluar yang memiliki hak dalam fonogram tersebut, keperluan untuk pencipta karya memberikan kebenaran akan terus wujud kerana kebenaran daripada pelaku atau pengeluar turut diperlukan. Setiap negara TPP juga hendaklah memperuntukkan bahawa dalam keadaan di mana kebenaran adalah diperlukan daripada kedua-dua pencipta karya yang terkandung sebagai sebahagian daripada fonogram dan pelaku atau pengeluar yang memiliki hak-hak dalam fonogram itu, keperluan untuk mendapatkan kebenaran daripada pelaku atau pengeluar akan terus wujud kerana kebenaran pencipta adalah turut diperlukan.

### **Artikel 18.62: Hak-hak Berkaitan**

1. Setiap negara TPP hendaklah memberikan hak-hak yang diperuntukkan di bawah Bab ini berkenaan pelaku dan pengeluar fonogram kepada pelaku dan pengeluar fonogram yang merupakan warga negara TPP lain dan untuk persembahan

atau fonogram yang pertama kali diterbitkan atau ditetapkan di negara TPP lain. Persembahan atau fonogram hendaklah dianggap sebagai pertama kali diterbitkan dalam sesebuah negara TPP jika ia diterbitkan dalam tempoh 30 hari daripada penerbitan asalnya.

2. Setiap negara TPP hendaklah memperuntukkan kepada pelaku hak untuk membenarkan atau melarang:

(a) penyiaran dan penyampaian kepada orang awam mengenai persembahan yang tidak ditetapkan, kecuali jika persembahan itu telah menjadi persembahan yang disiarkan; dan

(b) penetapan persembahan yang tidak ditetapkan.

3. (a) Setiap negara TPP hendaklah memperuntukkan pelaku dan pengeluar fonogram hak eksklusif penyiaran atau apa-apa penyampaian komunikasi kepada orang awam persembahan atau fonogram mereka, sama ada melalui cara wayar atau wayarles, dan menyediakan kepada orang awam persembahan dan fonogram tersebut dalam cara tersebut yang mana orang awam boleh mengaksesnya dari suatu tempat dan pada masa yang dipilih secara individu oleh mereka.

(b) Negara-negara TPP adalah bebas untuk mengecualikan pemancaran analog dan bukan interaktif dan penyiaran percuma.

### **Artikel 18.63: Tempoh Perlindungan untuk Hak Cipta dan Hak-hak Berkaitan**

Setiap negara TPP hendaklah memperuntukkan bahawa tempoh perlindungan karya, persembahan, atau fonogram akan dikira:

(a) atas dasar hayat seseorang, tempoh tersebut hendaklah tidak kurang daripada hayat pencipta dan 70 tahun selepas kematian pencipta; dan

(b) atas dasar selain daripada hayat seseorang, tempoh itu hendaklah:

- (i) tidak kurang daripada 70 tahun dari akhir tahun kalendar penerbitan pertama dibenarkan bagi karya, persembahan, atau fonogram; atau
- (ii) sekiranya tidak diterbitkan dalam tempoh 25 tahun selepas karya itu dicipta, tempoh mestilah tidak kurang daripada 70 tahun dari tarikh akhir tahun kalendar penciptaan karya tersebut.

#### **Artikel 18.64: Pemakaian Artikel 18 *Berne Convention* dan Artikel 14.6 TRIPS**

Setiap negara TPP hendaklah mengguna pakai Artikel 18 *Berne Convention* dan Artikel 14.6 *TRIPS Agreement, mutatis mutandis*, untuk karya, persembahan dan fonogram, dan hak-hak dan perlindungan-perindungan yang diberikan kepada perkara yang diperuntukkan oleh Seksyen G.

#### **Artikel 18.65: Pengehadan dan Pengecualian**

Berkenaan Seksyen G, setiap negara TPP hendaklah membataskan had-had atau pengecualian-pengecualian hak-hak eksklusif kepada keadaan-keadaan khas yang tidak berkonflik dengan eksploitasi normal bagi karya, persembahan, atau fonogram, dan tidak menjejaskan kepentingan-kepentingan pemilik harta intelek.

Artikel QQ.G.16(a) tidak menjejaskan skop mengenai pengehadan dan pengecualian di bawah TRIPS, *Berne Convention*, WCT atau WPPT.

#### **Artikel 18.66: Keseimbangan Di Dalam Sistem Hak Cipta**

Setiap negara TPP hendaklah berusaha untuk mencapai keseimbangan yang mencukupi dalam sistem hak cipta melalui pengehadan dan pengecualian yang konsisten dengan Artikel 18.65. Ini adalah termasuk hak cipta dalam bentuk digital, di mana pertimbangan wajar diberikan bagi tujuan seperti: kritikan, pemberian ulasan, laporan berita, pembelajaran, biasiswa, penyelidikan dan memudah cara akses kepada orang-orang buta serta cacat penglihatan.

### **Artikel 18.67: Pemindahan Kontrak**

Setiap negara TPP hendaklah memperuntukkan bagi hak cipta, pemilik hak cipta boleh:

- (a) memindahkan hak mereka secara bebas dan berasingan melalui kontrak; dan
- (b) melalui kontrak tersebut, pemilik baru juga layak menikmati hak yang sama seperti pemilik asal.

### **Artikel 18.68: Langkah-langkah Perlindungan Teknologi (*Technological Protection Measures – TPM*)**

1. Bagi memastikan perlindungan TPM yang memadai serta remedi yang efektif, setiap negara TPP hendaklah memperuntukkan bahawa:

- (a) jika seseorang dengan sengaja memintas tanpa kebenaran sebarang TPM yang mengawal akses kepada satu karya, persembahan, atau fonogram; atau
- (b) membuat, mengimport, mengedar, membuat tawaran untuk jualan atau sewaan kepada orang awam, atau menawarkan perkhidmatan, yang:
  - (i) dipromosi, diiklan, atau dipasarkan dengan tujuan untuk memintas TPM;
  - (ii) mempunyai nilai komersil yang terhad atau dan digunakan untuk memintas TPM; atau
  - (iii) telah dihasilkan dengan tujuan utama untuk memintas TPM

adalah bertanggungjawab dan tertakluk kepada remedi yang ditetapkan di bawah Artikel 18.74.

Setiap negara TPP hendaklah memperuntukkan prosedur dan hukuman jenayah jika seseorang itu didapati terlibat dengan sengaja dan dengan tujuan memperoleh



kepentingan komersial atau keuntungan dalam mana-mana aktiviti yang dinyatakan di atas.

Prosedur dan hukuman jenayah tersebut tidak terpakai ke atas perpustakaan bukan berasaskan keuntungan, muzium, arkib, institusi pendidikan, atau entiti penyiaran awam bukan komersial. Negara-negara TPP juga boleh memperuntukkan bahawa remedi yang diperuntukkan di bawah Artikel 18.74 tidak terpakai ke atas entiti-entiti yang sama sekiranya aktiviti tersebut dijalankan tanpa pengetahuan bahawa kelakuan tersebut adalah dilarang.

2. Dalam melaksanakan sub-perenggan (a), negara-negara TPP tidak perlu mengkehendaki rekaan barang-barang elektronik dan telekomunikasi diubahsuai, selagi produk tersebut tidak melanggar mana-mana langkah-langkah dalam melaksanakan sub perenggan (a).

3. Setiap negara TPP hendaklah memperuntukkan bahawa kesalahan memintas TPM di bawah Artikel ini adalah lain daripada kesalahan pelanggaran hak cipta.

4. Bagi peruntukan seperti di perenggan 1:

(a) Setiap negara TPP boleh memperuntukkan pengecualian dan pengecualian tertentu untuk manfaat pihak-pihak tertentu bagi langkah-langkah di bawah sub-perenggan 1(a)(i) dan 1(b) melalui proses perundangan dengan memberi pertimbangan yang sewajarnya;

(b) Sebarang pengecualian dan pengecualian kepada sub perenggan 1(b) bagi penyediaan peranti, produk, komponen atau perkhidmatan adalah semata-mata kepada pihak-pihak tertentu untuk manfaat mereka; dan

(c) Dalam memperuntukkan pengecualian dan pengecualian di bawah perenggan 4(a) dan 4(b), peruntukan tersebut tidak sepatutnya menjejaskan perlindungan terhadap TPM secara keseluruhannya.

(e) “Langkah perlindungan teknologi yang efektif” bermaksud sebarang teknologi, peranti, atau komponen yang efektif yang mana, dalam perjalanan normal operasinya, mengawal akses kepada karya, persembahan, atau fonogram yang dilindungi, atau melindungi hak cipta atau hak-hak yang berkaitan karya, persembahan atau fonogram.

#### **Artikel 18.69: Maklumat Pengurusan Hak (*Rights Management Information – RMI*)**

1. Dalam memperuntukkan remedi-remedi perundangan yang mencukupi dan efektif dalam melindungi maklumat pengurusan hak:

(a) setiap negara TPP hendaklah memperuntukkan bahawa seseorang yang dengan sengaja tanpa kebenaran:

(i) membuang atau mengubah apa-apa RMI;

(ii) mengedar atau mengimport RMI yang telah diubah tanpa kebenaran; atau

(iii) mengedar, mengimport, menyiar atau menyampai kepada orang awam salinan-salinan karya, persembahan atau fonogram di mana RMI itu telah dibuang atau diubah tanpa kebenaran,

adalah bertanggungjawab dan tertakluk kepada remedi-remedi yang ditetapkan di bawah Artikel 18.74.

Setiap negara TPP hendaklah memperuntukkan prosedur dan hukuman jenayah jika seseorang didapati terlibat dengan sengaja dan dengan tujuan komersial atau keuntungan di dalam mana-mana aktiviti yang dinyatakan di atas.

Prosedur dan hukuman jenayah tersebut tidak terpakai ke atas perpustakaan bukan berasaskan keuntungan, muzium, arkib, institusi pendidikan, atau entiti penyiaran awam bukan komersial.

2. Perenggan 1 tidak menghalang mana-mana negara TPP untuk melaksanakan aktiviti berkaitan penguatkuasaan undang-undang, kepentingan keselamatan, atau apa-apa tujuan berkaitan fungsi kerajaan.

3. Artikel ini tidak mewajibkan mana-mana negara TPP untuk mengkehendaki pemilik harta intelek untuk meletakkan RMI mereka kepada karya-karya yang dihasilkan.

4. **RMI** bermaksud:

(i) maklumat bagi mengenal pasti suatu karya, persembahan, atau fonogram, pencipta suatu karya, pelaku suatu persembahan, atau pengeluar suatu fonogram; atau pemilik kepada hak suatu karya, persembahan, atau fonogram;

(ii) maklumat mengenai terma dan syarat mengenai penggunaan karya, persembahan, atau fonogram; atau

(iii) apa-apa nombor atau kod yang mewakili maklumat tersebut,

apabila mana-mana maklumat tersebut itu dilampirkan bersama salinan karya, persembahan, atau fonogram tersebut atau menjadi sebahagian daripada penyampaian atau penyediaan suatu karya, persembahan, atau fonogram kepada orang awam.

#### **Artikel 18.70:Badan Pengurusan Kolektif**

Negara-negara TPP mengiktiraf kepentingan peranan badan-badan pengurusan secara kolektif dalam mengutip dan mengedar royalti berdasarkan amalan yang adil, efisien, telus dan bertanggungjawab serta mempunyai sistem penyimpanan rekod dan mekanisme pelaporan.

## **Seksyen I: Penguatkuasaan**

### **Artikel QQ.H.1: Obligasi Umum**

1. Setiap negara TPP hendaklah memastikan bahawa prosedur penguatkuasaan seperti yang ditetapkan di bawah seksyen ini diperuntukkan di bawah undang-undang mereka bagi memastikan keberkesanan menangani pelanggaran hak harta intelek. Prosedur ini adalah termasuk remedi bagi mengelakkan pelanggaran harta intelek di masa akan datang. Prosedur ini juga perlu diguna pakai dengan cara-cara tertentu supaya ia tidak menjadi halangan kepada perdagangan dan perlu disertakan bersama mekanisme bagi mengelakkan ia disalahgunakan.
  
2. Setiap negara TPP mengesahkan bahawa prosedur penguatkuasaan yang dinyatakan di bawah Artikel 18.74, Artikel 18.75 dan Artikel 18.77 akan terpakai bagi pelanggaran cap dagangan dan hak cipta yang berlaku di atas talian.
  
3. Setiap negara TPP hendaklah memastikan bahawa prosedur berkaitan penguatkuasaan harta intelek adalah adil dan saksama. Prosedur ini haruslah tidak terlalu rumit, melibatkan kos yang tinggi, had masa dan kelewatan yang tidak munasabah.
  
4. Seksyen ini tidak menetapkan sebarang obligasi:
  - (a) untuk mewujudkan sistem kehakiman khusus bagi penguatkuasaan harta intelek yang berbeza daripada sistem kehakiman bagi penguatkuasaan undang-undang lain secara amnya; atau
  - (b) berkenaan dengan pengagihan sumber di antara penguatkuasaan hak harta intelek dan undang-undang lain secara amnya.
  
5. Dalam melaksanakan peruntukan di bawah Seksyen ini, setiap negara TPP perlu mengambil kira keperluan untuk menentukan kadar di antara keseriusan pelanggaran harta intelek, remedi dan penalti berkaitan dan kepentingan pihak-pihak lain.

### **Artikel 18.72: Anggapan (*Presumptions*)**

1. Di bawah prosiding sivil, jenayah dan pentadbiran berkaitan hakcipta, setiap negara TPP hendaklah memperuntukkan:

- (a) dalam keadaan tiada keterangan, nama orang yang dinyatakan melalui cara yang biasa sebagai pencipta, pelaku, pengeluar karya, persembahan, fonogram, penerbit adalah merupakan pemilik hak cipta; dan
- (b) dalam keadaan tiada keterangan, hak cipta wujud bagi perkara-perkara tersebut.

2. Berkaitan dengan permulaan prosiding sivil, pentadbiran atau jenayah untuk menguatkuasakan hak berkaitan cap dagangan berdaftar, setiap negara TPP hendaklah memperuntukkan bahawa pendaftaran cap dagangan tersebut dianggap sebagai *prima facie* sah.

3. Berkaitan dengan permulaan prosiding sivil atau pentadbiran untuk menguatkuasakan hak berkaitan paten, setiap negara TPP hendaklah memperuntukkan bahawa setiap tuntutan paten tersebut dianggap sebagai *prima facie* dalam memenuhi keperluan untuk didaftarkan.

### **Artikel 18.73: Amalan Penguatkuasaan Harta Intelek**

1. Setiap negara TPP hendaklah memperuntukkan bahawa keputusan muktamad penghakiman dan pentadbiran mengenai penguatkuasaan hak harta intelek:

- (a) sebaik-baiknya dibuat secara bertulis dan menyatakan pertimbangan fakta yang relevan, alasan atau undang-undang yang dirujuk dalam mencapai penghakiman atau keputusan tersebut; dan
- (b) keputusan tersebut diterbitkan atau dibuka kepada orang awam dalam bahasa kebangsaan.

3. Setiap negara TPP mengiktiraf kepentingan untuk mengumpul dan menganalisa data dan maklumat berkaitan pelanggaran harta intelek dan amalan terbaik dalam mengelak dan membanteras aktiviti pelanggaran harta intelek.
3. Setiap negara TPP hendaklah menyedia dan menerbitkan maklumat berkaitan usaha penguatkuasaan harta intelek.

#### **Artikel 18.74: Prosedur dan Remedi Sivil**

1. Setiap negara TPP hendaklah menyediakan prosedur kehakiman sivil untuk pemegang harta intelek menguatkuasakan hak mereka.
2. Pihak berkuasa kehakiman mempunyai kuasa untuk mengeluarkan arahan injuksi yang konsisten dengan Artikel 44 TRIPS, antara lain, untuk mengelakkan barangan yang terlibat dalam pelanggaran harta intelek daripada memasuki saluran perdagangan.
3. Bagi prosedur sivil ke atas pelanggaran hak cipta dan pemalsuan cap dagangan, pihak berkuasa kehakiman harus mempunyai kuasa untuk memerintahkan pihak yang melanggar harta intelek untuk membayar ganti rugi yang secukupnya.
4. Dalam menentukan jumlah ganti rugi seperti di bawah perenggan 3, pihak berkuasa kehakiman harus mempunyai kuasa untuk mengambil kira apa-apa langkah penilaian sah yang dikemukakan oleh pemilik harta intelek, seperti nilai kerugian, nilai pasaran atau nilai runcit bagi barangan atau perkhidmatan itu.
5. Bagi kes hak cipta dan cap dagangan, pihak berkuasa kehakiman harus mempunyai kuasa untuk mengarah pihak bersalah untuk membayar keuntungan yang sepatutnya diterima oleh pemilik harta intelek itu.
6. Bagi prosiding sivil berkenaan pelanggaran hak cipta, setiap negara TPP hendaklah memperuntukkan salah satu daripada perkara-perkara berikut:

- (a) Ganti rugi pra-kewujudan; atau
- (b) Ganti rugi tambahan.

7. Dalam prosiding sivil berkenaan pemalsuan cap dagangan, setiap negara TPP hendaklah memperuntukkan salah satu daripada perkara-perkara berikut:

- (a) Ganti rugi pra-kewujudan; atau
- (b) Ganti rugi-ganti rugi tambahan.

8. Ganti rugi pra-kewujudan di bawah perenggan (6) dan (7) hendaklah ditetapkan dalam jumlah yang mencukupi dan ditetapkan dengan tujuan untuk menghalang pelanggaran pada masa hadapan.

9. Dalam memerintahkan ganti rugi tambahan di bawah perenggan (6) dan (7), pihak berkuasa kehakiman harus mempunyai kuasa untuk mengambil kira perkara-perkara yang relevan, termasuk jenis pelanggaran dan keperluan untuk menghalang pelanggaran yang serupa pada masa hadapan.

10. Pihak berkuasa kehakiman juga harus mempunyai kuasa untuk memerintahkan pihak bersalah untuk membayar kos mahkamah, fi peguam cara atau apa-apa perbelanjaan lain.

11. Di mana prosiding sivil mengkehendaki penglibatan pakar-pakar teknikal, kos bagi penglibatan pakar-pakar tersebut haruslah munasabah.

12. Bagi prosiding sivil, setiap negara TPP hendaklah memperuntukkan:

- (a) bagi barangan cetak rompak hak cipta dan cap dagangan palsu, pihak berkuasa kehakimannya harus mempunyai kuasa untuk memerintahkan barangan tersebut dimusnahkan tanpa sebarang pampasan;
- (b) bahawa pihak berkuasa kehakiman harus mempunyai kuasa untuk memerintahkan bahan-bahan yang digunakan semasa proses

pengilangan dimusnahkan atau dilupuskan di luar saluran perdagangan dengan segera dan tanpa sebarang pampasan.

- (c) bagi barangan cap dagangan palsu, penyingkiran cap dagangan yang tidak sah daripada barangan tersebut adalah tidak mencukupi untuk membenarkan barangan tersebut memasuki saluran perdagangan.

13. Tertakluk kepada undang-undang berkaitan privasi, pihak berkuasa kehakiman harus mempunyai kuasa untuk memerintah pihak bersalah untuk memberikan maklumat yang relevan kepada pemilik harta intelek.

14. Pihak berkuasa kehakiman juga harus mempunyai kuasa untuk mengenakan sekatan ke atas pihak kounsel, pakar, atau mana-mana sekiranya mereka ingkar perintah mahkamah.

15. Pihak berkuasa kehakiman juga harus mempunyai kuasa untuk memberikan pampasan kepada pihak yang mengalami kerugian selepas mereka tidak didapati bersalah.

16. Sekiranya apa-apa remedi sivil diperintahkan berdasarkan prosedur pentadbiran sesuatu kes, negara-negara TPP hendaklah memastikan bahawa prosedur pentadbiran tersebut adalah setara dengan prinsip-prinsip di bawah Artikel ini.

17. Dalam prosiding sivil berkaitan Artikel 18.68 dan Artikel 18.69:

- (a) setiap negara TPP hendaklah memperuntukkan bahawa pihak berkuasa kehakimannya, sekurang-kurangnya, mempunyai kuasa untuk:
  - (i) mengenakan langkah-langkah interim, termasuk penyitaan atau membuat rampasan barang-barangan yang disyaki digunakan bersama;
  - (ii) memerintah ganti rugi yang tersedia bagi pelanggaran hak cipta;



- (iii) memerintah kos, fi atau perbelanjaan-perbelanjaan lain sebagaimana yang diperuntukkan di bawah perenggan 10; dan
  - (iv) memerintah agar barangan yang digunakan untuk dimusnahkan.
- (b) Ganti rugi tidak boleh dituntut terhadap perpustakaan bukan berasaskan keuntungan, arkib, institusi pendidikan, muzium, atau entiti penyiaran awam yang tidak bersifat komersial, sekiranya entiti-entiti tersebut tidak mempunyai pengetahuan mengenai aktiviti-aktiviti yang melanggar undang-undang.

### **Artikel 18.75: Langkah-langkah Interim**

1. Pihak berkuasa setiap negara TPP hendaklah bertindak atas permohonan bagi mendapatkan relif berkenaan dengan harta intelek *inaudita altera parte* dengan segera menurut peraturan kehakiman masing-masing.
2. Setiap negara TPP hendaklah memperuntukkan bahawa pihak berkuasa kehakiman mempunyai kuasa untuk mengkehendaki pemohon untuk memberikan keterangan yang sesuai untuk mencapai kepastian bahawa hak harta intelek telah dilanggar dan berkuasa untuk memerintahkan pemohon untuk memberikan sekuriti atau jaminan yang mencukupi untuk melindungi defendan bagi mengelakkan penyalahgunaan.
3. Dalam prosiding sivil berkenaan pelanggaran hak cipta dan pemalsuan cap dagangan, pihak berkuasa kehakiman harus mempunyai kuasa untuk memerintahkan rampasan barangan dan alat-alat yang relevan yang disyaki digunakan di dalam aktiviti itu.

### **Artikel 18.76: Langkah-langkah Sempadan**

1. Setiap negara TPP hendaklah menyediakan prosedur untuk menahan mana-mana barangan yang diimport dan disyaki menggunakan cap dagangan palsu atau barangan cetak rompak.

2. Pemilik harta intelek yang menggunakan prosedur seperti di perenggan 1 perlu memberikan bukti yang mencukupi agar pihak berkuasa berpuas hati bahawa terdapat *prima facie* pelanggaran harta intelek dan juga perlu mengemukakan maklumat yang mencukupi bagi membantu pihak berkuasa untuk mengenal pasti barangan yang disyaki.
  
3. Pihak berkuasa harus mempunyai kuasa untuk meminta pemilik harta intelek untuk menyediakan sekuriti atau jaminan yang mencukupi untuk melindungi defendan dan pihak berkuasa serta bagi mengelakkan prosedur ini disalahgunakan. Sekuriti boleh diterima dalam bentuk bon sebagai syarat untuk memastikan defendan tidak akan mengalami kerugian disebabkan penahanan barangan tersebut.
  
4. Tertakluk kepada undang-undang berkaitan privasi:
  - (a) pihak berkuasa mempunyai kuasa untuk memaklumkan pemohon akan nama dan alamat pengirim/konsainor, pengimport, konsigni/ penerima, atau pengimport, butir-butir barangan, kuantiti dan negara asal bagi barangan tersebut; atau
  
  - (b) sekiranya tidak, pihak berkuasa perlu menyediakan maklumat dalam masa 30 hari dari tarikh rampasan atau penyitaan.
  
5. Setiap negara TPP hendaklah memperuntukkan bahawa pihak berkuasa boleh mengambil tindakan *ex officio* atas barangan di bawah kawalan pihak kastam di mana barangan tersebut adalah:
  - (a) diimport;
  - (b) bertujuan untuk dieksport; atau
  - (c) barangan semasa transit, atau secara alternatifnya, negara-negara TPP perlu berusaha untuk mengemukakan maklumat mengenai barangan yang telah diperiksa kepada negara-negara TPP lain dalam usaha untuk menghapuskan perdagangan antarabangsa yang melibatkan aktiviti cetak rompak dan cap dagangan palsu.

dan di mana barangan tersebut disyaki merupakan barangan cetak rompak atau mempunyai cap dagangan palsu.

6. Setiap negara TPP hendaklah memperuntukkan prosedur di mana pihak berkuasa boleh menentukan sama ada barangan yang ditahan di bawah perenggan 1, 5(a), 5 (b) dan 5 (c) melanggar hak harta intelek.

7. Setiap negara TPP hendaklah memperuntukkan supaya pihak berkuasa mempunyai kuasa untuk memerintah supaya barangan yang telah didapati melanggar harta intelek untuk dimusnahkan. Sekiranya ia tidak dimusnahkan, setiap negara hendaklah memastikan bahawa barangan tersebut dilupus di luar saluran perdagangan. Bagi cap dagangan palsu, pembuangan tanda cap dagangan sahaja sebelum barangan dilepaskan semula adalah tidak memadai.

8. Sekiranya terdapat fi permohonan, penyimpanan atau kos pemusnahan, fi dan kos tersebut tidak boleh ditetapkan pada kadar yang tidak munasabah.

9. Artikel ini turut terpakai kepada barangan yang bersifat komersil dan dihantar melalui konsainan kecil. Walau bagaimanapun, Artikel ini tidak terpakai ke atas barangan dalam kuantiti kecil di dalam bagasi peribadi.

#### **Artikel 18.77: Prosedur Jenayah dan Penalti**

1. Setiap negara TPP hendaklah menyediakan prosedur dan hukuman jenayah bagi kes-kes berskala komersil yang melibatkan cap dagangan palsu atau cetak rompak. Aktiviti cetak rompak dalam skala komersil adalah termasuk:

- (a) aktiviti yang sengaja dijalankan untuk mendapat manfaat komersil atau dengan tujuan mengaut keuntungan; dan

- (b) aktiviti yang ketaradan mempunyai impak yang besar ke atas kepentingan pemilik hak cipta, walaupun ia tidak dijalankan untuk mendapat manfaat komersil dan tidak bertujuan untuk mengaut keuntungan.
- 2. Setiap negara TPP hendaklah memperuntukkan aktiviti import dan eksport melibatkan barangan cetak rompak dan menggunakan cap dagangan palsu sebagai aktiviti yang menyalahi undang-undang tertakluk kepada hukuman jenayah.
- 3. Setiap negara TPP hendaklah menyediakan prosedur dan hukuman jenayah sekiranya label atau pembungkusan:
  - (a) mempunyai cap dagangan palsu; dan
  - (b) ia di gunakan dalam perdagangan.
- 4. Setiap negara TPP hendaklah memperuntukkan prosedur dan hukuman jenayah ke atas aktiviti merakam di dalam panggung wayang.
- 5. Bagi kesalahan yang dinyatakan di dalam Artikel ini, setiap negara TPP perlu memastikan liabiliti jenayah disediakan di bawah undang-undang mereka kepada sesiapa yang membantu dan bersubahat.
- 6. Berkenaan dengan kesalahan-kesalahan yang dinyatakan di perenggan 1 hingga 5, setiap negara TPP hendaklah menyediakan:
  - (a) penalti termasuk hukuman penjara dan bayaran denda yang cukup tinggi dengan tujuan mencegah kesalahan yang sama di masa akan datang;
  - (b) bahawa pihak berkuasa kehakiman hendaklah mempunyai kuasa untuk mengambil kira akan keseriusan keadaan kesalahan tersebut yang mungkin melibatkan peras ugut, atau memberi kesan kepada kesihatan dan keselamatan;

- (c) bahawa pihak berkuasa hendaklah mempunyai kuasa untuk memerintah penyitaan mana-mana bahan berkaitan, bukti atau aset yang diperoleh daripada aktiviti tersebut;
- (d) bagi kesalahan yang berat, pihak berkuasa hendaklah mempunyai kuasa untuk memerintah rampasan aset-aset yang diperoleh daripada aktiviti tersebut.
- (e) bahawa pihak berkuasa kehakiman hendaklah mempunyai kuasa untuk memerintah rampasan atau pelupusan:
  - (i) kesemua barangan yang mengandungi cap dagangan palsu atau barangan cetak rompak;
  - (ii) bahan-bahan yang digunakan dalam pembuatan barangan cetak rompak dan atau barangan cap dagangan palsu; dan
  - (iii) mana-mana label atau pembungkusan yang mempunyai cap dagangan palsu.

Sekiranya ia tidak dimusnahkan, pihak berkuasa hendaklah memastikan bahawa barangan-barangan tersebut dilupuskan di luar saluran perdagangan. Setiap negara TPP juga hendaklah memperuntukkan bahawa rampasan atau pelupusan di bawah sub perenggan (c) hendaklah dilakukan tanpa sebarang pampasan kepada pihak defendan.

- (f) Bahawa pihak berkuasa hendaklah mempunyai kuasa untuk memberikan akses kepada pemilik harta intelek kepada bahan-bahan berkaitan sebagai bukti untuk digunakan di dalam prosiding sivil.
- (g) bahawa pihak berkuasa boleh bertindak atas inisiatif sendiri tanpa memerlukan aduan rasmi dilakukan.

7. Berkenaan dengan kesalahan yang dinyatakan di dalam perenggan 1 hingga 5, setiap negara TPP boleh memperuntukkan bahawa pihak berkuasa kehakiman

mempunyai kuasa untuk memerintah rampasan ke atas aset, atau denda yang sepadan nilainya dengan aset yang diperoleh daripada aktiviti di luar undang-undang itu.

**Artikel 18.78: Rahsia Perdagangan (*Trade Secrets*)**

1. Di dalam memastikan perlindungan efektif terhadap persaingan tidak adil seperti yang diperuntukkan di dalam Artikel 10bis *Paris Convention*, setiap negara TPP hendaklah memastikan bahawa terdapat saluran perundangan untuk mencegah rahsia perdagangan daripada diambil dengan cara yang menyalahi undang-undang.

2. Tertakluk kepada perenggan 3, setiap negara TPP hendaklah menyediakan prosedur dan hukuman jenayah bagi satu atau lebih daripada kesalahan-kesalahan berikut:

- (a) dengan sengaja mengakses tanpa kebenaran untuk mengambil rahsia perdagangan yang disimpan di dalam sistem komputer;
- (b) dengan sengaja menyalah guna rahsia dagangan tanpa kebenaran melalui sistem komputer; atau
- (c) dengan sengaja mendedahkan rahsia perdagangan tanpa kebenaran melalui sistem komputer.

3. Berkenaan dengan perbuatan yang dirujuk di perenggan 2, negara-negara TPP boleh menghadkan prosedur jenayah, atau menghadkan tahap penalti, kepada satu atau lebih bagi situasi-situasi berikut:

- (a) perbuatan tersebut adalah dengan tujuan untuk mendapat manfaat komersil atau bertujuan mengaut keuntungan;
- (b) perbuatan tersebut melibatkan produk atau perkhidmatan yang didagangkan di peringkat nasional dan antarabangsa;
- (c) perbuatan tersebut dilakukan dengan tujuan menjejaskan pemilik rahsia perdagangan;
- (d) perbuatan tersebut dilakukan dengan kerjasama entiti asing;
- (e) perbuatan tersebut menjejaskan kepentingan ekonomi, keselamatan atau menjejaskan hubungan negara di peringkat antarabangsa.

**Article 18.79: Perlindungan Program Penyulitan Satelit dan Isyarat Kabel**

1. Setiap negara TPP hendaklah menjadikan ia suatu kesalahan jenayah bagi:

- (a) pengeluaran, pemasangan, pengubahsuaian, mengimport, mengeksport, menjual, menyewa, atau mengedar alat peranti atau sistem dengan sengaja, di mana alat peranti atau sistem tersebut memenuhi sekurang-kurangnya satu daripada syarat-syarat berikut:
  - (i) ia bertujuan untuk digunakan untuk membantu;
  - (ii) ia mempunyai tujuan utama untuk membantu; atau
  - (iii) fungsi utamanya hanyalah untuk membantu,dalam penyahkodan enkripsi isyarat satelit dan kabel tanpa kebenaran pemilik isyarat tersebut; dan

- (b) bagi enkripsi isyarat satelit:
  - (i) menerima isyarat; atau
  - (ii) mengedar isyarat,dengan pengetahuan bahawa isyarat enkripsi tersebut telah dinyahkod tanpa kebenaran pemilik isyarat.

2. Setiap negara TPP hendaklah memperuntukkan remedi sivil bagi aktiviti yang dinyatakan di perenggan 1.

3. Setiap negara TPP hendaklah memperuntukkan hukuman jenayah atau remedi sivil bagi aktiviti berikut:

- (a) dengan sengaja mengeluarkan atau mengedar peralatan untuk menerima sesuatu isyarat kabel terenkripsi secara tidak sah; dan
- (b) dengan sengaja menerima atau membantu pihak lain untuk menerima sesuatu isyarat kabel terenkripsi secara tidak sah.

#### **Artikel 18.80: Penggunaan Perisian Oleh Kerajaan**

1. Setiap negara TPP mengiktiraf kepentingan untuk meningkatkan kesedaran mengenai harta intelek dan implikasi mengenai pelanggaran harta intelek.

2. Setiap negara TPP perlu mempunyai dasar bagi memastikan agensi kerajaan pusat menggunakan perisian komputer yang sah.



## Seksyen J: Penyedia Perkhidmatan Internet

### Artikel 18.81: Definisi

Bagi maksud Seksyen ini:

Terma **hak cipta** adalah termasuk hak-hak berkaitan; dan

**Penyedia Perkhidmatan Internet (*Internet Service Providers – ISPs*)** bermaksud:

- (a) penyedia perkhidmatan atas talian untuk pemancaran, penghalaan atau menyediakan sambungan komunikasi digital kepada pengguna dan menggunakan fungsi-fungsi seperti di bawah Artikel 18.82.2(a); atau
- (b) penyedia perkhidmatan atas talian yang menggunakan fungsi-fungsi seperti di bawah Artikel 18.82.2(c) atau 18.82.2(d).

### Artikel 18.82: Remedi Perundangan dan Jaminan (*Safe Harbours*)

1. Menyedari kepentingan untuk membangunkan perkhidmatan atas talian, negara-negara TPP perlu menyediakan prosedur penguatkuasaan selaras dengan Artikel 41 TRIPS, bagi membolehkan pemilik hak cipta untuk mengambil tindakan terhadap pelanggaran hak cipta yang berlaku di atas talian. Remedi juga perlu diperuntukkan kepada pemilik hak cipta dan jaminan (*safe harbours*) kepada ISP. Remedi undang-undang dan *safe harbours* hendaklah termasuk perkara-perkara berikut:

- (a) insentif kepada ISP untuk bekerjasama dengan pemilik hak cipta untuk menghalang penyimpanan dan penghantaran karya hak cipta yang tidak sah; dan
- (b) mengecualikan relief kewangan (*monetary relief*) ke atas ISP yang tidak terlibat di dalam pelanggaran hak cipta yang berlaku di dalam rangkaian mereka.

2. Pengecualian seperti di perenggan 1(b) hendaklah terpakai kepada fungsi-fungsi berikut:

- (a) penghantaran, penghalaan atau menyediakan sambungan bagi bahan yang tidak diubahsuai kandungannya, atau storan transien bagi bahan-bahan yang telah dibuat secara automatik;
- (b) *caching* yang dilakukan secara automatik;
- (c) storan bagi bahan yang berada di dalam sistem atau rangkaian yang dikendalikan oleh pemberi perkhidmatan di atas arahan pengguna Internet; dan
- (d) merujuk atau pautan suatu lokasi seperti *hyperlinks* dan direktori.

3. Bagi menangani pelanggaran hak cipta, negara-negara TPP perlu memperuntukkan syarat untuk melayakkan ISP kepada pengecualian seperti di perenggan 1(b), atau secara alternatifnya, negara-negara TPP hendaklah menetapkan syarat-syarat di mana ISP tidak layak mengguna pakai pengecualian seperti di perenggan 1(b).

- (a) Bagi fungsi seperti di perenggan 2(c) dan 2 (d), ISP perlu membuang bahan atau menyekat akses kepada bahan yang berada di dalam rangkaian atau sistem sekiranya mengetahui bahawa berlaku pelanggaran hak cipta.
- (b) Sekiranya ISP telah memaklumkan kepada pemilik bahan-bahan yang telah disekat akses mereka, ISP tersebut hendaklah di kecualikan daripada apa-apa liabiliti.

4. Sekiranya negara-negara TPP menggunakan sistem notis-balas (*counter-notices*), ISP perlu meletakkan semula bahan-bahan yang telah disekat aksesnya setelah menerima notis-balas daripada pemilik bahan tersebut.
5. Setiap negara TPP juga perlu memperuntukkan remedi kewangan (*monetary remedies*) terhadap mana-mana pihak yang dengan sengaja memberikan kenyataan yang salah dan memberi kemudahan.
6. ISP tidak perlu membuat pemantauan atas talian dan tidak perlu ditugaskan mencari pelanggaran hak cipta di atas bagi melayakkan mereka ke atas had yang dinyatakan seperti di perenggan 1.
7. Selaras dengan prinsip perundangan dan undang-undang berkaitan privasi, setiap negara TPP hendaklah menyediakan prosedur yang membolehkan pemilik hak cipta untuk meminta maklumat mengenai pelanggaran hak cipta daripada ISP.
8. Negara-negara TPP mengiktiraf bahawa kegagalan ISP untuk melayakkan mereka daripada menggunakan had seperti di perenggan 1(b) tidak mengakibatkan kepada liabiliti Artikel ini juga tidak menjejaskan sebarang had dan pengecualian yang terdapat di bawah undang-undang negara TPP masing-masing.
9. Di dalam melaksanakan obligasi-obligasi di dalam Artikel ini, negara-negara TPP mengiktiraf kepentingan untuk mengambil kira impak terhadap pemilik hak cipta dan juga ISP.

## **Seksyen K: Peruntukan Akhir**

1. Selain daripada apa yang telah diperuntukkan di dalam Artikel 18.10 dan perenggan 2, 3 dan 4, setiap negara TPP perlu melaksanakan peruntukan-peruntukan di dalam Bab ini pada tarikh perjanjian ini dikuatkuasakan.
  
2. Dalam tempoh-tempoh yang dinyatakan seperti di bawah, negara-negara TPP tidak boleh mengambil langkah yang kurang konsisten dengan obligasi di bawah peruntukan-peruntukan yang dirujuk untuk negara-negara berkenaan berbanding langkah-langkah sedia ada. Peruntukan ini tidak menjejaskan hak dan obligasi sesebuah negara TPP itu di bawah perjanjian antarabangsa di mana ia merupakan negara pejanji dengan negara TPP lain.
  
3. Bagi tempoh hak cipta karya sesebuah negara TPP yang tertakluk kepada tempoh peralihan, negara Jepun dan Mexico boleh mengguna pakai tempoh hak cipta yang sama dengan tempoh hak cipta negara TPP tersebut dan hanya mengguna pakai tempoh perlindungan selari dengan Artikel 18.8.1 setelah negara TPP tersebut memenuhi obligasi Artikel 18.63 sepenuhnya.
  
4. Berhubung dengan obligasi yang tertakluk kepada tempoh peralihan, negara-negara TPP hendaklah melaksanakan obligasi tersebut selepas tamat tempoh peralihan yang bermula selepas tarikh berkuat kuasa perjanjian ini ke atas negara tersebut.
  - (a) Bagi negara Malaysia:
    - (i) Artikel 18.7.2(a), Madrid Protocol, 4 tahun;
    - (ii) Artikel 18.7.2(b), Budapest Treaty, 4 tahun;
    - (iii) Artikel 18.7.2(c), Singapore Treaty, 4 tahun;
    - (iv) Artikel 18.7.2(d), UPOV 1991, 4 tahun;
    - (v) Artikel 18.18.1, berkenaan cap dagangan bunyi, 3 tahun;
    - (vi) Artikel 18.48.2, 4.5 tahun;

- (vii) Artikel 18.51, 4.5 tahun;
- (viii) Artikel 18.52, 5 tahun;
- (ix) Artikel 18.63(a), 2 tahun
- (x) Artikel 18.76(berkenaan dengan 'mengelirukan'), 4 tahun;
- (xi) Artikel 18.76.5(b) dan (c), 4 tahun; dan
- (xii) Artikel 18.79.2, 2 tahun.

## **Annex 18-C**

### **Malaysia**

1. Bagi tujuan pemberian perlindungan seperti yang diperuntukkan di bawah Artikel 18.50.1, 18.50.2 dan 18.52.1, Malaysia boleh meletakkan syarat supaya pemohon untuk memulakan proses mendapatkan kelulusan pemasaran bagi produk farmaseutikal dalam tempoh 18 bulan dari tarikh kelulusan pertama pemasaran produk farmaseutikal itu.
  
2. Tempoh perlindungan seperti yang diperuntukkan di bawah Artikel 18.50.1, 18.50.2 dan 18.52.1 akan bermula pada tarikh kelulusan pemasaran diberikan di Malaysia.

## BAB 19 BURUH

### Artikel 19.1: DEFINISI

Bagi tujuan Bab Buruh:

- (i) **“Deklarasi ILO”** bermaksud Deklarasi Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) bagi Prinsip Asas dan Hak -hak di Tempat Kerja 1998;
- (ii) **“Undang-undang buruh”** bermaksud undang-undang dan peraturan-peraturan, atau peruntukan undang-undang dan peraturan-peraturan sebuah Negara TPP yang secara langsung berkait dengan hak-hak perburuhan yang diiktiraf di peringkat antarabangsa seperti berikut:
  - (a) kebebasan berserikat dan pengiktirafan hak untuk berunding secara kolektif;
  - (b) penghapusan segala bentuk buruh paksa atau buruh wajib;
  - (c) pemansuhan secara berkesan amalan buruh kanak-kanak, larangan terhadap amalan terburuk buruh kanak-kanak, dan lain-lain perlindungan perburuhan kepada kanak-kanak dan orang di bawah umur;
  - (d) penghapusan segala bentuk diskriminasi berhubung pengajian dan pekerjaan; dan
  - (e) mewujudkan persekitaran pekerjaan yang sesuai berkaitan gaji minima, waktu bekerja serta keselamatan dan kesihatan pekerjaan.
- (iii) Bagi Malaysia, definisi bagi **“Undang-undang dan peraturan-peraturan”** merujuk kepada Perlembagaan Persekutuan, Akta-Akta Parlimen dan perundangan subsidiari atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta-Akta Parlimen.

Negara Amerika Syarikat, Australia dan Mexico mempunyai definisi masing-masing mengenai “**Undang-undang dan peraturan-peraturan**”.

#### **Artikel 19.2: PERNYATAAN KOMITMEN BERSAMA**

1. Negara-negara TPP memperakui obligasi mereka sebagai anggota ILO, termasuklah obligasi yang dinyatakan dalam Deklarasi ILO berhubung hak-hak pekerja dalam wilayah masing-masing.
2. Negara-negara TPP mengiktiraf, seperti yang dinyatakan dalam perenggan 5 Deklarasi ILO, bahawa standard perburuhan tidak boleh digunakan bagi tujuan perlindungan perdagangan.

#### **Artikel 19.3: HAK BURUH**

1. Setiap negara TPP hendaklah menerima pakai dan mengekalkan dalam undang-undang dan peraturan serta amalan masing-masing berhubung hak-hak yang terkandung dalam Deklarasi ILO seperti berikut:
  - i. kebebasan berserikat dan pengiktirafan hak untuk berunding secara kolektif;
  - ii. penghapusan segala bentuk buruh paksa atau buruh wajib;
  - iii. pemansuhan secara berkesan amalan buruh kanak-kanak, larangan terhadap amalan terburuk buruh kanak-kanak, dan lain-lain perlindungan kepada kanak-kanak dan orang di bawah umur; dan
  - iv. penghapusan segala bentuk diskriminasi berhubung pengajian dan pekerjaan
2. Setiap negara TPP dikehendaki menerima pakai dan mengekalkan hak-hak berhubung persekitaran pekerjaan yang sesuai berkaitan gaji minima, waktu

bekerja serta keselamatan dan kesehatan pekerjaan dalam undang-undang dan peraturan-peraturan serta amalan perburuhan masing-masing.

Nota Kaki: Artikel 19.3

- (i) obligasi yang dinyatakan dalam Artikel ini hanya merujuk kepada Deklarasi ILO;
- (ii) Bagi membuktikan pelanggaran suatu obligasi di bawah Artikel 19.3.1 atau Artikel 19.3.2, suatu pihak hendaklah membuktikan pihak yang satu lagi telah gagal untuk menerima pakai dan mengekalkan undang-undang, peraturan-peraturan atau amalan dalam cara yang menjejaskan perdagangan dan pelaburan antara Pihak-Pihak.
- (iii) Obligasi di Artikel 19.3.2 adalah merujuk kepada penggubalan undang-undang dan peraturan serta amalan berkaitan persekitaran pekerjaan yang sesuai berhubung gaji minima, waktu bekerja dan keselamatan dan kesehatan pekerjaan adalah seperti yang ditetapkan sendiri oleh setiap negara.

#### **Artikel 19.4: PENGURANGAN TAHAP PERLINDUNGAN UNDANG-UNDANG PERBURUHAN**

1. Semua negara TPP mengiktiraf bahawa adalah tidak wajar untuk menggalakkan aktiviti perdagangan atau pelaburan dengan melemahkan atau mengurangkan tahap perlindungan yang ditetapkan dalam undang-undang perburuhan masing-masing iaitu:
  - (i) bagi pelaksanaan Artikel 19.3.1 (Hak Buruh), sekiranya pengecualian atau pengurangan tahap perlindungan itu adalah tidak selari dengan kehendak yang dinyatakan dalam perenggan tersebut; atau



- (ii) bagi pelaksanaan Artikel 19.3.1 atau Artikel 19.3.2 (Hak Buruh), sekiranya pengecualian atau pengurangan tahap perlindungan itu akan melemahkan atau mengurangkan pematuhan terhadap hak-hak dalam Artikel 19.3.1 atau persekitaran pekerjaan yang sesuai dalam Artikel 19.3.2 (Hak Buruh) di kawasan perdagangan khas atau kawasan kastam seperti zon pemrosesan eksport atau zon perdagangan asing,

yang mana menjejaskan perdagangan dan pelaburan antara negara-negara TPP.

### **Artikel 19.5: PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG BURUH**

1. Negara-negara TPP tidak boleh gagal untuk menguatkuasakan undang-undang perburuhan masing-masing sehingga menjejaskan perdagangan dan pelaburan antara negara-negara TPP selepas tarikh kuat kuasanya perjanjian ini.
2. Sekiranya sebuah negara TPP gagal memenuhi obligasi di bawah Bab ini, keputusan yang dibuat oleh negara TPP tersebut mengenai peruntukan sumber penguatkuasaan tidak boleh dijadikan sebagai alasan kepada kegagalan mematuhi obligasi-obligasi dalam Bab ini. Setiap negara TPP mempunyai hak budi bicara yang munasabah dan hak untuk membuat keputusan secara *bona fide* berhubung agihan sumber penguatkuasaan antara aktiviti-aktiviti penguatkuasaan perburuhan bagi hak asas perburuhan dan persekitaran pekerjaan yang sesuai seperti yang dinyatakan dalam Artikel 19.3.1(Hak Buruh) dan Artikel 19.3.2 (Hak Buruh), dengan syarat budi bicara yang diamalkan dan keputusan yang dibuat, adalah berlandaskan kepada obligasi-obligasi di dalam Bab Buruh .
3. Bab Buruh tidak memberi kuasa kepada mana-mana pihak berkuasa sebuah negara TPP untuk melaksanakan aktiviti penguatkuasaan undang-undang perburuhan dalam mana-mana wilayah sebuah negara TPP yang lain.

## **Artikel 19.6: BURUH PAKSA ATAU BURUH WAJIB**

1. Setiap negara TPP mengiktiraf matlamat untuk menghapuskan segala bentuk amalan buruh paksa atau buruh wajib, termasuklah amalan buruh paksa atau wajib kanak-kanak.
2. Memandangkan semua negara TPP telah menerima obligasi itu di bawah Artikel 19.3 (Hak Buruh), setiap negara TPP tidak boleh menggalakkan pengimportan barangan yang dihasilkan secara keseluruhan atau sebahagiannya oleh buruh paksa atau buruh wajib, termasuklah oleh buruh kanak-kanak, dari sumber-sumber lain melalui inisiatif-inisiatif yang difikirkan sesuai oleh setiap negara TPP.

## **Artikel 19.7: TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT**

Setiap negara TPP hendaklah berusaha untuk menggalakkan perusahaan-perusahaan menerima pakai secara sukarela inisiatif-inisiatif tanggungjawab sosial korporat berhubung isu-isu perburuhan yang disokong atau didokong oleh negara TPP tersebut.

## **Artikel 19.8: KESEDARAN AWAM DAN JAMINAN PROSEDUR**

1. Setiap negara TPP haruslah menggalakkan kesedaran awam berhubung undang-undang perburuhannya, termasuk memastikan maklumat berhubung undang-undang, penguatkuasaan dan prosedur pematuhan perburuhan boleh dicapai oleh pihak umum.
2. Setiap negara TPP hendaklah memastikan bahawa sesiapa sahaja yang berkepentingan (di bawah undang-undang) dalam sesuatu perkara diberi akses secukupnya kepada tribunal yang adil dan bebas berhubung penguatkuasaan undang-undang buruh negara TPP tersebut. Tribunal tersebut termasuk tribunal yang ditubuhkan secara pentadbiran, tribunal kuasi-kehakiman, tribunal kehakiman

atau tribunal buruh, sepertimana yang dinyatakan dalam undang-undang setiap negara TPP.

3. Setiap negara TPP juga hendaklah memastikan proses prosiding tentang penguatkuasaan undang-undang buruh dalam tribunal tersebut adalah adil, saksama dan telus; mematuhi proses undang-undang; dan tidak melibatkan yuran atau had masa atau kelewatan yang tidak munasabah. Sebarang pendengaran dalam prosiding hendaklah dibuat secara terbuka kepada orang awam, kecuali sekiranya pentadbiran keadilan memperuntukkan sebaliknya, dan berdasarkan undang-undang yang tertentu.
4. Setiap negara TPP hendaklah memastikan bahawa:
  - (a) pihak-pihak kepada prosiding itu berhak untuk menyokong atau mempertahankan kedudukan masing-masing, termasuk dengan mengemukakan maklumat atau bukti; dan
  - (b) merit keputusan muktamad:
    - i. adalah berdasarkan maklumat atau bukti pihak-pihak yang diberi peluang untuk kesnya didengari;
    - ii. alasan-alasan tuntutan; dan
    - iii. boleh diperoleh secara bertulis oleh pihak-pihak dalam prosiding itu tanpa sebarang kelengahan dan, selari dengan undang-undang, kepada umum.
5. Setiap negara TPP dihendaki memastikan pihak-pihak yang terlibat dalam prosiding mempunyai hak membuat semakan atau rayuan, sebagaimana yang diperuntukkan di bawah undang-undang negara masing-masing.

6. Setiap negara TPP dihendaki memastikan pihak-pihak yang terlibat dalam prosiding mempunyai akses kepada remedi di bawah undang-undang masing-masing berhubung keberkesanan penguatkuasaan ke atas hak-hak mereka sepertimana diperuntukkan oleh undang-undang perburuhan negara berkenaan. Remedi tersebut perlu dilaksanakan mengikut tempoh masa yang sesuai.
7. Setiap negara TPP perlu menyediakan prosedur untuk memastikan keberkesanan penguatkuasaan selepas keputusan akhir prosiding tribunal.
8. Bagi mengelakkan sebarang keraguan dan tanpa menjejaskan sama ada keputusan tribunal adalah bertentangan dengan obligasi sebuah negara TPP dalam Bab ini, Bab ini tidak memperuntukkan supaya tribunal tersebut untuk membuka semula keputusan yang dimuktamadkan berkaitan dengan sesuatu perkara.

#### **Artikel 19.9: PENYERAHAN AWAM**

1. Setiap negara TPP, melalui pegawai perhubungan seperti yang ditetapkan di bawah Artikel 19.13 (Pegawai Perhubungan), hendaklah menerima dan menimbang permintaan bertulis daripada sebarang pihak yang berasal dari mana-mana negara TPP berhubung apa-apa perkara yang berkaitan dengan Bab ini selari dengan prosedur domestik negara berkenaan. Setiap negara TPP hendaklah memastikan prosedur untuk menerima dan menimbang permohonan bertulis tersebut mudah diakses dan boleh dicapai oleh pihak umum.
2. Bagi memastikan sesuatu permintaan bertulis itu layak dipertimbangkan, sebuah negara TPP boleh menggariskan dalam prosedur negara TPP tersebut bahawa permintaan bertulis itu, pada asasnya, perlu mengandungi perkara-perkara berikut:
  - (a) membangkitkan isu yang berkaitan secara langsung dengan Bab ini;

- (b) mengenal pasti secara jelas orang atau organisasi yang membuat permintaan bertulis itu; dan
  - (c) menjelaskan tahap bagaimana dan sejauh mana isu yang dibangkitkan itu memberi kesan ke atas aktiviti perdagangan atau pelaburan antara negara-negara TPP.
3. Setiap negara TPP hendaklah:
- (a) menimbang perkara yang dibangkitkan dalam permintaan bertulis itu dan menyediakan maklum balas mengikut had masa yang telah ditetapkan kepada pihak yang membuat permintaan bertulis itu, termasuk secara bertulis sebaik mungkin; dan
  - (b) memastikan permintaan bertulis dan hasil keputusan yang diberi pertimbangan itu dapat dicapai oleh negara-negara TPP lain dan pihak awam tepat pada masanya yang sesuai.
4. Sebuah negara TPP boleh meminta maklumat tambahan daripada orang atau pihak yang membuat permintaan bertulis itu dalam usaha membuat pertimbangan ke atas isu yang dibangkitkan dalam permintaan bertulis itu.

#### **Artikel 19.10: KERJASAMA**

1. Semua negara TPP mengiktiraf kepentingan aspek kerjasama sebagai satu mekanisme pelaksanaan yang efektif bagi Bab ini, untuk membuka peluang menambah baik standard perburuhan dan untuk meningkatkan lagi komitmen-komitmen bersama berhubung hal berkaitan perburuhan, termasuk kesejahteraan pekerja dan kualiti hidup dan prinsip dan hak-hak sepertimana yang dinyatakan dalam Deklarasi ILO.

2. Semua negara TPP harus berpandukan kepada prinsip-prinsip berikut dalam usaha melaksanakan aktiviti-aktiviti kerjasama:
  - (a) mempertimbangkan keutamaan setiap negara TPP, tahap pembangunan dan kesediaan sumber;
  - (b) penglibatan meluas, dan manfaat bersama kepada negara-negara TPP;
  - (c) kesesuaian aktiviti-aktiviti pembangunan keupayaan dan kapasiti, termasuk bantuan teknikal antara negara-negara TPP bagi menangani isu perlindungan buruh dan aktiviti untuk menggalakkan amalan inovatif di tempat kerja;
  - (d) keberhasilan yang boleh diukur, positif dan bermakna,
  - (e) kecekapan sumber, termasuk melalui penggunaan teknologi, yang bersesuaian, bagi memaksimumkan sumber yang digunakan dalam aktiviti-aktiviti kerjasama;
  - (f) saling melengkapi melalui inisiatif serantau dan pelbagai hala sedia ada untuk menangani isu-isu perburuhan; dan
  - (g) ketelusan dan penyertaan pihak umum.
  
3. Setiap negara TPP hendaklah mendapatkan pandangan dan penyertaan pihak-pihak berkepentingan (mengikut kesesuaian), termasuk wakil pihak pekerja dan majikan, dalam usaha mengenal pasti bentuk kerjasama yang bersesuaian dan seterusnya menjalankan aktiviti kerjasama tersebut. Tertakluk kepada persetujuan negara-negara TPP yang terlibat, aktiviti kerjasama boleh dilaksanakan secara dua hala atau pelbagai hala dan boleh melibatkan organisasi serantau atau organisasi antarabangsa yang relevan, seperti ILO dan negara-negara bukan TPP.

4. Pembiayaan aktiviti-aktiviti kerjasama yang dilaksanakan dalam rangka kerja Bab ini hendaklah diputuskan oleh negara-negara TPP yang terlibat mengikut keadaan tertentu.
5. Selain daripada aktiviti-aktiviti kerjasama yang dinyatakan dalam Artikel ini, negara-negara TPP hendaklah, mengikut kesesuaian, memanfaatkan keahlian masing-masing dalam forum serantau dan pelbagai hala untuk meningkatkan kepentingan bersama dalam usaha menangani isu-isu perburuhan.
6. Bidang-bidang kerjasama yang boleh dilaksanakan oleh negara-negara TPP termasuklah:
  - a) pewujudan peluang pekerjaan dan menggalakkan produktiviti, kualiti kerja, termasuk polisi yang menjurus kepada perkembangan pengkayaan kerja, dan menggalakkan kelestarian keusahawanan dan perniagaan (*enterprises*);
  - b) penciptaan produktiviti, kualiti pekerjaan yang dikaitkan dengan perkembangan kelestarian dan pembangunan kemahiran pekerjaan dalam industri yang kian berkembang, termasuk industri persekitaran;
  - c) amalan tempat kerja yang inovatif untuk menggalakkan kesejahteraan dan perniagaan dan ekonomi yang kompetitif;
  - d) pembangunan modal insan dan peningkatan kebolehpekerjaan termasuk pembelajaran sepanjang hayat, pendidikan berterusan, latihan serta pembangunan dan peningkatan kemahiran;
  - e) keseimbangan kerja dan kehidupan;
  - f) penggalakan kemajuan perniagaan dan produktiviti buruh, terutama dalam industri kecil dan sederhana;

- g) sistem ganjaran;
- h) penggalakan kesedaran dan kepatuhan kepada prinsip-prinsip dan hak-hak sepertimana dinyatakan dalam Deklarasi ILO dan konsep *decent work* mengikut takrifan ILO;
- i) undang-undang perburuhan dan amalan-amalan, termasuk keberkesanan pelaksanaan prinsip-prinsip dan hak-hak sepertimana dinyatakan dalam Deklarasi ILO;
- j) keselamatan dan kesihatan pekerjaan;
- k) pentadbiran perburuhan dan pengadilan, seperti pengukuhan kapasiti, kecekapan dan keberkesanan;
- l) pengumpulan dan penggunaan statistik perburuhan;
- m) pemeriksaan buruh, seperti, meningkatkan mekanisme pematuhan dan penguatkuasaan;
- n) menangani kepelbagaian cabaran dan kepelbagaian peluang, pelbagai peringkat guna tenaga, termasuklah:
  - i. menggalakkan kesamarataan dan penghapusan diskriminasi berhubung penggajian dan pekerjaan pekerja asing, atau dalam aspek umur, ketidakupayaan dan lain-lain ciri-ciri yang tidak berkaitan dengan merit atau syarat-syarat pengajian;
  - ii. menggalakkan kesamarataan, menghapuskan diskriminasi terhadap, dan kepentingan penggajian kepada golongan wanita; dan



- iii. perlindungan ke atas kumpulan pekerja seperti pekerja asing, pekerja yang bergaji rendah dan pekerja sementara.
- o) menangani cabaran perburuhan dan penggajian sewaktu krisis ekonomi, seperti melalui bidang-bidang berkepentingan bersama mengikut *ILO Global Jobs Pact*;
- p) isu keselamatan sosial, sebagai contoh, pampasan pekerja bagi kes-kes melibatkan kecederaan atau bencana kerja, sistem saraan dan skim bantuan pekerjaan;
- q) amalan terbaik perhubungan perburuhan, seperti, menambah baik perhubungan perburuhan termasuk penggalakan amalan terbaik pilihan dalam penyelesaian pertikaian;
- r) dialog sosial, termasuk rundingan *tripartite* dan perkongsian bersama;
- s) bagi perhubungan buruh dalam perniagaan multi-nasional, penggalakan perkongsian maklumat dan dialog berkaitan dengan suasana pekerjaan melibatkan dua (2) atau lebih negara-negara TPP yang mewakili pekerja organisasi bagi setiap pihak;
- t) tanggungjawab sosial korporat; dan
- u) lain-lain bidang kerjasama yang diputuskan oleh negara-negara TPP.

7. Negara-negara TPP boleh melaksanakan bidang-bidang kerjasama di perenggan 6 tersebut melalui:

- (a) bengkel, seminar, dialog, dan forum lain untuk berkongsi pengetahuan, pengalaman dan amalan terbaik, termasuk menggunakan forum *online* dan lain-lain platform perkongsian maklumat ;
- (b) lawatan sambil belajar dan kajian penyelidikan untuk mendokumenkan polisi lawatan dan amalan;
- (c) kolaborasi kajian dan pembangunan berkaitan amalan terbaik dalam bidang berkepentingan bersama;
- (d) pertukaran secara spesifik dari segi kepakaran teknikal dan pembantu, mengikut kesesuaian; dan
- (e) cara-cara lain yang diputuskan oleh negara-negara TPP.

#### **Artikel 19.11: DIALOG KERJASAMA BURUH**

1. Sebuah negara TPP boleh memohon untuk mengadakan dialog dengan sebuah negara TPP yang lain berhubung apa-apa perkara berhubung Bab ini pada bila-bila masa dengan menghantar permintaan bertulis kepada Pegawai Perhubungan negara TPP yang lain sepertimana yang telah ditetapkan di bawah Artikel 19.13 (Pegawai Perhubungan).
2. Negara yang menuntut hendaklah mengemukakan maklumat khusus dan mencukupi (termasuk mengenal pasti perkara yang menjadi isu, asas permintaan di bawah Bab ini dan, apabila relevan, bagaimana perdagangan atau pelaburan antara negara-negara TPP itu terjejas) bagi membolehkan negara yang menerima permintaan bertulis itu memberi maklum balas.
3. Dialog tersebut harus dimulakan dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh penerimaan permintaan bertulis tersebut, kecuali sekiranya negara yang menuntut

dan negara yang menerima (negara-negara yang berdialog) memutuskan sebaliknya. Negara-negara yang berdialog hendaklah berdialog secara suci hati dan hendaklah menyediakan mekanisme untuk menerima dan menimbang pandangan orang-orang yang berkepentingan berhubung perkara yang dibangkitkan.

4. Dialog boleh diadakan secara bersemuka atau melalui teknologi sedia ada di negara-negara yang berdialog.
5. Negara-negara yang berdialog hendaklah menangani semua isu yang dibangkitkan dalam permintaan bertulis itu. Sekiranya negara-negara berdialog dapat menyelesaikan perkara berbangkit tersebut, hasil dialog tersebut (termasuk langkah-langkah spesifik dan garis masa yang telah dipersetujui) hendaklah didokumentasikan oleh negara-negara berdialog tersebut. Negara-negara yang berdialog hendaklah mengumumkan hasil dialog tersebut kepada pihak awam, kecuali sekiranya mereka memutuskan sebaliknya.
6. Dalam usaha mencapai hasil dalam perenggan 5, negara-negara yang berdialog harus menimbang semua pilihan yang ada dan boleh membuat keputusan secara bersama berhubung langkah-langkah yang anggap sesuai, termasuk:
  - (a) pembangunan dan pelaksanaan pelan tindakan dalam apa-apa bentuk bersesuaian, yang boleh termasuk langkah-langkah spesifik seperti pemeriksaan perburuhan, penyiasatan atau tindakan pematuhan, dan had masa yang sesuai;
  - (b) pengesahan bebas berhubung kepatuhan atau pelaksanaan oleh individu atau entiti-entiti, seperti ILO, yang dipilih oleh negara-negara yang berdialog; dan

- (c) insentif yang sesuai, seperti program-program kerjasama dan pembangunan kapasiti untuk menggalakkan atau membantu negara-negara yang berdialog mengenal pasti dan menangani isu-isu perburuhan.

#### **Artikel 19.12: MAJLIS BURUH**

1. Semua negara TPP perlu mewujudkan satu Majlis Buruh (Majlis) yang dianggotai oleh wakil-wakil Kerajaan di peringkat Menteri atau peringkat lain yang bersesuaian, seperti yang ditetapkan oleh setiap negara TPP.
2. Majlis tersebut hendaklah bermesyuarat dalam tempoh satu (1) tahun dari tarikh berkuat kuasanya Perjanjian ini. Lanjutan itu, Majlis hendaklah bermesyuarat setiap dua (2) tahun sekali, kecuali sekiranya diputuskan sebaliknya oleh negara-negara TPP.
3. Majlis tersebut hendaklah:
  - (a) menimbang perkara-perkara yang berkaitan dengan Bab ini;
  - (b) menubuh dan menyemak keutamaan-keutamaan bagi membimbing keputusan negara-negara TPP berhubung aktiviti kerjasama perburuhan dan pembangunan kapasiti yang dilaksanakan mengikut Bab ini, dengan mengambil kira prinsip-prinsip dalam Artikel 19.10.2 (Kerjasama);
  - (c) bersetuju mengenai program kerja umum mengikut keutamaan yang dinyatakan di bawah sub-perenggan (b);
  - (d) memantau dan menilai program kerja umum;
  - (e) mengkaji laporan-laporan daripada Pegawai Perhubungan yang ditetapkan di bawah Artikel 19.13(Pegawai Perhubungan);

- (f) membincangkan perkara-perkara yang mempunyai kepentingan bersama;
  - (g) menyelaraskan penyertaan pihak umum dan program kesedaran berhubung pelaksanaan Bab ini; dan
  - (h) melaksanakan fungsi-fungsi lain yang boleh ditetapkan oleh negara-negara TPP.
4. Dalam tahun kelima selepas tarikh berkuat kuasanya Perjanjian ini, atau seperti mana yang diputuskan berlainan oleh negara-negara TPP, Majlis ini hendaklah mengkaji semula pelaksanaan Bab ini bertujuan untuk memastikan keberkesanan pengoperasian dan melaporkan sebarang penemuan dan cadangan-cadangan kepada Suruhanjaya.
  5. Majlis boleh menjalankan kajian seterusnya seperti mana yang dipersetujui oleh negara-negara TPP.
  6. Majlis ini hendaklah dipengerusikan oleh setiap negara TPP secara bergilir-gilir.
  7. Semua keputusan dan laporan Majlis ini hendaklah dibuat secara persetujuan bersama dan boleh dicapai oleh pihak awam, kecuali sekiranya Majlis memutuskan sebaliknya.
  8. Majlis hendaklah bersetuju ke atas Laporan Ringkas Bersama berhubung hasil kerjanya pada akhir setiap mesyuarat Majlis.
  9. Negara-negara TPP hendaklah, mengikut kesesuaian, berhubung dengan organisasi serantau dan organisasi antarabangsa yang berkaitan, seperti ILO dan APEC, tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan Bab ini. Majlis boleh meminta untuk melaksanakan cadangan bersama atau bekerjasama dengan organisasi- organisasi tersebut atau dengan negara-negara bukan TPP.

## **Artikel 19.13: PEGAWAI PERHUBUNGAN**

1. Setiap negara TPP hendaklah melantik suatu pejabat atau pegawai dalam Kementerian Buruh atau entiti yang setaraf sebagai Pegawai Perhubungan untuk menangani perkara-perkara yang berkaitan dengan Bab ini dalam tempoh sembilan puluh (90) hari dari tarikh berkuat kuasanya Perjanjian ini. Setiap negara TPP hendaklah memaklumkan negara-negara TPP yang lain dengan segera sekiranya terdapat perubahan kepada Pegawai perhubungan baru yang telah dilantik.
  
2. Pegawai Perhubungan itu hendaklah:
  - (a) menyelaras komunikasi dan koordinasi berkala antara negara-negara TPP;
  - (b) membantu Majlis;
  - (c) memberi laporan kepada Majlis (sekiranya perlu);
  - (d) bertindak sebagai saluran komunikasi dengan pihak awam di wilayah masing-masing; dan
  - (e) bekerja bersama-sama, termasuk dengan agensi-agensi Kerajaan mereka yang bersesuaian, untuk membangun dan melaksanakan aktiviti-aktiviti kerjasama, yang dikenal pasti dalam Artikel 19.10.6 (Kerjasama) selaras dengan keutamaan-keutamaan yang ditetapkan oleh Majlis dan selaras dengan keperluan negara-negara TPP.
  
3. Pegawai Perhubungan boleh membangunkan dan melaksanakan aktiviti kerjasama yang spesifik secara dua hala atau pelbagai hala.
  
4. Pegawai Perhubungan boleh berkomunikasi dan menyelaras aktiviti-aktiviti secara bersemuka atau melalui alat elektronik atau saluran komunikasi lain.

#### **Artikel 19.14: LIBAT URUS AWAM**

1. Semasa menjalankan aktiviti-aktiviti Majlis, termasuk mesyuarat, Majlis hendaklah menyediakan satu saluran untuk menerima dan menimbang pandangan orang-orang yang berkepentingan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengan Bab ini.
2. Setiap negara TPP hendaklah menubuhkan atau mengekalkan, dan berunding, dengan satu badan perundingan buruh kebangsaan atau badan penasihat atau mekanisme yang serupa, bagi membolehkan pihak awam, termasuk wakil-wakil pertubuhan buruh dan perniagaan, memberi pandangan ke atas perkara-perkara yang berkaitan Bab ini.

#### **Artikel 19.15: RUNDINGAN BURUH**

1. Negara-negara TPP hendaklah berusaha sedaya upaya, melalui bentuk kerjasama dan perundingan, untuk menyelesaikan apa-apa perkara yang berbangkit di bawah Bab ini.
2. Sebuah negara TPP (negara yang menuntut) boleh, pada bila-bila masa, meminta supaya rundingan buruh diadakan dengan sebuah negara TPP yang lain (negara yang dituntut) berhubung apa-apa perkara di bawah Bab ini dengan mengemukakan permintaan bertulis kepada Pegawai Perhubungan daripada negara yang dituntut itu. Negara yang menuntut itu hendaklah menyenaraikan maklumat khusus dan mencukupi (termasuk mengenal pasti perkara yang menjadi isu dan menunjukkan asas perundangan bagi permintaan bertulis itu di bawah Bab ini) bagi membolehkan negara yang dituntut tersebut memberi maklum balas. Negara yang menuntut hendaklah mengedarkan permintaan bertulis itu kepada negara-negara TPP yang lain melalui Pegawai Perhubungan masing-masing..
3. Negara yang dituntut hendaklah, kecuali jika dipersetujui sebaliknya dengan negara yang menuntut membalas permintaan bertulis itu selewat-lewatnya dalam tempoh

tujuh (7) hari selepas menerima permintaan bertulis tersebut. Negara yang dituntut itu hendaklah mengedarkan maklum balasnya kepada negara-negara TPP lain dan menyertai rundingan buruh itu dengan suci hati .

4. Sebuah negara TPP lain, selain daripada negara yang menuntut dan dituntut (negara-negara yang berunding), yang beranggapan bahawa ia mempunyai kepentingan dalam perkara yang telah dibangkitkan boleh mengambil bahagian dalam proses rundingan buruh ini dengan menyerahkan notis bertulis kepada negara-negara TPP lain dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh permintaan bertulis diedarkan oleh negara yang menuntut rundingan buruh tersebut. Negara tersebut harus menjelaskan kepentingannya dalam perkara yang dibangkitkan dalam notisnya.
5. Negara-negara tersebut hendaklah memulakan rundingan buruh dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas tarikh penerimaan permintaan bertulis itu oleh negara yang dituntut.
6. Dalam rundingan buruh:
  - (a) setiap negara yang berunding hendaklah menyediakan maklumat yang mencukupi bagi membolehkan pemeriksaan sepenuhnya ke atas perkara yang dibangkitkan; dan
  - (b) sebarang maklumat sulit yang disalurkan oleh negara yang berunding hendaklah dihormati dengan taraf yang sama seperti mana yang dilakukan oleh negara yang menyalurkan maklumat tersebut.
7. Rundingan buruh boleh diadakan secara bersemuka atau melalui kaedah teknologi tersedia ada untuk negara-negara yang berunding. Sekiranya rundingan itu diadakan secara bersemuka, ia hendaklah diadakan di ibu negara yang dituntut, kecuali sekiranya negara-negara yang berunding bersetuju sebaliknya.



8. Negara-negara yang berunding harus berusaha untuk mencapai satu kata sepakat melalui rundingan buruh di bawah Artikel ini, dengan mengambil kira peluang untuk mengadakan kerjasama yang berkaitan dalam perkara tersebut. Negara-negara yang berunding boleh meminta nasihat daripada pakar bebas atau pakar yang dipilih oleh negara-negara berunding untuk membantu mereka. Negara-negara yang berunding boleh menyelesaikan masalah melalui tatacara seperti pendamaian atau mediasi.
9. Sebuah negara yang terlibat dalam rundingan boleh meminta negara lain turut terlibat dalam rundingan itu supaya pegawai-pegawai yang berkepakaran (dalam perkara yang dibangkitkan) daripada agensi-agensi kerajaan atau badan-badan kawal selia daripada negara itu untuk turut terlibat dalam proses rundingan buruh.
10. Sekiranya negara-negara yang berunding gagal menyelesaikan perkara yang dibangkitkan, mana-mana negara yang terlibat dalam rundingan itu boleh meminta wakil-wakil Majlis Buruh daripada negara-negara yang terlibat untuk mempertimbangkan perkara tersebut dengan menyerahkan permintaan bertulis kepada Pegawai Perhubungan negara lain berkenaan. Negara yang membuat permintaan bertulis itu hendaklah memaklumkan kepada negara-negara lain akan permohonan bertulis itu melalui Pegawai Perhubungan. Wakil-wakil Majlis Buruh daripada negara-negara yang berunding harus mengadakan rundingan dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas tarikh penerimaan permintaan bertulis itu, kecuali sekiranya dipersetujui sebaliknya, dan hendaklah berusaha untuk menyelesaikan perkara itu dan sekiranya perlu, berunding dengan pakar bebas dan menyelesaikan masalah melalui tatacara pendamaian atau mediasi .
11. Sekiranya negara-negara yang berunding dapat menyelesaikan perkara itu, sebarang hasil rundingan itu hendaklah didokumentasikan (termasuk langkah-langkah khusus dan garis masa yang dipersetujui). Negara-negara yang berunding hendaklah memastikan bahawa hasil rundingan itu boleh dicapai oleh negara-negara TPP lain dan oleh pihak awam (kecuali sekiranya dipersetujui sebaliknya).

12. Sekiranya negara-negara yang berunding gagal menyelesaikan perkara tersebut dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh penerimaan permintaan bertulis di bawah perenggan 2, negara yang menuntut boleh meminta supaya panel di bawah Artikel 28.7 (Penubuhan Panel) ditubuhkan dan, sepertimana yang diperuntukkan dalam Bab 28 (Penyelesaian Pertikaian), mengguna pakai peruntukan-peruntukan dalam Bab tersebut.
13. Negara-negara TPP hendaklah menyelesaikan pertikaian yang berbangkit di bawah Bab ini dengan menggunakan mekanisme yang diperuntukkan dalam Artikel ini terlebih dahulu sebelum membuat sebarang tuntutan di bawah Bab 28 (Penyelesaian Pertikaian)
14. Sebuah negara TPP boleh membuat rundingan buruh di bawah Artikel ini tanpa menjejaskan kepada permulaan atau penerusan dialog kerjasama buruh di bawah Artikel 19.11 (Dialog Kerjasama Buruh).
15. Rundingan buruh hendaklah dilaksanakan secara sulit dan tanpa menjejaskan hak mana-mana negara TPP dalam sebarang prosiding lain.

## **BAB 20 ALAM SEKITAR**

### **ARTIKEL DAN KOMITMEN**

#### **Definisi**

Untuk mendapatkan kesefahaman atau pentafsiran yang sama berkenaan dengan maksud dan penggunaan beberapa istilah yang digunakan dalam teks.

Malaysia telah menghadkan skop undang-undang alam sekitar kepada undang-undang yang digubal di Parlimen dan hanya dikuatkuasakan pada peringkat Persekutuan sahaja. Undang-undang Negeri adalah tidak tertakluk kepada bab ini.

#### **Komitmen Umum**

Artikel ini menerangkan mengenai komitmen umum yang seharusnya diambil kira oleh Kerajaan. Ia adalah mengenai penguatkuasaan undang-undang secara efektif dan tidak mengurangkan perlindungan terhadap alam sekitar dengan memberikan pengecualian atau pelepasan dengan tujuan menggalakkan pelaburan atau perdagangan.

#### **Perikanan Laut**

Artikel ini adalah untuk menangani masalah penangkapan ikan secara berlebihan dan kegunaan tidak mapan sumber perikanan.

#### **Pencerobohan Spesies Asing**

Bab ini akan membincangkan mengenai kesan pencerobohan spesies asing kehidupan daratan dan akuatik.

#### **Penglibatan Awam**

Artikel ini adalah untuk membenarkan mana-mana pihak/individu untuk mendapatkan maklumat berkenaan dengan pelaksanaan bab ini.

### ***Public Submission***

Bab ini adalah untuk membenarkan orang ramai memberikan pandangan, komen atau aduan kepada kerajaan mengenai pelaksanaan bab ini.

### **Tanggungjawab Sosial Korporat**

Artikel ini adalah mengenai komitmen setiap negara anggota TPP untuk mempromosikan Tanggungjawab Sosial Korporat kepada semua entiti yang beroperasi di dalam negara berkenaan.

### **Mekanisme Pasaran Secara Sukarela**

Artikel ini adalah berkenaan dengan komitmen setiap negara anggota TPP untuk menggalakkan penggunaan Mekanisme Pasaran Secara Sukarela oleh pihak berkuasa yang berkaitan, perniagaan atau organisasi perniagaan dan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

### **Rangka Kerja Kerjasama**

Artikel ini adalah untuk menyediakan rangka kerja kerjasama antara semua anggota negara TPP.

### **Perjanjian Pelbagai Hala Alam Sekitar (*Multilateral Environmental Agreements – MEAs*)**

Artikel ini menerangkan hubungan antara Perjanjian Perdagangan Bebas dengan MEAs dan kewajiban semua pihak untuk memenuhi komitmen antarabangsa yang telah dipersetujui melalui MEAs. Terdapat tiga (3) MEAs yang telah dikenal pasti untuk dimasukkan ke dalam bab ini iaitu CITES, MARPOL dan *Montreal Protocol*.

### **Mekanisme Penyelesaian Pertikaian (*Dispute Settlement Mechanism - DSM*)**

Artikel ini menerangkan prosedur untuk memulakan proses DSM bagi menyelesaikan sebarang pertikaian atau isu yang timbul antara pihak yang terlibat. Bab alam sekitar ini adalah tertakluk kepada DSM yang berasaskan sekatan dan penalti.

### **Biodiversiti dan Perdagangan**

Artikel ini adalah berkenaan dengan kewajipan semua Pihak untuk memelihara serta memastikan penggunaan secara mampan sumber-sumber genetik.

### **Peralihan kepada Ekonomi yang Berdaya Tahan serta Penggunaan Karbon yang Rendah**

Artikel ini adalah untuk menangani isu perubahan iklim dalam pendekatan kerjasama dengan fokus terhadap peralihan masyarakat kepada penggunaan karbon yang rendah.

### **Konservasi**

Artikel ini adalah untuk menangani isu berkenaan dengan perdagangan haram kehidupan liar flora dan fauna.

### **Barangan dan Perkhidmatan Alam Sekitar (*Environmental Goods and Services – EGS*)**

Artikel ini adalah berkenaan dengan kewajipan bagi setiap Pihak untuk menghapuskan tarif dan mempromosikan penggunaan barangan EGS.

## **BAB 21      KERJASAMA DAN BINA UPAYA**

### **Artikel 21.1: Peruntukan Am**

1. Negara-negara TPP mengakui kepentingan aktiviti kerjasama dan pembinaan keupayaan serta keperluan untuk menjalankan dan mengukuhkan aktiviti-aktiviti ini dalam melaksanakan Perjanjian ini dengan tujuan untuk mempercepatkan pertumbuhan dan pembangunan ekonomi.
  
2. Negara-negara TPP juga mengiktiraf bahawa aktiviti kerjasama dan pembinaan keupayaan boleh dilaksanakan antara dua pihak atau lebih, atas dasar yang dipersetujui bersama, di samping berusaha untuk membina perjanjian atau perkiraan sedia ada di antara mereka.
  
3. Negara-negara TPP juga menyedari bahawa penglibatan sektor swasta adalah penting dalam aktiviti-aktiviti ini, dan bahawa Perusahaan Kecil dan Sederhana mungkin memerlukan bantuan untuk mengambil bahagian dalam pasaran global.

### **Artikel 21.2: Bidang-Bidang Kerjasama dan Bina Upaya**

1. Negara-negara TPP boleh menjalankan dan mengukuhkan aktiviti kerjasama dan pembinaan keupayaan untuk membantu dalam:
  - (a) melaksanakan peruntukan-peruntukan Perjanjian ini;
  
  - (b) meningkatkan keupayaan setiap negara TPP untuk mengambil kesempatan daripada peluang-peluang ekonomi yang diwujudkan oleh Perjanjian ini;  
dan

- (c) menggalakkan dan memudahkan perdagangan dan pelaburan negara-negara TPP.
2. Kerjasama dan pembinaan kapasiti aktiviti mungkin meliputi, tetapi tidak terhad kepada, perkara-perkara berikut:
- (a) sektor pertanian, industri dan perkhidmatan;
  - (b) menggalakkan pendidikan, kebudayaan dan kesaksamaan gender; dan
  - (c) Pengurusan risiko bencana.
3. Negara-negara TPP mengiktiraf bahawa teknologi dan inovasi memberi nilai tambah kepada aktiviti kerjasama dan pembinaan kapasiti, dan ianya boleh dimasukkan di bawah aktiviti-aktiviti kerjasama dan pembinaan keupayaan di bawah Artikel ini.
4. Negara-negara TPP boleh menjalankan aktiviti-aktiviti kerjasama dan pembinaan keupayaan melalui kaedah seperti: dialog, bengkel, seminar, persidangan, program dan projek kerjasama; bantuan teknikal untuk menggalakkan dan memudahkan pembangunan kapasiti dan latihan; perkongsian amalan terbaik mengenai dasar dan prosedur; dan pertukaran pakar-pakar, maklumat dan teknologi.

### **Artikel 21.3: Pegawai Untuk dihubungi bagi Kerjasama dan Bina Upaya**

1. Tiap-tiap negara TPP hendaklah menetapkan dan memaklumkan mengenai Pegawai untuk dihubungi mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan penyelarasan aktiviti kerjasama dan pembinaan keupayaan mengikut Artikel 27.5 (Pusat Rujukan).
2. Mana-mana negara TPP boleh membuat permintaan untuk mengadakan aktiviti kerjasama dan pembinaan keupayaan yang berkaitan dengan Perjanjian ini kepada Pihak yang satu lagi atau negara-negara TPP melalui Pegawai berkenaan.

#### **Artikel 21.4: Jawatankuasa bagi Kerjasama dan Bina Upaya**

1. Negara-negara TPP dengan ini menubuhkan Jawatankuasa bagi Kerjasama dan Pembangunan Kapasiti (Jawatankuasa), yang terdiri daripada wakil-wakil kerajaan setiap Negara TPP.
  
2. Jawatankuasa hendaklah:
  - (a) membantu dalam pertukaran maklumat antara negara-negara TPP termasuk dalam mengenai pengalaman dan pengajaran yang diperoleh melalui kerjasama dan pembinaan keupayaan aktiviti yang dijalankan antara negara-negara TPP;
  - (b) membincangkan dan mempertimbangkan isu-isu atau cadangan untuk aktiviti kerjasama dan pembinaan keupayaan di masa hadapan;
  - (c) memulakan dan menjalankan kerjasama untuk meningkatkan penyelarasan dan memudahkan institusi penyumbang, perkongsian awam-swasta dalam aktiviti kerjasama dan pembinaan kapasiti;
  - (d) menjemput institusi penyumbang antarabangsa, entiti sektor swasta, pertubuhan bukan kerajaan atau institusi lain yang berkaitan, mengikut kesesuaian, untuk membantu dalam pembangunan dan pelaksanaan aktiviti kerjasama dan pembinaan kapasiti;
  - (e) menubuhkan kumpulan kerja ad hoc mengikut keperluan, merangkumi wakil-wakil kerajaan, wakil-wakil bukan kerajaan atau kedua-duanya;
  - (f) menyelaraskan dengan jawatankuasa, kumpulan kerja dan mana-mana kumpulan yang ditubuhkan di bawah Perjanjian, mengikut keperluan, untuk



menyokong pembangunan dan pelaksanaan aktiviti kerjasama dan pembinaan kapasiti;

- (g) mengkaji semula pelaksanaan atau pengendalian Bab ini; dan
- (h) melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti lain yang Pihak-pihak boleh membuat keputusan.

3. Jawatankuasa ini akan bermesyuarat dalam tempoh satu tahun dari tarikh permulaan kuat kuasa Perjanjian ini, dan selepas itu perlu.

4. Jawatankuasa hendaklah mengemukakan minit mesyuarat yang dipersetujui termasuk keputusan dan langkah-langkah yang akan datang, mengikut kesesuaian kepada Suruhanjaya TPP.

#### **Artikel 21.5: Sumber**

Menyedari tahap pembangunan negara-negara TPP yang berbeza, negara-negara TPP hendaklah berusaha untuk menyediakan kewangan yang sesuai atau sumber barangan bagi kerjasama dan pembinaan keupayaan aktiviti yang dijalankan di bawah Bab ini, tertakluk kepada kesediaan sumber dan keupayaan negara-negara TPP yang berbeza bagi mencapai matlamat Bab ini.

#### **Artikel 21.6: Bab ini tidak Tertakluk kepada Penyelesaian Pertikaian**

Peruntukan berkenaan penyelesaian pertikaian tidak terpakai kepada bab ini.

## **BAB 22      PERSAINGAN DAN FASILITASI PERNIAGAAN**

### **Artikel 22.1: Definisi**

Bagi maksud Bab ini :

Rantai bekalan bermaksud rangkaian rentas sempadan perusahaan yang beroperasi bersama-sama sebagai satu sistem bersepadu untuk mereka bentuk, membangun, menghasilkan, memasarkan, mengedar, pengangkutan, dan menghantar produk dan perkhidmatan kepada pelanggan.

### **Artikel 22.2: Jawatankuasa mengenai Persaingan dan Fasilitasi Perniagaan**

1. Negara-negara TPP mengiktiraf bahawa, dalam usaha untuk meningkatkan daya saing ekonomi domestik, serantau dan global mereka, dan untuk menggalakkan integrasi dan pembangunan ekonomi dalam kawasan perdagangan bebas, persekitaran perniagaan mereka perlu responsif kepada perkembangan pasaran.
2. Oleh itu, Negara-negara TPP dengan ini menubuhkan Jawatankuasa Daya Saing dan Memudahkan Perniagaan (Jawatankuasa), yang terdiri daripada wakil-wakil kerajaan setiap Negara TPP.
3. Jawatankuasa hendaklah:
  - (a) membincangkan pendekatan yang berkesan dan membangunkan aktiviti-aktiviti perkongsian maklumat untuk menyokong usaha-usaha untuk mewujudkan persekitaran kompetitif yang kondusif untuk penubuhan perniagaan, memudahkan perdagangan dan pelaburan antara Negara-negara TPP, dan menggalakkan integrasi ekonomi dan pembangunan di dalam kawasan perdagangan bebas;

- (b) meneroka cara-cara untuk mengambil kesempatan daripada peluang-peluang perdagangan dan pelaburan yang diwujudkan di bawah Perjanjian ini;
- (c) memberi nasihat dan cadangan kepada Suruhanjaya mengenai cara-cara untuk meningkatkan lagi daya saing ekonomi Negara-negara TPP, termasuk cadangan yang bertujuan untuk meningkatkan penyertaan PKS dalam rantaian bekalan serantau;
- (d) meneroka cara-cara untuk menggalakkan pembangunan dan pengukuhan rantaian bekalan dalam kawasan perdagangan bebas mengikut Perkara 22.3 (Rangkaian Bekalan); dan
- (e) menyertai dalam aktiviti-aktiviti lain yang diputuskan oleh Negara-negara TPP.

4. Jawatankuasa ini akan bermesyuarat dalam tempoh satu tahun dari tarikh Perjanjian ini berkuat kuasa, dan apabila perlu selepas itu.

5. Dalam melaksanakan fungsinya, Jawatankuasa boleh bekerjasama dengan jawatankuasa, kumpulan kerja dan mana-mana kumpulan lain yang ditubuhkan di bawah Perjanjian ini. Jawatankuasa juga boleh mendapatkan nasihat daripada, dan mempertimbangkan kerja-kerja, oleh pakar-pakar yang sesuai, seperti institusi penyumbang antarabangsa, syarikat dan organisasi bukan kerajaan.

### **Artikel 22.3: Rantaian Bekalan**

1. Jawatankuasa hendaklah meneroka cara-cara di mana Perjanjian ini boleh dilaksanakan bagi menggalakkan pembangunan dan pengukuhan rantaian bekalan dalam usaha untuk mengintegrasikan pengeluaran, memudahkan perdagangan dan mengurangkan kos menjalankan perniagaan dalam kawasan perdagangan bebas.

2. Jawatankuasa hendaklah membangunkan cadangan dan mempromosikan seminar, bengkel atau aktiviti-aktiviti pembangunan keupayaan dengan pakar-pakar yang sesuai, termasuk sektor swasta dan organisasi penyumbang antarabangsa, untuk membantu penyertaan PKS dalam rantai bekalan di kawasan perdagangan bebas.
3. Jawatankuasa hendaklah, mengikut kesesuaian, bekerjasama dengan jawatankuasa, kumpulan kerja dan mana-mana kumpulan yang ditubuhkan di bawah Perjanjian ini, termasuk melalui mesyuarat bersama, untuk mengenal pasti dan membincangkan langkah-langkah yang memberi kesan kepada pembangunan dan pengukuhan rantai bekalan. Jawatankuasa hendaklah memastikan bahawa ia tidak bertindih dengan aktiviti-aktiviti badan-badan lain.
4. Jawatankuasa hendaklah mengenal pasti dan meneroka amalan terbaik dan pengalaman yang berkaitan dengan pembangunan dan pengukuhan rantai bekalan antara Negara-negara TPP.
5. Jawatankuasa hendaklah memulakan kajian semula mengenai sejauh mana Perjanjian ini telah memudahkan perkembangan, pengukuhan dan operasi rantai bekalan di kawasan perdagangan bebas pada tahun yang keempat selepas tarikh Perjanjian ini berkuat kuasa. Jawatankuasa ini akan menjalankan kajian lanjut setiap lima tahun selepas itu, kecuali terdapat keputusan lain oleh Jawatankuasa.
6. Dalam menjalankan kajian semula, Jawatankuasa hendaklah menimbang pandangan orang yang berkepentingan sebagaimana Negara TPP telah terima mengikut Artikel 22.4 (Penglibatan dengan orang yang berkepentingan) dan diberikan kepada Jawatankuasa.
7. Jawatankuasa hendaklah mengemukakan laporan kepada Suruhanjaya mengenai penemuan dan cadangan cara-cara di mana Negara-negara TPP boleh menggalakkan dan mengukuhkan pembangunan rantai bekalan di kawasan perdagangan bebas tidak lewat daripada dua tahun selepas kajian semula di bawah

perenggan 5 dimulakan. Laporan tersebut kemudiannya perlu dikeluarkan kepada pihak awam kecuali Suruhanjaya memutuskan selain daripada itu.

#### **Artikel 22.4: Penglibatan dengan Orang yang Berkepentingan**

Jawatankuasa hendaklah mewujudkan mekanisme yang sesuai untuk memberi peluang berterusan kepada orang yang berkepentingan dari Negara-negara TPP untuk memberi input mengenai perkara-perkara yang berkaitan dalam meningkatkan daya saing dan memudahcara perniagaan.

#### **Artikel 22.5: Bab ini tidak Tertakluk kepada Penyelesaian Pertikaian**

Peruntukan berkenaan penyelesaian pertikaian tidak terpakai kepada bab ini.

## **BAB 23 PEMBANGUNAN**

### **Artikel 23.1: Peruntukan Am**

1Negara-negara TPP mengesahkan komitmen mereka untuk mempromosikan dan mengukuhkan persekitaran perdagangan dan pelaburan yang terbuka yang bertujuan untuk meningkatkan kesejahteraan, mengurangkan kemiskinan, meningkatkan taraf hidup dan mewujudkan peluang pekerjaan baru dalam menyokong pembangunan.

Negara-negara TPP mengakui akan kepentingan pembangunan dalam menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang inklusif, dan juga peranan penting perdagangan dan pelaburan dalam menyumbang kepada pembangunan ekonomi dan kemakmuran. Pertumbuhan ekonomi yang inklusif, meliputi pengagihan manfaat pertumbuhan ekonomi yang lebih luas melalui pengembangan perniagaan dan industri, peluang pekerjaan, dan pembasmian kemiskinan.

Negara-negara TPP mengakui bahawa pertumbuhan ekonomi dan pembangunan menyumbang kepada pencapaian objektif Perjanjian ini dalam menggalakkan integrasi ekonomi serantau.

Negara-negara TPP juga mengakui bahawa penyelarasan domestik yang berkesan mengenai dasar-dasar perdagangan, pelaburan dan pembangunan boleh menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi yang mampan.

Negara-negara TPP mengiktiraf potensi aktiviti yang dijalankan secara bersama untuk pembangunan antara Negara-negara TPP dalam mengukuhkan usaha-usaha untuk mencapai matlamat pembangunan mampan.

Negara-negara TPP juga menyedari bahawa aktiviti yang dijalankan di bawah Bab 21 (Kerjasama dan Bina Upaya) adalah satu komponen penting dalam aktiviti yang dijalankan secara bersama untuk pembangunan.

### **Artikel 23.2: Menggalakkan Pembangunan**

Negara-negara TPP mengakui akan kepentingan kepimpinan setiap Negara TPP dalam melaksanakan dasar-dasar pembangunan, termasuk dasar-dasar yang dibuat untuk rakyatnya dalam memaksimumkan penggunaan peluang yang diwujudkan oleh Perjanjian ini.

Negara-negara TPP mengakui bahawa Perjanjian ini telah mengambil kira tahap pembangunan ekonomi Negara-negara TPP yang berbeza, termasuk melalui peruntukan yang menyokong dan membolehkan pencapaian matlamat pembangunan negara.

Negara-negara TPP juga mengiktiraf bahawa ketelusan, tadbir urus yang baik dan akauntabiliti menyumbang kepada keberkesanan dasar pembangunan.

### **Artikel 23.3: Pertumbuhan Ekonomi yang Luas**

Negara-negara TPP mengakui bahawa pertumbuhan ekonomi yang mempunyai asas yang kukuh akan mengurangkan kemiskinan, membolehkan pelaksanaan perkhidmatan asas yang berterusan, dan meluaskan peluang kepada rakyat untuk menikmati kehidupan yang sihat dan produktif.

Negara-negara TPP mengiktiraf bahawa pertumbuhan ekonomi yang mempunyai asas yang kukuh menggalakkan keamanan, kestabilan, institusi demokrasi, peluang pelaburan yang menarik, dan keberkesanan dalam menangani cabaran serantau dan global.

Negara-negara TPP juga mengiktiraf bahawa penjanaaan pertumbuhan ekonomi yang mempunyai asas yang kukuh memerlukan komitmen berterusan di peringkat tertinggi Kerajaan Negara-negara TPP untuk mentadbir dengan berkesan dan cekap institusi awam, melabur dalam infrastruktur awam, kebajikan, sistem kesihatan dan pendidikan, mempromosi keusahawanan serta akses kepada peluang ekonomi.

Negara-negara TPP boleh meningkatkan pertumbuhan ekonomi yang mempunyai asas yang kukuh melalui dasar-dasar yang memanfaatkan peluang-peluang perdagangan dan pelaburan yang diwujudkan oleh Perjanjian ini yang boleh menyumbang kepada, antara lain, pembangunan mampan dan pengurangan kemiskinan. Dasar-dasar ini boleh merangkumi perkara-pekerja yang berkaitan dengan promosi pendekatan berasaskan pasaran yang bertujuan untuk meningkatkan iklim perdagangan dan akses kepada bantuan kewangan bagi kawasan atau penduduk dan PKS yang memerlukan.

#### **Artikel 23.4: Wanita dan Pertumbuhan Ekonomi**

Negara-negara TPP mengiktiraf bahawa meningkatkan peluang di negara mereka untuk wanita, termasuk pekerja dan pemilik perniagaan, untuk mengambil bahagian dalam ekonomi domestik dan global menyumbang kepada pembangunan ekonomi. Negara-negara TPP juga mengiktiraf manfaat untuk berkongsi pengalaman mereka dalam melaksana dan mengukuhkan program bagi menggalakkan penyertaan ini.

Oleh itu, Negara-negara TPP hendaklah menimbangkan untuk menjalankan aktiviti kerjasama yang bertujuan untuk meningkatkan keupayaan wanita, termasuk pekerja dan pemilik perniagaan, untuk mengakses dan mendapat manfaat sepenuhnya daripada peluang yang diwujudkan oleh Perjanjian ini. Aktiviti-aktiviti ini termasuklah memberikan nasihat atau latihan, seperti melalui pertukaran pegawai-pegawai, dan pertukaran maklumat dan pengalaman mengenai:



- (a) program yang bertujuan untuk membantu wanita membina kemahiran dan keupayaan, dan meningkatkan akses kepada pasaran, teknologi dan pembiayaan;
- (b) membangunkan rangkaian kepimpinan wanita; dan
- (c) mengenal pasti amalan terbaik yang berkaitan dengan tempat kerja yang fleksibel.

### **Artikel 23.5: Pendidikan, Sains dan Teknologi, Penyelidikan dan Inovasi**

Negara-negara TPP mengiktiraf bahawa penggalakan dan pembangunan pendidikan, sains dan teknologi, penyelidikan dan inovasi boleh memainkan peranan penting dalam memacu pertumbuhan, meningkatkan daya saing, mewujudkan peluang pekerjaan, dan mengembangkan perdagangan dan pelaburan di antara Negara-negara TPP.

Negara-negara TPP juga menyedari bahawa dasar-dasar yang berkaitan dengan pendidikan, sains dan teknologi, penyelidikan dan inovasi boleh membantu Negara-negara TPP memaksimumkan manfaat yang diperoleh daripada Perjanjian ini. Oleh itu, Negara-negara TPP boleh menggalakkan merangka dasar-dasar dalam bidang-bidang yang mengambil kira perdagangan peluang-peluang pelaburan yang wujud daripada Perjanjian ini, dalam usaha untuk meningkatkan lagi manfaat tersebut. Dasar-dasar tersebut boleh merangkumi inisiatif dengan sektor swasta, termasuk yang bertujuan untuk membangunkan kepakaran dan kemahiran pengurusan, dan meningkatkan keupayaan perusahaan untuk mengeluarkan produk yang berinovasi dan lebih berdaya saing serta untuk memulakan perniagaan.

### **Artikel 23.6: Aktiviti yang dijalankan Secara Bersama untuk Pembangunan**

Negara-negara TPP mengiktiraf bahawa aktiviti yang dijalankan secara bersama antara Negara-negara TPP untuk memaksimumkan manfaat pembangunan yang diperoleh

daripada Perjanjian ini boleh mengukuhkan strategi pembangunan negara, termasuk di mana sesuai, melalui program secara dua hala dengan rakan TPP, syarikat swasta, institusi akademik dan pertubuhan bukan kerajaan.

Sekiranya dipersetujui, dua atau lebih Negara TPP hendaklah berusaha untuk memudahkan aktiviti secara bersama antara kerajaan yang berkaitan, swasta dan institusi pelbagai hala supaya manfaat yang diperolehi daripada Perjanjian ini mungkin lebih berkesan dalam memajukan matlamat pembangunan setiap Negara TPP. Aktiviti-aktiviti ini bersama boleh merangkumi:

- (a) perbincangan di antara Negara-negara TPP untuk menggalakkan, di mana sesuai, penyelarasan bantuan untuk pembangunan dan program kewangan Negara-negara TPP dengan keutamaan kepada pembangunan negara;
- (b) menimbang cara-cara untuk mengembangkan penglibatan dalam bidang sains, teknologi dan penyelidikan untuk memupuk penggunaan inovatif sains dan teknologi, menggalakkan pembangunan dan membina kapasiti;
- (c) memudahkan perkongsian di antara sektor awam dan swasta yang membolehkan perusahaan swasta termasuk PKS dengan kepakaran mereka untuk bekerjasama dengan agensi-agensinya kerajaan dalam menyokong matlamat pembangunan; dan
- (d) penglibatan sektor swasta, termasuk pertubuhan-pertubuhan amal dan perniagaan, dan organisasi bukan kerajaan dalam aktiviti-aktiviti untuk menyokong pembangunan.

### **Artikel 23.7: Jawatankuasa mengenai Pembangunan**

Negara-negara TPP dengan ini menubuhkan Jawatankuasa Pembangunan (Jawatankuasa), yang terdiri daripada wakil-wakil kerajaan setiap Negara TPP.

2. Jawatankuasa hendaklah:

- (a) memudahkan pertukaran maklumat mengenai pengalaman Negara TPP mengenai penggubalan dan pelaksanaan dasar-dasar negara yang bertujuan untuk memperoleh manfaat sebanyak mungkin dari Perjanjian ini;
- (b) memudahkan pertukaran maklumat mengenai pengalaman dan pembelajaran Negara-negara TPP melalui aktiviti-aktiviti pembangunan yang dilaksanakan secara bersama di bawah Artikel 23.6 (Aktiviti yang dijalankan Secara Bersama untuk Pembangunan);
- (c) membincangkan apa-apa cadangan untuk aktiviti pembangunan secara bersama di masa hadapan bagi menyokong dasar-dasar pembangunan yang berkaitan dengan perdagangan dan pelaburan;
- (d) menjemput, berdasarkan kesesuaian, institusi penyumbang antarabangsa, entiti sektor swasta, pertubuhan bukan kerajaan atau institusi lain yang berkaitan untuk membantu dalam pembangunan dan pelaksanaan aktiviti-aktiviti pembangunan secara bersama;
- (e) menjalankan fungsi lain yang diputuskan oleh Negara-negara TPP dengan memaksimumkan manfaat pembangunan yang diperolehi daripada Perjanjian ini; dan
- (f) mempertimbangkan isu-isu yang berkaitan dengan pelaksanaan dan pengendalian Bab ini, dengan hasrat untuk mempertimbangkan cara-cara Bab ini boleh meningkatkan manfaat pembangunan Perjanjian ini.

3. Jawatankuasa ini akan bermesyuarat dalam tempoh satu tahun dari tarikh Perjanjian ini mula berkuat kuasa, dan sekiranya perlu selepas itu.

4. Dalam menjalankan fungsinya, Jawatankuasa boleh bekerjasama dengan jawatankuasa lain, kumpulan kerja dan mana-mana kumpulan lain yang ditubuhkan di bawah Perjanjian ini.

#### **Artikel 23. 8: Hubungan dengan Bab Lain**

Sekiranya terdapat sebarang percanggahan di antara Bab ini dan Bab lain Perjanjian ini, Bab lain mengatasi setakat mana ketidakselarasan tersebut.

#### **Artikel 23.9: Bab ini tidak Tertakluk kepada Penyelesaian Pertikaian**

Peruntukan berkenaan penyelesaian pertikaian tidak terpakai kepada bab ini.

## **BAB 24 PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA**

### **Artikel 24.1: Perkongsian Maklumat**

1. Setiap negara TPP perlu menubuhkan atau menyenggarakan laman web sendiri yang boleh dicapai oleh orang awam yang mengandungi maklumat mengenai Perjanjian ini, termasuk:

- (a) teks Perjanjian ini, termasuk semua lampiran, jadual tarif dan peraturan tempasal bagi semua produk;
- (b) ringkasan Perjanjian ini; dan
- (c) maklumat khusus mengenai Perusahaan Kecil dan Sederhana yang mengandungi:
  - (i) penerangan mengenai peruntukan di dalam Perjanjian yang dianggap relevan kepada PKS; dan
  - (ii) maklumat tambahan yang difikirkan berguna kepada PKS yang berminat untuk mendapat manfaat daripada peluang yang disediakan oleh Perjanjian ini.

2. Setiap negara TPP hendaklah memasukkan dalam laman web pautan bagi:

- (a) laman web yang sama dengan negara-negara TPP lain; dan
- (b) laman web agensi-agensi kerajaan dan entiti lain yang sesuai yang menyediakan maklumat yang difikirkan berguna kepada mana-mana orang yang mempunyai minat dalam perdagangan, pelaburan, atau menjalankan perniagaan di negara TPP berkenaan.

3. Tertakluk kepada undang-undang dan peraturan-peraturan setiap negara TPP, maklumat yang dinyatakan dalam perenggan 2 (b) meliputi:

- (a) peraturan-peraturan dan prosedur kastam;
- (b) peraturan-peraturan dan prosedur yang berkaitan dengan hak harta intelek;
- (c) peraturan-peraturan teknikal, piawaian dan langkah-langkah sanitari dan fitosanitasi yang berkaitan dengan pengimportan dan pengeksporan;
- (d) peraturan-peraturan pelaburan asing;
- (e) prosedur pendaftaran perniagaan;
- (f) peraturan-peraturan pekerjaan; dan
- (g) maklumat cukai.

Jika boleh, setiap negara TPP hendaklah berusaha untuk mengadakan maklumat dalam bahasa Inggeris.

4. Tiap-tiap negara TPP hendaklah sentiasa mengemas kini maklumat dan pautan di laman web yang dinyatakan dalam perenggan 1 dan 2 untuk memastikan bahawa maklumat dan pautan tersebut adalah kemas kini dan tepat.

#### **Artikel 24.2: Jawatankuasa bagi PKS**

Negara-negara TPP dengan ini menubuhkan Jawatankuasa bagi PKS, yang terdiri daripada wakil-wakil kerajaan setiap Negara TPP.

2. Jawatankuasa hendaklah:

- (a) mengenal pasti cara-cara untuk membantu PKS di negara-negara TPP supaya mereka dapat memanfaatkan peluang-peluang perdagangan di bawah Perjanjian ini;
- (b) bertukar pandangan dan membincangkan pengalaman serta amalan terbaik negara-negara TPP dalam menyokong dan membantu pengeksport PKS berkenaan antara lain, melalui program latihan, pendidikan perdagangan, pembiayaan perdagangan, mengenal pasti rakan kongsi komersial di negara TPP yang lain, dan mewujudkan kelayakan perniagaan yang baik;
- (c) membangun dan mempromosikan seminar, bengkel atau aktiviti-aktiviti lain untuk memaklumkan PKS mengenai manfaat yang disediakan untuk mereka di bawah Perjanjian ini;
- (d) meneroka peluang bagi bina upaya untuk membantu negara-negara TPP dalam membangunkan dan meningkatkan kaunseling untuk eksport serta bantuan dan program latihan PKS;
- (e) mengesyorkan maklumat tambahan yang boleh dimasukkan oleh negara TPP di laman web yang disebut dalam Perkara 24.1 (Perkongsian Maklumat);
- (f) mengkaji semula dan menyelaraskan program kerja Jawatankuasa dengan jawatankuasa, kumpulan kerja dan mana-mana kumpulan yang lain yang ditubuhkan di bawah Perjanjian ini, dan juga badan-badan antarabangsa lain yang berkaitan, supaya program-program kerja tidak bertindih dan untuk mengenal pasti peluang kerjasama yang sesuai dalam meningkatkan keupayaan PKS untuk melibatkan diri dalam peluang-peluang perdagangan dan pelaburan yang disediakan di bawah Perjanjian ini;

- (g) memudahkan pembangunan program-program untuk membantu PKS menyertai rantai bekalan global secara berkesan;
  - (h) pertukaran maklumat untuk membantu dalam memantau pelaksanaan Perjanjian ini memandangkan ianya berkaitan dengan PKS;
  - (i) mengemukakan laporan mengenai aktiviti-aktivitinya secara teratur dan membuat syor yang sesuai kepada Suruhanjaya; dan
  - (j) menimbangkan perkara-perkara lain yang berkaitan dengan PKS memandangkan Jawatankuasa boleh membuat keputusan mengenai apa-apa isu yang dibangkitkan oleh PKS mengenai keupayaan mereka untuk mendapat manfaat daripada Perjanjian ini.
3. Jawatankuasa ini akan bermesyuarat dalam tempoh satu tahun dari tarikh Perjanjian ini berkuat kuasa, dan sekiranya perlu selepas itu.
4. Jawatankuasa boleh bekerjasama dengan pakar-pakar yang sesuai dan organisasi penyumbang antarabangsa dalam melaksanakan program dan aktivitinya.

**Artikel 24.3: Bab ini tidak Tertakluk kepada Penyelesaian Pertikaian**

Peruntukan berkenaan penyelesaian pertikaian tidak terpakai kepada bab ini.



## BAB 25 KESEPADUAN PERATURAN

### Artikel 25.1: Definisi

Skop perjanjian TPP mengenai langkah peraturan (*covered regulatory measure*) ditentukan oleh setiap ahli TPP seperti termaktub di bawah Artikel 25.3.

Langkah peraturan (*regulatory measure*) merupakan langkah yang terpakai secara am berkaitan perkara yang diliputi di bawah perjanjian TPP yang diterima pakai oleh agensi kawal-selia di mana pematuhannya adalah wajib.

### Artikel 25.2: Peruntukan Am

Bagi maksud Bab 25 ini, kesepaduan peraturan merujuk kepada amalan kawal selia yang baik (*good regulatory practices* atau GRP) dalam proses merancang, mereka bentuk, mengeluarkan, melaksanakan dan menilai semula langkah pengawalseliaan.

Ini bertujuan mempermudah pencapaian objektif-objektif dasar negara ahli TPP dalam usaha kerajaan untuk mengukuhkan kerjasama dalam bidang peraturan dan memenuhi objektif tersebut di samping mempromosikan perdagangan dan pelaburan antarabangsa, pertumbuhan ekonomi dan pekerjaan.

TPP juga menekankan kepentingan: (i) mengukuhkan dan mengekalkan faedah perjanjian melalui kerjasama dalam bidang peraturan (khususnya aspek fasilitasi peningkatan perdagangan barangan dan perkhidmatan serta peningkatan pelaburan antara ahli); (ii) hak kedaulatan setiap ahli untuk mengenal pasti keutamaan peraturannya serta menetapkan dan melaksanakan langkah-langkah peraturan bagi menangani keutamaan tersebut, iaitu pada tahap dan peringkat yang bersesuaian dengan keperluan ahli; (iii) peranan peraturan dalam mencapai objektif dasar awam; (iv) mengambil kira input daripada pihak berkepentingan dalam proses pembangunan

langkah peraturan tersebut; dan (v) membangunkan kerjasama dan bina upaya di kalangan ahli TPP dalam bidang peraturan.

### **Artikel 25.3: Skop Langkah-Langkah Peraturan yang Diliputi**

Dalam tempoh segera atau tidak melebihi setahun daripada tarikh kuat kuasa perjanjian TPP, setiap ahli TPP hendaklah menentukan dan mewar-warkan kepada umum tentang skop langkah-langkah peraturan yang diliputi di bawah TPP dengan segera atau tidak lewat daripada satu tahun selepas tarikh Perjanjian ini berkuat kuasa.

Dalam menentukan skop langkah-langkah pengawalseliaan yang diliputi oleh TPP, setiap negara ahli perlulah menyasarkan untuk mencapai liputan yang signifikan.

### **Artikel 25.4: Mekanisme atau Proses Penyelarasan dan Penilaian Semula**

Ahli-ahli TPP mengiktiraf bahawa kesepaduan peraturan boleh dipermudahkan melalui mekanisme domestik yang meningkatkan penyelarasan dan konsultasi inter-agensi yang terlibat dengan proses-proses pembangunan langkah peraturan.

Setiap ahli juga hendaklah berusaha memastikan proses-proses atau mekanisme-mekanisme diwujudkan dalam negara bagi mempermudah koordinasi dan kajian semula yang efektif di peringkat inter-agensi bagi langkah-langkah peraturan yang diliputi di bawah TPP. Satu badan penyelarasan pusat atau kebangsaan perlu ditubuhkan bagi tujuan ini.

Proses atau mekanisme tersebut mungkin berbeza di antara ahli-ahli berdasarkan keadaan masing-masing, termasuklah perbezaan tahap pembangunan, dan struktur institusi dan politikal. Walau bagaimanapun, setiap ahli secara amnya haruslah memiliki kebolehan untuk: (i) meneliti semula langkah peraturan yang diliputi oleh TPP bagi menetapkan sejauh mana pembangunan langkah-langkah sedemikian menetapi kriteria GRP, dan mengesyorkan cadangan berdasarkan kajian semula tersebut; (ii)

mengukuhkan konsultasi dan koordinasi di kalangan agensi domestik bagi mengenal pasti bidang-bidang yang berkemungkinan bertindan dan berulang di antara mereka, serta mengelakkan penciptaan keperluan-keperluan yang tidak konsisten merentasi agensi; (iii) membuat syor cadangan bagi penambahbaikan sistemik peraturan; dan (iv) mengadakan laporan awam mengenai langkah peraturan yang dikaji semula, sebarang cadangan penambahbaikan sistemik peraturan dan sebarang pengemaskinian tentang perubahan proses atau mekanisme berkaitan.

Setiap ahli TPP secara amnya hendaklah mengeluarkan dokumen-dokumen yang menggambarkan proses atau mekanisme tersebut dan menyediakannya kepada pihak awam.

#### **Artikel 25.5: Pelaksanaan GRP Teras**

Bagi membantu ahli TPP dalam mereka langkah yang paling baik untuk mencapai objektif mereka, setiap ahli secara amnya haruslah menggalakkan agensi kawal-selia yang berkaitan untuk mengadakan penilaian impak peraturan (*regulatory impact assessments* atau RIA) semasa membangunkan langkah peraturan yang diliputi oleh TPP yang melangkaui had nilai impak ekonomi, atau impak lain yang berkaitan. RIA boleh merangkumi pelbagai prosedur untuk menentukan impak-impak yang berkemungkinan.

Meskipun dengan mengiktiraf perbezaan ahli-ahli TPP daripada segi institusi, sosial, budaya, perundangan dan pembangunan, RIA yang dilaksanakan oleh ahli TPP sewajarnya: (i) menilai keperluan sesebuah cadangan peraturan termasuklah gambaran sifat dan kepentingan sesuatu masalah; (ii) memeriksa alternatif-alternatif yang berkemungkinan, termasuklah kos dan faedah setiap satu seperti risiko yang terlibat dan impak distributif; (iii) menjelaskan asas-asas yang digunakan bagi memuktamadkan bahawa sesuatu alternatif dapat mencapai objektif dasar dalam cara yang efisien, termasuklah daripada segi kos dan faedah serta potensi pengurusan risiko; dan (iv) bergantung kepada maklumat terbaik yang boleh diperolehi yang munasabah

termasuklah maklumat saintifik, teknikal, ekonomi atau lain-lain – yang dapat diperoleh dalam lingkungan sempadan bidang kuasa, mandat dan sumber agensi kawal-selia yang terlibat.

Pelaksanaan RIA tentang cadangan peraturan juga hendaklah mengambil kira potensi impak ke atas SME.

Langkah-langkah peraturan baru haruslah ditulis secara jelas dan mudah, padat, teratur dan mudah difahami. Sesetengah cadangan memerlukan pakar tertentu bagi menangani isu teknikal.

Agensi kawal-selia pula hendaklah memastikan orang awam dapat mengakses maklumat mengenai peraturan baru tersebut, termasuklah melalui kaedah *online*.

Kajian semula secara berkala ke atas langkah peraturan yang diliputi di bawah TPP perlu dijalankan bagi menentukan sama ada langkah peraturan spesifik yang dilaksanakan tersebut perlu diubah, diselaraskan, diperluaskan atau dimansuhkan, mengikut keperluan objektif dasar ahli yang lebih efektif.

Setiap ahli dikehendaki mengeluarkan notis awam selama 12 bulan bagi sebarang langkah peraturan yang akan dilaksanakan.

Bagi setiap perancangan langkah peraturan baru atau kajian semula, setiap ahli juga haruslah menggalakkan agar agensi kawal-selia berkaitan mengambil kira contoh langkah peraturan daripada ahli-ahli lain di samping mengambil kira perkembangan di peringkat antarabangsa dan serantau.

### **Artikel 25.6: Jawatankuasa Kesepaduan Peraturan**

Ahli-ahli TPP akan menubuhkan Jawatankuasa Kesepaduan Peraturan yang akan dianggotai oleh wakil dari badan kerajaan negara-negara ahli TPP. Jawatankuasa ini

akan mempertimbangkan isu-isu yang berkait rapat dengan pelaksanaan bab kesepaduan peraturan ini. Antara isu-isu tersebut ialah mengenal pasti bidang keutamaan pada masa akan datang termasuklah inisiatif-inisiatif sektoral dan aktiviti-aktiviti yang melibatkan kerjasama ahli-ahli TPP.

Bagi mengenal pasti bidang keutamaan pada masa hadapan, pihak jawatankuasa perlu mengambil kira akan aktiviti-aktiviti yang melibatkan jawatankuasa, kumpulan kerja serta badan-badan lain yang ditubuhkan di bawah perjanjian TPP, dan menyelaraskan aktiviti masing-masing agar pertindihan aktiviti tidak berlaku.

Pihak jawatankuasa juga perlu memastikan agar usaha kerjasama peraturan ini memberikan manfaat terhadap usaha-usaha yang giat dijalankan dalam bidang-bidang lain yang berkaitan tanpa melemahkan usaha-usaha tersebut. Pihak jawatankuasa juga harus melantik pegawai yang boleh dihubungi (*contact point*) berkenaan isu ini.

Di samping itu, pihak jawatankuasa perlu mengadakan perjumpaan dalam tempoh satu tahun dari tarikh berkuat kuasanya perjanjian TPP. Pihak jawatankuasa juga harus membincangkan aspek-aspek penambahbaikan bagi aspek amalan peraturan terbaik (*good regulatory practices – GRP*) sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh lima tahun dari tarikh termeterainya perjanjian TPP.

### **Artikel 25.7: Kerjasama**

Ahli-ahli TPP perlu bekerjasama dalam mempermudah pelaksanaan bab Kesepaduan Peraturan ini agar dapat memaksimumkan manfaat yang boleh diperoleh daripadanya.

Ahli-ahli TPP juga harus mengambil kira akan kepentingan setiap ahlinya melalui: (i) pertukaran maklumat, dialog dan pertemuan dengan ahli-ahli TPP yang lain; (ii) pertukaran maklumat, dialog dan pertemuan dengan pihak-pihak berkepentingan termasuk perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dari negara-negara ahli yang lain; (iii) program-program latihan, seminar dan aktiviti-aktiviti lain yang berkaitan; (iv) usaha

bagi memperkuat kerjasama antara agensi-agensi kawal-selia dan aktiviti-aktiviti lain yang berkaitan; dan (v) aktiviti-aktiviti lain yang dipersetujui oleh ahli-ahli TPP.

Ahli-ahli TPP bersetuju bahawa kerjasama antara ahli-ahli berkenaan isu kesepaduan peraturan dapat dipertingkatkan jika peraturan bagi setiap negara ahli dapat diakses.

### **Artikel 25.8: Penglibatan dengan Pihak Berkepentingan**

Pihak jawatankuasa perlu menubuhkan satu mekanisme bagi membolehkan pihak-pihak berkepentingan daripada negara-negara ahli untuk mengutarakan idea serta input bagi meningkatkan lagi keselarian dalam kesepaduan peraturan.

### **Artikel 25.9: Notifikasi Pelaksanaan**

Setiap ahli TPP perlu menghantar notis pemberitahuan tentang pelaksanaan kesepaduan peraturan kepada pihak jawatankuasa melalui pegawai yang boleh dihubungi (*contact point*) dalam tempoh dua tahun dari tarikh pelaksanaan perjanjian TPP atau sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh empat tahun. Ini bagi memastikan ketelusan pelaksanaan perjanjian tersebut serta dapat menyumbang kepada program bina upaya.

Setiap ahli TPP perlu menyatakan dan menjelaskan tentang langkah-langkah yang telah diambil dalam notis pemberitahuan tersebut, iaitu bermula dari tarikh pelaksanaan perjanjian bagi negara ahli tersebut, serta menyatakan langkah-langkah yang akan diambil bagi melaksanakan kesepaduan peraturan termasuklah:

- (i) membangunkan proses dan mekanisme dalam mempermudah kerjasama antara agensi-agensi serta ulasan mengenai cadangan pelaksanaan menyeluruh kesepaduan peraturan, selari dengan Artikel 15.3 (*Coordination and Review Processes or Mechanisms*);

- (ii) menggalakkan agensi-agensi pemantau untuk menjalankan penilaian terhadap kesepaduan peraturan, selari dengan Artikel 25.5.2;
- (iii) memastikan pelaksanaan menyeluruh peraturan tersebut dicatat dan boleh diakses, selari dengan Artikel 25.5.4 (*Implementation of Core Good Regulatory practices*) dan Artikel 25.5.5;
- (iv) membuat penilaian tentang pelaksanaan menyeluruh kesepaduan peraturan, selari dengan Artikel 25.6 (*Implementation of Core good regulatory Practices*); dan
- (v) menambah pengetahuan masyarakat tentang perjanjian TPP melalui notis tahunan yang mengandungi pelaksanaan menyeluruh kesepaduan peraturan, selari dengan Artikel 25.7 (*Implementation of Core Regulatory practices*).

Setiap ahli TPP wajar menerangkan tentang langkah-langkah perjanjian tersebut dalam notis pemberitahuan susulan, termasuklah perkara yang terkandung dalam Perenggan 2 iaitu langkah-langkah yang telah dilaksanakan sejak notis pemberitahuan terdahulu serta langkah-langkah yang bakal dilaksanakan bagi menjayakan pelaksanaan kesepaduan peraturan.

Pihak jawatankuasa harus merujuk kepada notis pemberitahuan yang telah diusulkan oleh negara ahli TPP dalam mempertimbangkan isu-isu berbangkit dalam pelaksanaan kesepaduan peraturan. Semasa proses penilaian tersebut, ahli-ahli TPP boleh bertanyakan soalan ataupun membincangkan secara spesifik mengenai aspek notis pemberitahuan yang telah dibuat. Melalui proses penilaian ini, pihak jawatankuasa akan dapat mengenal pasti peluang-peluang kerjasama, selari dengan Artikel 25.7 (*Cooperation*).

### **Artikel 25.10: Hubungan dengan Bab Lain**

Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara kandungan bab 25 dengan bab lain dalam perjanjian TPP, bab lain akan digunapakai untuk bahagian isi kandungan yang mengandungi percanggahan tersebut.

### **Artikel 25.11: Bab ini tidak Tertakluk kepada Penyelesaian Pertikaian**

Tiada ahli TPP berhak untuk mempertikaikan tuntutan penyelesaian di bawah bab 28 (*Dispute Settlement*) bagi sebarang perkara berbangkit di bawah bab 25.



## **BAB 26      KETELUSAN DAN PENCEGAHAN RASUAH**

### **OBJEKTIF**

1. Berlandaskan konsep ketelusan sebagai elemen penting yang akan menarik perdagangan dan pelaburan, peruntukan dalam Bab ini memerlukan Negara TPP, untuk menerbitkan atau memaklumkan langkah-langkah perdagangan yang diambil untuk makluman Negara TPP yang lain. Langkah-langkah ini termasuk undang-undang, peraturan-peraturan, prosedur, syarat-syarat, atau amalan.

2. Peruntukan mengenai Pencegahan Rasuah pula memperuntukkan bahawa Negara-Negara TPP akan mencari penyelesaian untuk menghapuskan rasuah dalam perdagangan dan pelaburan antarabangsa. Skop Seksyen ini adalah terhad kepada langkah-langkah untuk menghapuskan rasuah berhubung dengan perkara yang diliputi oleh Perjanjian ini.

### **SKOP**

3. Bab ini adalah terpakai secara umum untuk keseluruhan perjanjian TPP dan terbahagi kepada tiga bahagian:

- (a) Seksyen A: mengandungi Artikel yang berkaitan dengan definisi terma-terma yang digunakan di bawah Bab ini;
- (b) Seksyen B: mengandungi Artikel yang berkaitan dengan Ketelusan, termasuk peruntukan mengenai penerbitan langkah-langkah sedia ada dan langkah-langkah yang bakal dicadangkan, dalam skop perundangan Negara-Negara TPP; dan

- (c) Seksyen C: mengandungi Artikel yang berkaitan dengan skop dan peruntukan mengenai pencegahan rasuah, termasuk langkah-langkah untuk memerangi rasuah dan pelaksanaan serta penguatkuasaan undang-undang pencegahan rasuah.

## **PERUNTUKAN UTAMA**

### **4. Seksyen B**

#### **Artikel 26.2 : Penerbitan**

Artikel ini memperuntukkan bahawa Negara-Negara TPP hendaklah memastikan bahawa undang-undang, peraturan-peraturan, prosedur, dan peraturan pentadbiran umum diterbitkan pada kadar yang segera atau disiarkan dengan cara yang membolehkan pihak-pihak berkepentingan dan Negara-Negara TPP mempunyai akses terhadapnya.

Apabila memperkenalkan atau meminda undang-undang, peraturan atau prosedur, setiap Negara TPP hendaklah berusaha untuk memberikan suatu tempoh yang munasabah antara tarikh ia disiarkan kepada awam dan tarikh ia mula berkuat kuasa.

#### **Artikel 26.3 : Prosiding pentadbiran:**

Artikel ini memperuntukkan syarat-syarat yang perlu dipatuhi oleh Negara TPP dalam prosiding pentadbiran masing-masing .

Syarat-syarat tersebut termasuk keperluan untuk menyediakan notis apabila prosiding dimulakan, dan bahawa prosedur itu adalah selaras dengan peruntukan undang-undang domestik.

#### **Artikel 26.4 : Semakan dan Rayuan**

Artikel ini memperuntukkan bahawa Negara TPP hendaklah menubuhkan atau mengekalkan tribunal kehakiman, separa kehakiman (*quasi-judicial*) atau secara

pentadbiran atau prosedur bagi tujuan semakan segera dan pembetulan tindakan pentadbiran akhir (*final administrative actions*).

## 5. **Seksyen C : Pencegahan Rasuah**

### **Artikel 26.6 : Skop dan Peruntukan Umum**

Artikel ini menggariskan skop Seksyen C, yang terhad kepada langkah-langkah untuk menghapuskan rasuah berhubung dengan perkara yang diliputi oleh Perjanjian ini.

Antara lain, Artikel ini memperuntukkan bahawa apa-apa kesalahan di bawah Seksyen ini hendaklah didakwa dan dihukum mengikut undang-undang domestik Negara-Negara TPP, dan bahawa Negara-Negara TPP hendaklah menjadi pihak kepada *United Nations Convention Against Corruption* (UNCAC).

Malaysia telah menjadi pihak kepada UNCAC sejak 24 September 2008.

### **Artikel 26.7 : Langkah-langkah untuk memerangi rasuah**

Artikel ini menggariskan jenis-jenis kesalahan yang perlu dijadikan kesalahan jenayah di bawah undang-undang domestik Negara-Negara TPP.

### **Artikel 26.8 : Menggalakkan Integriti di kalangan Pegawai Awam:**

Secara umum, Artikel ini memperuntukkan kewajipan Negara-Negara TPP untuk berusaha menggalakkan integriti, dan tanggungjawab di kalangan pegawai-pegawai awam, dengan mengamalkan langkah-langkah tertentu tertakluk kepada sistem perundangan domestik Negara-Negara TPP.

### **Artikel 26.9 : Pemakaian dan Penguatkuasaan Undang-Undang Pencegahan Rasuah**

Artikel ini menyatakan bahawa Negara-Negara TPP perlu melaksanakan dan menguatkuasakan undang-undang atau langkah-langkah yang diambil di bawah Seksyen C secara efektif.

**Artikel 26.10 : Penyertaan Sektor Swasta dan Masyarakat**

Negara-Negara TPP hendaklah mengambil langkah-langkah sewajarnya untuk menggalakkan penyertaan aktif individu dan kumpulan di luar sektor awam dalam mencegah dan memerangi rasuah.

## **BAB 27      PENTADBIRAN DAN PERUNTUKAN-PERUNTUKAN INSTITUSI**

### **OBJEKTIF**

Bab ini melibatkan pentadbiran keseluruhan hal-hal berkenaan TPP dan mengandungi 7 Artikel mengenai pentadbiran keseluruhan Perjanjian TPP.

### **PERUNTUKAN-PERUNTUKAN UTAMA**

1. Peruntukan utama Bab ini adalah berkenaan penubuhan suatu Suruhanjaya TPP yang akan berfungsi sebagai pentadbir keseluruhan TPP. Sehubungan itu, fungsi-fungsi Suruhanjaya berkenaan turut diperuntukkan dalam bab ini yang antaranya adalah seperti berikut:

- (a) mengkaji semula Perjanjian ini 3 tahun dari tarikh kuat kuasa Perjanjian ini dan setiap 5 tahun selepas itu berdasarkan hubungan ekonomi dan kerjasama antara Negara-Negara TPP;
- (b) mempertimbangkan apa-apa cadangan untuk meminda atau mengubahsuai peruntukan di bawah Perjanjian ini;
- (c) mengawal selia kerja-kerja semua jawatankuasa dan kumpulan kerja yang ditubuhkan di bawah Perjanjian ini;
- (d) menyelesaikan apa-apa perbezaan atau pertikaian dari segi takrifan dan aplikasi Perjanjian ini; dan
- (e) mengeluarkan takrifan bagi peruntukan-peruntukan di bawah Perjanjian ini.

2. Bab ini juga mengenal pasti pusat hubungan/pegawai untuk dihubungi yang relevan bagi Negara-Negara TPP.

## **BAB 28      PENYELESAIAN PERTIKAIAN**

### **OBJEKTIF**

1. Bab ini memperuntukkan prosedur bagi mengelak dan menyelesaikan pertikaian yang timbul berkaitan dengan penafsiran dan pelaksanaan Perjanjian ini, melalui rujukan kepada suatu Panel bebas yang akan ditubuhkan selaras dengan Bab ini.

### **SKOP**

2. Secara umumnya, prosedur penyelesaian pertikaian dalam Bab ini terpakai apabila:

- i. sesuatu Negara TPP telah melanggar kewajipannya di bawah Perjanjian; atau
- (f) sesuatu Negara TPP telah mengambil langkah yang menjejaskan faedah yang dijangka akan diperolehi melalui perjanjian ini, walaupun langkah yang diambil tidak melanggar Perjanjian ini (*non-violation complaints*).

### **PERUNTUKAN UTAMA**

3. Antara peruntukan-peruntukan utama Bab ini adalah:

#### **Rundingan**

Bab ini ada memperuntukkan prosedur untuk pihak-pihak dalam pertikaian untuk berunding sebagai langkah pertama dalam prosedur penyelesaian pertikaian dalam Bab ini. Pihak-pihak dalam pertikaian hendaklah berusaha untuk mencapai penyelesaian yang memuaskan hati kedua-dua belah pihak dalam rundingan ini.

## **Penubuhan Panel**

Sekiranya pihak-pihak dalam pertikaian ini gagal untuk mencapai penyelesaian dalam rundingan tersebut, pihak pengadu boleh memohon supaya suatu Panel ditubuhkan untuk mendengar dan membuat keputusan mengenai pertikaian tersebut.

## **Komposisi Panel**

Bab ini memperuntukkan prosedur khusus untuk menubuhkan Panel tersebut. Panel ini akan terdiri dari 3 orang ahli yang dipilih melalui prosedur yang ditetapkan dalam Artikel ini

## **Kelayakan Ahli Panel**

Terdapat juga peruntukan bagi kelayakan yang perlu dipenuhi oleh seorang ahli Panel. Antara lainnya, seorang ahli Panel hendaklah mempunyai kepakaran dalam undang-undang, perdagangan antarabangsa, perkara-perkara yang diliputi oleh Perjanjian ini atau proses penyelesaian pertikaian perdagangan antarabangsa. Seorang ahli Panel juga hendaklah objektif dan bebas dari pengaruh mana-mana pihak dalam pertikaian.

## **Fungsi Panel**

Secara umumnya, fungsi Panel adalah termasuk menganalisa pertikaian tersebut secara objektif, termasuk fakta-fakta kes dan kepatuhannya dengan terma-terma Perjanjian, dan membuat keputusan yang perlu untuk menyelesaikan pertikaian itu. Panel akan membuat keputusan secara sebulat suara atau secara majoriti. Fungsi-fungsi Panel akan diperincikan dalam Peraturan Prosedur yang akan digubal.

## **Pelaksanaan Laporan Akhir**

Pihak-pihak dalam pertikaian hendaklah melaksanakan laporan akhir Panel dengan memastikan kepatuhan kepada Perjanjian.

## **Kegagalan untuk Melaksanakan Laporan Akhir Panel**

Sekiranya sesuatu pihak gagal untuk melaksanakan laporan akhir Panel, pihak-pihak dalam pertikaian boleh bersetuju agar bayaran dibayar oleh pihak yang didapati



melanggar Perjanjian kepada pihak pengadu. Sekiranya pihak-pihak dalam pertikaian tidak dapat mencapai persetujuan tentang bayaran ganti rugi, pihak pengadu boleh mengambil langkah untuk bertindak balas dengan menggantung konsesi yang telah diberi di bawah Perjanjian ini. Pembayaran ganti rugi dan penggantungan konsesi hanyalah langkah-langkah sementara, dan keutamaan diberi kepada pihak-pihak untuk melaksanakan laporan akhir Panel dengan mematuhi Perjanjian ini. Pembayaran ganti rugi dan penggantungan konsesi hanya boleh dilaksanakan sehingga pihak yang berkenaan menghapuskan ketidakpatuhannya kepada Perjanjian ini.

## **BAB 29      PENGECUALIAN**

### **OBJEKTIF**

1. Bab ini menetapkan pengecualian berkaitan dengan langkah-langkah keselamatan penting, cukai, imbangan pembayaran dalam perdagangan barangan, serta pendedahan maklumat.

### **SKOP**

2. Secara umumnya, Bab ini memasukkan Artikel XX dan XXI Perjanjian Am mengenai Tarif dan Perdagangan (GATT) dan Perjanjian Am Mengenai Perdagangan Perkhidmatan (GATS) Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) yang akan membolehkan Negara-Negara TPP mengenakan langkah-langkah yang dianggap bertentangan dengan peruntukan Perjanjian TPP atas sebab-sebab seperti perlindungan moral masyarakat awam, perlindungan tumbuhan, kesihatan manusia dan haiwan, dan perlindungan khazanah negara yang bernilai seni, sejarah atau arkeologi.

### **PERUNTUKAN UTAMA**

3. Bab ini mengandungi 6 Artikel seperti berikut:

#### **Artikel 1: PENGECUALIAN AWAM**

Artikel ini membolehkan Negara TPP mempunyai keupayaan untuk mengawal selia bagi tujuan kesihatan awam, keselamatan, alam sekitar, moral awam, perlindungan manusia, haiwan atau tumbuhan.

## **Artikel 2: PENGECUALIAN SEKURITI**

Artikel ini membolehkan Negara TPP mengenakan langkah-langkah yang berkaitan dengan kepentingan keselamatan negara.

Terdapat juga peruntukan yang membolehkan Negara TPP untuk menggunakan langkah-langkah yang difikirkan perlu untuk memenuhi obligasinya berkenaan dengan penyenggaraan atau pemulihan keselamatan atau keamanan antarabangsa, atau perlindungan kepentingan keselamatan penting yang tersendiri.

## **Artikel 3: LANGKAH-LANGKAH PERLINDUNGAN SEMENTARA**

Artikel ini memperuntukkan pengecualian untuk mengenal pasti situasi imbalan pembayaran terhadap ekonomi negara mungkin memerlukan penggunaan sekatan untuk memastikan penyenggaraan suatu tahap rizab kewangan yang mencukupi bagi pelaksanaan program pembangunan ekonomi.

Sekatan tersebut hendaklah selaras dengan *Articles of Agreement of the International Monetary Fund* dan hendaklah mengelak kerugian yang tidak perlu kepada kepentingan komersial, ekonomi dan kewangan Negara TPP lain dan kurang menguntungkan daripada mana-mana negara yang tidak menjadi pihak kepada Perjanjian TPP ini.

## **Artikel 4: LANGKAH-LANGKAH PENCUKAIAN**

Secara umumnya Artikel ini memperuntukkan pengecualian kepada Negara-Negara TPP daripada obligasi mereka untuk apa-apa langkah yang diambil selaras dengan mana-mana perjanjian cukai atau langkah-langkah percukaian.

## **Artikel 5: TRITI WAITANGI**

Ini adalah peruntukan khusus di mana tiada apa-apa dalam Perjanjian TPP ini yang boleh menghalang penggunaan langkah-langkah oleh New Zealand yang difikirkannya

perlu untuk memberi layanan yang lebih baik kepada kaum Maori berkenaan dengan perkara yang diliputi oleh Perjanjian ini bagi memenuhi tanggungjawabnya di bawah Tiriti Waitangi.

#### **Artikel 6: PENDEDAHAN MAKLUMAT**

Tiada Negara TPP diperlukan untuk memberikan atau membenarkan akses kepada maklumat, yang mana pendedahannya akan:

- (a) bercanggah dengan undang-undang domestik;
- (b) menghalang penguatkuasaan undang-undang;
- (c) bertentangan dengan kepentingan awam;
- (d) menjejaskan kepentingan komersial yang sah perusahaan tertentu, sama ada awam atau swasta.

#### **ISU BERKENAAN TEMBAKAU**

4. Negara-negara TPP telah bersetuju bahawa hanya mekanisme penyelesaian pertikaian antara pelabur dengan Kerajaan (ISDS) yang tidak akan terpakai kepada suatu pertikaian untuk mencabar langkah-langkah yang dikenakan terhadap tembakau oleh sebuah Negara TPP, jika dipilih sedemikian oleh Negara TPP tersebut.

## **BAB 30 PERUNTUKAN AKHIR**

### **OBJEKTIF**

Bab ini mengandung peruntukan-peruntukan am sebagai penutup kepada TPP.

### **SKOP**

Bab ini mengandung 9 Artikel mengenai peruntukan-peruntukan akhir Perjanjian TPP.

### **PERUNTUKAN-PERUNTUKAN UTAMA**

Peruntukan-peruntukan utama dalam Bab ini termasuk:

#### **Lampiran dan Nota Kaki**

Artikel ini memperuntukkan bahawa lampiran-lampiran dan nota kaki yang dipersetujui antara Negara-Negara TPP akan menjadi sebahagian daripada Perjanjian ini dan mengikat dari segi undang-undang.

#### **Pindaan**

Artikel ini memperuntukkan prosedur bagi apa-apa pindaan terhadap Perjanjian ini dan tarikh di mana pindaan berkenaan akan berkuat kuasa bagi Negara-Negara TPP.

Pindaan terhadap Perjanjian Pertubuhan Perdagangan Sedunia (“WTO”)

Artikel ini memperuntukkan prosedur yang hendaklah dipatuhi oleh Negara-Negara TPP sekiranya terdapat apa-apa pindaan terhadap Perjanjian WTO yang akan memberikan kesan terhadap obligasi Negara-Negara TPP.

## **Penyertaan**

Artikel ini membolehkan penyertaan terhadap TPP oleh pihak-pihak berikut:

- (a) mana-mana negara atau wilayah kastam yang berasingan yang merupakan ahli APEC; dan
  
- (b) mana-mana negara atau wilayah kastam yang berasingan seperti yang dipersetujui oleh negara-negara pihak TPP.

Artikel ini turut memperuntukkan prosedur yang terpakai apabila suatu negara baru membuat permohonan bagi penyertaan dalam TPP.

## **Penarikan Balik**

Artikel ini membenarkan Negara-Negara TPP menarik balik penyertaannya daripada Perjanjian ini melalui notis bertulis kepada Pemegang Simpanan Perjanjian ini dan kepada Negara-Negara TPP lain. Penarikan balik ini akan berkuat kuasa 6 bulan selepas negara berkenaan mengemukakan notis bertulisnya.

## **Pemegang Simpanan (*Depositary*)**

Artikel ini menubuhkan suatu Pemegang Simpanan yang berfungsi sebagai penerima dan tempat simpanan teks asal dan juga sebagai pembekal salinan sah bagi apa-apa dokumen berhubung TPP kepada Negara-Negara pihak TPP. Pihak-pihak telah bersetuju New Zealand akan menjadi Pemegang Simpanan bagi Perjanjian ini.

## **Teks Asal**

Negara-Negara TPP telah bersetuju yang teks asal Perjanjian ini adalah Bahasa Inggeris, Bahasa Sepanyol dan Bahasa Perancis. Sekiranya terdapat apa-apa perbezaan bagi ketiga-tiga teks tersebut, Negara-Negara TPP bersetuju bahawa teks Bahasa Inggeris akan diberikan keutamaan.

## TARIKH KUATKUASA

TPP boleh berkuat kuasa melalui situasi-situasi berikut:

- (a) 60 hari selepas semua Negara-Negara TPP asal telah memaklumkan secara bertulis kepada Pemegang Simpanan TPP bahawa prosedur perundangan yang terpakai bagi menguatkuasakan Perjanjian ini di negara masing-masing telah disempurnakan;
- (b) sekiranya bukan semua Negara-Negara TPP asal telah memaklumkan secara bertulis kepada Pemegang Simpanan bahawa prosedur perundangannya bagi menguatkuasakan Perjanjian ini di negara masing-masing dalam masa 2 tahun, Perjanjian ini akan berkuat kuasa 60 hari daripada tarikh akhir 2 tahun tersebut jika terdapat sekurang-kurangnya 6 Negara TPP yang asal dengan Keluaran Dalam Negara Kasar ("GDP") adalah 85 peratus daripada GDP kesemua Negara-Negara TPP asal bagi tahun 2013, telah memberikan maklum balas yang relevan kepada Pemegang Simpanan TPP;
- (c) sekiranya kedua-dua situasi di atas tidak berlaku, 60 hari selepas sekurang-kurangnya 6 Negara TPP asal yang GDPnya adalah 85 peratus daripada GDP kesemua Negara-Negara TPP asal pada tahun 2013, telah memberikan maklum balas yang relevan kepada Pemegang Simpanan TPP; dan
- (d) apabila Perjanjian ini berkuat kuasa, Negara-Negara TPP asal yang belum lagi menguatkuasakan Perjanjian ini selepas penguatkuasaannya hendaklah mendapatkan persetujuan Suruhanjaya TPP sama ada Perjanjian ini boleh dikuatkuasakan di negara berkenaan di mana keputusan Suruhanjaya TPP berkenaan akan dibuat dalam masa 30 hari daripada tarikh Negara TPP asal berkenaan mengemukakan notis bertulis bahawa prosedur perundangan domestiknya telah pun disempurnakan. Setelah mendapatkan persetujuan

daripada Suruhanjaya TPP, Perjanjian ini akan berkuat kuasa di negara berkenaan 30 hari daripada tarikh keputusan Suruhanjaya tersebut.

5. Bagi situasi di mana terdapat negara yang bukan merupakan Negara TPP asal yang mempunyai niat untuk menyertai TPP, Artikel ini memperuntukkan bahawa proses hendaklah mengambil kira persetujuan dan pandangan Negara-Negara TPP sedia ada.